

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: LESEN CYBERCAFE**

1. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
  - a) Bertanya kepada kerajaan adakah semua pihak berkuasa tempat di Selangor menerima pakai garis panduan yang seragam dalam memberi kelulusan dan lesen *cybercafe*?
  - b) Jikalau ya, apakah garis panduan atau syarat-syarat yang perlu ditepati oleh peniaga-peniaga *cybercafe* sebelum lesen perniagaan dikeluarkan?
  - c) Adakah persetujuan daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) diperlukan?

**JAWAPAN :**

- a) Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah mengguna pakai Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber melalui pekeling yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada 15 Mei 2012. Garis panduan ini merangkumi kaedah pengurusan, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, masa dan kawasan operasi, larangan-larangan serta syarat-syarat am rekabentuk dan rekabentuk Pusat Siber dan Kafe Siber yang perlu dipatuhi oleh pengusaha.
- b) Merujuk kepada Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, antara syarat-syarat yang perlu ditepati oleh peniaga-peniaga kafe siber sebelum lesen dikeluarkan adalah seperti berikut :

Pengurusan

- i. Pemegang lesen hendaklah mengurus Pusat Siber dan Kafe Siber secara professional dan melantik seorang pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
- ii. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil mana-mana warganegara asing untuk bekerja di Pusat Siber dan Kafe Siber
- iii. Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh PBT.

- iv. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja di bawah umur 18 tahun.
- v. Pemegang lesen hendaklah memastikan penggunaan *'firewall'* sebagai *'web filtering'* (penapisan sesawang) untuk menghalang akses kepada laman web lucah, porno, perjudian atau apa-apa laman web atau akses lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- vi. Pemegang lesen hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi.
- vii. Pemegang lesen hendaklah memastikan minima 2 orang pekerja pada setiap masa di premis bagi mengawal aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.
- viii. Pengusaha dilarang mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- ix. Setiap pemohon lesen baru dan pengusaha yang ingin memperbaharui lesen perlu memasang software 'B3 Cafe' (*internet cafe billing management software*) atau sebarang software yang sama yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setiap permohonan perlu disertakan dengan invoice software B3 Cafe atau sebarang software yang sama sebagai dokumen sokongan. (Buat masa ini penggunaan software 'B3 Cafe' dikecualikan sehingga tempoh masa yang dimaklumkan kelak)

#### Aktiviti yang Dibenarkan

- i. Aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyediaan kemudahan komputer untuk tujuan melayari internet, perkhidmatan perisian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dan boleh menyediakan kemudahan jualan makanan dan/atau minuman kepada pelanggannya.
- ii. Aktiviti permainan atas talian (*online game*) atau *'server game'* adalah dibenarkan dengan mematuhi undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia.
- iii. Pemegang lesen Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti tidak bermoral berlaku di Pusat Siber dan Kafe Siber sepanjang masa beroperasi. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti tidak bermoral di dalam premis.

## Masa Operasi

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber hanya boleh beroperasi dari jam 7.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja. Pengusaha yang beroperasi melebihi jam 12 tengah malam hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.
- ii. Pengunjung di bawah umur 12 tahun, dibenarkan mengunjungi Pusat Siber dan Kafe Siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja dengan ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang sah sepanjang masa.

## Kawasan Operasi

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber dibenarkan beroperasi di kawasan berikut :
  - Kompleks Perniagaan;
  - Rumah Kedai/ Kedai Pejabat (Tingkat bawah dan tingkat satu sahaja)
  - Premis binaan sendiri di kawasan Luar Bandar (kelulusan sementara setelah berunding dengan Ahli Majlis).
- ii. Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitive seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut.
- iii. Kuota diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan tinggi terhadap Pusat Siber dan Kafe Siber seperti berikut :
  - Berhampiran Pusat Pengajian Tinggi;
  - Kawasan Pembangunan baru.

## Larangan

- i. Larangan-larangan yang perlu dipatuhi oleh pengunjung Pusat Siber dan Kafe Siber adalah seperti berikut :
  - Menjalankan apa – apa bentuk aktiviti perjudian;
  - Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar atau mencetak, video atau artikel kurang sopan atau lucah dan yang berunsur hasutan;
  - Menjual apa-apa bahan bercetak yang berunsur negative dan lucah;
  - Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (*pipe music*);
  - Pelajar berpakaian seragam sekolah di dalam premis;
  - Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di premis;
  - Merokok di dalam premis;

- Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;
- Melakukan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam premis

Syarat-Syarat Am Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber

- Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda sinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
- Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik.
- Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan 'partition'.
- Papan tanda bersaiz 2' x 2' yang menyatakan larangan-larangan di perenggan 8.1 dan syarat masa operasi diselaraskan dan dipamerkan di pintu masuk hadapan premis.
- Bilangan komputer yang dibenarkan adalah berdasarkan ukuran : tidak kurang 0.8m x 1.5m = 1 unit komputer. Bilangan minima komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber adalah:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN MINIMA KOMPUTER
MBSA	40
MBPJ	40
MPK	40
MPSJ	40
MPAJ	40
MPKj	40
MPS	40 / 20
MPSp	40 / 20
MDKL	20
MDKS	20
MDHS	20
MDSB	20

- Menyeragamkan papan tanda Pusat Siber atau Kafe Siber dengan penggunaan nama 'Pusat Siber Sihat'.
- Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.
- Menyediakan ruang rehat yang mencukupi bagi pelanggan.

- ix. Memastikan keadaan dalam dan persekitaran premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
  - x. Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar hendaklah boleh diakses pada setiap masa semasa waktu beroperasi.
  - xi. Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan perempuan serta hendaklah dalam keadaan bersih sepanjang masa.
  - xii. Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah tertutup sepanjang masa.
- c) Ya. Persetujuan atau surat sokongan daripada Agensi seperti Polis Diraja Malaysia diperlukan untuk dikemukakan semasa permohonan lesen Pusat Siber dan perlu diperbaharui setiap tahun sebelum pembaharuan lesen diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: WIFI PERCUMA**


2. Akses kepada internet akan memberi peluang kepada seluruh rakyat Selangor termasuk di desa, mendapat maklumat tentang usaha-usaha kerajaan negeri dan yang terkini.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah akan dilaksanakan WIFI percuma di seluruh Selangor?
- b) Apakah status WIFI percuma yang telah dilancarkan di DUN Taman Medan tetapi tiada capaian?

**JAWAPAN :**

- a) Sejak Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010. Penggunaannya amat menggalakkan ia bertambah dari masa ke semasa. Penambahan pengguna ini meningkat dengan mendadak apabila kerajaan negeri memperluaskan lagi sebanyak 112 lokasi WiFi di seluruh Negeri Selangor dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Jadual di bawah menunjukkan pertambahan penggunaan WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor



- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Lokasi WiFi mengikut pecahan PBT adalah seperti jadual berikut.

<b>Majlis Bandaraya Shah Alam</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Dataran Shah Alam	<b>N40</b>
2	Kompleks PKNS Shah Alam	<b>N40</b>
3	Seksyen 2 Shah Alam	<b>N40</b>
4	Seksyen 3 Shah Alam	<b>N40</b>
5	Seksyen 9 Shah Alam	<b>N40</b>
6	Dewan Wawasan, Kg Paya Jaras Dalam	<b>N38</b>
7	Medan InfoDesa, Kg Paya Jaras	<b>N38</b>
8	Masjid Al-Azhariah, Jalan Kepau 18/4 Shah Alam	<b>N40</b>
9	Dewan Meranti MBSA, Jalan Cangkul 19/3, Seksyen 19	<b>N41</b>
10	Dewan Merbau MBSA, Seksyen 17B	<b>N41</b>
11	Lot 1658, Jalan Sultan Raja, Batu 3, Kg Jawa, SS 36	<b>N49</b>
12	Medan Selera Sangkang, Seksyen 30	<b>N50</b>
13	Medan Selera Plaza Sri Muda, Seksyen 25	<b>N50</b>

<b>Majlis Bandaraya Petaling Jaya</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Surau Desa Mentari, Petaling Jaya	<b>N32</b>
2	Dewan Orang Ramai PJS 6, Petaling Jaya	<b>N32</b>
3	Dewan MBPJ Jalan PJS4/19, Taman Indah Jaya	<b>N33</b>
4	Surau Pangsapuri Impian Baiduri, PJ Selatan	<b>N33</b>
5	Surau Nur Fatimah, Flat Gasing Indah, Jalan 5/46	<b>N34</b>
6	Surau Othmaniah, Seksyen 8, PJ	<b>N34</b>
7	Bangunan Selera Wawasan, Jalan SS 3/33, Taman Universiti	<b>N35</b>
8	Dewan Seri Setia, Jalan SS9A/1, PJ	<b>N35</b>
9	Ming Tien Food Court, Taman Megah, Petaling Jaya	<b>N36</b>
10	Medan Selera SS2/63	<b>N36</b>
11	Pangsapuri Idaman, Jalan PJU 10/1, Damansara Damai	<b>N37</b>
12	Idaman Corner, Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara	<b>N37</b>
13	Dewan MBSA, Jalan Nova, Seksyen U5, Shah Alam	<b>N39</b>
14	PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang, PJU 1A	<b>N39</b>

<b>Majlis Bandaraya Subang Jaya</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sri Serdang, Taman Puchong Utama	<b>N29</b>
2	Balai Masyarakat Kg Sri Aman, Kg Seri Aman Dalam	<b>N29</b>
3	Pangsapuri Kos Rendah (Ceria), Seksyen 4, Taman Kinrara	<b>N30</b>
4	Pasar Pagi Taman Kinrara, Seksyen 3, Puchong	<b>N30</b>
5	Pangsapuri Kos Rendah Angsana, USJ 1	<b>N31</b>
6	Pangsapuri Kos Rendah SS19, Jalan SS19/17, Subang Jaya	<b>N31</b>

<b>Majlis Perbandaran Selayang</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Pusat Khidmat Rakyat Ahli Majlis Zon 24 Bandar Tasik Puteri	<b>N13</b>
2	Masjid Nurul Yaqin, Kg Melayu Sri Kundang, Rawang	<b>N13</b>
3	Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Selayang, Taman Bersatu	<b>N14</b>
4	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Rawang (Country Homes), Bandar Country Homes	<b>N14</b>
5	Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Selayang, Taman Selayang Jaya	<b>N15</b>
6	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman Templer, Bandar Baru Selayang	<b>N15</b>
7	Pusat Khidmat DUN Batu Caves, Taman Maniah Mulia	<b>N16</b>
8	Balai Penghulu Mukim Batu, Jalan Sungai Tua	<b>N16</b>
9	Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Gombak Setia, Taman Gombak	<b>N17</b>
10	Pejabat PAS Kawasan Gombak, Taman Sri Gombak	<b>N17</b>

<b>Majlis Perbandaran Klang</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Pejabat Pangsapuri Mutiara Bukit Raja 2, Mutiara Bukit Raja 2, Klang	<b>N40</b>
2	Pejabat JKKK Meru, Kg Meru, MPK Jalan Meru Tambahan	<b>N42</b>
3	Ewan Corner, Persimpangan Jalan Haji Salleh dan Jalan Kasim	<b>N42</b>
4	Bilik Gerakan Utama PR Zon Utara, Kampung Tok Muda	<b>N43</b>
5	Pejabat JKKK Kg Tok Muda, Kampung Tok Muda	<b>N43</b>
6	Dewan Serbaguna Taman Berkeley (Taman Eng Ann), Jalan Serindit 10	<b>N44</b>
7	Dewan Sungai Pinang, Majlis Perbandaran Klang	<b>N44</b>
8	Surau Haji Abbas, Kg Delek	<b>N45</b>
9	Transit Az-Zahrah, Telok Gadong Kecil	<b>N45</b>
10	Flat Bandar Armada Putra, Bandar Armada Putra, Pulau Lumut	<b>N46</b>
11	Balai JKKK Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang	<b>N46</b>
12	Pusat Khidmat Pandamaran, Pelabuhan Klang	<b>N47</b>
13	SJK (C) Pandamaran A, Jalan Besar Pandamaran, Klang	<b>N47</b>
14	Medan Selera Selva, Klang	<b>N48</b>
15	Pusat Khidmat DUN Persiaran Raja Muda Musa, Klang	<b>N48</b>
16	Pejabat DUN Seri Andalas, Taman Sri Mewah 4, Klang	<b>N49</b>



<b>Majlis Perbandaran Ampang Jaya</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Bazaar MPAJ Taman Melawati, Pejabat Jawatankuasa Penduduk (JKP), Taman Melawati	<b>N18</b>
2	Pusat Komuniti Rakyat Sri Pangsa AU3/1, Ulu Klang	<b>N18</b>
3	Dewan Kg Melayu Ampang Tambahan, Kawasan Perumahan Kg Melayu Ampang	<b>N19</b>
4	Flat Permai Court 2, Taman Dato Ahmad Razali	<b>N19</b>
5	Pejabat DUN Lembah Jaya, Taman Dagang Jaya	<b>N20</b>
6	Badan Pengurusan Pangsapuri Sri Intan, Taman Sri Intan, Jalan Ampang Indah	<b>N20</b>
7	Surau Ubudiah, Jalan Pandan Indah 3/3B, Pandan Indah	<b>N21</b>
8	Masjid Nurul Hidayah, Jalan H, Kampung Pandan Dalam	<b>N21</b>
9	Dewan Orang Ramai Taman Putra, Taman Putra	<b>N22</b>
10	Pejabat Ahli Majlis Zon 21, Kg Cheras Baru	<b>N22</b>

<b>Majlis Perbandaran Kajang</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Balai Raya Taman Quepacs, Jalan Koop Cuepacs 5A, Taman Cuepacs Fasa 2	<b>N23</b>
2	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Dusun Tua, No 4A Jalan 2/5, Taman Pinggiran Delima, Batu 14	<b>N23</b>
3	Pusat Aktiviti Kg Rinching Hulu	<b>N24</b>
4	Balai Kg Ku Kg Sesapan Batu Minangkabau	<b>N24</b>
5	Pusat Komuniti, Sungai Kantan	<b>N25</b>
6	Pusat Khidmat ADUN Kajang, Kawasan Sungai Chua	<b>N25</b>
7	Pusat Komuniti DUN Bangi, Seksyen 7	<b>N26</b>
8	No 8, Jalan 1/4 , Pusat Khidmat Masyarakat	<b>N26</b>
9	Balai Raya JKKK Kg Sungai Balak, Batu 13, Jalan Cheras	<b>N27</b>
10	Pusat Khidmat Masyarakat Majlis Perwakilan Penduduk Zon 5, Taman Indah	<b>N27</b>
11	Bazaar Rakyat, Jalan SK 6/1	<b>N28</b>
12	Balai Masyarakat, Taman Muhibbah	<b>N28</b>

<b>Majlis Perbandaran Sepang</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Masjid Ar-Raudah, Jalan 1, Kg Hulu Teris	<b>N54</b>
2	Balai Raya Desa Putra	<b>N55</b>
3	Dewan Penduduk Desa Seri Melor, Sungai Merab Luar	<b>N55</b>
4	Pusat Khidmat Masyarakat, Bandar Baru Salak Tinggi	<b>N56</b>
5	Pusat Penjaja Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi	<b>N56</b>

<b>Majlis Daerah Sabak Bernam</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Balai JKKK, Sg Air Tawar, Sg Air Tawat	<b>N01</b>
2	Surau Al-Khairiah, Jalan Kampung Dato' Hormat, Sungai Air Tawar	<b>N01</b>
3	Pekan Batu 39, Taman Perpaduan	<b>N02</b>
4	Balai Rakyat, Taman Berjaja	<b>N02</b>
5	Dewan Binjai Jaya, Kg Kelompok Binjai	<b>N03</b>
6	Balai Raya JKKK, Sungai Panjang	<b>N03</b>
7	Balai Raya Kg Penerangan, Parit 5	<b>N04</b>
8	Dewan Seri Sekinchan, Taman Ria	<b>N04</b>

<b>Majlis Daerah Kuala Selangor</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Dewan Orang Ramai Sungai Selisik, Kg Sekolah Sungai Selisik	<b>N05</b>
2	Dewan Dato' Hormat, Pekan Tanjong Karang	<b>N08</b>
3	Tingkat 1, No 29A, Pusat Bandar Tanjong Karang	<b>N08</b>
4	Medan Selera Darul Maarif Masiman, Simpang 3, Kampung Parit Serong	<b>N09</b>
5	Dewan Mini Bukit Raja, Kg Permatang	<b>N09</b>
6	PKM Taman Paduka, Taman Paduka	<b>N10</b>
7	Perkarangan Masjid Sultan Ibrahim, Jalan Besar	<b>N10</b>
8	Pejabat JKKK Kg Setia	<b>N11</b>
9	Rumah Kedai A77, Jalan Besar	<b>N11</b>
10	Masjid Jamek Pekan Sungai Buloh	<b>N12</b>
11	Pejabat JKKK, Kampung Bukit Kuching Tengah, Jeram	<b>N12</b>

<b>Majlis Daerah Hulu Selangor</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Pusat Khidmat Masyarakat, Balai Raya Kg Hulu Bernam	<b>N05</b>
2	Pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu	<b>N06</b>
3	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kuala Kubu Bharu	<b>N06</b>
4	Apartment Kenangan, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	<b>N07</b>
5	Dataran Sentosa, Bandar Bukit Sentosa, BS1 Batang Kali	<b>N07</b>

<b>Majlis Daerah Kuala Langat</b>		
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>DUN</b>
1	Gerai MDKL, Jalan Sekolah, Taman Sri Medan	<b>N51</b>
2	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat	<b>N51</b>
3	Kampung Sg Sedu, Kg Sungai Sedu	<b>N52</b>
4	Pusat Khidmat Masyarakat Jalan Bunga Pekan	<b>N52</b>
5	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Morib, Jalan Bunga Pekan	<b>N53</b>
6	Pusat Penerangan Majlis Daerah Kuala Langat, Pantai Morib Baru	<b>N53</b>
7	Pusat Khidmat Masyarakat, Jalan Besar, Kg Batu Laut	<b>N54</b>

Bagi menentukan lokasi WiFi oleh Kerajaan Negeri Selangor pemilihan dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan dan kriteria yang diambil kira adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersil atau aktiviti penduduk seperti:

- i) Lobi atau kaunter di premis-premis kerajaan
- ii) Medan-medan selera PBT
- iii) Kawasan riadah / taman awam / dataran awam
- iv) Hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT, komuter
- v) Kawasan institusi pendidikan / pengajian tinggi / kolej
- vi) Premis-premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- vii) Masjid / surau
- viii) Pusat khidmat, balai JKKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai/serbaguna, Pusat Siber Rakyat (PSR)
- ix) Taman perumahan dan kediaman kos rendah dan sederhana rendah
- x) Premis-premis perniagaan, restoran dan kedai-kedai

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : SELANGOR BRAIN BANK**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah bentuk dan ciri-ciri Selangor Brain Bank?
  - b) Apakah bidang-bidang kemahiran yang menjadi tumpuan bagi bank ini?
  - c) Berapakah unjuran peruntukan yang akan disalurkan bagi tempoh 5 tahun?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi menentukan bentuk dan ciri Selangor Brain Bank. Walau bagaimanapun, bagi melahirkan rakyat Selangor yang berpendidikan dan membentuk penjawat awam yang berpengetahuan, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri antaranya ialah:
  - i. Hadiah Pengajian IPT sebanyak RM1,000.00 yang diberikan kepada anak-anak Selangor yang layak yang berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke IPT.
  - ii. Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor tanpa faedah kepada anak-anak Selangor yang layak yang melanjutkan pengajian di IPT di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
  - iii. Program Khas Kakitangan Awam yang memberikan insentif kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Lanjutan Secara Sambilan melalui pembiayaan Tabung Kumpulan Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS).
  - iv. Pelancaran Biasiswa Menteri Besar dengan bond Kerajaan Negeri untuk program-program peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

- v. Selain daripada program–program di atas, Kerajaan Negeri juga dari semasa ke semasa akan memperkenalkan program–program yang dapat meningkatkan kebolehan intelektual dan kemahiran rakyat Selangor bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan dan bermaklumat.
- b) Setakat ini Kerajaan Negeri belum memutuskan bidang–bidang kemahiran yang menjadi tumpuan bank–bank ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Kolej Inспен menawarkan kursus–kursus kemahiran seperti berikut :
- i. Juruteknik Elektronik Industri
  - ii. Juruteknik Sistem Komputer
  - iii. Penolong Juruteknik Sistem Komputer.
  - iv. Dressmaker
  - v. Senior Dress Maker
  - vi. Dressmaker Supervisor.
  - vii. Juruteknik Automotif
  - viii. Juruteknik Kenderaan Bermotor
  - ix. Juruteknik Kanan Kenderaan Bermotor
  - x. Eksekutif Automotif
  - xi. Mechanical Engineering Draughtsman
  - xii. Juruteknik Elektrik
  - xiii. Pendandan Rambut.
  - xiv. Juruteknik Motor
  - xv. Wireman
- c) Setakat ini Kerajaan Negeri belum memutuskan jumlah peruntukan yang akan disalurkan bagi program Selangor Brain Bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : KENAIKAN CAJ PARKIR MBSA**

4. Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA) menaikkan kadar caj parkir kereta dari 40 sen sejam kepada 60 sen sehingga mendapat bantahan Ahli Parlimen Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kenaikan caj ini wajar?
- b) Adakah kerajaan negeri bersetuju dengan bantahan Ahli Parlimen Shah Alam?
- c) Nyatakan kadar caj PBT lain berbanding Shah Alam?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tempat letak kereta di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) diuruskan oleh syarikat konsesi iaitu Suasa Efektif Sdn. Bhd sejak tahun 1998 dan kadar caj tempat letak kereta yang dikenakan adalah 40 sen untuk tempoh sejam.

Berhubung kenaikan caj letak kereta sejam, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ingin menyatakan bahawa cadangan kenaikan ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang turut dihadiri bersama Ahli-Ahli Majlis pada 22hb. Mei 2013. Hasil perbincangan mesyuarat telah bersetuju supaya kadar caj tempat letak kereta sejam dinaikkan sebanyak 20 sen iaitu daripada kadar lama 40 sen kepada 60 sen sejam.

Cadangan menaikkan kadar caj tempat letak kereta dari 40 sen sejam kepada 60 sen sejam adalah diasaskan kepada kos penyelenggaraan tempat letak kereta yang terpaksa ditanggung oleh MBSA seperti kerja-kerja penurapan semula tempat letak kereta, kerja-kerja mengecat petak tempat letak kereta, kerja-kerja pembersihan dan sapuan tempat letak kereta dan kerja-kerja pembaikan lampu di tempat letak kereta yang terpaksa dijalankan oleh MBSA bagi tujuan penyelenggaraan kawasan terlibat yang memerlukan belanja yang besar.

Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani oleh MBSA dan pihak konsesi iaitu Suasa Efektif Sdn Bhd, kadar sewa yang dikenakan ialah RM 15.28 sebulan. Sehingga Jun 2013 sebanyak 16,449 petak telah diserahkan kepada Suasa Efektif Sdn Bhd dengan kutipan sewaan sebanyak RM 251,340.72. Dengan kenaikan daripada 40 sen sejam kepada 60 sen sejam, Suasa Efektif

Sdn Bhd akan dikenakan kadar sewaan sebanyak RM22.92 sebulan dan jumlah sewa yang akan dikutip dari Suasa Efektif Sdn Bhd sebanyak RM377,011.00 sebulan. Jumlah tambahan hasil sebanyak RM125,670.28 sebulan dari kenaikan ini masih belum lagi mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan tempat letak kereta yang dinyatakan di atas.

Usul untuk menaikkan kadar caj tempat letak kereta yang telah dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan ini kemudiannya telah dibawa untuk dibincangkan dan telah diluluskan semasa Mesyuarat Penuh (*Full Board*) yang telah bersidang pada 29hb. Mei 2013.

Ketetapan untuk menaikkan kadar caj tempat letak kereta ini di ambil berdasarkan kadar caj ini telah digunakan sejak 15 tahun lalu dan dalam tempoh tersebut pihak MBSA tidak pernah menaikkan kadar caj tersebut. Kadar caj yang dikenakan ini juga amat rendah dan tidak sesuai dengan keadaan semasa dan status Shah Alam sebagai sebuah bandar raya.

Sekiranya dibuat perbandingan antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor dan juga Majlis Bandaraya lain kadar caj tempat letak kereta di kawasan MBSA antara yang terendah di kalangan PBT di Negeri Selangor dan juga Majlis Bandaraya yang lain. Berikut adalah kadar caj tempat letak kereta yang dikenakan oleh beberapa PBT di Negeri Selangor dan juga Majlis Bandaraya.

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Kadar Sejam (RM)</b>
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	0.40
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0.60
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0.50
4	Majlis Perbandaran Klang	0.50
5	Majlis Perbandaran Selayang	0.50
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0.50
7	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	0.60
8	Majlis Bandaraya Ipoh	0.60
9	Majlis Bandaraya Johor Baharu	0.60

Selain daripada itu, jika dibuat perbandingan kadar caj letak kereta dengan pengurusan tempat letak kereta yang diuruskan oleh pihak swasta di tempat letak kereta awam dan kompleks membeli-belah, kadar caj yang diguna pakai oleh MBSA masih lagi dianggap rendah kerana hasil pemantauan MBSA kadar caj tempat letak kereta sejam yang diuruskan oleh pihak swasta adalah di antara RM1.00 – RM2.50. Berikut adalah perbandingan kadar caj tempat letak yang diuruskan oleh pihak swasta.

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kadar Sejam (RM)</b>
1	Hotel Bluewave	1 jam pertama RM4.00 Jam berikutnya RM3.00 sejam
2	Kompleks PKNS	1 jam pertama RM1.50 Jam berikutnya RM1.00 sejam
3	SACC Mall	1 jam pertama RM1.50 Jam berikutnya RM1.00 sejam
4	Plaza Alam Sentral	1 jam pertama RM1.00 Jam berikutnya RM1.00 sejam
5	Plaza Perangsang	1 jam pertama RM 2.50 Jam berikutnya RM1.50sejam
6	Tempat Letak Kereta Awam Bersebelahan Maybank, Seksyen 14	RM2.50 sekali masuk
7	Tempat Letak Kereta Awam Bersebelahan Wisma PKPS	RM2.00 sekali masuk

- b) Kertas penjelasan kepada MTES telah dibentangkan pada 6/6/2013 (Khamis) yang lepas. Mesyuarat telah memutuskan supaya MBSA menyediakan laporan lengkap berkaitan konsesi pengurusan tempat letak kereta yang diuruskan oleh syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd.
- c) Kadar caj tempat letak kereta Pihak Berkuasa Tempatan berbanding dengan kadar di Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Kadar Sejam (RM)</b>
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	0.40
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0.60
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0.50
4	Majlis Perbandaran Klang	0.50
5	Majlis Perbandaran Selayang	0.50
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0.50
7	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	0.60
8	Majlis Bandaraya Ipoh	0.60
9	Majlis Bandaraya Johor Baharu	0.60



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEGIATAN PENCEROBOHAN TANAH HUTAN SIMPAN**

5. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila huraikan sehingga setakat ini berapakah jumlah kes-kes pencerobohan tanah hutan simpan secara haram yang telah dikenalpasti oleh pihak Kerajaan mengikut susunan daerah ?
  - b) Sila nyatakan apakah punca utama berlakunya pencerobohan sedemikian dan nyatakan apakah peranan pihak Jabatan Perhutanan dalam konteks pemantauan ?
  - c) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh pasukan penguatkuasa untuk membendung kegiatan pencerobohan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Sepanjang tempoh 2013, terdapat empat (4) kes pencerobohan hutan. Keempat-empat kes tersebut melibatkan pelaksanaan aktiviti berikut :
  - 1) Membina struktur/binaan *Gabion wall* dan longkang untuk tujuan penstabilan cerun dan laluan air di HS Ayer Hitam.
  - 2) Membina papan iklan tanpa kebenaran di HS Kota Damasara
  - 3) Memasuki hutan simpan menggunakan *backhoe* untuk tujuan membuang tanah pembinaan dan sampah di HS Kota Damasara.
  - 4) Memasuki hutan simpan menggunakan *excavator* untuk tujuan pertanian di HS Raja Musa.

Dari jumlah tersebut tiga (3) kes di Daerah Hutan Selangor Tengah dan satu (1) kes di Daerah Hulu Selangor dimana kes memasuki hutan simpan bagi tujuan pertanian di HS Raja Musa dengan menggunakan *excavator* telah diselesaikan secara kompoun.

- b) Kebanyakan hutan simpan adalah bersempadan dengan tanah milik dan juga kawasan penempatan. Pada masa ini terdapat 25 pegawai yang bertugas sepenuh masa dalam penguatkuasaan. Pasukan ini dibantu oleh 64 kakitangan lain mengikut keperluan. Apabila mengambil nisbah kakitangan penguatkuasaan berbanding dengan keluasan hutan simpan, bermakna setiap pegawai perlu menjaga lebih kurang 10,000 ha. Justeru itu, adalah agak sukar bagi Jabatan Perhutanan untuk memastikan tiada pencerobohan.

Sementara dari segi peranan Jabatan Perhutanan pula, setiap hutan simpan adalah diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan 1985 dan juga undang-undang hutan yang berkuatkuasa sebelum itu. Enakmen tersebut memperuntukan kuasa kepada Jabatan Perhutanan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Bagi tujuan pemantauan, Jabatan Perhutanan telah menyusun jadual pemantauan secara berkala dan pada masa ini pemantauan ditumpukan disekitar kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai sensitif terhadap pencerobohan. Bagi setiap kes yang dikesan, Jabatan Perhutanan akan menjalankan siasatan dan seterusnya merujuk kepada Timbalan Pendakwa raya untuk tindakan lanjut.

- c) Sebagaimana yang telah dijelaskan nisbah keluasan kawasan hutan dan bilangan kakitangan adalah besar. Justeru itu, adalah agak sukar bagi jabatan untuk memastikan tidak berlaku pencerobohan. Walau bagaimana pun, jabatan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa untuk mencegah kes-kes pencerobohan dan juga kes-kes kesalahan hutan selain dari pencerobohan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : MENAIKTARAF INFRA JALAN TERATAI MERU**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah perancangan menaiktaraf infra jalan, parit di kawasan industri Jalan Teratai Meru?
  - b) Adakah perancangan penempatan semula peniaga-peniaga kecil di kawasan tersebut?
  - c) Bolehkah diwujudkan gerai-gerai berpusat untuk penduduk tempatan?

**JAWAPAN :**

- a) Jalan – dibawah selenggara Jabatan Kerja Raya  
Parit – hanya pembersihan sahaja di bawah selenggaraan Majlis Perbandaran Klang.
- b) Ada. Walaubagaimanapun perancangan penempatan semula peniaga-peniaga kecil masih dalam perbincangan dalam peringkat perancangan.
- c) Gerai-gerai berpusat untuk penduduk tempatan boleh diwujudkan sekiranya ada lokasi yang sesuai dan kekosongan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: MASALAH TANAH MENDAP DI KAWASAN PERUMAHAN  
JALAN PLUMBUM SEKSYEN 7 SHAH ALAM.**

7. Masalah tanah mendap di kawasan perumahan Jalan Plumbum Seksyen 7 Shah Alam telah berlarutan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan- tindakan yang telah diambil oleh pihak PKNS untuk menyelesaikan masalah ini?
- b) Berapa ramai penghuni rumah yang mengalami masalah mendapan bersetuju untuk berpindah?
- c) Berapa lama lagi masalah ini dapat diselesaikan?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi menyelesaikan masalah tanah mendap yang menyeluruh di kawasan perumahan Jalan Plumbum, Seksyen 7 Shah Alam ialah:
  - i) PKNS telah melantik perunding pakar (geoteknikal) iaitu SCG Consultants Sdn Bhd bagi menjalankan ujian dan siasatan terhadap punca mendapan tanah yang menyebabkan kerosakan struktur bangunan bermula Jun 2012 sehingga Februari 2013. PKNS juga melantik perunding Mohd Asbi Associated Sdn Bhd sebagai "check consultant" untuk memberi pandangan alternatif terhadap kajian yang telah dijalankan oleh SCG Consultants Sdn Bhd.
  - ii) Rundingan telah dibuat bersama MBSA, penduduk-penduduk terlibat serta para perunding yang dilantik untuk menyelaras semua tindakan yang sewajarnya diambil termasuk cadangan untuk pemindahan penduduk dari kediaman masing-masing.
  - iii) Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNS pada 25 Februari 2013 telah mencadangkan pembelian semula kesemua 48 unit yang terlibat dan mensyaratkan semua penduduk hendaklah bersetuju untuk menjual unit masing-masing. Sehubungan dengan itu, PKNS telah melantik tiga (3) jurunilai harta iaitu JPPH, Wan Malek dan IPC untuk menilai harga setiap unit rumah berdasarkan harga pasaran semasa.

- b) Setakat rekod yang diterima sehingga 11 Jun 2013, sebanyak 12 buah rumah daripada jumlah keseluruhan 48 buah rumah yang terlibat bersetuju berpindah dari rumah masing-masing secara berperingkat.
  
- c) PKNS menjangkakan masalah ini dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan lagi kerana ia melibatkan proses rundingan mengenai cadangan harga pembelian semula rumah bersama penduduk dan proses dokumentasi jualbeli. Walaubagaimanapun, tempoh ini adalah bergantung kepada persetujuan keseluruhan 48 unit yang terlibat. PKNS telah mengeluarkan surat niat untuk membeli rumah kepada penduduk pada 25 Jun 2013 dan surat tawaran rasmi pembelian hanya akan dikeluarkan setelah kesemua 48 pemilik unit perumahan di Jalan Plumbun, Seksyen 7 bersetuju menjual rumah mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PENURUNAN HARGA PADI**

8. Industri pertanian di Selangor terutama penanam padi berhadapan dengan kerugian ekoran penurunan harga padi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mengatasi masalah penurunan harga padi?
- b) Apakah rancangan jangka masa panjang kerajaan negeri bagi menstrukturkan pelan untuk menjamin kebajikan para pengusaha padi.

**JAWAPAN:**

- a) Inisiatif kerajaan negeri untuk mengatasi jika berlaku pengurangan harga padi adalah dengan pendekatan mengurangkan kos operasi penanaman padi. Pendekatan baru meningkatkan hasil padi adalah penanaman padi menggunakan kaedah SRI (System Rice Intensification) di mana kaedah mengaplikasikan penanaman secara Natural Farming dan kaedah ini dijangka dapat meningkatkan penghasilan padi beririgasi dengan mengubah pengurusan pokok, tanah, air dan nutrisi. Kaedah SRI ini juga dapat menjamin keseimbangan agro ekosistem, kualiti tanah dan memelihara alam sekitar.

Selain itu kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan. Ini memberi impak positif kepada pendapatan pesawah apabila kos dapat dikurangkan hampir separuh daripada kos asal. Oleh itu, walaupun harga padi menurun, petani masih dapat menjana pendapatan kerana kos yang rendah. Kaedah ini sudah mula diamalkan oleh beberapa petani di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dan kini semakin ramai yang mengamalkannya.

b) Rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil padi Negeri Selangor adalah melalui Program Meningkatkan hasil Padi Negeri Selangor di mana melalui program ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak:

- RM 3.01 juta pada tahun 2009,
- RM4.93 juta pada tahun 2010,
- RM3.05 juta pada tahun 2011,
- RM3.24 juta pada tahun 2012,
- dan RM3.24 juta pada tahun 2013 bagi projek meningkatkan hasil padi di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013).

Matlamat ditetapkan ialah:

- I. Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim
- II. Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah kepada melebihi RM1,500.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: LALUAN BAGI PENCAWANG ELEKTRIK TNB DAN LEBUH RAYA  
SUKÉ YANG MELALUI KAWASAN CHERAS HARTAMAS**

9. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah Laluan bagi pencawang elektrik TNB dan lebuhraya SUKE yang melalui kawasan Cheras Hartamas?
  - b) Adakah Kerajaan Negeri telah bersetuju dan luluskan cadangan laluan pada perkara (a)?

**JAWAPAN :**

- a) Ya. Laluan bagi pencawang elektrik PMU Mahkota Cheras dan lebuhraya SUKE akan melalui kawasan Cheras Hartamas.
- b) Ya.

**PMU Mahkota Cheras**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 39/2011 yang bersidang pada 21 Disember 2011 telah menimbang dan bersetuju supaya meneruskan pembinaan laluan Projek Penghantaran Elektrik 275kv TNB dari Cheras Hartamas ke Pencawang Masuk Utama (PMU) Mahkota Cheras dengan syarat pihak TNB mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh IKRAM.

Kerajaan Negeri turut meminta pihak TNB melantik IKRAM sebagai agensi perunding kejuruteraan dan pemantau bagi pembinaan menara transmisi ini.

**Lebuhraya SUKE**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 15/2012 yang bersidang pada 26 April 2012 telah menimbang dan bersetuju agar memasukkan jajaran lebuhraya SUKE dimasukkan ke dalam Pelan Rancangan Tempatan MPAJ dan MPKj. Untuk itu, pendengaran awam akan diadakan dan dipengerusikan oleh Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PROJEK NAIK TARAF JALAN RAWANG TOL KE BANDAR  
TASIK PUTRI (B 27)**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Projek Naik Taraf Jalan Rawang Tol ke Bandar Tasik Puteri (B27)
  - b) Bilakah projek ini akan dimulakan dan dijangka siap serta jumlah jarak yang akan dinaiktarafkan..

**JAWAPAN:**

- a) Panjang jalan B27 di antara Tol ke Bandar Tasik Puteri ialah 4.5 km dan skop kerja yang terlibat ialah menaiktaraf jalan kepada dua lorong dua hala dan pembinaan tersebut merintangi Lebuhraya Utara-Selatan dengan jumlah siling yang diluluskan adalah RM30 juta. Selain itu, bagi kerja menaiktaraf laluan ini juga, JKR Selangor telah mensyaratkan kerja menaiktaraf jalan kepada pemaju-pemaju yang terbabit dengan pembangunan di kawasan ini kerana ianya akan menyumbang kepada pertambahan isipadu trafik yang tinggi kepada laluan ini.
- b)
  - i. Untuk makluman, pelaksanaan projek ini di bahagikan kepada tiga pakej. Pakej I, menaiktaraf jalan sepanjang 1.8 km telah pun bermula pada 15 Mac 2013 dan di jangka siap pada 15 Januari 2015
  - ii. Pakej II, Membina jambatan di atas Lebuhraya Utara Selatan sepanjang 1.5 km dan di jangka mula pembinaan pada November 2013 dan di jangka siap pada November 2015.
  - iii. Pakej III, Menaiktaraf jalan sepanjang 1.2 km di jangka dimulakan pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: PIHAK BERKUASA TEMPATAN (UMUM)**

11. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sepanjang tahun 2008-2013 apakah pernah dibuat kajian menyeluruh, bebas dan signifikan tentang tahap kepuasan pelanggan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan jika ada, apakah hasilnya?
- b) Bagaimanakah bentuk reformasi pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dibuat oleh kerajaan bagi memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan bersifat 'customer centric'?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2008-2013 belum pernah membuat kajian menyeluruh, bebas dan signifikan tentang tahap kepuasan pelanggan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Walaubagaimanapun, setiap PBT telah melaksanakan kajian tahap kepuasan pelanggan masing-masing dengan mengedarkan borang soal selidik. Hasil daripada kajian kepuasan pelanggan tersebut akan diteliti untuk mengenalpasti sejauh mana tahap prestasi perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan dapat ditambahbaik dan seterusnya diperbaiki.

Selain daripada itu melalui penilaian Star Rating PBT (SSR-PBT) oleh pihak KPKT secara tidak langsung telah menilai PBT menggunakan 352 indikator penilaian yang dibangunkan berdasarkan 4 bidang utama iaitu pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk (penglibatan Komuniti dan pandangan Penduduk – Borang Soal Selidik). Secara tidak langsung melalui penilaian SSR-PBT ini tahap kepuasan pelanggan di PBT dapat dinilai secara menyeluruh dan bebas.

- b) Reformasi pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dibuat oleh kerajaan bagi memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan bersifat 'customer centric' ialah melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah menyediakan Pelan Tindakan 5 Tahun Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan (Rangka Pertama).

Perkara-perkara yang akan diberi perhatian ke arah Pihak Berkuasa Tempatan bersifat 'customer centric' ialah dimulai dengan membina imej positif Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri akan memastikan masyarakat mengenali Datuk Bandar/Yang DiPertua serta barisan Pengarah Jabatan di kawasan Majlis masing-masing melalui paparan billboard di lokasi yang strategik. Melalui paparan billboard berkenaan turut mengandungi maklumat penting seperti

nombor hotline, alamat laman web Majlis, alamat facebook, alamat twitter serta alamat Majlis. Cara ini diyakini dapat membantu masyarakat menyalurkan sebarang bentuk aduan ke pihak Majlis dengan menggunakan pelbagai kaedah yang disediakan. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan digalakkan untuk mengadakan Perjumpaan Bulanan Bersama Pembayar Cukai. Perjumpaan ini bertujuan untuk menerima aduan dan bertukar-tukar pandangan di dalam menyelesaikan sesuatu masalah setempat.

Perkara lain yang akan diberi penumpuan adalah menumpukan kepada tugas asas Pihak Berkuasa Tempatan iaitu dengan menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (Pantas) di Majlis Bandaraya dan Perbandaran. Penubuhan pasukan ini mampu untuk bertindak dengan segera menghadapi bencana contohnya banjir, tanah runtuh dan lain-lain.

Kerajaan Negeri turut merangka tindakan untuk mendemokrasikan Pihak Berkuasa Tempatan. Salah satu rangka kerja yang akan dilaksanakan ialah Siaran Secara Langsung Mesyuarat Bulanan Majlis bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran. Kaedah ini memberi kemudahan kepada pembayar cukai untuk menyertai Mesyuarat Bulanan Majlis melalui Siaran Secara Langsung di laman web Pihak Berkuasa Tempatan. Rangka kerja seterusnya ialah semua Pihak Berkuasa Tempatan diminta untuk memaparkan minit Mesyuarat Bulanan di laman web masing-masing. Kedua-dua rangka kerja ini akan dapat dilaksanakan mulai bulan September 2013.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut juga merangka beberapa projek khas yang akan memberi manfaat dan kemudahan kepada masyarakat. Projek khas ini masih diperingkat kajian untuk diteliti kesesuaian dan keperluan bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: RIZAB NEGERI**

12. Kerajaan negeri dikatakan berjaya mencatat rizab negeri lebih RM2.62 bilion pada akhir 2012

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program atau projek untuk manfaat rakyat hasil peningkatan rizab tersebut?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menggunakan rizab ini untuk mengambil alih industri air negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 adalah meningkat sebanyak 34.74% iaitu daripada RM1,944.00 juta pada tahun 2011 kepada RM2,619.44 juta pada tahun 2012.  
Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur serta mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Ianya penting agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kerajaan Negeri Selangor pada pembentangan Bajet 2013 telah mengumumkan akan menggunakan rizab negeri, di antaranya, bagi melaksanakan pembinaan jambatan ketiga di Klang, melaksanakan penggunaan *Storm Water* di hiliran sungai sebagai sumber air terawat, membaiki dan menaik taraf sistem saliran di Negeri Selangor dan membina rumah mampu milik melalui projek "Rumah Mampu Milik Pasang Siap" (*Prefabricated Packages Home*) yang bakal dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membantu rakyat yang terbeban dengan harga rumah yang melambung di pasaran pada ketika ini.
- b) Isu berkenaan pengambil alihan industri air negeri Selangor pada masa ini masih lagi dalam proses rundingan dengan Kerajaan Persekutuan dan masih belum diputuskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PERMOHONAN UNTUK BANTUAN KEBAJIKAN**

13. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Berapakah bilangan permohonan untuk bantuan kebajikan di Negeri Selangor mengikut kategori bantuan?
  - b) Berapakah bilangan permohonan yang diluluskan atau ditolak mengikut kategori bantuan?
  - c) Apakah purata masa menunggu untuk setiap permohonan?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi tempoh Januari hingga Mei 2013, JKM Selangor telah menerima sebanyak 3619 permohonan bantuan.
- b) Bagi tempoh Januari hingga Mei 2013, JKM Selangor telah meluluskan sebanyak 2052 permohonan bantuan dan sebanyak 1694 permohonan ditolak. Jadual di bawah adalah pecahan permohonan bantuan yang diluluskan mengikut kategori bantuan :

BIL	SKIM BANTUAN	JENIS BANTUAN	JUMLAH KES
1	Persekutuan	Bantuan Anak Pelihara	10
2		Bantuan Kanak-kanak	408
3		Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	310
4		Bantuan Orang Tua	448
5		Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik / OKU Terlantar	177
6		Elaun Pekerja Cacat	385
7		Bantuan Latihan Aperantis	305
8	Negeri	Bantuan Am	9
<b>JUMLAH</b>			<b>2052</b>

**Antara sebab-sebab permohonan ditolak / didapati tidak layak adalah seperti berikut :**

- i. Pendapatan keluarga pemohon telah melebihi syarat had kelayakan penerima bantuan JKM;
  - ii. Pemohon mempunyai anak yang telah dewasa dan bekerja serta mampu memberi sumbangan / menyara kehidupan pemohon;
  - iii. Pemohon masih sihat dan berupaya untuk bekerja serta berdikari untuk menyara kehidupan sendiri/keluarga;
  - iv. Pemohon didapati mempunyai harta yang mengeluarkan hasil / sumber kewangan sampingan seperti pencen, PERKESO, bantuan LZS dan lain-lain;
  - v. Pemohon telah meninggal dunia atau berpindah .
- c) Berdasarkan daripada Piagam Pelanggan Permohonan Bantuan Kewangan JKM, keputusan permohonan bantuan akan dimaklumkan dalam masa satu (1) bulan dari tarikh permohonan yang telah lengkap diterima.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ HASNUL BIN HJ BAHARUDDIN  
( MORIB)**

**TAJUK: PREMIS BERLESEN ARAK DI KAWASAN KUALA LANGAT**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan berapakah bilangan premis berlesen arak di kawasan Kuala Langat( Banting / Jenjarom / Telok Panglima Garang / Tanjung Sepat )
  - b) Morib mengusulkan bilangan premis berlesen arak sedia ada dikaji semula dan lesen-lesen baru dibekukan demi menjaga kesejahteraan semua pihak. Telah berlaku gejala sosial yang serius dan berleluasa hingga ke tahap perlakuan jenayah ugutan bom.

**JAWAPAN :**

- a) Bilangan premis berlesen arak di Daerah Kuala Langat adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah</b>
1	Pekan Banting	23
2	Telok Panglima Garang	22
3	Jenjarom	12
4	Sungai Manggis	2
5	Tongkah Morib	4
6	Sungai Sedu	4
7	Banting Baru	3
8	Tanjung Sepat	3
9	Pulau Carey	2
10	Taman Langat Jaya	1
11	Bandar Mahkota	1
<b>JUMLAH</b>		<b>77</b>

- b) Tiada berkaitan

## NOTA RINGKASAN

1. PEKAN BANTING	=	23
2. TELOK PANGLIMA GARANG	=	22
3. JENJAROM	=	12
4. SUNGAI MANGGIS	=	2
5. TONGKAH, MORIB	=	4
6. SUNGAI SEDU	=	4
7. BANTING BARU	=	3
8. TANJUNG SEPAT	=	3
9. PULAU CAREY	=	2
10. TAMAN LANGAT JAYA	=	1
11. BANDAR MAHKOTA	=	1
JUMLAH	=	77



**SENARAI NAMA PELESEN-PELESEN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH LEMBAGA PELESENAN EKSAIS MENGIKUT KAWASAN**

<b>PEKAN BANTING</b>			
<b>BIL</b>	<b>MAKLUMAT PELESEN</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>JENIS LESEN</b>
1	Eng Chee Peng K/P: 590808-10-5781	MICO Karouke No.40-42 Jln Pekan 2 Kaw 6, 42700 Banting	Rumah Awam Kelas 1
2	Wee Dong @ Wee Yit Chin K/P: 381125-10-5095	Khing Hai Fong No.211, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting	Rumah Awam Kelas 3
3	Tong Nam Chau K/P:540326-10-5281	Tong Lee Bar & Coffee No.384, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	Rumah Awam Kelas 3
4	Lim Kian Chee K/P:420417-10-5037	Chop Hup Huat No.9, Jalan Suasa 42700 Banting	Borong
5	Lim Kia Chet K/P:800819-10-5253	Sin Chan Huat Banting S/B Lot 302, 1 KM, Jalan Jugra 42700 Banting.	Borong
6	Tee Kim Heng @ Teng Hin K/P:410907-10-5145	Kwong Chye Yeun Chan No.4&6, Jalan Bunga Pekan 5 Kawasan 6, 42700 Banting.	Borong
7	Yang Kian Teck K/P:570104-10-5873	Kedai Ubat Teck Ann No.280, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	Runcit

8	Lai Siah Yang K/P:650505-10-5997	Econsave Cash & Carry S/B Lot 2-14, Jalan Suasa Kawasan Perindustrian PKNS 42700 Banting	Runcit
9	Chin See Kan @ Chin Chow Lian K/P:400404-10-5005	Chop Ban Tong Onn No.328, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting	Runcit
10	Tee Kim Heng @ Teng Hin K/P:410907-10-5145	Kwong Chye Yeun Chan No.4&6, Jalan Bunga Pekan 5 Kawasan 6, 42700 Banting.	Runcit
11	Chow Yeong Kwong K/P:610807-10-5339	Nam Wah Medical Shop No.342, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting	Runcit
12	Gan Cheng Lien K/P:580824-05-5295	Perniagaan Seng Lien No.83, Jalan Morib,42700 Banting	Runcit
13	Ang Huat K/P: 571216-10-5493	Ang Huat Mini Market No.31, Jalan Baiduri Taman Baiduri,42700 Banting	Runcit

14	Thangamani a/p Veeramalai K/P:601031-10-5336	Pasar Mini Sri Thangamani Jaya No.5, Jalan Keli 2, Taman Sri Putra 42700 Banting.	Runcit
15	Yong Teck Yee K/P:760417-10-5185	Yong Life Medical Hall No.6, Jalan Cempaka Kaw 6, 42700 Banting	Runcit
16	Maladevi a/p Velusamy K/P:660324-10-5006	Maladevi Trading No.77, Jalan Toman, Taman Sri Putra 42700 Banting.	Runcit
17	Lee Thiam Wah K/P:640430-10-6493	99 Speedmart Sdn Bhd A1-0 Tkt Bawah Jalan Wisma Bangunan Wisma Banting	Runcit
18	Selvarajoo a/l Madasamy K/P:680627-10-5087	Thila Enterprise No.67 & 69, Jalan Toman Taman Sri Putra, 42700 Banting	Runcit
19	Vasanthan a/l Ramanathan K/P:830220-10-5879	Seven Pyramids Trading No.6, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting	Runcit
20	Loh Man K/P:570216-05-5145	The Store(Malaysia)Sdn Bhd Lot.1256, Jalan Besar 42700 Banting	Runcit

21	Tamil Arasan a/l Kangaderan K/P: 750508-10-5093	Seltex Banting Trading No.101, Jalan Bunga Pekan 2, 42700 Banting.	Runcit
22	Tan Kee Hock K/P:580911-10-5529	Hai-O Raya Bhd 190, Ground Floor, Jalan Sultan Abdul Samad Taman Sari	Runcit
23	Eliyarajah a/l Palanisamy K/P:780330-10-5095	Seven Hills Trading No.34, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting	Borong

**TELOK PANGLIMA GARANG**

1	Ng Meng Kiat K/P:690206-10-5061	No.306, Batu 11 ¼ Jalan Pulau Carey 42500 Telok Panglima Garang	Rumah Awam Kelas 1
2	Liow Chong Eng K/P:740413-10-5673	No.6, Jalan 3, Taman Aman Jalan Telok Mengkuang 42500 Telok Panglima Garang	Borong
3	Muthusamy a/l Chinniah K/P:550726-10-6231	No.82, Jalan Besar 42500 Telok Panglima Garang	Borong
4	Tee Siong Boon K/P:671122-10-5175	Chop Sin Joo Seng No.31, Jalan Palas 2 Taman dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang.	Borong
5	Thanaletchumy a/p Munusamy K/P:640911-10-6910	Lot.314, Jalan Bandar Lama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
6	Muthusamy a/l Chinniah K/P:550726-10-6231	No.82, Jalan Besar 42500 Telok Panglima Garang.	Runcit
7	Subramaniam a/l Ramasamy K/P:620820-08-5829	Lot 215, Jalan Bandar Lama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
8	Basundy a/p Ramasamy K/P:760809-10-5774	Lot 318, Jalan Bandar Lama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit

9	Ang Nine Sze K/P:891014-10-5447	OK Mart Enterprise No.186 – 196 Jalan Utama 2 Taman Jaya Utama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
10	Vengatraman a/l Krishnan K/P:740602-10-5293	Sri Chakra Mini Market No.47, Jalan Pandan Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang.	Runcit
11	Kunalan a/l Ramasamy K/P:791011-10-5013	Kedai Runcit & Makanan R.S.Kunalan No.2936, Jalan Enggang Batu 9 Kebun Baru 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
12	Balakrishnan a/l Ramasamy K/P:651204-10-5111	R.Balakrishnan Mini Market No.50, Jalan Pandan 4 Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
13	Ng Meng Kiat K/P:690206-10-5061	No.306, Bt 11 ¼ Jalan Pulau Carey, 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
14	Senthamilarasu a/l Veerasingam K/P:650130-08-5677	AJ Top Mini Market No.41, Jalan Dendang 9, Taman Telok 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
15	Keu Foo Chuan K/P:720510-10-5503	Chop Poh Onn Tong No.78, Jalan Utama 2 Taman Jaya Utama 42500 Telok Panglima Garang.	Runcit

16	Beh Choong Ying K/P:731230-08-5871	Poh Kian Medical Hall No.6, Jalan Cempaka Kawasan 6, 42700 Banting	Runcit
17	Yong Teck Yee K/P:760417-10-5185	Yong Life Medical Hall No.6, Jalan Cempaka, Kaw 6 42700 Banting	Runcit
18	Lee Thiam Wah K/P:640430-10-6493	99 Speed Mart Sdn Bhd No.43,75&77 (G) Jalan Besar 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
19	Ng Poh Lian K/P:670807-10-5288	Lian Shen Trading No.41, Ground Floor Jalan palas 2, Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang.	Runcit
20	Murugan a/l R.Letchumanan K/P:720310-10-5103	MSA Enterprise No.15, Tingkat Bawah Jalan Pertiwi, Taman Pertiwi 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
21	Tee Siong Toon K/P: 701105-10-5733	J/S Hock S/B No.47, Jalan Pandan, Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
22	Megala a/p T.Vijiyanthiran K/P: 750226-10-5140	Pasar Mini Divya No.172, Jalan Panglima 2, Taman Emas, 42500 Telok Panglima Garang	Runcit

**JENJAROM**

1	Tan Tin Son K/P:500923-10-5523	Lot 454, Batu 14/14 Jalan Banting, 42600 Jenjarom	Rumah Awam Kelas 2
2	Yeo Hock Khih K/P:470420-10-5391	Chop Lian Hup S-39 Jalan Sekolah, Sg Jarom 42600 Jenjarom	Borong
3	Gan Chai Joo K/P:720616-10-5747	United Asia Trading Lot. 5547, Ground Floor Jalan Sekolah, Sg Jarom 42600 Jenjarom	Borong
4	Siaw Seng Kong K/P:640623-10-5059	Sheng Li Jia Trading Sdn Bhd No.26, Jln Rambai 2 Taman Rambai Indah 42600 Jenjarom	Runcit
5	Yong Boon Fa K/P:530519-10-5043	Kedai Arak Boon Fa S-23 Jalan Sekolah 42600 Jenjarom	Runcit
6	Yong Hong Poo K/P:741110-10-5101	Kedai Ubat Sin Seng S-42, Jalan Sekolah Sg, Jarom, 42600 Jenjarom	Runcit



7	Poobalan a/l Veerappan K/P: 700711-10-5851	Pasar Mini Sri VP No.24, Jalan Kuini 2 Taman Sri Jarom, 42600 Jenjarom	Runcit
8	Lee Thiam Wah K/P:640430-10-6493	99 Speedmart Sdn Bhd No.23,25&27, Jalan Bacang 17 Sg Lang Taman Seri Jarom 42600 Jenjarom	Runcit
9	Yong Kiap Hong @ Yoong Yoon K/P: 500718-10-5321	Chop Yam Lee S-21, Jalan Sekolah Sungai Jarom 42600 Jenjarom	Runcit
10	Tan Tin Son K/P:500923-10-5523	Kedai Runcit Soon Kee Lot 454, Batu 14 ½ Jalan Banting, 42600 Jenjarom	Runcit
11	Ang Peng Hoo K/P:580915-10-5665	JAZCO Speedmart No.41&43 Jalan Ria, Taman Ria 42600 Jenjarom	Runcit
12	Vasanthan a/l Ramanathan K/P:830220-10-5879	Seven Pyramids Trading No.M7, Jalan Besar, Sungai Jarom 42600 Jenjarom	Runcit

**SUNGAI MANGGIS**

1	Ng Kong Lay K/P:580212-10-5431	Chop Sam Heng No.8, Sungai Manggis 42700 Banting.	Rumah Awam Kelas 2
2	Palaniandy a/l Alagamalai K/P:560419-10-5385	AN Palani Enterprise No.22 B, Jalan MJ 48, Taman Manggis Jaya, Sungai Manggis 42700 Banting.	Runcit

**TONGKAH, MORIB**

1	Chan Tian Chuan K/P:510408-10-5253	No.5, Jalan Desa 1 Taman Seri Desa, Tongkah 42700 Banting.	Runcit
2	Ng Kiat Siong K/P:800331-10-5903	Kiat Siong Trading Batu 26 ½ Jalan Tongkah 42700 Banting	Runcit
3	Koh Nyit Yew K/P:730807-10-5167	Chop Tong Heng Batu 26 ½ Jalan Tongkah Morib 42700 Banting	Runcit
4	Tan Siong Seng K/P: 730321-10-5829	Gold Coast Morib Resort Sdn Bhd Lot.294, Kawasan Kanchong Laut Mukim Morib, 42700 Banting.	Rumah Awam Kelas 1

**SUNGAI SEDU**

1	Ravi a/l Rengasamy K/P:651111-10-5163	No.1,Bt.17 ¼ Sungai Sedu 42700 Banting.	Runcit
2	Letchumy a/p Muniandy K/P:531126-10-5186	Lot.25, Jalan Murugan Kampung Sungai Sedu 42700 Banting.	Runcit
3	Balasubramaniam a/l Murugon K/P:511024-10-5419	Kedai Runcit Balasubramaniam Lot.801, Batu 16 ¾ Kampung Sungai Sedu 42700 Banting	Runcit
4	See Kung Sing K/P:680119-01-6141	GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd Lot.555, Persiaran Kota Seri Langat, 42700 Banting.	Runcit

**BANTING BARU**

1	Lim See Chong K/P:810512-10-5637	Song Chong Trading No.33, Jalan BB 1/6, Taman Banting Baru 42700 Banting	Runcit
2	Parvathy a/p S.Kumarasamy K/P:680827-10-6156	No.35, Jalan BB 1/6 Taman Banting Baru 42700 Banting.	Runcit
3	Thennarasu a/l Kandasamy K/P:641005-10-5937	Pasaraya Megah KTL Lot.25, No.8-10, Jalan BB ½ , Taman Banting Baru 42700 Banting	Runcit

**TANJUNG SEPAT**

1	Sim Jook Yong K/P:470501-10-5668	Chop Fong Lee No.175 – B Jalan Besar Tanjung Sepat Indah 42800 Tanjung Sepat	Runcit
2	Lim Ah Tee K/P:530412-10-5051	Chop Lian Shin 176, Jalan Besar 42800 Tanjung Sepat	Runcit
3	Seow Kin Hock K/P:740116-10-5589	Lot 1036, Batu Untung 42800 Tanjung Sepat	Runcit

**PULAU CAREY**

1	Gunasekaran a/l Nallusamy K/P:630810-10-5103	No.46, Kg Tan Sri Manickavasagam 42960 Pulau carey.	Runcit
2	Munusamy @ Ramasamy a/l Sinnasamy K/P:431008-10-5101	Munusamy & Son Enterprise Lot 98 Kampung Manickavasagam Ladang Timur, 42960 Pulau Carey.	Runcit

TAMAN LANGAT JAYA			
1	Dhanam a/p Poongan K/P:650411-03-5270	Dhana Mini Market No.4, Jalan Berjaya 4 Taman Langat Jaya 42700 Banting.	Runcit

BANDAR MAHKOTA			
1	Punithawathy a/p Tarakrishnan K/P:780130-10-5610	Nivetaa Mini Market No.25, Jalan Mentari 1B/7, Bandar Mahkota, 42700 Banting	Runcit

JUMLAH LESEN YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA LESEN EKSAIS (MINUMAN KERAS) = 77 LESEN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TANAH UNTUK RUMAH IBADAT**

16. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu memperuntukkan tanah untuk semua rumah ibadat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kaedah peruntukan tanah ini dilaksanakan?
- b) Berapakah saiz tanah yang diperlukan untuk setiap rumah ibadat mengikut agama?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi peruntukan tanah-tanah untuk rumah ibadat, kerajaan negeri masih lagi menggunakan Piawaian Perancangan Negeri Selangor. Setiap pembangunan rumah-rumah ibadat perlu mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri. Bagi rumah-rumah ibadat bukan islam permohonan akan diproses melalui pewartaan tanah-tanah kerajaan oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Manakala bagi pembinaan masjid dan surau pengesahan dan kelulusan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diperlukan. Selain itu, setiap Rancangan Tempatan PBT telah merizabkan tapak untuk rizab keagamaan di dalam setiap blok perancangan PBT.
- b) Bagi setiap pembinaan rumah-rumah ibadat keluasan yang ditentukan adalah seperti berikut:

<b>Kategori Rumah Ibadat</b>	<b>Keluasan</b>
Rumah Ibadat Bukan Islam	Tidak melebihi 0.5 hektar (1.2 ekar) dan kawasan yang diliputi oleh bangunan adalah di antara 40% hingga 60%. Walaubagaimanapun, ia juga tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa negeri.
Rumah Ibadat Islam	Bagi pembinaan masjid keluasan yang ditentukan adalah 3 ekar dan surau 0.4 ekar. Namun ia juga tertakluk kepada pihak berkuasa negeri dan juga bergantung kepada kepadatan penduduk di sesebuah kawasan pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: STATUS PERMOHONAN GERAN OLEH 37 UNIT RUMAH DI  
KAMPUNG FATIMAH, SUNGAI MANGGIS**

17. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah status permohonan geran oleh 37 unit rumah di Kampung Fatimah (Kg. Ann Kiat), Sungai Manggis, Kuala Langat, Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil. 28/2012 bertarikh 1 Ogos 2012 telah memutuskan agar Lesen Pendudukan Sementara (LPS) diberikan kepada semua yang terlibat . Sehingga kini sebanyak 30 LPS telah dikeluarkan.





Majoriti permohonan adalah melibatkan isu-isu infrastuktur sepertimana dijelaskan oleh jadual di bawah:

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV ) GERAN SELANGORKU

N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan		INFRA SUKAN			Perbelanjaan			
			Lulus	KIV	Jumlah	Sebenar (Projek Ditawarkan)	Anggaran Kos (Projek Ditawarkan + Projek dalam Proses Sebutharga)	Lulus	KIV	Jumlah	Sebenar (Projek Ditawarkan)	Anggaran Kos (Projek Ditawarkan + Projek dalam Proses Sebutharga)		
			RM	No. Prj	RM	RM	No. Prj	RM						
1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	9	20	29	764,418	9	764,418	0	20	20	0	0	0
2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0
3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0
4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0
5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	17	20	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0
6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	21	23	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0
7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	1	34	35	0	0	80,000	1	9	10	175,721	1	175,721
8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	3	20	23	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302
9	PTD Kuala Selangor	Permatang	11	2	13	1,100,260	11	1,100,260	1	3	4	184,179	1	184,179
10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	5	1	6	737,430	5	737,430	1	0	1	160,200	1	160,200
11	PTD Kuala Selangor	Ijok	10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546
12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	31	39	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430
	PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0
13	PTD Gombak	Kuang	3	0	3	481,789	3	481,789	1	0	1	198,058	1	198,058
14	PTD Gombak	Rawang	3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317
15	PTD Gombak	Taman Templer	3	48	51	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874
16	PTD Gombak	Batu Caves	6	68	74	913,537	6	913,537	1	6	7	169,106	1	169,106
17	PTD Gombak	Gombak Setia	4	9	13	500,740	4	500,740	1	1	2	134,961	1	134,961
18	PTD Gombak	Hulu Kelang	8	10	18	1,541,747	8	1,541,747	1	20	21	194,502	1	194,502
19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000
20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	4	5	9	663,013	2	1,047,864	1	1	2	196,396	1	196,396
21	PTD Gombak	Cempaka	2	11	13	422,167	2	422,167	1	2	3	190,792	1	190,792
22	PTD Gombak	Teratai	2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507
23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	3	6	9	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716
24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000
25	PTD Hulu Langat	Kajang	7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294
26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575
27	PTD Hulu Langat	Balakong	2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0	0
28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0	0
29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	12	14	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843
30	PTD Petaling	Kinrara	4	10	14	741,581	2	984,023	0	2	2	0	0	0
31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	9	11	679,310	2	679,310	0	2	2	0	0	0
32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	1	253,509	1	253,509	0	1	1	0	0	0
33	PTD Petaling	Taman Medan	4	6	10	630,361	4	630,361	0	16	16	0	0	0
34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	PTD Petaling	Kampung Tunku	1	4	5	411,470	1	411,470	0	7	7	0	0	0
36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	168,041	1	168,041
38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	3	5	432,546	2	432,546	1	2	3	167,820	1	167,820
39	PTD Petaling	Kota Damansara	3	5	8	879,084	3	879,084	1	2	3	151,836	1	151,836
40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	7	8	225,474	1	225,474	1	4	5	154,727	1	154,727
41	PTD Petaling	Batu Tiga	2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0	0
42	PTD Petaling	Meru	10	50	60	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164
43	PTD Klang	Sementa	1	24	25	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0	0
44	PTD Klang	Sungai Pinang	5	40	45	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0	0
45	PTD Klang	Selat Klang	2	83	85	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0	0
46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	2	1	3	124,760	1	174,760	0	1	1	0	0	0
47	PTD Klang	Pandamaran	1	6	7	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0	0
48	PTD Klang	Kota Alam Shah	1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0	0
49	PTD Petaling	Sri Andalas	9	4	13	924,305	7	1,202,144	1	4	5	158,749	1	158,749
50	PTD Petaling	Sri Muda	16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0	0
51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	9	6	15	983,660	9	983,660	1	1	2	179,853	1	179,853
52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	9	33	42	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698
53	PTD Kuala Langat	Morib	8	35	43	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020
54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	5	7	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895
55	PTD Sepang	Dengkil	4	41	45	508,717	3	671,158	0	0	0	0	0	0
56	PTD Sepang	Sungai Pelek	3	51	54	308,120	3	371,357	1	12	13	169,686	1	169,686

- b) Pecahan program-program kebanyakannya tidak menjurus kepada mana-mana DUN kecuali yang melibatkan infrastruktur yang mana ia khusus kepada kawasan-kawasan terbabit. Pecahan mengikut DUN adalah sepertimana jadual di atas.
- c) Punca utama permohonan ditolak ialah:
- Isu infrastruktur:
    - permohonan bertindih dengan peruntukan MARRIS atau dalam pelaksanaan JKR Negeri,
    - dalam perhatian dan akan dilaksanakan oleh Agensi Persekutuan yang lain,
    - lokasi tapak bermasalah (tanah persendirian atau rizab JPS, Sungai, TNB, KTM, LRT)
    - Melebihi had peruntukan bagi setiap DUN (RM1 juta)
  - Bukan Infrastruktur:
    - Cadangan program tidak menepati semangat asal geran tersebut.
    - Program tidak menjurus memberi manfaat terus kepada golongan yang disasarkan contohnya kos yang tinggi untuk perunding atau pengurus program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: KAWASAN RAYAU ORANG ASLI**

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan usaha-usaha kerajaan yang telah dilaksanakan untuk memelihara nasib orang asli di negeri Selangor sepanjang tahun 2009-2012.
  - b) Sila nyatakan berapakah keluasan kawasan yang telah digazetkan sebagai 'Kawasan Rayau' orang asli semenjak tahun 2009.
  - c) Sila nyatakan perancangan kerajaan negeri untuk menggazetkan tanah sebagai 'Kawasan Rayau' orang asli di Dusun Tua.

**JAWAPAN :**

- a) Usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan nasib Orang Asli (Orang Asal) di Negeri Selangor sepanjang tahun 2009 hingga 2012 dilaksanakan dengan mengguna pakai peraturan dan undang-undang serta dasar Kerajaan Negeri melalui Pekeliling PTGS Bil.1/2006 berkaitan dengan Dasar Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan permohonan pemberimilikan tanah kepada Orang Asli (Orang Asal).

Selain itu, terdapat pelbagai program dan projek kecil dijalankan bagi tujuan pembangunan masyarakat Orang Asli di Selangor dengan mengguna pakai peruntukan Kerajaan Negeri Selangor. Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut :

- Majlis Pelancaran Penjanaan Bekalan Mini – Hydro di Kampung Orang Asli Tanjung Rambai;
- Pemasangan bekalan elektrik untuk penduduk Kampung Orang Asli Buloh Telor, Kuala Kubu Baharu;

Program Pemetaan Komuniti Fasa ke-2.

- b) Sejak 2009, tiada kawasan yang digazetkan sebagai 'Kawasan Rayau' Orang Asli (Orang Asal).
- c) Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk memodenkan cara hidup Orang Asli (Orang Asal) dengan menyediakan tapak-tapak pertanian dengan keluasan yang ditetapkan dan diwartakan tapak tersebut sebagai 'Kawasan Rayau' /pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: HADIAH MASUK UNIVERSITI**


20. Hadiah masuk universiti RM1 ribu bagi setiap anak Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah anak Selangor yang menerima hadiah tersebut dari 2008 hingga 2013?
- b) Berapakah kos perbelanjaan terbabit?
- c) Nyatakan statistik sebenar jumlah anak Selangor menerima tawaran ke universiti dari 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Statistik jumlah penerima Hadiah Masuk Universiti



b) Kos perbelanjaan program Hadiah Masuk Universiti

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Bilangan Penerima (orang)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2008	5,000,000.00	3,718	3,718,000.00
2009	8,200,010.00	5,659	5,659,000.00
2010	7,700,000.00	7,699	7,699,000.00
2011	7,700,000.00	7,167	7,167,000.00
2012	8,000,000.00	7,887	7,887,000.00
2013	11,000,000.00	2,389	2,389,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>34,519,000.00</b>

c) Jumlah anak Selangor yang mendapat tawaran ke Universiti dari tahun 2008 hingga 2013 berdasarkan Statistik Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor dan Hadiah Anak Masuk Universiti adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penerima Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor	Jumlah Penerima Hadiah Anak Masuk Universiti
<b>2008</b>	708	3,718
<b>2009</b>	755	5,659
<b>2010</b>	1,040	7,699
<b>2011</b>	850	7,167
<b>2012</b>	1,460	7,887
<b>2013</b>	532	2,389
<b>JUMLAH</b>	<b>5,345</b>	<b>34,519</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: MASALAH PERUMAHAN BEKAS PEKERJA LADANG**

21. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri menangani masalah perumahan bekas pekerja di ladang-ladang?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah-masalah perumahan bekas pekerja ladang dalam memiliki rumah sendiri. Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan Pekerja-Pekerja Ladang dan Lombong telah membincangkan segala isu dan permasalahan pekerja-pekerja ladang bagi memastikan mereka mendapat keselesaan penempatan baru. Dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pekerja-pekerja ladang dan lombong yang dipindahkan ke penempatan baru, pihak pemilik ladang perlulah membangunkan atau menawarkan rumah kos rendah (RKR) dengan harga RM35,000.00 seunit yang mana perbezaan harga sebanyak RM7,000.00 akan ditanggung oleh pemilik ladang.

Permasalahan perumahan ladang ini bermula dengan permohonan pembangunan ladang oleh pihak majikan atau pemaju tanah ladang tersebut. Perkara ini dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tanah dan diputuskan kelulusan setelah semua syarat dipersetujui terutama bagi memastikan pekerja-pekerja ladang yang masih tinggal di ladang tersebut diberi jaminan tentang pampasan serta perumahan. Kemudian ianya akan melalui beberapa peringkat kelulusan oleh Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi menangani permasalahan perumahan ladang ini, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan Pekerja-Pekerja Ladang dan Lombong, Kerajaan Negeri turut mengarahkan kepada pemilik ladang supaya menyediakan perumahan kepada bekas pekerja-pekerja ladang mereka sama ada membina rumah kos rendah atau mencari mana-mana kawasan untuk menempatkan mereka semula. Sehingga kini kebanyakan pemilik ladang amat memberi kerjasama untuk memastikan bekas pekerja mereka mempunyai rumah sendiri dengan membina rumah kos rendah seperti yang dilaksanakan oleh Kumpulan Guthrie Berhad yang memindahkan mereka ke rumah kos rendah yang dibina oleh anak-anak syarikat mereka.

Bagi menjawab pertanyaan Kuala Kubu Baharu, permasalahan perumahan ladang tidak akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat kerana ianya melalui beberapa proses kelulusan. Sekiranya persefahaman dan persetujuan bersama diwujudkan di antara pekerja-pekerja ladang dengan pihak majikan, tentu sekali permasalahan mengenai perumahan pekerja ladang ini dapat diselesaikan dengan jayanya.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: LESEN PASAR MALAM**

22. Peniaga pasar malam terbeban dengan kadar sewaan tapak dan lesen berniaga yang tinggi. Kadar yang berbeza antara satu PBT dengan PBT yang lain.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar sewa dan lesen yang dipersetujui bagi Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya?

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012 yang telah disahkan oleh MMKN ke 20/2012 pada 30 Mei 2012 telah memutuskan kadar sewaan tapak dan lesen berniaga bagi Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya. Pihak Kerajaan Negeri telah menetapkan PBT mengambil alih sepenuhnya bagi tujuan kutipan sewa bagi pasar pagi dan pasar malam dengan jumlah RM4.00 sekali operasi, menguruskan kebersihan tapak, susunan petak dan pengisian penjaja dan pengurusan lalu lintas. Pengendali-pengendali pasar malam tersebut bertanggungjawab penuh terhadap kerja-kerja pembersihan tapak termasuk menguruskan perkara berkaitan pelupusan sampah dan juga mengawal lalulintas di kawasan pasar masing-masing. Walau bagaimanapun ada beberapa PBT yang tidak mengenakan sebarang kadar sewa bagi petak pasar malam dan hanya mengenakan kadar lesen sahaja berdasarkan petak pasar malam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: KESELAMATAN**

23. Isu keselamatan adalah sangat sensitif kepada semua pihak dan sangat diberi perhatian oleh setiap rakyat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah segera yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani kejadian ragut dan pecah rumah yang semakin berleluasa sekarang di kawasan perumahan dan perniagaan?
- b) Adakah pihak kerajaan negeri mengenal pasti kaedah praktikal untuk menangkap anjing liar yang semakin membimbangkan masyarakat?
- c) Apakah tindakan susulan terhadap rungutan masyarakat berhubung tiadanya jejantas di kawasan sekolah yang terletak di lalulintas sibuk seperti di SK 1 dan 2 Sri Gombak?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak polis khususnya Kontinjen Negeri Selangor telah melancarkan operasi secara berterusan membabitkan semua peringkat pegawai dan anggota polis. Di antara inisiatif yang diambil ialah:-

**Konsep 4P.**

- Protective (Pelindung)
- Proactive (Proaktif)
- People Oriented (Berorientasikan Masyarakat)
- Performance (Berprestasi)

Konsep 4P itu sangat signifikan dalam membina pasukan yang akan menjadi kebanggaan rakyat dan negara. Memotivasikan semua peringkat dalam pasukan untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, ikhlas dan berintegriti.

**Ops Payung** – Konsep penggunaan secara *Citizen-Focused Policing* yang dapat memberikan kesan psikologi yang positif dalam usaha mengembalikan persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan polis. Payung yang memberi perlindungan dari hujan dan matahari secara simboliknya melambangkan elemen pelindung (protector) kepada masyarakat.

**Rondaan Bit** – Bertujuan menjalankan rondaan di sekitar kawasan yang ditetapkan bagi mempercepatkan pergerakan sekiranya berlaku jenayah di kawasan rondaan.

**Community Policing** – Bertujuan menjalin kerjasama antara PDRM dan masyarakat bagi mengenal pasti dan menangani dengan berkesan kes-kes jenayah dan gejala sosial. Ia adalah sebagai salah satu langkah awal untuk mendampingi masyarakat secara dekat bagi memberi keyakinan tentang kehadiran polis bersama mereka dalam usaha mencegah jenayah. Kaedah ini akan memberi peluang kepada pegawai dan anggota polis untuk berinteraksi secara terus dengan ahli-ahli masyarakat tempatan.

**Sector Call-Card** - Masyarakat dapat memberi sebarang laporan aktiviti mencurigakan yang berlaku di kawasan mereka kepada anggota sektor dengan cepat dan efisien. Melalui sistem ini, setiap anggota sektor telah dipertanggungjawabkan kepada sektor masing – masing. Masyarakat lebih mengenali anggota sektor dan menjadi mata dan telinga kepada polis.

**Selangor Facebook** – Satu medium perhubungan yang dapat menyalurkan maklumat dengan mudah tanpa sempadan. Sejajar dengan arus kecanggihan teknologi, Facebook Polis Selangor diwujudkan untuk mendekatkan polis dengan masyarakat dalam menerima segala maklumat dan cadangan.

**My Distress** – Penggunaan MyDistress hanya semasa kecemasan iaitu apabila berlakunya sesuatu jenayah, seseorang yang disyaki melakukan jenayah ada berdekatan ataupun seseorang cedera, diugut atau berada dalam bahaya. Penggunaan MyDistress adalah dalam situasi ketika memerlukan respon segera jika sesuatu jenayah/insiden berlaku di sekeliling kita.

**Rakan Cop** – Penubuhan Rakan Cop adalah satu pendekatan tepat mengajak orang ramai membantu PDRM mencegah jenayah. Langkah tersebut berjaya mengurangkan jenayah. Penubuhan Rakan Cop menyumbang kepada kejayaan memerangi jenayah melalui laporan dan maklumat oleh orang awam.

Selain itu, operasi secara berterusan diambil bagi membanteras jenayah dengan mengadakan :-

- **Operasi Lejang** – Membanteras jenayah curi kenderaan.
- **Operasi Pintu** – Membanteras jenayah pecah rumah.
- **Operasi Rentap** – Membanteras jenayah curi ragut.
- **Operasi Lusuh** – Membanteras jenayah curi kabel,peralatan pencawang telekomunikasi.
- **Operasi Kargo** – Membanteras jenayah samun motolori yang mempunyai muatan.
- **Operasi SKM** – Membanteras jenayah samun kereta mewah.
- **Operasi Noda** – Membanteras jenayah pelacuran.
- **Operasi SKB** – Membanteras jenayah samun keluar duit dari bank.
- **Operasi Dadu** – Membanteras jenayah perjudian.
- **Operasi Nyah** – Membanteras kemasukan PATI.

**b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**

**c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: ANAK PRASEKOLAH**

24. Janji manifesto PRU-12 Pakatan ialah bantuan RM50 sebulan seorang untuk pendidikan pra-sekolah.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto ini selepas PRU-13?
- b) Nyatakan statistik jumlah pra-sekolah milik kerajaan, politik dan swasta di Selangor?
- c) Berapakah bilangan anak yang menduduki pra-sekolah 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Program bantuan RM 50 yuran kepada pelajar tadika yang layak telah dilaksanakan sejak Julai 2012. Program ini dinamakan sebagai Skim Tunas Selangor, dan siri jelajah mempromosi program ini telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan berakhir pada Mac 2013 di seluruh Daerah di Negeri Selangor. Status pelaksanaan program ini pasca Pru-13 adalah diteruskan, dan promosi sedang giat dijalankan dari masa ke semasa, bagi memastikan, mereka yang layak menerima manfaat dari program ini.
- b) Berdasarkan maklumat bagi tadika yang berdaftar dengan Skim Tunas Selangor, dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan, statistik jumlah pra sekolah milik Kerajaan, Politik dan swasta adalah seperti berikut:

KERAJAAN	SWASTA	POLITIK
1846	708	182

- c) Bilangan anak yang menduduki pra-skolah pada tahun 2013 adalah seperti berikut :

<b>JENIS SEKOLAH</b>				
<b>KEMAS</b>	<b>PERPADUAN</b>	<b>SWASTA</b>	<b>PRA –SEKOLAH JAIS</b>	<b>PRA –SEKOLAH JABATAN PELAJARAN.</b>
24,515	4,659	28,995	1250	22,264
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>81,683</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010**

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- a) Senarai pegawai maklumat bagi setiap jabatan kerajaan Negeri Selangor
  - b) Senarai ahli-ahli Lembaga Rayuan
  - c) Bagaimana orang awam boleh mendapati butir-butir perhubungan setiap pegawai maklumat?

**JAWAPAN :**

- a) Senarai Pegawai Maklumat bagi setiap jabatan kerajaan negeri Selangor sebagaimana yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-11/2013 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 1825 bertarikh 9 Mei 2013 adalah seperti berikut:-

**PEJABAT DAERAH / TANAH**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Pn. Syarifah Ainul Suhana binti Syed Mohd Taha
2	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Encik Hafez bin Abdul Aziz
3	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	Cik Khairul Aizawati binti Khalid
4	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	Encik Ahmad Fairuz Bin Mohd Yusof
5	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	Puan Nor Azurah binti Nasir
6	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	Encik Saiful Bahari bin Ruslan
7	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Encik Abd Razak bin Maksud
8	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	Encik Mohd Fareez bin Mohd Ariss
9	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	Encik Mohd Faizul Fitri bin Muslil

**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	Madiyan bin Baweh
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tuan Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Puan Nik Zalina binti Megat Muda
4	Majlis Perbandaran Kajang	Encik Kamaruzaman bin Salimin
5	Majlis Perbandaran Selayang	Puan Zulaina binti Abu Talib
6	Majlis Perbandaran Klang	Encik Zaireezal bin Ahmad Zainuddin
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Encik Mohamad Yusof bin Sulaiman
8	Majlis Perbandaran Sepang	Puan Nor Suhaila binti Saat
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	Mohammed Zakir Husin bin Mohammed Zahid
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	Haji Sukimin bin Haji Saiman
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman
12	Majlis Daerah Kuala Langat	En. Muhammad Hafiz bin Shaari

**BADAN-BADAN BERKANUN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Lembaga Urus Air Selangor	Encik Ishak bin Kamaruzaman
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Puan S. Normalis binti Abd. Samad
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	Puan Noraini Binti Mohamad Ramlan
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Encik Sarwani bin Abd Jalal
5	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Puan Mufidah binti Mahfodz
6	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	Encik Adnan bin Che Mud

**JABATAN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	Encik Muhammad Hanafi bin Ahmad
2	Perbendaharaan Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Zulkifli bin Osman



3	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Encik Amirudin Bin Mad Yusof
4	Jabatan Pertanian Negeri Selangor (Bahagian Perkhidmatan)	Encik Mohamad Idrus bin Ab. Hamid
5	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Ahmad Fuad Bin Mustaffa
6	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Puan Nor Hidayu binti Abd. Razak
7	Jabatan Mufli Negeri Selangor	Encik Nurhelmi bin Ikhsan
8	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Datin Wan Rabiah Binti Wan Mohd Yusof
9	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	En. Nurul Azhar bin Husin
10	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Encik Arzi Fareen bin Faisal
11	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Puan Jayamalar a/p S.Jaganathan
12	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Encik Rosly Bin Ahmad
13	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	YM Raja Haniza binti Kamarudin
14	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Puan Noor Huda binti Roslan

- b) Senarai ahli-ahli Lembaga Rayuan (Badan Maklumat Negeri) sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-11/2013 adalah seperti berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
YBhg Dato' Kamaruddin bin Mat Desa	Pengerusi
Encik Kuppusamy A/L Rengasamy	Ahli
Tuan Haji Nordin bin Saidin	Ahli
Tuan Abu Bakar bin Munir	Ahli
Puan Sonya Liew Yee Aun	Ahli

- c) Orang ramai boleh mendapatkan butiran perhubungan para Pegawai Maklumat yang telah dilantik bagi setiap Jabatan melalui laman web Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor atau berhubung terus dengan pegawai di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Selain itu, maklumat berkenaan turut boleh diperolehi dengan menghubungi atau hadir terus ke Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN BAHAGIAN LUAR KUBAH MASJID  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (MASJID NEGERI  
SELANGOR)**

26. Keadaan bumbung di bahagian luar kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri Selangor) sangat kotor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kekerapan proses mencuci bahagian luar kubah dijalankan?
- b) Berapa peruntukkan disediakan untuk mencuci bahagian luar kubah tersebut setahun?
- c) Berapakah kos keseluruhan penyelenggaraan Masjid Negeri setiap tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Luar kubah masjid hanya dicuci di atas permintaan sahaja dan tidak dicuci secara tahunan
- b) Tiada peruntukan tahunan disediakan.
- c) Kos keseluruhan penyelenggaraan Masjid Negeri setiap tahun ialah RM2,013,492.24 meliputi kerja-kerja sivil, elektrik, mekanikal, kawalan keselamatan, pembersihan dan landskap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: TANAH-TANAH MILIK PKPS**

27. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan perbandingan pendapatan ketika di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu (BN) dengan pendapatan di bawah kerajaan sekarang (PR).
  - b) Jika ada peningkatan, huraikan apakah langkah-langkah yang diambil sehingga ada peningkatan?

**JAWAPAN :**

- a) Perbandingan pendapatan di bawah pentadbiran PR berbanding BN :
  - i. Pengeluaran FFB meningkat.
  - ii. Pendapatan jualan sawit meningkat.
  - iii. Pendapatan dari projek baru meningkat  
( Projek Pasir, Ballclay, Kompleks Pasar Borong Selangor,  
Baazar Rakyat, Dewan Orkid PKPS dan Sewaan Wisma PKPS)
  - iv. Pendapatan dari simpanan tetap meningkat.

**Pendapatan Operasi PKPS meningkat seperti berikut :-**

<b>TAHUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
<b>Pengeluaran Sawit (Tonnes)</b>	<b>31,079</b>	<b>50,801</b>	<b>51,101</b>	<b>45,640</b>	<b>44,741</b>
<b>Jualan Sawit RM' Juta</b>	<b>17.25</b>	<b>22.49</b>	<b>28.24</b>	<b>30.78</b>	<b>24.29</b>
<b>Operasi ( * ) RM' Juta</b>	<b>4.41</b>	<b>4.2</b>	<b>6.89</b>	<b>10.51</b>	<b>18.03</b>
<b>Jumlah</b>	<b>21.66</b>	<b>26.69</b>	<b>35.13</b>	<b>41.29</b>	<b>42.32</b>

- ( \* ) Pelbagai pendapatan operasi terdiri daripada Projek Pasir, Ballclay, Kompleks Pasar Borong, Bazaar Rakyat, Dewan Orkid, Sewaan Pejabat Wisma PKPS, Sewaan Rumah Kedai, Sewaan Tanah-Tanah PKPS dan Faedah Simpanan Tetap.

- b) Langkah yang diambil untuk peningkatan pendapatan :
- i. Melantik Pengurus Besar Kumpulan PKPS dan Pengurus-Pengurus Ladang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perladangan.
  - ii. Pengurusan dan kakitangan ladang dan projek yang dahulunya beroperasi dari Wisma PKPS, Shah Alam ditempatkan diprojek masing-masing (tidak lagi "remote control").
  - iii. Waktu bekerja kakitangan ladang dan projek ditukar dari waktu bekerja Kerajaan kepada waktu bekerja amalan biasa syarikat perladangan.
  - iv. Memantau prestasi pengeluaran hasil dan kos pengeluaran dengan lebih rapi.
  - v. Memberi insentif kepada kakitangan perladangan dan projek berdasarkan pencapaian prestasi.
  - vi. PKPS melakukan penjimatan di ibu pejabat seperti berikut :-
    - Kakitangan ditugaskan secara "multi tasking"
    - Kakitangan berlebihan di ibu pejabat ditempatkan di projek-projek.
    - Penyelenggaraan Wisma PKPS diurus sendiri. (Dahulunya Kontrak)
    - Pembelian Bahan & Bekalan Pejabat dikurangkan.
    - Kenderaan berlebihan dilupuskan.
    - Perolehan baja dibuat melalui proses tender terbuka.
    - Mengamalkan perkongsian penggunaan alat-alat pejabat.
    - Menghadkan kelayakan elaun telefon, minyak kenderaan dan tol.
    - Mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangan bermasalah.
    - Menstruktur semula pinjaman bagi mengurangkan kos faedah pinjaman.
  - vii. Tanah-tanah kosong/terbiar dibangunkan.
  - viii. PKPS mengenalpasti tanah-tanah kosong milik PKPS yang tidak sesuai untuk pertanian tetapi berpotensi dibangunkan untuk projek perumahan dengan mendapatkan khidmat perancang bagi meningkatkan nilai GDV tanah.
  - ix. PKPS menutup anak-anak syarikat yang mengalami kerugian berterusan dan tidak dapat dipulihkan.
  - x. PKPS melantik "liquidator" untuk membubarkan anak-anak syarikat dan syarikat sekutu yang tidak membayar hutang PKPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: KESEDARAN ALAM SEKITAR**

28. Pemupukan kesedaran alam sekitar kalangan rakyat penting untuk generasi masa hadapan.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah tahap kesedaran alam sekitar di kalangan rakyat?
- b) Apakah strategi dan program untuk memupuk kesedaran alam sekitar ini?

**JAWAPAN :**

Soalan a) dan b) dijawab sekali.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor sentiasa bekerjasama rapat dengan Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta komuniti korporat dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar secara berterusan untuk menjana kesedaran masyarakat terhadap mencintai alam sekitar.

Komitmen yang tinggi di kalangan rakyat di Negeri Selangor di dalam membantu Kerajaan memantau isu-isu alam sekitar melalui aduan-aduan pencemaran alam sekitar yang diterima dan juga penyertaan aktif mereka di dalam pelbagai program dan kempen kesedaran alam sekitar yang dianjurkan menunjukkan tahap kesedaran terhadap kepentingan memulihara alam sekitar di kalangan rakyat Negeri Selangor telah meningkat dan secara tidak langsung menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan alam sekitar yang lebih berkesan di Negeri Selangor. Melalui kes-kes aduan pencemaran alam sekitar yang diterima daripada rakyat telah menambahbaik lagi proses-proses industri yang lebih mesra alam, perancangan pembangunan dan prasarana yang lestari selain memperkasakan lagi strategi dan kapasiti penguatkuasaan di kalangan jabatan atau agensi penguatkuasa yang berkenaan di Negeri Selangor.

Untuk memantapkan lagi program dan kempen kesedaran alam sekitar di kalangan rakyat di Negeri Selangor, JAS Negeri Selangor telah mengambil inisiatif melancarkan Program Rakan Alam Sekitar (RAS) sejak tahun 2009 mengikut kawasan Parlimen di mana wakil rakyat atau pemimpin masyarakat bersama-sama rakyat melaksanakan program kesedaran alam sekitar secara *hands-on* dan juga setiap ahli RAS juga akan bertindak sebagai *mata dan telinga* Kerajaan di dalam menangani isu-isu alam sekitar secara kolektif. Objektif utama RAS ialah:-

- 1) Memberikan kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat;
- 2) Menanamkan rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama; dan
- 3) Menyediakan saluran yang tepat bagi orang awam membuat aduan dan pandangan berkaitan alam sekitar kepada agensi-agensi Kerajaan berkenaan.

Sepertimana usaha-usaha kesedaran sebelum ini, JAS Negeri Selangor dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program kesedaran melalui penganjuran seminar, sesi dialog dengan pihak industri, ceramah, pameran dan sebaran maklumat melalui media massa mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar, penyebaran risalah-risalah dan buletin alam sekitar, kempen dan ops penguatkuasaan asap hitam kenderaan dan di premis-premis kilang serta mengadakan Hari Bertemu Pelanggan.

Di antara program-program kesedaran alam sekitar yang berjaya dilaksanakan dengan berkesan di peringkat generasi muda khususnya pelajar-pelajar sekolah di Negeri Selangor ialah program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS), Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) dan Kem Pra-Sekolah Lestari.

JAS Negeri Selangor juga terlibat secara langsung di dalam *smart partnership* dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan termasuk NGOs di dalam program-program kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

29. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa jumlah rumah mampu milik yang akan dibina dalam 5 tahun akan datang.
- b) Sila nyatakan lokasi rumah mampu milik yang telah dirancangkan.
- c) Sila nyatakan insentif-insentif yang diberi kepada pemaju untuk menggalakkan pembinaan rumah mampu milik di kawasan bandar.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah mensasarkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang tahun 2021. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah meluluskan 24 projek pihak pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik. Walaubagaimanapun, jumlah unit yang perlu dibina tidak dapat dikemukakan disebabkan pemaju masih belum mengemukakan plan cadangan terperinci pembangunan serta plan Kebenaran Merancang kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.



- b) Untuk makluman Yang Berhormat, lokasi projek rumah mampu milik dalam peringkat perancangan untuk dibina adalah sebanyak 20 projek yang melibatkan 7 daerah. Lokasi projek ruma mampu milik mengikut daerah adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Lokasi Projek Rumah Mampu Milik**

<b>Daerah</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>
Petaling	Seksyen U12, Shah Alam Seksyen U10, Shah Alam Lot 243, 395 & 397, Sg Buloh Sutera Damansara, Sg Buloh	PKNS PKNS PPC Glomac Sdn Bhd PNSB
Gombak	Kg Seri Temenggung Seksyen 5, Kota Puteri Lot 12010, 1211, 5035, Hulu Kelang Lot 1048, 18056, Bandar Kundang Lot 24673, Bandar Kundang  Bukit Rahman Putra, Rawang	PKNS PKNS Twin Ridge Sdn Bhd Pinggir Mentari Sdn Bhd Major Land Development Sdn Bhd Alimach Holdings Sdn Bhd
Klang	Jalan Md Sidin PT18288, Klang Bandar Botanik Bandar Parklands, Klang	PKNS Selaman Sdn Bhd Harum intisari Sdn Bhd Gabungan Efektif Sdn Bhd
Hulu Selangor	Antara Gapi Bernam Jaya	PKNS PKNS
Sepang	Selangor Science Park 2 Lot 786 & 787, Dengkil  Lot 3514 Sepang	PKNS Wanderfull Property Development Sdn Bhd Mainstay Development Sdn Bhd
Sabak Bernam	Rumah Rehat & Rawat, Ladang Air Manis	PNSB

- c) Kerajaan Negeri ketika ini sedang merangka satu Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor yang lebih komprehensif dan menyeluruh bagi menggantikan dasar perumahan semasa yang telah digunapakai sejak tahun 2000 lagi yang dijangkakan akan dimuktamadkan pada pertengahan September 2013. Dalam pembentukan Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor tersebut juga Kerajaan Negeri turut akan mengkaji kesesuaian untuk menyediakan insentif sebagai galakan kepada sektor swasta untuk membina dan menyediakan Rumah Mampu Milik dengan lebih giat lagi pada masa hadapan antaranya termasuklah seperti pengenaan kadar premium tanah yang nominal dan pengecualian sumbangan "Improvement Service Fund" (ISF).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : CUTI BERSALIN 90 HARI DAN 14 HARI**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Senaraikan jumlah kaki tangan yang telah meluluskan cuti bersalin 90 hari dan 14 hari mengikut pecahan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2008-2013.
  - b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan bahawa sektor swasta juga melaksanakan polisi cuti bersalin 90 hari dan 14 hari ini.

**JAWAPAN:**

- a) Kemudahan Cuti Bersalin selama 90 hari bagi pegawai wanita dan 14 hari bagi pegawai lelaki (menyambut kelahiran cahaya mata) masih dilaksanakan dan diterima baik oleh anggota yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan rekod yang dikemas kini, seramai 264 orang anggota telah menggunakan kemudahan ini berdasarkan pecahan kategori berikut:

Bil.	Kemudahan	Kategori		
		Jabatan / Agensi	Pihak Berkuasa Tempatan	Badan Berkanun
1.	Cuti isteri bersalin 90 hari	61	75	45
2.	Cuti 14 hari untuk suami	27	35	21

- b) Memandangkan sektor swasta tertakluk kepada Akta Kerja 1955, maka kemudahan ini hanya dipanjangkan kepada pihak pengurusan sektor swasta masing-masing bagi tujuan pemakaiannya. Kerajaan Negeri memberi galakan yang sewajarnya namun ia masih tertakluk kepada syarikat yang berkenaan untuk menerima pakai kemudahan ini atau sebaliknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENJAGAAN KESIHATAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah program pemeriksaan percuma kanser testis dan prostat bagi lelaki akan dimulakan?
- b) Bilakah Tabung Dialisis Rakyat Selangor bernilai RM10 juta akan dimulakan?
- c) Apakah unjuran pertambahan peruntukan yang akan disalurkan bagi tempoh 5 tahun?

**JAWAPAN :**

- a) Program pemeriksaan ini akan dimulakan selewat-lewatnya awal tahun 2014 setelah perbincangan dengan semua agensi yang terlibat selesai diadakan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri bercadang akan melancarkan perasmian ke atas program ini terlebih dahulu yang dijangka pada suku tahun terakhir tahun 2013.
- b) Setakat ini program Tabung Dialisis Rakyat Negeri Selangor masih lagi di dalam peringkat perbincangan dan kajian.
- c) Program Bantuan Kesihatan Bagi Rakyat Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak **RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu Ringgit)** setiap tahun. Berikut adalah unjuran pertambahan yang disalurkan bagi tempoh 5 tahun.

<b>Butiran</b>	<b>Nama Program</b>	<b>2011 (Sebenar)</b>	<b>2012 (Sebenar)</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
22005	Pembangunan Kesihatan	328,787.05	538,750.20	500,000.00	500,000.00	500,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PENEROKA BANDAR**

32. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik peneroka bandar mengikut PBT dari 2008 hingga 2013?
- b) Apakah program atau skim untuk membantu para peneroka bandar ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, statistik Peneroka Bandar mengikut PBT dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	BAKI PENEROKA BANDAR DI ATAS TAPAK					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	112	112	112	73	26	26
2.	MBPJ	-	-	-	-	-	-
3.	MPK	1,385	1,385	1,318	884	210	210
4.	MPAJ	348	348	348	349	349	349
5.	MPSJ	337	337	337	141	141	141
6.	MPS	1,075	1,075	1,075	963	963	963
7.	MPKj	256	256	256	256	215	215
8.	MPSp	103	103	103	71	71	71
9.	MDKL	173	173	173	206	224	224
10.	MDKS	331	331	331	331	331	331
11.	MDHS	12	12	12	12	12	12
12.	MDSB	8	8	8	8	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>4,140</b>	<b>4,140</b>	<b>4,073</b>	<b>3,294</b>	<b>2,542</b>	<b>2,542</b>

b) Program-program yang telah dilaksanakan bagi membantu Peneroka Bandar ini sama ada melalui:-

- 1) Pemberimilikan tanah sekiranya merupakan tanah kerajaan; dan
- 2) Penempatan semula di rumah kos rendah.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH DI SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah tanah kerajaan Selangor yang telah dicerobohi?
- b) Adakah kerajaan berniat untuk menubuhkan unit khas bagi memantau dan bertindak dengan lebih berkesan isu-isu pencerobohan tanah kerajaan di Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Sebanyak **814 kes** pencerobohan tanah secara haram telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan sejak tahun 2008 hingga tahun 2013 dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN KES PENCEROBOHAN (2008 – 2012)</b>	<b>BILANGAN KES PENCEROBOHAN (2013)</b>
1	Hulu Selangor	23	10 (telah diambil tindakan penguatkuasaan)
2	Hulu Langat	54	-
3	Kuala Selangor	18	-
4	Petaling	45	-
5	Sepang	312	-
6	Kuala Langat	69	-
7	Gombak	166	-
8	Sabak Bernam	32	-
9	Klang	85	-
<b>JUMLAH</b>		<b>804</b>	<b>10</b>

- b) Kerajaan telah menubuhkan satu Unit Khas iaitu Unit TaskForce dan Penyelidikan, PTGS untuk menjaga aset Kerajaan (tanah) Negeri Selangor dengan pemantauan tanah melalui sistem SeLIS (Selangor Land Information berkuatkuasa pada 28.3.2013 di PTGS) serta memberi penumpuan dalam menyelesaikan kes-kes pencerobohan tanah dan mendakwa kes-kes yang tertentu ke muka pengadilan.

Unit Khas tersebut akan membuat siasatan dan pemantauan ke atas tanah Kerajaan dari masa ke semasa dan akan memberi laporan bulanan pemantauan dan tindakan yang dilakukan ke atas tanah-tanah yang dicerobohi ke perhatian Ahli Majlis EXCO-MTES.



**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan statistik dan menamakan projek - projek perumahan terbengkalai di seluruh Negeri Selangor dan apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kes - kes projek terbengkalai ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik projek perumahan terbengkalai sehingga 31 Mei 2013 adalah sebanyak 123 projek yang melibatkan 35,111 unit di seluruh Negeri Selangor seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	9	-	9	3,561
2	MBPJ	3	-	3	1,932
3	MPK	26	-	26	2,697
4	MPSJ	6	-	6	2,738
5	MPAJ	8	-	8	3,282
6	MPKj	14	-	14	5,122
7	MPS	9	1	10	3,148
8	MPSp	8	-	8	3,208
9	MDKS	8	2	10	3,691
10	MDHS	9	5	14	4,707
11	MDKlgt	15	-	15	1,025
<b>JUMLAH</b>		<b>115</b>	<b>8</b>	<b>123</b>	<b>35,111</b>

Manakala senarai nama-nama projek perumahan terbengkalai sehingga 31 Mei 2013 di seluruh Negeri Selangor adalah seperti di **lampiran 1**.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah- proaktif telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kes - kes projek terbengkalai seperti berikut:

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- ii. **Mengurusetia perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal** dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iii. **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju dan pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) dan pinjaman akhir (*end-financing*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju dan pembeli. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.

- iv. Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) juga diatur dari masa ke semasa** untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana *'Liquidator'*/Pegawai Penerima yang berwibawa mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'Liquidator'*/Pegawai Penerima pula **perbincangan dijalankan bersama *'Liquidator'*/Pegawai Penerima terbabit** bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- v. **Menilai semula kos pemulihan dan mengkaji *feasibility* projek** tersebut khususnya bagi projek yang melibatkan kenaikan kos yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu masih ingin diteruskan.
- vi. **Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak di kalangan mereka** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan projek perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- vii. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- viii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

## MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

## SENARAI PROJEK TERBENGGALAI ( MBSA )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	840 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah	40%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Subang Bestari, Bandar Pinggiran Subang, Seksyen U4, Shah Alam, H.S.(D) No. 110897, P.T. No. 35078, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	672 Unit RKR 760 Unit RKS	Pangsapuri Kos Rendah Pangsapuri Kos Sederhana	40%
3	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah, Fasa 3, Di bawah Geran No. 36409, Lot No. 3783, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)	591 Unit	Pangsapuri Kos Rendah (Penempatan Setinggalan)	10% (Fasa 3) & 90% (Fasa 4)
4	Projek Pembinaan Pangsapuri Andorra, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Shah Alam	Tetuan Newacres Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Hals & Associates	160	Pangsapuri Kos Sederhana	90%
5	Projek Perumahan Taman Bukit Impian Di atas Plot F, Bukit Cherakah, Mukim Bukit Raja, Seksyen U10, Shah Alam	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	121 Unit	Rumah Lot Banglo	20%
6	Projek Pembinaan Untuk Penempatan Semula Setinggalan Fasa 1 Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Bunga Raya, 1 Blok 12 Tingkat (153 Unit), 6 Unit Kedai, 1 Dewan, 1 Tadika No.4, Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	153 Unit Pangsapuri & 6 Unit Kedai 6 Pejabat	Rumah Pangsa Kos Rendah	70%
7	Projek Perumahan Di U10 Height, Seksyen U10, P.T. 3696, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	130 Lot Banglo, 14 Unit Rumah Berkembar, 60 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah & 10 Unit Kedai Pejabat	Rumah Banglo 1 Tingkat & Kos Rendah	5%
8	Projek Perumahan Taman Muhamad 2, Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	30 unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%
9	Projek Perumahan Berkembar Satu Tingkat Plot 5. Lot3159, Taman Desa Sri Baiduri, Mukim Klang H.S (M) 37153 PT No. 97024, Kg. Melayu, Jalan Kebun, Mukim Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd	14 unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%

# MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAT ( MBPJ )

BIL.	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 304 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 1 Blok Tempat Letak Kereta di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung) Masteron Sdn. Bhd.	304 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana & Tempat Letak Kereta	70%
2	Pembangunan 300 Unit Pangsapuri Kos Sederhana (Fasa 2) di atas Sebahagian Tanah Kerajaan CP 51554, Kampung Sungai Kayu Ara, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd	300 Unit	Pangsapuri Kos Sederhana	35%
3	Pembangunan 5 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi (4 Bintang Platinum Damansara) 3 ½ Tingkat Basemen Dan 2 Tinggi Ruang Letak Kereta, Podium, 8 Unit Kedai, Rumah Kelab, Kolam Renang, Surau, Pondok Pengawal, Rumah Sampah, Bilik Pam, Genset Dan Pencawang Elektrik Di Atas Lot Pt 1428, Seksyen Pju 1, Petaling Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Pricewaterhouse Cooper Sdn. Bhd. / Ferrier Hodgson Sdn. Bhd.	1,328	1,320 unit Pangsapuri dan 8 unit Kedai	60%

# MAJLIS PERBANDARAN KLANG

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPK)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU / AHLI LEMBAGA PENGARAH NO: KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan yang Mengandungi 4 Blok Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat di atas Lot 6978, (Taman Sri Aman) Kampung Idaman, Mukim Klang	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)	63 Unit	Rumah Teres	80%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri 6 Tingkat dengan Tempat Letak Kereta di Tingkat Bawah, di atas Lot 2377 (Geran 4963), Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd.	44 Unit	Pangsapuri	90%
3	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah, Bandar Pinggiran Shah Alam Di Atas Lot No. 4185, Geran Mukim 5343, Mukim Klang, Daerah Klang 50 Unit Rumah Teres Satu Tingkat dan 1 Unit Pencawang Elektrik di atas Lot PT 84927-Lot PT 84978, Lot Asal 4965, Jalan Masjid Sultan 9C/KS13, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.	50 Unit	Rumah Teres	80%
4	Projek Pembinaan Pangsapuri di atas HS(M) 30776 - 30784 PT 66434 - 66442, Lengkungan Kampung Nelayan, Taman Sri Nelayan, Mukim Klang	Tetuan Sheikh Mah Development Sdn. Bhd. Tetuan Pesaka Intisari (M) Sdn. Bhd.	470 Unit	Pangsapuri	90%
5	Projek Pembinaan 2 Blok Pangsapuri Anggerik 5 Tgkt (150 Unit) dengan surau, dewan serbaguna diatas lot PT85358, 5 unit kedai 2 Tkt diatas Lot PT85353-PT85357, seunit pencawang elektrik diatas Lot PT85359 (lot Asal 1730) Jalan Sungai Udang KS 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	155 Unit	Pangsapuri	70%
6	Projek Perumahan dan Perniagaan Fasa 1, yang Mengandungi 36 Unit Rumah Teres, 66 Unit Rumah Berkembar, 46 Unit Kedai, 92 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 29 Unit Kedai dan 58 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 155 Unit Kos Rendah dan 40 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Rendah di atas Lot PT 68738 PM 7794 & Sebahagian Lot PT 68739 PM 7793 Mukim Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	522 Unit	Rumah Teres, Rumah Berkembar, Kedai Pangsapuri, Pangsapuri Kos Rendah & Sederhana.	40%
7	Projek Perumahan 13 Unit Rumah Deret 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569, 13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar, Daerah Klang	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd. Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.	13 Unit	Rumah Deret	80%
8	Projek Perumahan 14 Unit Rumah Teres Setingkat, 7 unit Banglo Setingkat, 1 Pencawang Elektrik Fasa 2 di atas Lot 44782, Jalan TaRWizi, Rantau Panjang, Mukim Kapar, Klang (Taman Hijrah 2)	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	21 Unit	Rumah Teres Dan Banglo	90%
9	Projek Pembinaan Fasa 2 Apartment 1 Blok 9 Tingkat (109 Unit) dan Lain-lain Kemudahan di atas Lot PT 5124 dan 5125 (Taman Mutiara), Pulau Indah, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	109 Unit	Apartment	90%
10	Projek Perumahan di atas Lot 5128, Pulau Indah, Daerah Klang (Pangsapuri Yamin Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	227 Unit	Apartment Servis	80%
11	Projek Perumahan di atas Lot 5740 dan 5741, Pulau Indah, Daerah Klang (Indah Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	420 Unit	Apartment Servis	0%
12	Projek Perumahan Rumah Teres Dua Tingkat dikenali sebagai Desa Bukit Delima, di bawah Hakmilik G.M. No. 2142, Lot No. 5450, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	30 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	35%
13	Projek Perumahan 54 Unit, Jalan Dusun Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	90%
14	Projek Perumahan Taman Desa Sri Nilam, di atas Lot 5255, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Teres Berkembar	5%
15	Projek Perumahan di Taman Desa Sri Siantan, H.S.(M) 30600, GM 4519, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	22 Unit	Rumah Teres Berkembar 1 Tingkat	5%

16	Projek Perumahan Desa Sri Damai 3, Di atas Hakmilik No GM 2484, No Lot 3057, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	-	Rumah Teres	-
17	Projek Perumahan Rumah Teres 1 Tingkat di Tanah No. Lot EMR 8665, Lot 3834, EMR 7309, Lot 560, Telok Gadong, Klang (Sungai Pinang)	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.	160 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	5%
18	Projek Perumahan Andaman 2, di atas Lot PT 17561, Kampung Nelayan, Telok Gong, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	100%
19	Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	154 unit	Rumah Teres	5%
20	Projek Perumahan Taman Sri Kencana, GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	35 Unit	Rumah Teres	80%
21	Projek Perumahan Taman Meru 1, 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	24 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	180%
22	Projek Perumahan Bagi Pembinaan 38 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Meru Ria 2, Di Atas GM 3928 Lot 3750, Jalan Belimbing, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	38 Unit	Rumah Teres	80%
23	Projek Perumahan Taman Desa Teratai, Di Atas P.M 2954, Lot 3170, Jalan Kebun, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	26 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	20%
24	Projek Perumahan Taman Desa Pelangi Di Atas Lot 2664 GM 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	-	Rumah Teres	-
25	Projek Perumahan Desa Maru, Lot 23678 Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	-	Rumah Teres	-
26	Projek Perumahan Taman Setia Indah, Diatas Hakmilik No. HS(M) 43220, No. PT 119181, Sungai Pinang, Pulau Indah, Mukim Klang	SPS Setia Sdn. Bhd.	-	Rumah Teres	-

# MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGGALAI ( MPSJ )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA & NO. KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 202 Unit, Saujana Puchong (Rumah Teres Satu Tingkat) Di atas Lot PT 50610, HS(D) 143296, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Expand Factor Sdn. Bhd.	202 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	65%
2	Projek Perumahan 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat dan 1 Pencawang Elektrik di atas Sebahagian Lot 48729 (16929), Mukim Petaling, Daerah Petaling (Lestari Putra Dahulu Dikenali Sebagai Lestari Puchong-Camelia)	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd. Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd.	42 Unit	Rumah Teres Dua Tingkat	—
3	Projek Perumahan 260 Unit Rumah Berkembar & 2 Unit Pencawang Elektrik Fasa 19, Rumah Teres 2 Tingkat (20'x70') Fasa 9F,9B & 9C, 3 & 6 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Fasa 16, Kedai/Pejabat Fasa 21, 11 Blok Bangunan Fasa 10C, Kedai/Pejabat Fasa 21 Di atas Sebahagian Lot 51439, Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	741 Unit	Rumah Berkembar, Rumah teres 2 Tingkat, Rumah Pangsa Kos Sederhana & Kedai Pejabat	80%
4	Projek Pembinaan Kondominium (Coral Vista) 600 Unit, Subang Permai USJ, PT 11070-11073 Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Coral Land Corp. Sdn. Bhd.	600 Unit	Kondominium	25%
5	Projek Pembinaan Pusat Perniagaan Pejabat Podium Perniagaan Projek Pembangunan Newgate Avenue, H.S.(D)108340, No.PT.3466, Jalan Hicom Puchong, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Solarglow Sdn. Bhd. (Dibawah "Receivership" iaitu Pricewaterhouse Coopers Sdn Bhd.)	1,153 unit	Pusat Perniagaan Pejabat & Perumahan	60%
6	Pembangunan Bercampur, Menara Rajawali 18 Tingkat, SS 15 Subang Jaya, Diatas HS(D) 27124, PT 9274, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Link Ventures Sdn. Bhd.	—	—	—



# MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI ( MPAJ )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Taman Kencana Fasa 3, Ampang	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)	48 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat (2.28 Ekar)	20%
2	Cadangan Menyiapkan Rancangan Perumahan 1 Blok, 10 Tingkat Dan 2 Blok 9 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Di Atas Lot Pt4992, Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor. (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)	426 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana (7.098 ekar)	40%
3	Projek Perumahan Nusa Mewah Villa Kondominium, Bukit Pandan HD(D) 66845 PT 2926, Mukim Ampang, Daerah Ulu Langat	Tetuan Mudi Angkasa Sdn. Bhd.	360 Unit	Kondominium	70%
4	Projek Perumahan Taman Sri Angsana Hilir	Tetuan Kabra Holdings Sdn. Bhd. (Digulung)	165 Unit	Rumah Pangsapuri	60%
5	Projek Perumahan Saga Suria, Taman Saga Ampang, Di atas Geran No. HS(M) No. 24026, PT No. 26745, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Tegas Sejati Sdn. Bhd.	400 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat	75%
6	Projek Pembinaan 1,609 Unit Pangsapuri Ukay Bestari, Mukim Ampang, Daerah Gombak	Damai Bistari Sdn. Bhd.	1609 Unit	Pangsapuri kos Rendah	30%
7	Projek Perumahan 174 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Pandan Bestari, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Supreme Precious Sdn. Bhd.	174 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	-
8	Projek Pembinaan 100 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Ukay Indah Kondominium di Sg. Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Scenic Marina Sdn. Bhd.	100 Unit	Pangsapuri Kos Sederhana	-

# MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

## SENARAI PROJEK MASIH TERSENGKALAI ( MPKJ )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Taman Serosa Kajang, 413 (Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana dan pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah) di atas Lot 4454 & 1297, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)	413 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana & Pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah	10%
2	Projek Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya), 2658 Unit Mengandungi 1000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 40 Unit Rumah Kedai 1½ Tingkat dan 18 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat di atas Tanah Seluas 501.50 Ekar, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)	2,658 Unit	Pangsapuri Kos Rendah, Pangsapuri Kos Sederhana. Rumah Kedai 1 1/2 Tingkat & Kedai Pejabat 2 Tingkat	10%
3	Projek Perumahan Kos Rendah & Penempatan Semula Setingan MPKJ Mengandungi 500 Unit Pangsapuri Kos Rendah Dengan Dewan/Tadika & Pencawangan Elektrik di Tingkat Bawah di atas Tanah Kerajaan Kampung Sungai Tangkas Kajang (Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.	500 Unit	Perumahan Kos Rendah (Pangsapuri)	80%
4	Projek Pembinaan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt, 900 Unit Kediaman, 16 Unit Dewan, Pejabat Komuniti & 1 Pencawang Elektrik Di Atas Tanah Seluas 10.54 Ekar, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Vistabell Sdn. Bhd. Pemaju : Villaraya Management Sdn Bhd (Digulung)	660 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah	90%
5	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur, 52 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Batu 12, Jalan Cheras, 43000 Kajang	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung) Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd.	108 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	—
6	Projek Perumahan Taman Teratai di atas Lot 1640 Yang Mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B di atas Tanah Seluas 4.53 Ekar, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd. (Digulung)	70 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat (4.53 Ekar)	100%
7	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat di atas sebahagian Lot 613 (102.54 ekar), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	29 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	80%
8	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Lot 1621, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	36 Unit	Rumah Sesebuah Setingkat & Rumah Deret Setingkat	100%
9	Projek Perumahan Taman Titlwangsa (Pembesaran Kg.) Yang Mengandungi 80 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat dan 8 Unit Kedai 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuan Murni Sdn. Bhd.	87 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	100%
10	Projek Perumahan 407 Unit Rumah Kos Rendah, Sederhana dan Rumah Kedai di Taman Sri Raya, Batu 9, PT14689 - 14722 dan PT 10224-10228 Cheras	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)	408 Unit	Rumah Kos Rendah 2 TKT, Rumah Kos Rendah 1 TKT, Rumah Kos Sederhana Rendah 1 TKT, Rumah Teres Kos Sederhana 1 TKT, & Rumah Kedai 1 1/2 Tingkat. ( 29.9 Ekar)	0%
11	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, HS (D) 40113, PT 5520, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd. Tetuan Safa Corporation Sdn. Bhd.	132 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	0%
12	Projek Perumahan Evergreen Homes Di atas HS (M) 6672, PT 9307, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd	21 Unit	Rumah Teres	85%
13	Projek Perumahan Tersengkalai Taman Nusa Lestari (Rumah Banglo) Di Atas Hakmilik Induk GM 219 (EMR 4873), Lot 3022, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Kamara Land Sdn. Bhd.	—	Rumah Banglo	—
14	Projek Perumahan Taman Sri Puteri 4 Rumah Teres Dua Tingkat Di Atas Pm 237, Lot 4947 Mukim Setapak, Daerah Hulu Langat	Tetuan Nurangkai Development Sdn. Bhd.	—	Rumah Teres	—

# MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI ( MPS )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa 10 Tingkat, 222 Unit Seluas 1.737 Ekar, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd.	222 Unit	Pangsapuri	90%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Bandar Baru Kundang, 192 Unit (3 Blok Pangsapuri Beserta Penthouse 8 Tingkat), HS (M) 7622, PT 19315 dan HS (M) 6744, PT 9316, Seluas 5.7 Ekar, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Nilai Idaman Sdn. Bhd.	192 Unit	Pangsapuri	90%
3	Pembangunan Taman Selayang Mutiara (Rancangan Semula Kawasan Setinggi Bukit Botak), 1,406 Unit Rumah Teres Berkembar dan 498 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.	1,406 Unit Rumah Teres Berkembar dan 498 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat	Rumah Teres Berkembar & Pangsa Kos Rendah	50%
4	Pembangunan Kampung Tengah, 246 Unit (Apartment Kos Sederhana Jenis A,B,C,D & E 18 Tingkat), Keluasan 1.68 Ekar Di atas Lot 1874, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	246 Unit	Apartment Kos Sederhana	100%
5	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah (Taman Bayu) Di bawah Geran No.29858, Lot No.2980, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	—	Pangsapuri Kos Rendah	0%
6	Pembermilikan Tanah Kerajaan Di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Seluas 35.565 Hektar Di atas Lot 3883 & 5060, Batu 291/2, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjuntai, Mukim Rawang, Daerah Gombak (Rancangan Perkampungan Secara Berkelompok & Tersusun Kampung Kiai Hj. Arshad)	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	359 Unit	Rumah Sesebuah Kos Sederhana Rendah	60%
7	Projek Astana Square Pangsapuri Perkhidmatan, Di Atas HS(D) 21817 PT 1985, Bandar Selayang	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd. Pelikuidasi : GTC Corporate Advisory Sdn. Bhd.	176 Unit	Pangsapuri Perkhidmatan	90%
8	Projek Perumahan Taman Jasa Murni, GM622, 623 dan 624, Lot 2146, 2148 & 2150, Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd. Tuan Tanah : Epic Quest Sdn. Bhd.	49 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat, Rumah Bandar 2 Tingkat	0%
9	Projek Perumahan Taman Pusu, Rumah Teres 1 Tingkat P.M 338 Lot No. 4935, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	—	—	—
10	Projek Perumahan Taman Garing, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	—	—	—

## MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

### SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI ( MPSp )

BIL.	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Pembangunan Bercampur, Taman Kenanga, Bandar Baru Salak tinggi, 1904 Unit Kediaman & 46 Unit Komersial Seluas 354.6 Ekar Di atas Lot-Lot 3121,3123 & 3467, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. (Digulung) (In Liquidator - Tetuan Ernst & Young Sdn. Bhd.) Pelikuidasi : GTC Associates Sdn. Bhd.	2,130 Unit	Kondominium, Apartmen, Pangsapuri Kos Rendah, Rumah Teres 2 Tingkat, Kedai Pejabat, & Rumah Kedai	40%
2	Projek Pembinaan 527 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 7 Tingkat, Seluas 5 ekar, Taman Topaz, Dengkil	Tetuan Perangsang Tin Consolidated Sdn. Bhd. (Digulung) (In Liquidator - Tetuan Hals & Associates Sdn. Bhd.) Pelikuidasi : Bina Puri Sdn. Bhd.	787 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana	80%
3	Projek Perumahan Putra Perdana (La Cottage), 187 Unit Rumah Teres Dua Tingkat (18x65'), HS(D) 2487 PT 6250, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Metro Tegas Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Rimbun Corporate Advisory	187 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	89%
4	Projek Perumahan Seri Setia Height, Plot No.13, Lot 921, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development	21 Unit	Rumah Berkembar Setingkat	20%
5	Projek Perumahan Taman Desa Sinar Salak Membina 26 Unit Rumah Berkembar Dan 4 Unit Banglo Di P.M. 3000, Lot 1635, Mukim Labu, Daerah Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Berkembar & Banglo	85%
6	Projek Perumahan Rumah Sesebuah Desa Meranti, Di Atas GM 142 (EMR 6225), Lot 4406, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.	25 Unit	Rumah Sesebuah Setingkat	—
7	Projek Perumahan Taman Indera Indah, Di Bawah Hakmilik Induk GM 1121, Lot 2712, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.	—	—	—
8	Projek Perumahan Taman Desa Salak Gemilang (Fasa 2), Lot 2241 PM 386, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development Tuan Tanah : Amat Bin Karto	28 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat (RM 65,000 )	50%-80%

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

### SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI ( MDKS )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO:KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Pembangunan Bercampur (Fasa 1 Alam Mutiara), 924 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Seluas 38.01 Ekar Di atas Sebahagian Lot-Lot PT 9142-PT9151. Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 2 (RRHP II), Mukim Cherakah, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pemilik Tanah: Mujur Zaman Sdn Bhd.	924 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	45%
2	Projek Perumahan Taman Cahaya 2, 24 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Harga Sederhana & 127 Unit Kos Rendah Di atas Lot 349 & 350, Mukim Batang Berjuntai, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Rui Development Sdn. Bhd.	151 Unit	Rumah Kos Sederhana Rendah Rumah Kos Rendah	RKSR - 20% RKR - 35%
3	Projek Perumahan Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah, Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor (499 unit RKR 1 tkt & 11 Kedai 1 tkt)	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd. Setiausaha Kerajaan Selangor & (Perbadanan PNSB)	499 Unit	Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat Kedai 1 Tingkat	70%
4	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), 46 Unit (RS 1 Tingkat 20 Unit-Lot 373 & RS 2 Tingkat 26 Unit-Lot 378) Seluas 4.17 Ekar Di atas Lot 373 dan 378, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd.	46 Unit	Rumah Kos Sederhana 1 Tingkat Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat	80%
5	Projek Perumahan Taman Seri Wangi Di Atas Lot 103, Mukim Tanjong Karang, Jln Sungai Tenggi Kiri, Bandar Tanjong Karang, (28 Unit R/Teres 1 Tkt, 44 Unit R/Teres 2 Tkt & 1 Unit Pencawang Elektrik	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn.Bhd. (Baru).	72 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat	10%
6	Projek Perumahan 154 Unit Rumah Teres Kos Rendah Di Taman Damai (Taman Damai II), Tanjung Karang (Fasa 1) Di atas Sebahagian Lot 1872 & Lot 1857, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	154 Unit	Rumah Teres Kos Rendah	80%
7	Projek Pembesaran Kampung Di atas Tanah Seluas 216 Ekar, 1282 Unit (RS 1 Tingkat 1012 Unit, RS 1 Tingkat 242 Unit, RK 1 Tingkat 28 Unit), Kampung Bukit Kerayong, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	1282 Unit	Rumah Sesebuah 1 Tingkat Rumah Kembar 1 Tingkat Rumah Teres 1 Tingkat	45%
8	Projek Pembermilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Seluas 128.7 Ekar Di atas Lot P.T. 1175, Kampung Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan JKK Sungai Yu Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.	499 Unit	Rumah Kos Rendah & Rumah Kedai	—
9	Projek Perumahan Taman Setia Budi, 13 Unit R/Teres 2 Tingkat & 13 Unit R/Kedai 2 Tkt & 38 Unit R/Teres 1 Tingkat Diatas Lot Asal 1222, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd.	64 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat, 2 Tingkat dan Rumah Kedai 2 Tingkat.	90%
10	Projek Perumahan Taman Delima Merah, Jalan Lintang, Kampung Tengah, Daerah Kuala Selangor	Syahira Development Sdn. Bhd	—	—	—

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI ( MDHS )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Desa Beruntung, 913 Unit RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)	913 Unit	Rumah Kos Rendah 1 Tingkat	50%
2	Projek Perumahan Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)	902 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat, Rumah Ters Satu Setengah Tingkat, Rumah Ters Dua Tingkat	50%
3	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, 79 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	79 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	90%
4	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 1&2, Bukit Sentosa 3, Di Atas Sebahagian Lot 353 Dan 1729, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	400 Unit	Rumah Teres Setingkat	70% (60 unit sahaja dari 400 unit)
5	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin Di atas Tapak Baru, Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd. (Pejabat Tanah & Daerah Hulu Selangor) Tetuan JKK Kampung Jawa	200 Unit	184 Unit Rumah Semi-D & 16 Unit Kedai	40%
6	Projek Pembermilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, 109 Unit Rumah Banglo, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd.	109 Unit	Rumah Banglo	55%
7	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang (Fasa 2 - 461 unit), HS(M) 2199, PT 1310, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd. (Nama Lama) & ARK Development Sdn. Bhd. ( Nama Baru)	461 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	30%
8	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)	680 Unit	Rumah Banglo	0%
9	Projek Perumahan 131 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1½ Tingkat dan 16 Unit Rumah Teres Kos Rendah 2 Tingkat Dengan 1 Pencawang Elektrik di atas Lot 484 & 487, Mikim Hulu Bernam Dalam Daerah Hulu Selangor (Taman Malim Mas), Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JK-NBA Ventures Sdn. Bhd. (Digulung)	147 Unit	Rumah Teres	80%
10	Projek Pembesaran Kampung Koskan, 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	43 Unit	Rumah Banglo 1 Tingkat (534 Persegi)	60%
11	Projek Perumahan Dibawah Skim Pemilikan Secara Terancang Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Yang Mengandungi 130 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis A, 48 Unit Rumah Berkembar Jenis B, 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis C, 90 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis D, 210 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis E, 32 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis F, 2 Unit Pencawang Elektrik & 1 Unit Surau Bagi Program Pembesaran Kampung Di atas Tanah Kerajaan Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	550 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat, Rumah Banglo 1 Tingkat.	5%
12	Projek Erina Heights, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd	Fasa 1 = 49 Unit Fasa 2 = 152 Unit	Rumah Banglo	80%
13	Projek Perumahan Di Atas Hakmilik Geran 39220, Lot 2496 Dan Geran 39221, Lot 2565, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)	-	-	-
14	Projek Perumahan Taman Impiana, 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Di Atas H.S.(M) 358, PT 671, Kampung Bharu Sejangtung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Ulu Selangor	Oridua Construction Sdn. Bhd.	22 Unit	Rumah Banglo Setingkat	80%

# MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

## SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALA ( MDKL )

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU / AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 54 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Nuri Indah di atas HS(M) 6465 PT 7414, Jalan Banting, Olak Lempit-Dengkil, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd. (Digulung)	54 unit (3 Ekar)	Rumah Teres Satu Tingkat	65%
2	Projek Perumahan 139 Unit Rumah Teres 1 Tingkat & 146 Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1B, 3B, 1C, 3A, 3B) Di Bandar Saujana Putra di atas Sebahagian PT 8594 Lot 20407, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.	285 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	80%
3	Projek Perumahan Bandar Saujana Putra, 237 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Di atas Lot PT.17325, Fasa 5A dan 5B Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat (Projek Talam Corporation Berhad)	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	237 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	100%
4	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 Dan 12163, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.	27 Unit	Rumah Berkembar 2 Rumah Banglo 2 Tingkat	-
5	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Teres Satu Tingkat, Lot 2204, Tempat Batu 14 Tanjung Dua Belas, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd.	70 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	5%
6	Projek Perumahan 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, (Taman Desa Sri Jentayu 1) di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Shabbir Consultant	24 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%
7	Projek Perumahan 25 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Taman Visi Nusa) di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	25 Unit	Rumah Sesebuah Satu Tingkat	90%
8	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, Taman Sijangkang Perdana Di Atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Pemaju - Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung) (459943-U) Simpulan Cemerlang Sdn Bhd (Vendor/Penjual) Pelikuidasi : Mustapharaj Sdn. Bhd.	70 unit	Rumah Teres 1 Tingkat	15%
9	Projek Perumahan Lot-Lot Banglo, Jalan Manggis, Batu 9, Di Atas Hakmilik Asal GM 1989, Lot 1647, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	29 Unit	Lot Banglo	10%
10	Projek Perumahan Taman Desa Sri Saujana 1, 44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah Di Atas Lot 2159 GM 2751, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. Dato' Dr Rahmat Hidayat Bin Yusop (730423-71-5003) & Lisanuddin Bin Yusop (861204-43-6899) Pemaju Penyelamat : Shabbir Consultant	46 Unit	44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah	25%
11	Projek Perumahan Taman Desa Perwira, 42 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Hakmilik Induk No. PM 2392, Lot 7736, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	42 Unit	Rumah Berkembar 2 Tingkat	-
12	Projek Perumahan Taman Desa Lestari, 28 Unit Di Atas Hakmilik Individu, Bukit Kemandol, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	28 unit	-	-
13	Projek Taman Langat Utama 3, Di atas Hakmilik Individu, HS(M) 16314 PT 17272, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.	30 Unit	Banglo Satu Tingkat	20%
14	Projek Perumahan Rumah Berkembar Setingkat, Di bawah Pegangan Geran Induk, HS(M) 11973, PT No. 14269, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Berkembar Setingkat	60%
15	Projek Perumahan Berkembar Setingkat Di Bawah Pegangan Geran Induk LM 188, Lot 4208, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	28 unit	Rumah Berkembar Setingkat	80%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN WIFI SELANGORKU**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah perancangan untuk mempertingkatkan kecekapan tahap liputan penerimaan rangkaian kepada pengguna?
- b) Bolehkah menambah bilangan pusat perkhidmatan sedia ada, pada setiap DUN? terutama luar dan pinggir bandar?

**JAWAPAN :**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: MENUNAIKAN MANIFESTO**

36. Tumpuan pembangunan di Negeri Selangor banyak berlaku di kawasan-kawasan bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan jurang perbezaan pembangunan yang ketara di antara kawasan bandar dan luar bandar dapat di kurangkan?
- b) Sila nyatakan rancangan-rancangan dan projek-projek yang akan di laksanakan bagi meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan di daerah-daerah yang masih tertinggal dari segi pembangunannya seperti daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor?

**JAWAPAN :**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersedia untuk memacu pertumbuhan ekonomi ke arah tahap yang lebih tinggi setiap tahun. Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan Negeri telah pun menyusun perancangan dan strategi pembangunan yang terbaik. Pelbagai usaha pembangunan khususnya bagi pembangunan luar bandar telah dilaksanakan dengan jelas telah menunjukkan keprihatinan kerajaan bagi menjamin pembangunan yang seimbang di kawasan bandar dan luar bandar.

Pembangunan luar bandar yang dilaksanakan secara menyeluruh sebelum ini adalah dengan pengukuhan prinsip Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Negeri Berkeadilan. Prinsip ini memenuhi keperluan masyarakat desa dengan merangkumkan semua elemen pembangunan, sosioekonomi, kehidupan, agama dan tradisi di dalam satu payung pembangunan yang cemerlang. Walaubagaimanapun, pelaksanaan program-program pembangunan desa pada ketika ini lebih menekankan program-program daripada Kerajaan kepada rakyat. Walaupun program-program sedia ada telah berjaya membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mentadbir dan membangunkan Negeri Selangor dengan baik, tetapi impak dan kesan yang diterima oleh rakyat masih di peringkat yang rendah. Malah, di dalam beberapa keadaan, berkemungkinan sumbangan Kerajaan Negeri ini tidak dijiwai oleh masyarakat

memandangkan pelaksanaan pembangunan desa sedia ada masih tidak kukuh dan tidak berstruktur.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2013 ini akan mengambil tindakan dan melaksanakan perubahan ke atas perancangan pembangunan desa dengan lebih jitu agar pembangunan seimbang kawasan bandar dan luar bandar dapat direalisasikan dan penerimaan sumbangan Kerajaan Negeri di peringkat desa akan lebih kukuh. Menerusi hasrat ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai program pembangunan desa dengan menfokuskan pembangunan pertanian, penternakan, pelancongan dan perkhidmatan di kawasan luar bandar.

Sumbangan sektor pertanian dan penternakan oleh kawasan luar bandar adalah tidak boleh disangkal lagi. Walaupun bukan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri Selangor, tetapi sektor pertanian dan penternakan seperti tanaman padi, kelapa sawit, kelapa, penternakan lembu daging dan ayam menjadi pendukung kepada ekonomi negeri. Bagi sektor pelancongan pula, Kerajaan Negeri melihat keberhasilan produk pelancongan desa seperti *homestay*, produk kraftangan serta penghasilan kerepek oleh IKS telah menjadi satu sumber pendapatan tambahan kepada masyarakat kampung. Usaha penambahbaikan ke atas pertanian, penternakan dan pelancongan ini kelak akan dapat dinikmati oleh rakyat dengan peningkatan sumber pendapatan serta taraf hidup yang lebih baik dan selesa melalui industri yang diceburi.

Pendekatan utama yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan menambahkan lagi penglibatan ketua-ketua kampung di dalam perancangan dan pelaksanaan program-program kerajaan di kawasan kampung masing-masing. Sebagai contoh, peranan ketua kampung di dalam penyebaran maklumat dan sumbangan Kerajaan Negeri kepada masyarakat menerusi program-program MES iaitu seperti skim bantuan TAWAS, Si KEMBAR, TUNAS, SkimSEL, MiMBAR, SMUE secara langsung akan menjadikan rakyat mengetahui dan menghargai sumbangan serta peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk kebajikan akar umbi. Penglibatan ketua-ketua kampung di dalam majlis-majlis agama, majlis kenduri-kendara, majlis perkahwinan mahupun kematian akan mendekatkan lagi wakil-wakil kerajaan di hati masyarakat.

Kerajaan Negeri Selangor percaya, struktur pembangunan bandar dan luar bandar sedia ada adalah baik dan kukuh bagi menjamin keberlangsungan pembangunan negeri Selangor pada masa hadapan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak akan mengambil mudah keselesaan ini dan kerajaan akan sentiasa memberikan tumpuan yang terbaik bagi memastikan pembangunan negeri dapat dinikmati bersama.









PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM												STATUS					CATATAN		
BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PROSES PEROLEHAN			DUN	KONTRAKTOR	PRESTASI FIZIKAL				SILA TANDAKAN (						
				I	SH	T			TARIKH MULA	TARIKH SIAP		% SEBENAR	BM	DP	LJ	IJ		SS	
29	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KG. DATO' HORMAT, KG. SUNGAI AIR TAWAR, SABAK BERNAM	12,688.00																	
30	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KG PARIT BARU DAERAH SABAK BERNAM	9,385.00																	
31	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KG. SG APONG DAERAH SABAK BERNAM	13,071.00																	
32	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAI JKKK SIMPANG EMPAT DAERAH SABAK BERNAM	6,410.00																	
33	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KG TELUK RHU DAERAH SABAK BERNAM	6,117.00																	
34	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA BARU KG SEKENDI DAERAH SABAK BERNAM	5,365.00																	
35	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAI JKKK KG. BANTING, SABAK BERNAM	3,885.00																	
JUMLAH KESELURUHAN		301,042.10	0.00																

DISEDIAKAN OLEH :

( NAMA & JAWATAN)

DISAHKAN OLEH:

(NAMA & JAWATAN)

TARIKH:

NOTA: RINGKASAN PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK-PROJEK MARRIS 2012 HENDAKLAH DIHANTAR SELEWAT-LEWATNYA PADA 30HB SETIAP BULAN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PEMBERIAN HAKMILIK TANAH (BORANG 5A) KEPADA PENDUDUK-  
PENDUDUK KAMPUNG CEMPAKA, PETALING JAYA**

37. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan memberi senarai nama pemohon-pemohon dari Kampung Cempaka, Petaling Jaya yang telah diberi hakmilik tanah melalui Borang 5A yang telah diluluskan oleh kerajaan Selangor bermula tahun 2008 hingga sekarang?
- b) Berapa ramai pula pemohon yang masih belum diproses atau sedang diproses? Sila beri senarai dan status permohonan terkini.

**JAWAPAN :**

- a) Bermula dari tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 55 permohonan pemberimilikan tanah di Kg. Cempaka telah diproses dan diangkat untuk kelulusan MMKN. Sebanyak 38 permohonan telah dikeluarkan notis 5A, manakala 9 permohonan lagi yang telah mendapat kelulusan diangkat semula untuk kelulusan MMKN bagi mendapatkan pindaan keluasan dan lain-lain sebelum notis 5A dapat dikeluarkan. Baki 3 permohonan yang lain yang telah mendapat kelulusan juga perlu diangkat semula untuk kelulusan MMKN bagi penentuan lot kerana terdapat permohonan bertindih di atas tapak yang sama. Selebihnya sebanyak 5 permohonan telah ditolak kerana didapati tanah yang dipohon tidak pernah diusahakan.
- b) Terdapat baki 17 Permohonan yang berada dalam peringkat penyediaan Kertas Ringkasan di mana pihak pentadbiran perlu mendapatkan ulasan dari Jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: WIFI PERCUMA**

38. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah kawasan "hot spot" Wifi Percuma telah ditambah dalam tahun 2012?
  - b) Berapakah jumlah wang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam penyediaan Wifi Percuma dalam tahun 2012?
  - c) Sama ada perkhidmatan Wifi Percuma telah diswastakan dan sekiranya benar, apakah syarat-syarat utama dalam perjanjian penswastaaan? Memohon Kerajaan Negeri membentangkan perjanjian itu jika wujud.

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga kini bilangan hot spot WiFi yang telah bermula pada 2010 adalah sebanyak 118 lokasi. Ia meliputi keseluruhan Negeri Selangor baik di bandar mahupun di luar bandar kerana pada tahun 2012 Kerajaan Negeri Selangor baik di bandar mahupun di luar bandar kerana pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 2 lokasi setiap DUN. Kerajaan Negeri juga sedang dalam merancang untuk menambahkan lagi bilangan hot spot WiFi setiap DUN bagi meluaskan lagi kawasan liputan perkhidmatan WiFi percuma.

Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat PBT adalah badan yang akan memantau pelaksanaan WiFi percuma ini.

- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan mengikut syarikat yang terlibat adalah seperti jadual berikut.

<b>Tahun 2010 - 2012</b>				
<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kos Setahun</b>	<b>Kos Keseluruhan</b>	<b>Syarikat yang Terlibat</b>
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
6	Kuala Kubu Bharu, Hukul Selangor	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
<b>Tahun 2012</b>				
- ii. Mukim Api-api, Daerah Kuala Selangor seluas 15 hektar
- iii. Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor seluas 172 hektar
- iv. Mukim Sg.Long seluas 15 hektar

c) Tanah-tanah berikut pada asalnya merupakan Projek Taman Agrotek yang diserahkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Malangnya, pelaksanaan projek telah menemui kegagalan. Tanah ini telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri dan diserahkan kepada PKPS pada 26 Mac 2003. Tanah tersebut melibatkan 6 lot dan berkeluasan 214.53 hektar seperti berikut:

- i. Lot 13978 PN 79405, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 30.31 hektar
- ii. Lot 13979 PN 79406, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 18.15 hektar
- iii. Lot 13980 PN 79407, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 126.68 hektar
- iv. Lot 13981 PN 79408, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 16.05 hektar
- v. Lot 13982 PN 79409, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 13.11 hektar
- vi. Lot 13983 PN 79410, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 10.23 hektar

Walau bagaimanapun, semua tanah ini telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, PKPS juga tidak mempunyai tanah-tanah lain di Dusun Tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PROGRAM BELIA DI KAWASAN LUAR BANDAR**

48. Pembangunan belia di kawasan luar bandar dan kampung oleh kerajaan negeri dilihat tidak seimbang berbanding di kawasan bandar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan program belia yang telah dilaksanakan di kawasan luar bandar?
- b) Berapakah peruntukkan oleh kerajaan negeri bagi membangunkan program belia di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Bagi tahun 2013, peruntukan program bagi Pembangunan Belia di Negeri Selangor adalah sebanyak RM3.5 juta yang mana telah merangkumi program di peringkat negeri, Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) dan seterusnya Penggerak Belia Tempatan. Peruntukan ini juga digunakan dalam menjalankan program di peringkat zon dan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) sama rata sama ada di kawasan bandar mahupun luar Bandar. Ini bermakna, kerajaan negeri tidak mengkhususkan peruntukan kepada pembangunan luar bandar sahaja malahan di seluruh kawasan termasuk di kawasan Bandar.

Walaupun bagaimanapun, perancangan dan pelaksanaan program yang telah dirancang dan diatur bersama-sama Pengerusi-pengerusi zon PeBT diteliti bagi memenuhi keperluan, minat dan budaya di kawasan masing-masing serta tidak bergantung pada taraf kehidupan, sosial dan bangsa. Pendekatan terbaik ini secara tidak langsung diambil oleh kerajaan negeri untuk mengenali golongan belia sama ada di kawasan bandar dan juga di kawasan luar bandar. Ini menggambarkan kerajaan lebih praktikal dalam menjaga kebajikan belia serta tidak memilih golongan-golongan tertentu dalam membangunkan anak muda di negeri ini. Selain itu, suara dan pendapat belia dapat didengari dengan lebih baik dan program yang dilaksanakan akan menjadi lebih bermanfaat.

Jika pembangunan belia di kawasan luar bandar dan kampung dilihat tidak seimbang berbanding di kawasan bandar, ini adalah tidak benar kerana mengikut statistik dan peruntukan yang telah diberi bagi suku tahun pertama Januari-Mac 2013, program yang telah dijalankan seimbang dan tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja. Rata-rata program yang dijalankan di seluruh pelosok

negeri dan telah mendapat sambutan yang amat baik samada program di peringkat negeri mahupun di peringkat Penggerak Belia Tempatan(PeBT)-PBT.

Sebahagian rancangan dan program yang telah dijalankan di kawasan luar bandar adalah:

Peringkat negeri:

- **Fiesta Sukan Untuk Semua** Di Dewan Dato' Hormat, Tg. Karang
- **SMR Track Days Dan Himpunan 1000 Bikers** di Stesen Bus Lama Tg Karang

Peringkat PeBT-PBT:

- **Revolusi Mania Selangorku Parlimen Subang** di Padang Awam, Paya Jaras
- **Cinta Rasul, Jom Maulid** di Dataran Morib
- **Festival Kebudayaan Ponggal** di Pantai Morib
- **Himpunan Anak Muda Sabak Bernam** di Sbcc & Batu 40, Sabak Bernam
- **Pertandingan Memancing Pebt Mdsb** di Pantai Sg. Labu, Sekinchan
- **Kembara Ilmu Anak Muda Selangorku** di Sg. Besar - Pantai Morib
- **Bersantai Bersama Belia Hulu Selangor** di Kg. Asam Kumbang Kkb
- **Jom Mengail Siakap** di Kolam Siakap Batu 30, Batang Kali
- **Semenyih Walk Hunt** di Pekan Semenyih
- **Santai Bersama Orang Asal Kuala Ponson** di Kg. Kuala Ponson, Dusun Tua
- **Pertandingan Selangorku Futsal Mania Dan Ladies Walk Hunt** di Kg. Labu Lanjut Sepang
- **Pertandingan Bola Sepak 7 Sebelah Dan Play Station** di Pdg Bola Sepak, Tmn Dengkil Jaya
- **Jom Mengail 2013** di Kolam Batu Menangis, Kg. Sg Merab Ulu Sepang
- **Pebt Sepang Track Day** di Salak Tinggi



- **Mencari Harta Karun** di Kg. Bt 14 Puchong - Kg. Org Asli Sg Rasau Hilir Puchong

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT**

49. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah permohonan yang diterima di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat? Sila beri perincian mengikut jabatan?
- b) Berapakah antara permohonan tersebut telah ditolak?

**JAWAPAN :**

a) dan b)

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor masih belum menerima sebarang permohonan untuk mendapatkan maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 memandangkan Enakmen ini baru dilaksanakan selama tiga (3) bulan, iaitu bermula dari tarikh kuat kuasa Enakmen pada 5 Mac 2013 yang lalu. Pentadbiran ini menjangkakan, dengan pelaksanaan beberapa program pendedahan dan promosi, kesedaran orang awam tentang Enakmen ini akan meningkat dan Jabatan / Agensi negeri akan mula menerima permohonan-permohonan untuk mendapatkan maklumat di bawah Enakmen ini dalam jangka masa terdekat.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : AGIHAN WANG ZAKAT**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah agihan wang zakat untuk membantu golongan asnaf miskin di Negeri Selangor dan apakah kriteria - kriteria yang diguna pakai untuk penilaian asnaf miskin ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah agihan wang zakat untuk golongan fakir dan miskin di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

**Jumlah Agihan Zakat Untuk Asnaf Fakir dan Miskin**

<b>Asnaf</b>	<b>*2012 (RM)</b>	<b>2011 (RM)</b>
Fakir	44,331,005	35,495,362
Miskin	94,851,508	76,090,320
<b>Jumlah</b>	<b>139,182,513</b>	<b>111,585,682</b>

*\*Nota:Data belum audit*

Kriteria penilaian asnaf fakir dan miskin yang diguna pakai oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah berdasarkan kepada Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor. Kriteria asnaf fakir dan miskin adalah seperti berikut:

**Kriteria Asnaf Fakir**

1. Beragama Islam dan menetap di Negeri Selangor.
  2. Mempunyai pekerjaan yang tidak halal dan berusaha mencari pekerjaan yang halal.
  3. Ada pekerjaan atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus had kifayah.
  4. Hilang keupayaan diri untuk bekerja dan menyara kehidupan diri dan/atau tanggungannya.
  5. Wanita atau anak-anak yang hilang tempat bergantung atau teraniaya<sup>1</sup>.
  6. Tua/uzur/sebatang kara/cacat dan tiada upaya untuk menyara hidup.
  7. Sakit kronik yang memerlukan kos perubatan yang tinggi atau sakit kronik yang berpanjangan.
  8. Cacat atau sakit kronik yang berupaya menyara hidup tetapi tidak mencukupi separuh had kifayah.
-

9. Mendapat bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri dan tanggungan.

### **Kriteria Asnaf Miskin**

1. Beragama Islam dan menetap di Negeri Selangor.
2. Ada harta tetapi hasil tidak mencukupi.
3. Mempunyai harta atau pendapatan halal boleh menampung 50 peratus untuk keperluan diri atau keperluan diri dan tanggungan.
4. Mendapat bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencukupi had kifayah.
5. Wanita atau anak-anak yang hilang tempat bergantung atau teraniaya.<sup>2</sup>
6. Cacat atau sakit kronik yang berupaya menyara hidup tetapi tidak mencukupi had kifayah.
7. Ada harta yang boleh menampung keperluan asasi dan boleh dimanfaatkan tetapi tidak mencukupi.

<sup>1</sup> Contoh:

- i. Ditinggalkan suami tanpa cerai.
  - ii. Suami masuk penjara/pusat serenti.
  - iii. Menunggu keputusan penceraian dari Mahkamah Syariah.
  - iv. Suami ghaib tanpa memberi nafkah.
  - v. Suami tidak bertanggungjawab pada nafkah.
  - vi. Suami meninggal dunia, sementara menunggu keputusan Amanah Raya.
  - vii. Diceraiakan suami atau tidak menerima nafkah.
-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: JMB DAN PENGURUSAN PANGSAPURI**

51. Kepesatan pembangunan di Selangor adalah diakui semua pihak terutamanya terbina banyak pangsapuri dan apartmen. Banyak masalah pengurusan timbul sama ada pangsapuri baru ataupun lama dan tidak faham tentang tanggungjawab.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menaik tarafkan pengurusan JMB dengan memberikan insentif sewajarnya seperti mana kampung-kampung tradisi ditadbir?
- b) Adakah Skim Ceria untuk pangsapuri akan diperluaskan pada tahun ini dengan sasaran 1 Dun 1 Pangsapuri?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan negeri tidak bercadang untuk menaik tarafkan pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dengan memberikan insentif seperti mana kampung-kampung tradisi ditadbir. Selaras peruntukan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], pembayaran elaun kepada Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) boleh dibuat melalui Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan mengikut apa-apa kadar yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Bangunan. Pelbagai program dan skim bantuan telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi meringankan beban ekonomi pembeli pangsapuri di bandar seterusnya membantu pengurusan JMB agar lebih teratur dan terurus seperti berikut:
  - i. SAFWA '*Selangor Free Water Scheme*'  
Program pemberian air percuma kepada penduduk pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah 'Lapor Dan Dapat'.
  - ii. PERMAI '*Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu*'  
Penyelesaian dan pelaksanaan migrasi meter air pukal kepada meter air individu bagi pangsapuri bukan kos rendah (Kod 17) melalui *Task Force* PERMAI.
  - iii. CERIA '*Caring Government For Residents Improvement Aid*'  
Bantuan baikpulih rumah pangsapuri melalui kaedah perkongsian kos diantara kerajaan negeri dan Pihak Pengurusan Bangunan iaitu JMB/MC.

- iv. Pendakwaan  
Penguatkuasaan Akta 663 melalui tindakan pendakwaan kepada pemaju yang gagal menubuhkan JMB dan pembeli yang gagal membayar caj.
  - v. Kempen BCH 'Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni'  
Memberi mesej dan kesedaran kepada penduduk pangsapuri agar menjalankan tanggungjawab mereka membayar caj penyenggaraan melalui aktiviti dan promosi yang dijalankan oleh pelbagai agensi.
  - vi. SEROJA 'Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor'  
Bantuan kerajaan negeri kepada JMB/MC sebagai insentif kepada penduduk yang bekerjasama menjaga keselamatan kawasan pangsapuri masing-masing
- b) Tidak semua kawasan DUN yang mempunyai perumahan bertingkat. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2013 pelaksanaan skim CERIA akan difokuskan kepada kawasan pangsapuri di bawah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang kurang mendapat manfaat skim CERIA khususnya yang melibatkan permohonan di bawah kategori keselamatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : HUTANG TALAM**

52. Pengambilan hutang Talam Corporation Berhad (TALAM) oleh kerajaan negeri telah dilaksanakan sekian lama.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kronologi, kaedah dan perkembangan terkini proses tersebut?
- b) Nyatakan jumlah tunai yang telah diterima dan dimasukkan ke akaun negeri?
- c) Adakah wang tersebut telah dibelanjakan dan untuk tujuan apa?

**JAWAPAN:**

- a) Kutipan talam disusun mengikut aliran kronologi di bawah:

Tahun	
3/11/2009	Pengesahan hutang TALAM kepada 3 anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui PNSB, KHSB, UNISEL sebanyak 392 juta. Melalui "Assignment of Debt Agreement" hutang TALAM dipindahkan kepada KNS.
6/11/2009	"Receivables Purchase Agreement" ditandatangani diantara KNS, SIC dan MBI untuk pembelian hutang TALAM
12/03/2010	Global Settlement Agreement (GSA) dimeterai oleh MBI bersama TALAM bagi persetujuan kutipan hutang melalui jualan aset, kutipan tunai dan bayaran.
09/04/2010	Supplemental GSA dibuat untuk menambah kekurangan aset TALAM.
2010 - 2013	Jualan terhadap hartanah TALAM telah dimulakan dan dimeterai perjanjian. Sebahagian tanah dijual kepada anak syarikat milik KNS dan sebahagiannya dijual kepada syarikat yang berkeelayakan.

Perkembangan terkini GSA, MBI hampir memuktamadkan penjualan 2 plot terakhir.

- b) Semua urusan berkaitan kutipan penjualan hartanah telah diselesaikan kecuali dua plot hartanah iaitu di Danau Putra dan sebahagian lagi di Bestari Jaya. Hasil jualan di bawah kutipan hutang TALAM tidak dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri.
- c) Hasil jualan hartanah TALAM akan digunakan untuk keperluan Program MES di bawah Kerajaan ***Negeri dan sebahagiannya untuk menampung Program Geran Selangorku.***



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: STATUS PERMOHONAN GERAN OLEH PIHAK SEKOLAH SJK(C)  
TIONG NAM**

53. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah status permohonan geran oleh pihak sekolah SJK(C) Tiong Nam di Sungai Buaya, Banting di sebidang tanah di tepi sekolah tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bersidang pada 13 Mac 2013 telah meluluskan pewartaan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) 2 ekar sebagai kemudahan awam dan 3 ekar diwartakan sebagai tapak sekolah SJK ( C ) Tiong Nam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: KADAR PENGANGGURAN**

54. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peratusan rakyat tenaga kerja Selangor yang berada dalam keadaan menganggur pada hujung tahun 2012?
- b) Daripada jumlah pengangguran itu berapakah jumlah dari mereka adalah dari golongan belia berumur bawah 35 tahun?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam tahun 2012 dan usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan?

**JAWAPAN :**

- a) Statistik kadar pengangguran di Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah seperti berikut :

Jumlah yang bekerja (2012)	Jumlah Penganggur (2012)	Jumlah keseluruhan	Peratusan Menganggur
(a)	(b)	(a) + (b)	$\left( \frac{b}{a+b} \right) \times 100$
2,803,565 orang	66,000 orang	2,869,565 orang	2.3 peratus

*Sumber : Hasil Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia - mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa : International Labour Organisation (ILO) yang diguna pakai oleh semua negara.*

- b) Daripada jumlah penganggur tersebut seramai **52,000 orang** adalah terdiri daripada mereka yang berada dalam lingkungan umur **15 – 35 tahun** seperti berikut:

Jumlah Penganggur	(%)	Penganggur yang berumur	(%)
Tahun 2012		<b>15 – 35 tahun (2012)</b>	
66,000 orang	2.3 %	<b>52,000 orang</b>	<b>78.7%</b>

Sumber : Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia.

- c) Pentadbiran Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam merancang dan melipatgandakan usaha meminimumkan kadar pengangguran dan mewujudkan peluang pekerjaan di Negeri Selangor.

Antara perancangan dan langkah - langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan adalah dengan mengadakan program – program seperti berikut :

- i) Kerjasama dengan Selangor State Investment Centre (SSIC) bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi (pengiklanan melalui local and international magazine seperti Foreign Direct Investment, in flight magazine, mengadakan lawatan ke luar negara bersama Malaysian Investment Development Authority - MIDA dan menyertai pameran perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara. Maklumat terperinci mengenai peluang pekerjaan dan jumlah pelaburan di Negeri Selangor bagi tahun 2012 adalah seperti di lampiran A;
- ii) Melalui tajaan pelajar di kolej INPENS khususnya kepada pelajar - pelajar yang berpendapatan rendah dengan jumlah tajaan sebanyak RM6,500 dan jumlah pelajar yang telah ditajikan adalah seramai 1,137 orang;
- iii) Menganjurkan beberapa program kerjaya khusus untuk belia bagi memberikan pendedahan mengenai peluang – peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat – maklumat bantuan kewangan;

- iv) Menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut :
- 1) Kursus Asas Keusahawanan;
  - 2) Kursus Pemasaran;
  - 3) Kursus Pengurusan Kewangan; dan
  - 4) Kursus Rancangan Perniagaan
- v) Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2013 dengan pencapaian seramai 2,946 pemohon yang berjaya di temuduga, selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temuduga diadakan. Maklumat terperinci pelaksanaan program seperti di lampiran B; dan
- vi) Program Jom Kerja berbentuk Kursus Kerja Berkualiti menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan sedia ada. Kursus ini dijalankan selama dua hari dan akan membina kekuatan peserta melalui modul pembangunan insan yang terancang demi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Pada tahun 2012 sebanyak 11 program telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan penyertaan seramai 800 orang.

Selain itu, pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Peransang Selangor Berhad telah melaksanakan Program Ransangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkatkan pengetahuan dengan menyediakan kursus - kursus kemahiran umum dan khusus.

Objektif utama Program RKSS ini adalah untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan samada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran - kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa utama iaitu :

- **Fasa I:** Penyediaan kursus dan latihan yang strategik untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, nilai diri dan keyakinan siswazah-siswazah dalam negeri Selangor bagi membolehkan mereka lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perusahaan perniagaan sendiri; dan
- **Fasa II:** Penyediaan Latihan di Tempat Kerja (On-The-Job Training) dan usaha untuk membuat rekomendasi kepada majikan-majikan yang relevan bagi siswazah-siswazah yang telah menamatkan kursus

Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) secara percuma kepada mahasiswa Selangor (lulusan Diploma dan Ijazah) sejak **September 2011 hingga Disember 2012 seramai 735 orang** telah terlibat di dalam program ini. Manakala pada tahun 2013, **Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS)** telah ditukar kepada **Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**, di mana majlis pelancaran telah diadakan sempena Karnival RKRS di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15-16 Disember 2013. Program RKRS terbuka kepada belia, mahasiswa, surirumah dan pesara ditawarkan secara percuma dan telah berjaya melibatkan **seramai 655 orang**. Maklumat terperinci mengenai senarai kursus seperti **di lampiran C**.

## LAMPIRAN A

### PELABURAN DAN PELUANG PEKERJAAN DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2012

Table 1 : APPROVED MANUFACTURING PROJECTS BY STATE, JAN - DEC 2012

State	Jan - Dec 2012			
	Number	Potential Employment	Domestic Investment (RM)	Total Capital Investment (RM)
Selangor	252	22,719	7,305,494,367	11,734,817,935

Table 2 : APPROVED MANUFACTURING PROJECTS IN SELANGOR WITH FOREIGN PARTICIPATION, JAN - DEC 2012

Country	No.	Potential Employment	Foreign Investment (RM)
China	9	1,798	1,256,853,471
Singapore	21	1,704	770,567,957
Germany	10	520	381,815,828
Switzerland	3	98	267,520,000
Thailand	5	449	226,652,056
India	9	433	181,152,143
Japan	19	1,484	157,711,431
France	3	269	82,782,788
Belgium	1	45	62,895,168
British Virgin Island	3	112	45,511,000
United Kingdom	4	154	45,140,333
Denmark	2	109	40,064,901
Australia	4	181	27,723,106

Country	No.	Potential Employment	Foreign Investment (RM)
Korea	4	185	27,635,261
Italy	2	43	15,319,339
Indonesia	1	29	10,181,997
Austria	1	56	8,862,900
Taiwan	2	39	7,018,890
HongKong	1	9	6,100,000
United States	2	65	5,078,900
Lebanon	1	56	4,433,000
Netherlands	1	10	2,766,679
Pakistan	1	76	2,200,000
Saudi Arabia	1	13	2,021,433
New Zealand	1	50	645,799
Others	27	3,929	790,669,189
<b>Total</b>	<b>***</b>	<b>***</b>	<b>4,429,323,568</b>

Source : MIDA

**Table 3 : APPROVED MANUFACTURING PROJECTS IN SELANGOR  
BY LOCATION, JAN-DEC 2012**

Factory Location	Jan-Dec 2012				
	Number	Potential Employment	Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	Total Capital Investment (RM)
Serendah	3	2,086	2,083,360,480	30,270,520	2,113,631,000
Shah Alam	58	4,666	643,280,166	1,252,334,654	1,895,614,820
Subang	8	2,278	1,442,680,568	330,408,400	1,773,088,968
Other Areas	9	1,527	77,736,517	1,213,682,234	1,291,418,751
Pelabohan Kelang	19	1,128	415,887,260	142,035,212	557,922,472
Kelang	20	1,932	315,613,865	117,516,646	433,130,511
Bukit Rajah IE	3	255	135,076,396	249,410,000	384,486,396
Pulau Lumut/Pulau Indah	6	321	91,702,267	222,192,068	313,894,335

Factory Location	Jan-Dec 2012				
	Number	Potential Employment	Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	Total Capital Investment (RM)
Puchong	17	889	267,089,569	33,715,347	300,804,916
Selangor	3	285	195,836,881	75,660,587	271,497,468
Rawang IE	7	1,254	267,891,591	3,194,000	271,085,591
Telok Panglima Garang	6	181	89,397,243	133,760,000	223,157,243
Telok Panglima Garang IE	3	461	148,689,539	54,328,982	203,018,521
Rawang	10	833	159,949,687	35,072,229	195,021,916
Sungai Buloh K.Lumpur	3	428	112,867,229	45,093,158	157,960,387
Pulau Carey	1	93	118,401,515	31,473,820	149,875,335
Banting IE	1	40	0	105,000,000	105,000,000
Kuala Langat	1	28	64,513,800	34,738,200	99,252,000
Petaling Jaya	6	183	54,426,921	37,797,024	92,223,945
Olak Lempit Kuala Langat	2	110	73,181,000	18,819,000	92,000,000
Semenyih	7	407	42,014,209	34,132,114	76,146,323
Kapar	7	378	67,652,723	8,416,196	76,068,919
Seri Kembangan/Serdang	3	501	56,689,754	15,329,200	72,018,954
Rasah	2	155	56,000,000	15,000,000	71,000,000
Bangi	4	65	58,899,038	11,209,597	70,108,635
Beranang IE	6	300	68,400,432	1,139,189	69,539,621
Bangi IE (Ph1 & Ph2)	1	261	0	58,920,000	58,920,000
Balakong	5	138	15,832,845	36,958,573	52,791,418
Cheras Jaya IE/Inch Kenne	3	134	35,729,373	11,605,000	47,334,373
Balakong IE	3	144	38,512,457	6,100,000	44,612,457
Batang Kali	1	22	35,291,027	1,129,021	36,420,048
Kajang	4	508	13,196,945	13,692,030	26,888,975
Subang Hi-Tech Ind. Park	1	149	0	21,916,038	21,916,038



Factory Location	Jan-Dec 2012				
	Number	Potential Employment	Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	Total Capital Investment (RM)
Batang Berjantai/Bestari Jaya	2	26	10,118,000	10,000,000	20,118,000
Kuala Selangor	1	61	19,553,797	0	19,553,797
Dengkil	2	125	1,380,895	11,322,030	12,702,925
Rantau Panjang Kelang	1	7	10,022,186	0	10,022,186
Sungai Buloh K.Selangor	3	146	3,550,000	3,952,499	7,502,499
Beranang	2	58	5,996,122	0	5,996,122
Jeram	2	92	3,662,824	0	3,662,824
Pandamaran	2	39	3,000,000	0	3,000,000
Batu Caves	2	16	2,409,246	0	2,409,246
Seri Kembangan IE	1	0	0	2,000,000	2,000,000
Hulu Langat	1	9	0	0	0
	<b>252</b>	<b>22,719</b>	<b>7,305,494,367</b>	<b>4,429,323,568</b>	<b>11,734,817,935</b>

Source : MIDA

**Table 4 : APPROVED MANUFACTURING PROJECTS IN SELANGOR BY STATUS, JAN - DEC 2012**

Status	Jan - Dec 2012				
	Number	Potential Employment	Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	Total Capital Investment (RM)
<b>New</b>	<b>156</b>	<b>14,799</b>	<b>5,070,623,345</b>	<b>3,074,098,834</b>	<b>8,144,722,179</b>
<b>Exp./Div.</b>	<b>96</b>	<b>7,920</b>	<b>2,234,871,022</b>	<b>1,355,224,734</b>	<b>3,590,095,756</b>
<b>TOTAL</b>	<b>252</b>	<b>22,719</b>	<b>7,305,494,367</b>	<b>4,429,323,568</b>	<b>11,734,817,935</b>

Source : MIDA

**Table 5 : APPROVED MANUFACTURING PROJECTS IN SELANGOR BY INDUSTRY,  
JAN - DEC 2012**

Industry	Jan - Dec 2012				
	No	Potential Employment	Domestic Investment	Foreign Investment (RM)	Total Capital Investment
			(RM)		(RM)
Food Manufacturing	20	2,215	914,567,568	326,156,559	1,240,724,127
Beverages & Tobacco	2	876	84,841,437	220,563,301	305,404,738
Textiles & Textile Products	7	488	42,602,021	56,957,379	99,559,400
Leather & Leather Products	1	12	10,118,000	0	10,118,000
Wood & Wood Products	7	313	46,416,174	36,554,476	82,970,650
Furniture & Fixtures	9	708	89,092,135	17,449,200	106,541,335
Paper, Printing & Publishing	6	555	96,173,458	309,767,573	405,941,031
Chemical & Chemical Products	20	508	164,146,320	330,536,732	494,683,052
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	5	490	117,137,400	124,772,518	241,909,918
Rubber Products	9	885	125,800,811	30,206,773	156,007,584
Plastic Products	27	1,478	213,286,081	128,578,382	341,864,463
Non-Metallic Mineral Products	4	111	68,931,386	12,021,433	80,952,819
Basic Metal Products	15	999	471,354,172	274,147,500	745,501,672
Fabricated Metal Products	18	1,036	156,948,165	98,202,265	255,150,430
Machinery & Equipment	31	1,978	208,326,322	339,234,424	547,560,746
Electronics & Electrical Products	26	2,878	308,037,371	1,326,343,367	1,634,380,738
Transport Equipment	39	7,100	4,155,073,747	797,531,687	4,952,605,434
Scientific & Measuring Equipment	6	89	32,641,798	300,000	32,941,798
<b>Total</b>	<b>252</b>	<b>22,719</b>	<b>7,305,494,367</b>	<b>4,429,323,568</b>	<b>11,734,817,935</b>

Source : MIDA

**LAMPIRAN B****PENCAPAIAN PROGRAM JOM KERJA BERMULA TAHUN 2009 - 2013**

Bil	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
1.	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	7 – 8 Nov 2009	20 buah	1,078	480
2.	Kuala Langat	14 – 15 Dis 2009	16 buah	1,672	670
3.	Klang	9 – 10 Jan 2010	29 buah	2,060	886
4.	Petaling	3 – 4 April 2010	22 buah	400	187
5.	Hulu Selangor	18 April 2010	20 buah	141	81
6.	Sepang	9 Okt 2010	10 buah	211	137
7.	Hulu Langat	13 Nov 2010	8 buah	144	118
8.	Gombak	27 Nov 2010	9 buah	107	52
9.	Kuala Langat	18 Jun 2011	11 buah	70	31
10.	Klang	30 – 31 Mac 2013	23 buah	884	304
<b>Jumlah</b>				<b>6,767</b>	<b>2,946</b>

## LAMPIRAN C

### PENCAPAIAN PROGRAM RANGSANGAN KERJAYA RAKYAT SELANGOR (RKRS)

#### RKRS 2011 – 2012

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir</li> <li>Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja</li> </ul>	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	42
2.	Pembangunan Usahawan Muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran sebagai usahawan yang berdedikasi, bersemangat waja, berfikiran jauh dan mempunyai daya saing tinggi</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Corporate Education Development Centre (CEDC)	57
3.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam</li> </ul>	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	38
4.	Pentadbir IT ( <i>IT Administrator</i> ), Sijil Keselamatan & Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb.</li> <li>Kemahiran dalam pengurusan server, <i>reka bentuk rangkaian &amp; keselamatan</i> dan penyelesaian masalah.</li> <li>Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah (<i>perkakasan &amp; perisian</i>)</li> </ul>	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	47
5.	Fiber Untuk Juruteknik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan <i>rangkaian</i>.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	60

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
6.	Kreativiti Dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang kreativiti dan inovasi.</li> </ul>	1 Minggu (5 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	13
7.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	196
8.	Adobe Photoshop & Microsof Office	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop &amp; Microsoft Office</li> </ul>	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	18
9.	Industri Maritim/ Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	45
10.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakain lelaki dan wanita</li> </ul>	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	47
11.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang percetakan segera</li> </ul>	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	83
12.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak</li> </ul>	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	30
13.	Penjagaan rambut (Hairdressing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang berdandan/penjagaan rambut (hairdressing)</li> </ul>	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	15
14.	Perunding Pelancongan (Tourist Guide)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perundingan pelancongan</li> </ul>	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	14

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
15.	Penternakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh</li> </ul>	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>735</b>

### RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir</li> <li>Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja</li> </ul>	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	60
2.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam</li> </ul>	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At- Tibyan dan MIM	13
3.	Pentadbir IT ( <i>IT Administrator</i> ), Sijil Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb.</li> <li>Kemahiran dalam pengurusan server, <i>reka</i></li> <li>bentuk rangkaian &amp; keselamatan dan penyelesaian masalah.</li> <li>Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah (perkakasan &amp; perisian)</li> </ul>	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	19
4.	Juruteknik Fiber Optik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan rangkaian.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	51

## RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
5.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	49
6.	Adobe Photoshop, Animation & Microsof Office	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop &amp; Microsoft Office</li> </ul>	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	15
7.	Industri Maritim/Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	30
8.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakain lelaki dan wanita</li> </ul>	12 Minggu (3 bulan)	Akademi Jahitan Kamsiah	30
9.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang percetakan segera</li> </ul>	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	63
10.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak</li> </ul>	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	60

11.	Keusahawanan Perkhidmatan Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perakaunan</li> </ul>	1 Minggu (5 hari)	A. Razak & Co	60
-----	--------------------------------------	--	-------------------	---------------	----

## RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
12.	Penternakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh</li> </ul>	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	60
13.	Bakeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang bakeri ; kek, roti &amp; pastri</li> </ul>	1 Bulan (30 hari)	My Chef Enterprise Sdn Bhd	60
14.	Kerjaya Mutawwif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dalam kerjaya sebagai Konsultan, Mutawwif Umrah dan Haji</li> </ul>	5 Hari	AMTC Services Sdn Bhd	60
15.	Kemahiran Teknikal Komputer, Keusahawanan & Tenaga Pengajar Microsoft	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dalam keusahawanan, kemahiran teknikal IT &amp; pembangunan sendiri</li> </ul>	1 Bulan (30 Hari)	Skali Community Engagement Sdn Bhd	25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>655</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PENDAPATAN PBT**

55. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Huraikan jumlah pendapatan PBT dalam bentuk Ringgit Malaysia mengikut *ranking* yang tertinggi hingga yang terendah?
  - b) Sumber manakah yang menghasilkan pendapatan tertinggi?

**JAWAPAN :**

- a) Secara keseluruhannya jumlah pendapatan PBT Negeri Selangor bagi Tahun 2011 yang telah diaudit adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hasil</b>	<b>Tahun 2011(Audited) (RM)</b>
1.	Cukai Taksiran	1,034,088,968.28
2.	Lesen dan Permit	88,090,146.00
3.	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	82,792,209.00
4.	Sewaan	67,578,288.00
5.	Kompaun dan Denda	56,688,546.00
6.	Geran Penyelenggaraan Jalan	43,717,006.22
7.	Geran Keseimbangan	38,696,447.00
8.	Faedah, Keuntungan daripada pelaburan	32,806,889.00
9.	Perolehan dari Jualan	28,318,025.00
10.	Kredit Tertunda	21,992,533.00
11.	Sumbangan dan Bayaran Ganti Rugi	20,452,838.00
12.	Pelbagai Penerimaan	19,843,451.00
13.	Caruman Membantu Kadar	14,367,540.93
14.	Pelbagai Geran	10,935,088.00
15.	Keuntungan Pelupusan Harta	6,402,781.00
16.	Geran Pembangunan	5,902,081.00
17.	Pulangan Balik Perbelanjaan	3,085,228.00
18.	Lain-lain	1,800,145.00
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>1,577,558,210.43</b>

- b) Hasil Cukai Taksiran merupakan hasil tertinggi bagi keseluruhan pendapatan PBT Negeri Selangor bagi tahun 2011 dengan Jumlah RM 1,034 Juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: PEKERJA LADANG**

56. Pekerja ladang adalah aset penting dalam industri komoditi utama negara

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik pekerja ladang mengikut daerah dan nama ladang?
- b) Apakah isu dan masalah yang dihadapi pekerja ladang?
- c) Apakah skim dan program untuk membantu pekerja ladang?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mendapatkan statistik jumlah pekerja ladang terkini memandangkan pekerjaan ladang adalah merupakan sejenis pekerjaan turun temurun, namun terdapat juga ahli keluarga yang berpindah ke luar dari kelompok ladang memandangkan tawaran kerja dan peluang melanjutkan pelajaran. Pecahan peratusan kaum yang bekerja di ladang juga adalah tidak menentu berdasarkan lokasi ladang tersebut, Kaum India merupakan kaum yang memonopoli pekerjaan diladang sebanyak (70 peratus), Kaum Melayu (15 peratus), Kaum Cina (5 peratus) sementara baki adalah kaum Orang Asli dan Pekerja Asing (10 peratus).

Berikut adalah senarai antara ladang-ladang yang terdapat di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>NAMA LADANG</b>	<b>JUMLAH PEKERJA</b>
<b>1</b>	<b>HULU SELANGOR</b>	Ladang Changkat Asa	70 orang
<b>2</b>		Ladang Katoyang	38 orang
<b>3</b>		Ladang Kerling	32 orang
<b>4</b>	<b>HULU SELANGOR</b>	Ladang Sungai Jernih	47 orang
<b>5</b>		Ladang Kelapa Bali	3 orang
<b>6</b>		Ladang Lima Blas	11 orang
<b>7</b>		Ladang Lima Blas Oil Mill	23 orang

8		Ladang Sungai Gumut	5 orang
9		Ladang Tanjung Malim Oil Mill	62 orang
10		Ladang SMR Factory	6 orang
11		Ladang Hulu selangor	13 orang
12		Ladang Sungai Gapi	32 orang
13		Ladang Sungai Gapi East Division	34 orang
14	<b>KUALA LANGAT</b>	Ladang Pulau Carey East A	82 orang
15		Ladang Pulau Carey East B	74 orang
16		Ladang Pulau Carey East C	71 orang
17		Ladang Pulau Carey East D	16 orang
18		Ladang Pulau Carey East Oil Mill	66 orang
19		Ladang Pulau Carey West 4	80 orang
20		Ladang Pulau Carey West 6	37 orang
21		Ladang Pulau Carey West 7	48 orang
22		Ladang Pulau Carey South A	57 orang
23		Ladang Pulau Carey South B	44 orang
24		Ladang Pulau Carey West Oil Mill	51 Orang

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>NAMA LADANG</b>	<b>JUMLAH PEKERJA</b>
<b>25</b>	<b>KUALA LANGAT</b>	Ladang Bandar	20 orang
<b>26</b>		Ladang Batu Untong	16 orang
<b>27</b>		Ladang Bedford	29 orang
<b>28</b>		Ladang Bukit Cheeding	5 orang
<b>29</b>		Ladang Banting Palm Oil Mill	10 orang
<b>30</b>		Ladang Fermanagh Est/OM	63 orang
<b>31</b>		Ladang Lelanang Baru	35 orang
<b>32</b>		Ladang Sungai Bualah	5 orang
<b>33</b>		Ladang Teluk Datoh	25 orang
<b>34</b>		Ladang Tanjumb Duablas	13 orang
<b>35</b>		Ladang Sime Darby Research (OPRS)	114 orang
<b>36</b>		Ladang Sime Darby Blotech & Lab	8 orang
<b>37</b>		Ladang Sime Darby Seeds & Agricul	52 orang
<b>38</b>		Ladang Sri Langat Oil Mill	54 orang
<b>39</b>	Ladang Sepang B/C	189 orang	
<b>40</b>	Ladang Sepang Sungai Linau	49 orang	
<b>41</b>	Ladang Sungai Rawang	13 orang	
<b>42</b>	Ladang Sepang Oil Mill	52 orang	

<b>43</b>	<b>SABAK BERNAM</b>	Ladang Sungai Bernam 1	27 orang
<b>44</b>		Ladang Sungai Bernam 2	19 orang
<b>45</b>		Ladang -do- Cort 1&2	8 orang
<b>46</b>	<b>SABAK BERNAM</b>	Ladang Sabak Bernam	138 orang
<b>47</b>	<b>KUALA SELANGOR</b>	Ladang Berjantai	15 orang
<b>48</b>		Ladang Bukit Lagong	38 orang
<b>49</b>		Ladang Talang Oil Mill	38 orang
<b>50</b>		Ladang Talang	89 orang
<b>51</b>		Ladang Kampung Baru	93 orang
<b>52</b>		Ladang Rajamusa	105 orang
<b>53</b>		Ladang Bukit Belimbing	11 Orang
<b>54</b>		Ladang Bukit Tagar	25 orang
<b>55</b>		Ladang Nigle Gardener	45 orang
<b>56</b>		Ladang Bukit Rotan Oil Mill	8 orang
<b>57</b>		Ladang Eng Hang	2 orang
<b>58</b>		Ladang Elmina	65 orang
<b>59</b>		Ladang Starthalie	45 orang
<b>60</b>		Ladang Group of B	28 orang
<b>61</b>		Ladang Minyak	41 orang
<b>62</b>		Ladang Minyak Oil Mill	42 orang
<b>63</b>		Ladang Sungai Tinggi	62 orang
<b>64</b>		Ladang Shalimar	10 orang
<b>65</b>	Ladang Sungai Buloh	188 orang	
<b>66</b>	Ladang Selangor River	83 orang	
<b>67</b>	Ladang Kuala Selangor	44 orang	
<b>68</b>	Ladang Sungai Rambai	2 orang	

69		Ladang Tennamaram	79 orang
70		Ladang Hopeful	26 orang
71	<b>KUALA SELANGOR</b>	Ladang Bukit Badong	15 orang
72		Ladang Tennamaram Oil Mill	45 orang
73		Ladang Tuan Mee	17 orang
74		Ladang Caledonian	42 orang
75		Ladang Jeram	40 orang
76		Ladang Bukit Darah	22 orang
77		Ladang Tuan Mee Oil Mill	60 orang
78		<b>KLANG</b>	Ladang Bukit Cheraka
79	Ladang Bukit Clah		58 orang
80	Ladang Brounston		20 orang
81	Ladang Bukit Ijok		46 orang
82	Ladang Bukit Kerayong		44 orang
83	Ladang Sungai Kapar		7 orang
84	Ladang Jalan Acob		49 orang
85	Ladang Bukit Kerayong Oil Mill		15 orang
86	Ladang Golconda		1 orang
87	Ladang Golconda Oil Mill		10 orang
88	Ladang Bukit Raja		35 orang
89	Ladang Subang		15 orang
90	<b>HULU LANGAT</b>	Ladang Ampertenang	41 orang
91		Ladang Balau	1 orang
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>3850 orang</b>

b) Masyarakat Pekerja Ladang berhadapan dengan masalah:

<b>Bil</b>	<b>Masalah yang dihadapi</b>	<b>Faktor penyebab</b>
1.	Masalah pengangguran dikalangan ahli keluarga	Peluang pekerjaan yang terhad
2.	Masalah pendidikan	Sekolah yang jauh dari kawasan penempatan
3.	Masalah kemiskinan	Pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga yang besar
4.	Masalah pengangkutan	Kebanyakan kawasan penempatan ladang terletak jauh dari jalan raya utama. Masalah pengangkutan antara penyebab proses menghubungkan Masyarakat Pekerja Ladang dan bandar agar sukar.
5.	Masalah perumahan	Masalah perumahan bekas pekerja ladang
6.	Masalah kesihatan	Kedudukan penempatan yang jauh daripada Hospital atau Klinik Kesihatan
7.	Tempat Ibadat	Penyediaan Ibadat juga merupakan antara penyumbang kepada permasalahan yang dihadapi oleh Pekerja Ladang.
8.	Masalah kemudahan asas	Disebabkan kedudukan kawasan perumahan yang tidak strategik kemudahan air dan elektrik juga merupakan antara masalah yang dihadapi oleh Pekerja Ladang, tetapi ianya bergantung kepada syarikat ladang masing-masing.

- c) Kerajaan Negeri dalam usaha membantu masyarakat Pekerja Ladang adalah dengan mewujudkan program-program seperti:

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Modus Pelaksanaan</b>
1.	Program Kemahiran Teknikal	Memberi bantuan kepada anak-anak pekerja ladang melanjutkan pengajian dalam bentuk kemahiran di INPENS INTERNATIONAL COLLEGE Kuala Selangor. Dimana yuran pengajian akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
2.	Program Back to School	Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membeli barangan keperluan persekolahan berupa beg sekolah dimana penerima adalah dari kalangan murid keluarga miskin dan anak-anak pekerja ladang
3.	Program Subsidi Tambang Bas Sekolah	Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak RM300.00 bagi setiap pelajar yang terpilih untuk menampung perbelanjaan tambang bas sekolah bagi setiap 6 bulan. Program ini disusun mengikut keperluan dan akan dilaksanakan secara berperingkat.
4.	Program Wanita Ladang	Memberi kemudahan Pinjaman Mikro Kredit kepada wanita ladang yang menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan seperti perusahaan makanan, jahitan dan penghasilan kraftangan.



5.	Sumbangan Baik Pulih dan Kelengkapan Sekolah Ladang	Memberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang dikenalpasti untuk diberi bantuan seperti kelengkapan makmal komputer, makmal sains, dan pusat sumber.
6.	Hadiah Kecemerlangan Pelajar UPSR	Memberi galakan kepada pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR dengan memberi cenderahati dan sijil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

57. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai yang telah dikenal pasti tetapi masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat di Daerah Hulu Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memulihkan Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) . Jika tidak, nyatakan sebabnya?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek perumahan terbengkalai yang telah dikenal pasti tetapi masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat di Daerah Hulu Selangor sehingga 31 Mei 2013 adalah sebanyak 14 projek yang melibatkan 4,707 unit seperti berikut

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>NAMA PEMAJU</b>
1	Projek Perumahan Desa Beruntung, 913 Unit RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Prospell Development Sdn Bhd (Digulung) Pelikuidasi – Rabindra Singh & Associates
2	Projek Perumahan Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lemah Beringin Sdn Bhd (Digulung) Pelikuidasi – Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd
3	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, 79 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn Bhd
4	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat di Fasa 16A, Bukit Sentosa 3, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn Bhd
5	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin, Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn Bhd

6	Projek Pemberimilikan Tanah Secara Terancang di Bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn Bhd
7	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang (Fasa 2 – 461 unit), Kampung Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	ARK Development Sdn Bhd
8	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo (The Genting Vallley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn Bhd (Digulung) Pelikuidasi – HLB Ler Lum Sdn Bhd
9	Projek Perumahan 131 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1 Tingkat & 16 Unit Rumah Teres Kos Rendah 2 Tingkat, (Taman Malim Mas), Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JK-NBA Ventures Sdn Bhd (Digulung) Pelikuidasi – Rimbun Advisory Corporate Sdn Bhd
10	Projek Pembesaran Kampung Koskan, 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah (Serendah Perdana), Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn Bhd
11	Projek Perumahan di Bawah Skim Pemilikan Secara Terancang Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn Bhd
12	Projek Erina Heights, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn Bhd
13	Projek Perumahan di Atas Hakmilik Geran 39220, Lot 2496 dan Geran 39221, Lot 2565, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Peninsular Park Sdn Bhd (Digulung)
14	Projek Perumahan Taman Impian, 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Kampung Bharu Sejantung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor	Oridua Construction Sdn Bhd

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyelesaikan masalah projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) yang terbengkalai sejak sekian lama dengan mengadakan beberapa siri perbincangan pemulihan projek ini dengan kontraktor projek iaitu Modulex Sistem (M) Sdn Bhd sejak 2003 hingga 2005. Selepas tahun berikutnya sehingga kini, syarikat terlibat tidak dapat dikenalpasti dan dikesan dalam usaha pemulihan projek berkenaan. Pada Julai 2012, terdapat cadangan pengambilalihan dan pemulihan projek ini oleh pemaju penyelamat iaitu Planbig Sdn Bhd melalui persetujuan pembeli-pembeli terlibat yang merupakan pemilik tanah. Bagaimanapun, pemaju penyelamat hanya mendapat persetujuan sebahagian pembeli sahaja daripada 115 pembeli terlibat. Dalam memastikan pemulihan projek ini dapat diteruskan semula maka persetujuan 100% daripada kesemua pemilik tanah/pembeli adalah diperlukan. Dengan itu, pemaju penyelamat tidak dapat meneruskan usaha pemulihan tersebut di atas kegagalan mendapatkan persetujuan kesemua pembeli. Adalah disarankan supaya Yang Berhormat turut bersama-sama dalam membantu dan bekerjasama dengan pemaju penyelamat sedia ada untuk mengadakan perbincangan dengan pembeli terlibat bagi mendapatkan persetujuan bersama untuk tujuan pemulihan projek ini.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan proaktif dalam mengatasi situasi ini untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli / Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri akan terus berbincang dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai.

Jawatankuasa ini juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju penyelamat bersama semua jabatan teknikal bagi tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

Membuat penilaian semulaa kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. Selain itu, Jawatankuasa ini akan mengatur pertemuan dengan pemiaya-pemiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli menstrukturkan semula pinjaman akhir dan mendapatkan pinjaman tambahan sekiranya terdapat kos tambahan pemulihan projek dan akhirnya projek boleh diteruskan semula.

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tindakan rampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seperti kegagalan memnayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan projek tersebut dapat dipulihkan semula. Sebagai contoh, tindakan ini telah dilaksanakan bagi penyelesaian Projek Bukit Botak dan Alam Perdana yang melibatkan pengambilan tanah secara menyeluruh bagi tujuan memulihkan semula projek terbengkalai dan menjamin hak pembeli terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA YANG INKLUSIF**

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Pelan Tindakan Pembangunan Belia kerajaan negeri?
- b) Apakah usaha kerajaan bagi memastikan belia Selangor menjadi pemilih yang bertanggungjawab dalam pilihan raya yang akan datang?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk memperkasa Pembangunan Belia ke arah gaya hidup positif dalam menyediakan golongan muda dan remaja menghadapi cabaran keremajaan dan kedewasaan melalui program-program yang dirancang bagi melepasi satu tahap keupayaan sosial, moral, emosi, fizikal dan mental yang seimbang. Seterusnya, pelbagai program pembangunan belia berdasarkan kepada 6 teras iaitu kepimpinan, keusahawanan, pendidikan, sukan, kemasyarakatan dan seni budaya bagi mencapai hasrat kerajaan dalam membentuk belia sebagai tonggak Negara.
- b) Di antara usaha-usaha kerajaan dalam memastikan belia Selangor menjadi pemilih yang bertanggungjawab dalam pilihan raya ialah kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam membantu golongan belia dari pelbagai aspek seperti pendidikan, ekonomi dan sosial. Seterusnya, kerajaan perlu memberi ruang dan peluang kepada golongan belia dalam menyuarakan pendapat dan pandangan dari pelbagai aspek dan mengambil kira pandangan dan pendapat tersebut sebagai penambahbaikan dalam melaksanakan pembangunan belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMBERDAYAAN WANITA**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Bilakah Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor dengan peruntukan RM50 juta akan dimulakan?
  - b) Apakah strategi bagi meluas dan melebarkan program-program Skim Mikro Kredit?
  - c) Bilakah kemudahan nurseri dan tadika di bangunan kerajaan akan dimulakan?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah membuat satu Pelan Tindakan Wanita Selangor 2013-2018 dan telah memfokuskan 12 bidang utama. Peruntukan bagi menjayakan 12 bidang utama ini dianggarkan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM 10 juta setahun. Peruntukan bagi pemberdayaan Wanita ini akan dimulakan pada tahun 2014.
- b) Jawapan adalah terbahagi kepada tiga bahagian:
  - i) Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL)

Strategi SKIMSEL bagi meluas dan melebar program adalah melalui Pelan Tindakan Strategik (PTS) di peringkat cawangan dan blok/mukim. Setiap Cawangan akan mempunyai 5 hingga 7 blok/mukim yang diselia oleh Pegawai Operasi (PO). Setiap Pegawai Operasi dipertanggungjawabkan untuk menyelia 300 hingga 350 orang sadiq.

Setiap PO kini bergerak mengikut PTS masing-masing. Untuk mencapai sasaran 300-350 sadiq tersebut, PO perlu mengenal pasti isirumah miskin berdasarkan indeks rumah yang di kategori sebagai indeks buruh, sederhana dan moden. Indeks rumah yang menjadi sasaran adalah buruk dan sederhana. PO akan melaksanakan Bancian Kelayakan di rumah-rumah yang telah disasarkan. Selain itu, PO juga melaksanakan taklimat ceramah serta sesi penerangan kepada penduduk kampung dengan kerjasama Ketua Kampung, Penghulu dan Kepimpinan Masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: BANTUAN & BIASISWA**


60. Bantuan dan biasiswa pelajaran anak Selangor adalah antara manifesto PRU-12 kerajaan negeri.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status pelaksanaan manifesto ini?
- b) Beri statistik jumlah bantuan dan penerima bantuan atau biasiswa dari kerajaan negeri atau anak syarikatnya dari 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Pemberian bantuan dan biasiswa telah dilaksanakan melalui Program Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang diuruskan oleh Cawangan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Statistik jumlah bantuan dan penerima bantuan atau biasiswa dari kerajaan negeri atau anak syarikatnya dari 2008 hingga 2013.





<b>Tahun</b>	<b>Jumlah pelajar yang menerima tawaran Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor (Orang)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor (RM)</b>
2008	708	6,320,526
2009	755	9,473,269
2010	1040	11,450,579.00
2011	850	15,420,337.00
2012	1460	19,527,011.00
2013	532	9,805,270.65

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN SUNGAI KAYU ARA**

61. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- a) Apakah rancangan keseluruhan JPS untuk menyelenggara Sungai Kayu Ara?
  - b) Senarai kepanjangan tebing sungai dan benteng konkrit yang telah dibina serta lokasi yang telah diperbaiki (sila nyatakan tahun).

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah merancang program-program penyelenggara sungai di Sungai Kayu Ara yang mana ianya melibatkan kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sampah sarap serta halangan-halangan yang menyekat aliran air sungai dari berlaku masalah banjir di kawasan penduduk setempat.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor turut merancang untuk menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing parit dan pembaikan struktur yang rosak di sepanjang Sungai Kayu Ara tersebut. Walaubagaimanapun, JPS Negeri Selangor sedang di dalam proses melantik kontraktor bagi menyiapkan projek terbengkalai menaiktaraf saluran Sungai Kayu Ara untuk dilaksanakan.

- b) JPS Negeri Selangor melalui JPS Daerah Petaling telah menaiktaraf Sungai Kayu Ara dengan membina struktur konkrit di beberapa bahagian yang kritikal di mana keutamaan diberikan di sekitar kawasan perumahan, komersial dan perindustrian. Pembinaan menaiktaraf sungai dijalankan secara berperingkat dengan anggaran panjang keseluruhan 12 km dan telah siap pada hujung Mei 2013 bagi mengatasi masalah hakisan tebing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KEDAI PENIAGA KECIL BANDAR DAN LUAR BANDAR**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan kedai kos rendah luar bandar dan bandar di bawah Pejabat Daerah dan MPK?
  - b) Adakah perancangan menambah bilangan untuk mengatasi peniaga-peniaga kecil tanpa lesen dirizab kerajaan?
  - c) Berapakah anggaran kos mewujudkan gerai-gerai berpusat di satu-satu lokasi luar bandar?

**JAWAPAN :**

- a) Terdapat sebanyak 131 buah Kedai Luar Bandar dan 13 buah Gerai Luar Bandar di bawah Majlis Perbandaran Klang. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 144 buah.
- b) Tiada.
- c) Anggaran kos pembinaan tapak gerai makan berpusat bergantung kepada keluasan tapak dan bilangan gerai yang dapat dibina.

Untuk rujukan, kos seunit gerai makan adalah RM19 ribu manakala seunit gerai penjaja adalah RM4 ribu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PERBELANJAAN PERUNTUKKAN MARRIS KEPADA PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

63. Kebanyakan jalan-jalan di MBSA telah melebihi 30 tahun dan belum diturap semula.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah kilometer (km) jalan-jalan di bawah selenggaraan MBSA yang layak mendapat peruntukkan MARRIS?
- b) Berapakah kadar per kilometer peruntukkan disediakan di bawah MARRIS untuk menyelenggarakan jalan?
- c) Berapakah jumlah bayaran yang diberi kepada pihak MBSA dan Kerajaan Negeri di bawah peruntukkan MARRIS mengikut tahun, dari tahun 2008-2012?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kilometer (km) jalan Majlis di MBSA yang telah disahkan mengikut rekod MARRIS JKR sehingga 18 Jun 2013 ialah 1988.563 km. Sementara itu sepanjang 250 km lagi jalan Majlis sedang dalam proses pendaftaran dan pengesahan pihak JKR.
- b) Pada masa ini kadar peruntukan bagi penyelenggaraan jalan Majlis yang didaftarkan dan disahkan di bawah MARRIS bagi setiap kilometer ialah RM 33,000.00. Berdasarkan kepada panjang jalan Majlis di bawah MARRIS yang disahkan oleh JKR dan kadar peruntukan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh JKR, MBSA adalah layak menerima geran MARRIS berjumlah RM65.6 juta sahaja setahun.
- c) Jumlah panjang jalan yang telah diselenggara menggunakan peruntukan MARRIS yang telah diterima dari tahun 2009 hingga 2012 bagi MBSA adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Projek</b>	<b>Peruntukkan (RM)</b>	<b>Peruntukan Perbelanjaan</b>
1.	2009	25	7 juta	4,845,145.31
2.	2010	13	5.5 juta	6,172,080.00
3.	2011	34	4.2 juta	3,048,325.86
4.	2012	59	9.2 juta	8,170,759.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: NEGERI BERKEBAJIKAN**

64. Dasar “Negeri Berkebijakan” adalah antara tema dalam pentadbiran kerajaan Pakatan.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah dasar ini di aplikasi dalam pentadbiran Selangor?
- b) Apakah ukuran kejayaan pelaksanaan dasar ini?

**JAWAPAN :**

Negeri berkebijakan mengikut takrif kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah Negeri yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyatnya dengan memberikan berbagai-bagai perlindungan sosial.

Sejak tahun 2008 hingga bulan Ogos 2013, Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor telah membelanjakan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion. Melalui dasar ini kerajaan negeri telah berjaya melaksanakan Dua Puluh (20) program dan projek yang merangkumi penambahbaikan pentadbiran Kerajaan Negeri, program penyediaan jaringan sosial dan memelihara kebajikan rakyat, program menyediakan bantuan kesihatan, program sokongan ekonomi dan program pengutamaan keselamatan kepada rakyat.

Kerajaan Selangor telah menaikkan tahap Paras Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM 1500 dengan mengambil kira bebanan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Langkah ini jelas rasional kerana setiap keluarga yang mempunyai tanggungan sekurang-kurangnya seorang (ibu,ayah dan seorang anak) memerlukan RM 50/hari bagi menampung perbelanjaan pada masa kini. Justeru dengan menaikkan tahap Paras Garis Kemiskinan ini, segala bentuk program yang dilaksanakan akan ditumpukan bagi menaikkan tahap pendapatan Rakyat Selangor lebih daripada RM 1500.

Selain itu, Kerajaan Selangor juga memperkenalkan Dasar dari “Welfare kepada Workfare”. Dasar ini dirangka bagi membantu Rakyat Selangor untuk keluar daripada kemiskinan melalui program-program dan bantuan-bantuan yang disediakan Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor ini mengubah kehidupan Rakyat daripada kebergantungan kepada bantuan wang ringgit (Welfare) kepada memberikan peluang untuk Rakyat Selangor mengubah taraf

hidup mereka. Ini bertetapan dengan Firman Allah yang bermaksud Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri.

Walau bagaimanapun, pemberian bantuan wang ringgit (Welfare) tetap diteruskan kepada individu-individu yang tergolong dalam golongan:

- i. Sakit yang tidak mampu untuk bekerja
- ii. Fakir miskin yang tidak mempunyai apa-apa.

Selangor mengamalkan sistem demokrasi di mana rakyat yang akan membuat penilaian sama ada satu-satu program yang dilaksanakan kerajaan memberi manfaat kepada mereka. Sehubungan dengan itu, cara paling tepat membuat penilaian terhadap program ialah dengan melihat keputusan PRU13 yang lalu.

Justeru itu, dengan pengukuran kedua-dua Pilihanraya setelah lima (5) tahun melaksanakan 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' Pakatan Rakyat telah menambah jumlah kerusi Dewan Negeri Selangor (DUN) dari 34 kerusi kepada 44 kerusi pada PRU13 yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PERMOHONAN SEKOLAH KEBANGSAAN, SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL**

65. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah dan lokasi permohonan pembinaan sekolah baru untuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil), yang diterima oleh semua PBT dari tahun 2008 sehingga Mei 2013.
- b) Sila nyatakan kedudukan terkini untuk semua permohonan yang diterima dalam masa ini.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai permohonan bagi pembinaan sekolah baru untuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil), yang diterima oleh semua PBT dari tahun 2008 sehingga Mei 2013 seperti dalam jadual di Lampiran A.
- b) Kedudukan terkini untuk semua permohonan yang diterima seperti yang ditunjukkan di Lampiran A.

LAMPIRAN A

SENARAI PERMOHONAN PEMBINAAN SEKOLAH BARU UNTUK SEKOLAH KEBANGSAAN, SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL MENGIKUT PECAHAN PBT DARI TAHUN 2008 HINGGA 2013

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
1.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	Lot 934 dan 1286, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Lulus MMK ke 22/2009 pada 9/12/2009	No. Fail : MPS 3/2-1386/139 <b>Tetuan Hong Bee Realty Sdn.Bhd.</b>
		Sekolah Antarabangsa (Swasta)	PT 32686 (Lot 64466), Jln.Sierramas Utama, Mukim Batu, Daerah Gombak	Lulus MMK ke 4/2011 pada 24/02/2011	No. Fail : MPS 3/2-1386/253 <b>Tetuan Sigma Setiara S/B.</b>
2.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung 2	Dun Batang Kali	15 Nov 2007	Sekolah Baru Sekolah telah beroperasi
		Sekolah Kebangsaan Taman Bunga Raya 2	Dun Batang Kali	23 Jun 2008	Sekolah Baru Sekolah telah beroperasi
		Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa 2	Dun Batang Kali	18 Ogos 2008	Sekolah Baru Sekolah telah beroperasi



BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
		Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu	Dun Kuala Kubu Bharu	14 Disember 2009	Tambahan Bangunan Sekolah telah beroperasi
		Sekolah Jenis Cina Khing Ming, Kuala Kubu Bharu	Dun Kuala Kubu Bharu	17 Februari 2010	Tambahan Bangunan Sekolah telah beroperasi
		Sekolah Jenis Cina Bukit Tangga, Bukit Beruntung	Dun Batang Kali	4 Mac 2010	Sekolah Baru Sekolah telah beroperasi
		Sekolah Jenis Cina Rasa	Dun Kuala Kubu Bharu	14 Februari 2011	Sekolah Baru Sekolah siap. Dalam Proses CCC
		Sekolah Jenis Cina Kalumpang	Dun Hulu Bernam	9 April 2012	Tambahan Bangunan Sekolah telah beroperasi

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
		Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Beruntung	Dun Batang Kali	27 Ogos 2012	Tambahan Bangunan Sekolah telah beroperasi
3.	<b>MAJLIS PERBANDARAN KLANG</b>	S. K. Anne's Convent	Lot 4270 dan Lot 3, Persiaran Raja Muda Musa, Klang	Pelan bangunan diluluskan pada 08/05/2008.	Bangunan telah siap di tapak.
		Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Wu Teck	PT No. 106972, Bandar Parklands, Klang	Pelan bangunan diluluskan pada 16/06/2008.	Bangunan telah siap di tapak. Borang F dikeluarkan pada 20/12/2011.
4.	<b>MAJLIS PERBANDARAN SEPANG</b>	Sekolah Kebangsaan Desa Putra	Sg. Merab	23 Mac 2010	Dalam pembinaan
		Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana	Taman Putra Perdana	30 Oktober 2008	Telah beroperasi

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
		Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Putra Perdana	Taman Putra Perdana	25 Ogos 2009	Telah beroperasi
		Sekolah KAFA Bandar Baru Salak Tinggi	Bandar Baru Salak Tinggi	Permohonan ini tidak dikemukakan kepada Majlis dan terus dijalankan oleh pihak JKR	Dalam pembinaan
5.	<b>MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA</b>	SJK (C) On Pong	Pekan Ampang	Sebelum 2008	Telah ada di tapak
		SJK (C) Kg. Baru Ampang	Kg. Baru Ampang	Sebelum 2008	Telah ada di tapak
		SJK (C) On Pong 2	Taman Pandan Mewah	Sebelum 2008	Telah ada di tapak
		SJK (T) Taman Melawati	Taman Melawati	Sebelum 2008	Telah ada di tapak

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
		SJK (T) Ampang	Pekan Ampang	Sebelum 2008	Telah ada di tapak
6.	<b>MAJLIS PERBANDARAN KAJANG</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Serdang	Lot. 965	2008	No. Fail : JPP/BPB/KM 1/39-2008 <b>Tetuan Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Ramal	Lot. 193	2010	No. Fail : OSC/BPB/1/24-2010 <b>Tetuan Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Putra	Lot 38843	2010	No. Fail : OSC/BPB/1/29-2010 <b>Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Kebangsaan	Lot 44689 (Pt 1038)	2013	No. Fail : JPP/BPB/KM1/14-2013 <b>Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Menengah Kebangsaan Cheras Perdana	Lot. 18296	2008	No. Fail : JPP/BPB/KM 2/38-2008 <b>Tetuan Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
		Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih	Lot. 24092	2011	No. Fail : OSC/BPB/3/23-2011 <b>Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Kebangsaan	Lot. 3339, Persiaran Mahkota 2, Bukit Mahkota, Mukim Beranang	2011	No. Fail : OSC/BPB/4/14-2011 <b>Kementerian Pelajaran Malaysia.</b>
		Sekolah Kafa Integrasi Hidayatul Iman 2	Atas Tanah Rezab Jalan, Taman Maju 1, Sg. Jelok	2009	No. Fail : JPP/BPB/KM 1/2-2009 <b>Tetuan JAIS</b>
		Sekolah Agama	Lot. 44698 & 44699	2011	No. Fail : JPP/BPB/KM1/10-2011 <b>Tetuan Jawatankuasa Pembinaan Masjid Taman Sutera</b>
		Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bandar Sungai Long	Lot 26154	2012	No. Fail : OSC/BPB/2/7-2012 <b>Tetuan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bandar Sungai Long</b>

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
7.	<b>MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR</b>	Sek. Keb. Puncak Alam	Fasa 3, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	6.5.2009	Siap dibina dan beroperasi.
		Sek. Keb. Seri Pristana	Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	15.7.2009	Siap dibina dan beroperasi.
		Sek. Keb. Desa Aman	Desa Coalfields, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	17.9.2009	Siap dibina dan beroperasi.
8.	<b>MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT</b>	Tiada			
9.	<b>MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM</b>	Tiada			
10.	<b>MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM</b>	Maklumat akan dikemukakan oleh MBSA terus ke Pejabat Dewan.			
11.	<b>MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA</b>	Maklumat akan dikemukakan oleh MBPJ terus ke Pejabat Dewan.			

BIL	PBT	NAMA SEKOLAH	LOKASI	TARIKH LULUS	STATUS
12.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	Maklumat akan dikemukakan oleh MBSJ terus ke Pejabat Dewan.			

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PROJEK *RIVER OF LIFE* DI SELURUH NEGERI SELANGOR**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan prestasi Projek *River of Life* di seluruh Negeri Selangor dan apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap projek yang seharusnya melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 18 projek yang dilaksanakan di bawah projek *River Of Life* ini. Hanya 5 buah projek di bawah RoL yang berada di bawah negeri selangor dan daripada 5 projek tersebut hanya 2 projek sahaja yang dipantau oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Projek pertama ialah pembinaan 13 unit *Gross Pollutant Trap (GPT)* yang dipasang sekitar Daerah Gombak. Projek ini yang dimulakan pembinaannya pada Ogos 2011 dan siap sepenuhnya pada Mei 2012 dengan kos RM 2.8 juta ini adalah bertujuan untuk memerangkap dan mengumpul sampah sebelum memasuki Sg. Gombak.

Projek yang kedua ialah pembinaan 2 unit perangkap sampah jenis *Automatic Trash Rake (ATR)* yang dipasang di Bukit Belacan (Sg. Ampang) dan Taman Pandan Indah (Sg. Seputeh). Projek ini sedang di peringkat akhir penyiapan dan melibatkan kos RM 4.2 juta. Prestasi bagi projek yang dilaksanakan adalah seperti Jadual 1.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui JPS Negeri Selangor selaku agensi utama yang melaksanakan projek-projek RoL di negeri ini dan lain-lain jabatan/agensi Kerajaan Negeri yang terlibat telah memberikan kerjasama yang cukup baik dalam menjayakan projek-projek RoL di negeri ini. Semua pihak telah memainkan peranan mereka dengan cukup berkesan dengan sentiasa memastikan matlamat program ini dapat dicapai sebaik mungkin dan adalah diharapkan agar kerjasama seumpama ini dapat dikekalkan dan diteruskan di masa-masa yang akan datang.



## **Maklumat Tambahan**

Projek River of Life (RoL) adalah salah satu *Entry Point Project (EPP)* yang sedang dilaksanakan di bawah Program *The Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV) National Key Economic Area (NKEA)* yang diterajui oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Objektif projek ini ialah untuk membersihkan dan seterusnya meningkatkan tahap kualiti air Sg. Klang dan Sg. Gombak sepanjang 110km bermula di bahagian hulu di Empangan Klang Gate sehingga di kawasan Mid-Valley di Kuala Lumpur dari Kelas III – IV ketika ini kepada Kelas IIB menjelang tahun 2020. Dengan siapnya projek ini kelak, Sg. Klang dijangka akan menjadi sebuah *waterfront* yang menarik, berdaya huni dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

**JADUAL 1 : PRESTASI PROJEK RoL**

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI UTAMA</b>	<b>KEMAJUAN FIZIKAL</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Sg. Klang Dari Empangan Klang Gate ke Pertembungan Sg. Ampang – Inisiatif 7 – Sg. Klang (Pakej 2)	75%	Harga Kontrak: RM 14,479,472.50  Kontraktor: Aidah Engineering Sdn Bhd
2.	Kerja-Kerja Kawalan Kuantiti Air Sungai/Sistem Saliran Bagi Projek River of Life (RoL) Inisiatif 7 – Sg. Klang (Pakej 4)	86.28%	Harga Kontrak: RM 72,050,000.00  Kontraktor: Carta Indah Sdn Bhd
3.	Pembinaan 13 unit GPT di sekitar Daerah Gombak	100%	Harga Kontrak: RM2,800,000.00
4.	Pembinaan 2 unit perangkap sampah jenis <i>Automatic Trash Rake (ATR)</i> yang dipasang di Bukit Belacan (Sg. Ampang) dan Taman Pandan Indah (Sg. Seputeh)	90%	Harga Kontrak: RM 4,200,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: WANITA**

67. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan bagi mengoptimumkan tenaga kerja wanita di bandar dan luar bandar tanpa membawa mereka keluar jauh dari keluarga dan tempat tinggal mereka sendiri, dan pada masa yang sama tidak menafikan hak dan tanggungjawab mereka dalam bidang pekerjaan?
- b) Apakah program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh 2008-2013 bagi melahirkan wanita sihat, dan sejauh manakah keberkesanan program tersebut, serta bagaimanakah program tersebut akan dipergiatkan, dan apakah fokus terkini bagi program ini?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan skim-skim kepada golongan wanita agar golongan ini tidak bekerja jauh dari keluarga seperti Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel), Skim Mikrokredit Bandar (MIMBAR), Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) dan program-program pemberdayaan seperti Laman Dapur dan PET-SOHO-S. Skim seperti ini dapat mengoptimumkan tenaga kerja wanita di bandar dan luar bandar tanpa membawa mereka keluar jauh dari keluarga dan tempat tinggal mereka sendiri.
- b) Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Kesihatan Wanita di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta setiap tahun bertujuan membantu kaum wanita membuat pemeriksaan kanser payudara (mammogram) secara percuma. Berikut adalah statistik penerima manfaat Skim Kesihatan Wanita Negeri Selangor:-

**Statistik Terkini Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Mengikut DUN Sehingga 28 Februari 2013**

**PROGRAM : SKIM KESIHATAN WANITA**

<b>PENERIMA FAEDAH (ORANG)</b>										
<b>Bil</b>	<b>DUN</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>Daerah</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR	Sabak Bernam			100	372	177		<b>649</b>
2	N02	SABAK	Sabak Bernam			-	417	91		<b>508</b>
3	N03	SUNGAI PANJANG	Sabak Bernam			26	710	228		<b>964</b>
4	N04	SEKINCHAN	Sabak Bernam			25	286	146		<b>457</b>
5	N05	HULU BERNAM	Hulu Selangor			-	108	49		<b>157</b>
6	N06	KUALA KUBU BAHARU	Hulu Selangor			83	27	44		<b>154</b>
7	N07	BATANG KALI	Hulu Selangor			223	166	98	30	<b>517</b>
8	N08	SUNGAI BURONG	Kuala Selangor			59	438	81	26	<b>604</b>
9	N09	PERMATANG	Kuala Selangor			-	325	242	13	<b>580</b>

**PENERIMA FAEDAH (ORANG)**

<b>Bil</b>	<b>DUN</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>Daerah</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
10	N10	BUKIT MELAWATI	Kuala Selangor			-	90	-		<b>90</b>
11	N11	IJOK	Kuala Selangor			108	187	-	17	<b>312</b>
12	N12	JERAM	Kuala Selangor			-	64	62		<b>126</b>
13	N13	KUANG	Gombak			28	177	153		<b>358</b>
14	N14	RAWANG	Gombak			110	120	60	11	<b>301</b>
15	N15	TAMAN TEMPLER	Gombak			14	182	46		<b>242</b>
16	N16	BATU CAVES	Gombak			75	248	58		<b>381</b>
17	N17	GOMBAK SETIA	Gombak			57	195	28	17	<b>297</b>
18	N18	HULU KELANG	Gombak			-	97	24		<b>121</b>
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA	Hulu Langat			37	115	-		<b>152</b>
20	N20	LEMBAH JAYA	Hulu Langat			-	90	21		<b>111</b>
21	N21	CHEMPAKA	Hulu Langat			75	136	-		<b>211</b>
22	N22	TERATAI	Hulu Langat			96	273	18		<b>387</b>

**PENERIMA FAEDAH (ORANG)**

<b>Bil</b>	<b>DUN</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>Daerah</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
23	N23	DUSUN TUA	Hulu Langat			38	145	19		<b>202</b>
24	N24	SEMENYIH	Hulu Langat			-	26	35		<b>61</b>
25	N25	KAJANG	Hulu Langat			-	94	-		<b>94</b>
26	N26	BANGI	Hulu Langat			-	35	-		<b>35</b>
27	N27	BALAKONG	Hulu Langat			-	60	102		<b>162</b>
28	N28	SERI KEMBANGAN	Petaling			127	230	34		<b>391</b>
29	N29	SERI SERDANG	Petaling			42	201	30		<b>273</b>
30	N30	KINRARA	Petaling			83	171	-		<b>254</b>
31	N31	SUBANG JAYA	Petaling			26	390	116		<b>532</b>
32	N32	SERI SETIA	Petaling			37	18	10		<b>65</b>
33	N33	TAMAN MEDAN	Petaling			-	191	143	46	<b>380</b>

PENERIMA FAEDAH (ORANG)										
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
34	N34	BUKIT GASING	Petaling			-	37	-		37
35	N35	KAMPUNG TUNKU	Petaling			105	181	9		295
36	N36	DAMANSARA UTAMA	Petaling			-	37	14		51
37	N37	BUKIT LANJAN	Petaling			-	206	-		206
38	N38	PAYA JARAS	Petaling			14	199	62	26	301
39	N39	KOTA DAMANSARA	Petaling			33	195	13		241
40	N40	KOTA ANGGERIK	Petaling			-	100	89		189
41	N41	BATU TIGA	Petaling			17	167	89	35	308
42	N42	MERU	Klang			72	283	174		529
43	N43	SEMENTA	Klang			22	72	55		149
44	N44	SUNGAI PINANG	Klang			-	147	-		147

\* Papsmear telah di diadakan pada tahun 2012 dengan pembabitan 1000 orang wanita. Untuk tahun 2013 program ini belum dilaksanakan lagi.

**PENERIMA FAEDAH (ORANG)**

<b>Bil</b>	<b>DUN</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>Daerah</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
45	N45	SELAT KLANG	Klang			157	191	67		<b>415</b>
46	N46	PELABUHAN KLANG	Klang			-	22	-		<b>22</b>
47	N47	PANDAMARAN	Klang			-	51	-		<b>51</b>
48	N48	KOTA ALAM SHAH	Klang			-	23	-		<b>23</b>
49	N49	SERI ANDALAS	Klang			35	815	189	72	<b>1,111</b>
50	N50	SRI MUDA	Klang			78	85	46		<b>209</b>
51	N51	SIJANGKANG	Kuala Langat			60	265	38		<b>363</b>
52	N52	TELUK DATUK	Kuala Langat			478	447	186		<b>1,111</b>
53	N53	MORIB	Kuala Langat			82	352	93		<b>527</b>
54	N54	TANJUNG SEPAT	Kuala Langat			66	509	115		<b>690</b>
55	N55	DENGKIL	Sepang			-	64	101	36	<b>201</b>
56	N56	SUNGAI PELEK	Sepang			-	408	50		<b>458</b>
57		Kakitangan kerajaan				-	77	133	23	<b>233</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,688</b>	<b>11,317</b>	<b>3,638</b>	<b>352</b>	<b>17,995</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: TEKNOLOGI HIJAU**

68. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah dasar teknologi hijau Selangor?
- b) Bagaimana teknologi ini dapat memajukan sosioekonomi negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri kini dalam usaha penggalakan ke arah industri yang lebih mesra alam melalui sektor industri teknologi hijau dan industri bio-teknologi. Kerajaan negeri percaya aktiviti pengeluaran yang berteraskan teknologi hijau mampu bersaing di dunia pembuatan dan perindustrian.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak meletakkan dasar khas mahupun zon khas bagi mana-mana industri yang berasaskan teknologi hijau di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sebagai satu langkah permulaan, Kerajaan Negeri memfokuskan kawasan perindustrian di Science Park 2 (SSP2) di Sepang sebagai perintis dalam menggalakkan pelaburan sektor perindustrian yang berasaskan teknologi hijau. Kerajaan Negeri percaya, usaha murni ini akan terus digarap dari masa ke masa agar sektor industri hijau berkembang di negeri ini.

- b) Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan teknologi hijau di negeri ini, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi pelbagai bantuan dari segi khidmat nasihat dan lain-lain perkhidmatan yang sewajarnya kepada para pelabur yang ingin membuat pelaburan industri berteknologi hijau di negeri Selangor. Walaupun perindustrian yang berasaskan teknologi hijau masih belum dipelopori oleh banyak penggiat industri, tetapi Kerajaan Negeri melalui Selangor State Investment Centre (SSIC) akan sentiasa membuat promosi di dalam dan luar negara bagi tujuan memperluaskan lagi industri ini pada masa hadapan. Perkembangan industri teknologi hijau secara lebih meluas kelak akan dapat meningkatkan kualiti industri dan sekali gus menggalakkan persaingan sihat di kalangan pengusaha-pengusaha industri bagi memberikan tambah nilai ke atas pengeluaran dan industri masing-masing.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang yang sama kepada semua jenis industri yang beroperasi di dalam negeri Selangor. Walaupun Kerajaan Negeri tidak menggariskan insentif khas bagi industri teknologi hijau tetapi Kerajaan Negeri masih lagi memenuhi setiap insentif yang telah digariskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Insentif-insentif yang telah disediakan adalah merangkumi insentif pengurusan persekitaran seperti insentif bagi aktiviti



kitar semula bahan industri, insentif bagi aktiviti pelupusan sisa toksik industri, insentif bagi pemuliharaan tenaga, insentif bagi aktiviti menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan insentif dari segi duti import dan pengecualian cukai jualan bagi sistem solar.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : CURI PASIR**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pengusaha tapak 'curi pasir yang tidak berkelulusan?

**JAWAPAN :**

- a) Tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes curi pasir adalah di bawah Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah/Daerah yang berkaitan. Tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara oleh PTGS dan PTD.

Tindakan juga boleh diambil oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengikut Seksyen 43(1) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

Di samping itu, jabatan-jabatan teknikal yang lain juga boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang jabatan masing-masing.

Jabatan-jabatan ini sentiasa memantau dan membuat serbuan ke atas aktiviti curi pasir dari semasa ke semasa samada secara berasingan ataupun secara operasi bersepadu.

KSSB tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan kerana ianya adalah bidang kuasa Pentadbir Tanah. Namun KSSB sentiasa memantau kes-kes curi pasir dan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: PROSEDUR PENUKARAN SYARAT TANAH**

70. Sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan telah meluluskan penukaran syarat guna tanah (rezoning approval) dan permohonan menukar syarat guna tanah kemudian dikemukakan oleh pemilik tanah kepada Pejabat Daerah.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah tempoh masa yang akan diambil oleh Pejabat Daerah / Tanah untuk mengeluarkan kelulusannya dengan notis bayaran premium?
- b) Setelah premium dibayar, apakah tempoh masa yang akan diambil oleh Pejabat Daerah / Tanah untuk mengeluarkan hakmilik baru dengan catitan syarat guna tanah yang baru?
- c) Adakah tempoh-tempoh masa yang disebut dalam (a) dan (b) di atas boleh dipendekkan jangkamasanya?

**JAWAPAN :**

- a) Pada awal tahun 2013, tempoh masa bagi mendapatkan kelulusan dan notis bayaran premium adalah selama 3 (tiga) bulan. Tempoh ini dikira dari tarikh permohonan didaftarkan di Pejabat Tanah sehingga surat kelulusan dikeluarkan kepada pemohon.

Tempoh masa ini telah berjaya dipendekkan dari 6 (enam) bulan kepada 3 (tiga) bulan selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah Galian Selangor Bil. 2/2012 di mana Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah membuat penilaian tanah awal bagi tujuan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor.

Untuk makluman bagi permohonan tukar syarat tanah yang melibatkan Kebenaran Merancang, pemohon perlu membuat permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlebih dahulu. Selepas Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT, pemohon akan memohon tukar syarat tanah berserta pelan yang diperakukan di dalam Kebenaran Merancang kepada Pentadbir Tanah Daerah.

- b) Setelah premium dibayar, tempoh masa pengeluaran hak milik adalah tidak melebihi sebulan bergantung kepada pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap dengan Sijil Lembaga Juruukur dan Pelan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) serta bergantung kepada jumlah hak milik yang dikeluarkan.
  
- c) Seperti yang dimaklumkan di bahagian (a) dan (b), tempoh permohonan tersebut telah dipendekkan dari enam bulan kepada tiga bulan. Pentadbir Tanah akan sentiasa mengkaji proses tersebut dari semasa ke semasa bagi dipercepatkan lagi proses tersebut kepada satu tempoh yang praktikal agar memenuhi kehendak pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: MASALAH BANJIR KG. SG. SERAI. DUSUN TUA**

71. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir di Kg. Sg Serai, Dusun Tua sepanjang tahun 2009-2012?
- b) Nyatakan usaha yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mendalamkan Sungai Langat yang menjadi punca banjir di Kg. Sg. Serai.
- c) Apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mendapatkan hasil pasir dari Sungai Langat?

**JAWAPAN :**

- a) Peruntukan yang telah diluluskan bagi cadangan projek Sg Serai adalah sebanyak RM 6 Juta melibatkan kerja pembinaan parit konkrit bagi mengatasi masalah banjir di Kg. Sg. Serai, Dusun Tua selepas proses pengambilan balik tanah selesai.

Peruntukan terlibat:

- 1) Bayaran perunding – RM 500 ribu (Menggunakan peruntukan kajian)
- 2) Anggaran bayaran LA – RM 1 Juta (Menggunakan peruntukan Kajian)
- 3) Kerja-kerja pembinaan – RM 6 juta

Kekangan bagi pelaksanaan projek adalah :

- 1) Proses pengambilan balik tanah yang memakan masa yang agak panjang

Sementara menunggu proses pengambilan selesai, kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan sebagai tindakan jangka masa pendek berjumlah RM 1.62 juta

**Maklumat Tambahan**

- 1) Pelan pengambilan balik tanah telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Daerah untuk disemak dan diuruskan selanjutnya. Peruntukan sediaada bagi bayaran pengambilan tanah tidak dapat dibelanjakan sekiranya isu ini tidak diselesaikan dengan segera.

b) Langkah-langkah untuk mengurangkan masalah banjir yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri melalui JPS Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Kajang adalah:-

- i. Mengganti jambatan kayu kepada jambatan konkrit melintasi Sg. Langat berhampiran Tol Cheras di Batu 11.
- ii. Memberi ulasan kebenaran bagi pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. menjalankan aktiviti pengambilan pasir di Sg. Langat.
- ii. Kerja-kerja membina alurlimpah di Loji SYABAS di Batu 11, Jalan Cheras bagi mengalirkan air ke Sungai Cheras sekiranya paras air Sungai Langat tinggi.

Langkah-langkah yang akan diambil adalah:-

- i. Melaksanakan kerja pembinaan parit konkrit Kerja-kerja mengorek dan mendalamkan Sungai Langat dari masa-kesemasa.
- ii. Mengekalkan kebenaran pihak Kumpulan Semesta sdn. Bhd. menjalankan aktiviti pengeluaran pasir mengikut syarat yang dikenakan
- iii. Menjayakan program bersepadu Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sg. Langat dengan mengkaji dan melaksanakan secara keseluruhan projek pembinaan merangkumi hulu sehingga ke hilir sungai.

#### **Maklumat Tambahan**

1. Kos kerja-kerja mengorek Sungai Langat sepanjang 3 km berjumlah RM250,000.00 dilaksanakan pada awal tahun 2013 selepas kejadian banjir besar menggunakan peruntukan caruman parit dan negeri.
2. Kerja-kerja mencucigali dilaksanakan mengikut keperluan apabila berlakunya pemendapan yang serius di dalam dasar sungai.
3. Kerja membina jambatan baru dilaksanakan oleh MPKj dan dikawalselia di tapak oleh JPS hulu Langat dengan paras freeboard ditingkatkan serta tiang-tiang cerucuk kayu asal dikeluarkan.
4. Alur limpah yang dibina dapat membantu mengalirkan air lebihan Sg. Langat memasuki ke Sungai Cheras bagi menurunkan paras airnya.
5. Program Bersepadu RTB Sg Langat telah dimasukkan di dalam cadangan Rolling Plan RMK5 di bawah peruntukan Persekutuan.

- c) Pelantikan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) menguruskan pengambilan dan pengeluaran pasir di seluruh Lembangan Sg. Langat telah membantu Kerajaan Negeri terutamanya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran mengurangkan kos operasi pengorekan sungai bagi mengatasi masalah dasar sungai yang cetek dan sebu. Pihak Kerajaan Negeri telah mengemukakan senarai inventori sungai-sungai yang berpotensi mengandungi pasir yang banyak untuk dibawa keluar kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd .

Misalnya bagi Daerah Hulu Langat, senarai sungai yang berpotensi serta lokasinya telah kemukakan ke pihak KSSB seperti berikut :-

- i. Sungai Langat
- ii. Sungai Semenyih
- iii. Sungai Sering
- iv. Sungai Balak
- v. Sungai Buah
- vi. Sungai Sekamat
- vii. Sungai Long

Namun begitu, pihak KSSB akan mengkaji lokasi dan kos operasi sebelum bersetuju menjalankan sebarang aktiviti di tapak. **Hasil kajian mendapati tiada lokasi yang sesuai untuk dilaksanakan kerja-kerja pengambilan dan pengeluaran pasir ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK RAKYAT**

72. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu membina Rumah Mampu Milik dengan keluasan minimum 800 kaki persegi dan berharga kurang RM150 ribu seunit.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi kerajaan untuk membina rumah ini di semua kawasan termasuk di kawasan bandar?
- b) Berapakah jumlah sasaran dan tempoh untuk membina rumah ini mengikut daerah / PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai peringkat permulaan beberapa strategi telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri dalam memperbanyakkan dan mempergiatkan pembinaan rumah mampu milik iaitu;
  - i) Mengkaji semula dasar perumahan sedia ada dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor. Dasar yang digunapakai kini lebih menekankan kepada penyediaan rumah kos rendah (RM42,000.00), rumah kos sederhana rendah (RM72,000.00) dan rumah kos sederhana (RM100,000.00) dan pembentukan dasar baru kelak akan menekan kepada perumahan mampu milik yang lebih komprehensif dan menyeluruh dengan penyediaan rumah dari harga jualan bermula RM42,000.00 seunit sehingga kepada harga jualan tidak melebihi RM250,000.00 seunit. Dasar ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pertengahan September 2013.
  - ii) Memperkasakan peranan-peranan agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah dan Selangor (LPHS), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk terlibat secara lebih giat lagi dalam pembinaan rumah mampu milik yang lebih selesa dan berkualiti pada harga mampu milik.
  - iii) Penetapan syarat kepada pemaju untuk turut sama terlibat dalam penyediaan rumah mampu sebagaimana penetapan syarat penyediaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana yang digunapakai sebelum ini.



- b) Kerajaan Negeri melalui anak syarikat seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sahaja telah merancang untuk pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang sehingga tahun 2021. Pembinaan rumah mampu milik ini akan dibina secara berfasa iaitu Fasa 1 akan dibina dalam tahun 2010 hingga 2013 adalah sebanyak 1,775 unit manakala Fasa 2 sebanyak 9,581 unit yang akan dibina dalam tahun 2014 hingga 2021. Pecahan perincian projek mengikut tahun dan jenis rumah adalah seperti berikut :

**% Fasa 1 (2010 – 2013)**

<b>Daerah</b>	<b>Projek</b>	<b>Unit</b>
Petaling	Seksyen U12, Shah Alam	104
	Sutera Damansara, Sg Buloh	236
Gombak	Kg Seri Temenggung	418
	Seksyen 5, Kota Puteri	198
Klang	Jalan Md Sidin	210
Hulu Selangor	Antara Gapi	129
Sabak Bernam	Pusat Rehat & Rawat Ladang Air Manis	480
<b>Jumlah</b>		<b>1,775</b>

**% Fasa 2 (2014 – 2021)**

<b>Daerah</b>	<b>Projek</b>	<b>Unit</b>
Petaling	Seksyen U10, Shah Alam	600
	Seksyen U12	850
Gombak	Kota Puteri	1,064
Sepang	Selangor Science Park 2	840
Hulu Selangor	Antara Gapi	1,227
	Bernam Jaya	5,000
<b>Jumlah</b>		<b>9,581</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KEMPEN TANPA BEG PLASTIK DAN TANPA PERALATAN POLISTERIN**

73. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak pasaraya yang telah menyertai kempen tiada beg plastik dan peralatan polisterin setiap hari Sabtu sehingga sekarang?
- b) Berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk kempen ini dan senaraikan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan serta setiap satu perbelanjaannya sejak kempen ini bermula?

**JAWAPAN :**

- a) Pada hari ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan penglibatan hampir 100 peruncit di seluruh Negeri Selangor termasuk syarikat-syarikat besar yang mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negeri, pusat membeli-belah, kedai-kedai secara individu dan juga restoran-restoran. Di antara pusat membeli-belah yang terlibat adalah Giant Hypermarket, AEON Shopping Centre, Tropicana City Mall dan Tesco.
- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan hampir RM400,000.00 bagi memastikan Kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' ini mencapai matlamat yang telah dirancang. Kerajaan Negeri juga turut mengadakan kempen kesedaran secara berterusan bagi memastikan masyarakat setempat memahami kesan-kesan dan tanggungjawab mereka dalam penjagaan alam sekitar yang mampan. Antara usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan objektif kempen tercapai seperti mengadakan "roadshow" di kalangan masyarakat setempat dalam mempromosikan kempen tanpa beg plastik dengan menggalakkan masyarakat membawa beg sendiri ke pasaraya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KEPERLUAN GOLONGAN OKU**

74. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Akta Bangunan yang mensyaratkan mana-mana bangunan awam atau kediaman bertingkat kemudahan akses bagi golongan OKU? Nyatakan prestasi perlaksanaannya.

**JAWAPAN :**

- a) Keperluan penyediaan kemudahan untuk sokongan OKU bagi bangunan awam atau kediaman bertingkat telah digariskan di dalam pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34 A. Seksyen 34A(1) mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh OKU. Seksyen 34A(2) pula memperuntukkan keperluan UKBS 1984 ini hendaklah mematuhi Malaysian Standard (MS) iaitu MS 1184:2002 dan MS 1183 : Part 8 : 1990.

Untuk tujuan garis panduan ini, Malaysian Standard (MS) yang dihasilkan oleh Jabatan Standard Malaysia telah digunakan sebagai panduan perancangan kemudahan di luar bangunan (MS 1331: 2003) dan di dalam bangunan (MS 1184:2002 dan MS 2015: Part 1 : 2005). Garis panduan ini akan dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dimana pihak berkuasa berkenaan perlu memastikan semua pemaju mematuhi garis panduan ini semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.

Kerajaan Negeri telah mensyaratkan setiap bangunan kerajaan sedia ada perlu menaik taraf kemudahan untuk OKU seperti tandas, TLK dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas lengkap dengan pegawai bertugas untuk menyenangkan golongan OKU berurusan di kaunter. Manakala bagi bangunan swasta, notis (arahan) kepada pemilik bangunan akan dikeluarkan seperti pasar raya dan kawasan komersil agar menyediakan kemudahan asas seperti tandas, TLK, *ramp* dan laluan pejalan kaki bertanda bagi kemudahan golongan ini.

Bagi pembangunan baru, Pihak PBT perlu mengesyorkan kepada pemaju atau pemohon untuk menyediakan kemudahan golongan OKU di bangunan-bangunan swasta/ komersial dan awam dalam syarat pemberian kelulusan di peringkat pelan kebenaran merancang (Jabatan Perancang) dan pelan bangunan (Jabatan Bangunan). Pemantauan akan dibuat di peringkat CFO (*Certificate of Fitness*) atau CCC (*Certificate of Completion and Compliance*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PEMBINAAN MASJID DAN SEKOLAH AGAMA MENENGAH**

75. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pembinaan Masjid Zakaria, Batu 8 Gombak?
- b) Adakah cadangan penambahan sekolah menengah agama di Selangor bagi menampung permintaan yang sangat tinggi?

**JAWAPAN :**

- a) Cadangan pembinaa Masjid Zakaria telah diuruskan semula selepas selesai proses pengambilan balik tanah oleh pihak kerajaan. Status terkini adalah dalam tindakan pihak JKR untuk proses merekabentuk masjid yang akan dibina berdasarkan tapak baru memandangkan tapak lama adalah kecil dan tidak sesuai untuk dibina masjid baru.
- b) Cadangan dan rancangan menambahSsekoah Menengah sedang berjalan. Ini termasuk menambah bilangan sekolah Tahfiz sedia ada seperti Tahfiz Alam Impian di Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: KEMISKINAN BANDAR**

76. Pembangunan kawasan bandar di Negeri Selangor juga mewujudkan fenomena kemiskinan bandar :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti sejauh mana masalah kemiskinan bandar berlaku di bandar-bandar di Negeri Selangor. Apakah kriteria garis kemiskinan bandar yang digunakan?
- b) Berapakah jumlah rakyat Selangor yang telah di kenalpasti tergolong dalam kategori kemiskinan bandar ?
- c) Apakah langkah-langkah dan usaha-usaha kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi dan mengurangkan kemiskinan bandar yang wujud ini ?

**JAWAPAN :**

- a) Peningkatan jumlah penduduk bandar menjadi satu trend di kebanyakan negara membangun hari ini. Melihat kepada kepesatan pembangunan di bandar telah menarik minat penduduk luar bandar untuk 'berhijrah' ke bandar, lantaran peluang pekerjaan yang ditawarkan. Keadaan ini sekali gus telah menyumbang kepada peningkatan kadar pembandaran. Oleh itu tidak hairanlah wujud fenomena kemiskinan bandar apabila segelintir masyarakat yang tidak mampu mengikuti arus kemodenan ini tercicir lantas dibelenggu kemiskinan. Kriteria garis kemiskinan bandar adalah berdasarkan jumlah pendapatan, tanggungan isi rumah, pemilikan aset sama ada mempunyai rumah sendiri atau menyewa, kemudahan kesihatan dan keperluan-keperluan asas (makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, pengangkutan).
- b) Berdasarkan kepada bancian yang dibuat pada tahun terakhir 2007, 30% (1,530,629 orang) penduduk di Negeri Selangor berpendapatan kurang dari RM1,500.00 dari jumlah populasi di Negeri Selangor sebanyak 5,070,000. Daripada jumlah tersebut, 87.6% (1,340,831 orang) penduduk tergolong dalam kemiskinan bandar.
- c) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk pembasmian kemiskinan fokus kepada isu perumahan untuk orang miskin, penjanaaan pendapatan,

pendidikan dan kesihatan. Usaha ini diselaraskan bagi membantu mereka yang memerlukan dengan sasaran jangka panjang memastikan mereka dapat berdikari. Sehubungan itu, wujudnya program-program peningkatan pendapatan seperti Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Program Bantuan Niaga, Program Mikrokredit, Pakej Mimbar dan juga program-program yang ditawarkan oleh Lembaga Zakat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR**

77. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan jumlah bilangan SRA Negeri Selangor mengikut pecahan daerah.
  - b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu SRA ?
  - c) Sila perelaskan apakah perkembangan terkini permohonan membina bangunan baru SRA Taman Harmoni Sekinchan ?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :-

i.	Klang	29 buah
ii.	Kuala Langat	24 buah
iii.	Kuala Selangor	33 buah
iv.	Hulu Langat	32 buah
v.	Hulu Selangor	20 buah
vi.	Sabak Bernam	32 buah
vii.	Gombak	12 buah
viii.	Petaling	21 buah
ix.	Sepang	16 buah

**Jumlah keseluruhan      219 buah**

- b) Anggaran peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak **RM79,658,797.00 (RM615.43 X 129,436 murid)**

c) Perkembangan terkini permohonan membina bangunan baru SRA Taman Harmoni Sekinchan :

- i. Cadangan pembangunan tidak ada dalam Rancangan RMK ke-10
- ii. Bilik darjah sedia ada masih boleh menampung keperluan setempat
- iii. Keperluan bangunan baru tidak mendesak, jika dibandingkan dengan kawasan penempatan utama dan penempatan mengikut statistik perancang Bandar dan desa.
- iv. Kerosakan bangunan boleh diperbaiki dari masa ke semasa



**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : POTONGAN CUKAI PINTU SEBANYAK 25 % DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan statistik mengikut daerah serta jumlah keluarga yang mendapat potongan cukai pintu sebanyak 25 % daripada Kerajaan Negeri Selangor dan apakah kriteria bagi menentukan kelayakan mereka menerima diskaun tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Dengan pelaksanaan diskaun 25 peratus bagi kediaman kos rendah berikut Jumlah pemilik yang telah mendapat potongan cukai pintu sehingga 30 April 2013 (Sumber LPHS) :

<b>Bil.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH PEMILIK TUNTUT</b>	<b>NILAIAN DISKAUN 25% (RM)</b>
1	MBSA	PETALING	156	2,542.00
2	MBPJ		5	74.40
3	MPSJ		95	1,923.53
4	MPK	KLANG	46	607.43
5	MPS	GOMBAK	27	460.00
6	MPKj	HULU LANGAT	170	2,446.92
7	MPAJ		1,300	46,242.95
8	MPSP	SEPANG	14	194.75
9	MDHS	HULU SELANGOR	-	-
10	MDKS	KUALA SELANGOR	-	-
11	MDKL	KUALA LANGAT	-	-
12	MDSB	SABAK BERNAM	-	-
<b>JUMLAH</b>				<b>54,491.98</b>

Kriteria bagi menentukan kelayakan menerima diskaun telah di perjelas melalui Pekeliling Bil. LPHS/BL/7/00/11 Hebahan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pengurangan (Diskaun) Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangsapuri Kos Rendah. Syarat kelayakan pemberian diskaun kadar cukai taksiran untuk pangsapuri kos rendah tertakluk kepada syarat – syarat kelayakan berikut:

- I. Pemilik yang bermastautin atau mendiami sendiri petak/unit di sesebuah pangsapuri kos rendah
- II. Hak milik strata adalah sebagai bukti dokumen pemilikan rumah bagi perakuan sah pemastautin namun bagi mempermudah dan membantu rakyat perakuan tersebut boleh daripada mana pihak berkuasa berikut:
  - Badan Pengerusi Bersama (JMB)
  - Perbandanan Pengurusan (MC)
  - Pesuruhjaya Bangunan (COB)
  - Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan

Walau bagaimanapun, Bagi pemilik yang tiada atau masih belum membuat pindah milik hak milik strata boleh mengemukakan surat perjanjian jual beli sebagai bukti dokumen pemilikan rumah.

- III. Pemilik tidak mempunyai tunggakan cukai taksiran pada petak berkaitan.
- IV. Waris pemilik juga layak mendapat pengurangan diskaun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SKIM MESRA USIA EMAS**

79. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peserta yang telah menikmati program “Jom Shopping” sejak diperkenalkan hingga Pru 13?
- b) Nyatakan jumlah peserta yang berdaftar mengikut Dun-dun dan juga Wilayah Persekutuan?
- c) Nyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan yang telah dimanfaatkan mengikut Dun?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga 31 Mei 2013 seramai 101,027 orang Ahli SMUE telah menikmati manfaat program JOM Shopping anjuran kerajaan negeri.
- b) Daftar keahlian SMUE sehingga 17 Jun 2013 mengikut DUN-DUN di seluruh negeri Selangor adalah seperti Jadual A yang tunjukkan di bawah.
- c) Bagi program JOM Shopping ini, pecahan perbelanjaan yang telah dimanfaatkan mengikut DUN adalah seperti jadual B yang disertakan.







**Jadual B****Jumlah Peserta JOM Shopping Mengikut Tahun**

<i>PKM</i>	Jumlah Pendaftaran SMUE	Peserta JS SMUE 2011	Peserta JS SMUE 2012	Peserta JS SMUE 6/2/2013	Jumlah Peserta JS SMUE	% Terima Manfaat JS SMUE	Jumlah Bayaran Manfaat JS SMUE (RM)
BALAKONG							
BANGI							
BATANG KALI							
BATU CAVES							
BATU TIGA							
BUKIT ANTARABANGSA							
BUKIT GASING							
BUKIT LANJAN							
BUKIT MELAWATI							
CHEMPAKA							
DAMANSARA UTAMA							
DENGKIL							
DUSUN TUA							
GOMBAK SETIA							
HULU BERNAM							
HULU KELANG							
IJOK							
JERAM							
KAJANG							
KG TUNKU							
KINRARA							
KOTA ALAM SHAH							
KOTA ANGGERIK							
KOTA DAMANSARA							
KUALA KUBU BAHRU							
KUANG							
LEMBAH JAYA							
MERU							
MORIB							
PANDAMARAN							
PAYA JARAS							
PELABUHAN KLANG							
PERMATANG							
RAWANG							
SABAK							

SEKINCHAN							
SELAT KLANG							
SEMENTA							
SEMENYIH							
SERI KEMBANGAN							
SERI SERDANG							
SERI SETIA							
SG AIR TAWAR							
SG PANJANG							
SG PINANG							
SIJANGKANG							
SRI ANDALAS							
SRI MUDA							
SUBANG JAYA							
SUNGAI BURONG							
SUNGAI PELEK							
TAMAN MEDAN							
TAMAN TEMPLER							
TANJUNG SEPAT							
TELOK DATUK							
TERATAI							
WPKL-BANDAR T.RAZAK							
WPKL-BATU							
WPKL-BUKIT BINTANG							
WPKL-CHERAS							
WPKL-KEPONG							
WPKL-LEMBAH PANTAI							
WPKL-SEGAMBUT							
WPKL-SEPUTEH							
WPKL-SETIAWANGSA							
WPKL-TITIWANGSA							
WPKL-WANGSA MAJU							

**Jumlah**

**210,234    30,658    61,286    9,083    101,027    48.05    10,102,700**



**Petunjuk:**

**Jumlah Peserta JS SMUE:** Jumlah keseluruhan Ahli berdaftar yang telah menyertai program JOM Shopping sehingga 6 Februari 2013.

**% Terima Manfaat JS SMUE:** Jumlah peserta yang telah menyertai JOM Shopping berbanding jumlah pendaftaran Ahli mengikut DUN berkaitan.

**Jumlah Bayaran Manfaat JS SMUE (RM):** Pecahan jumlah perbelanjaan yang telah dimanfaatkan mengikut DUN berkenaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: LAPORAN TENTANG PRESTASI KERAJAAN NEGERI SEPANJANG 2008  
– 2012**

80. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Dimanakah rakyat Selangor boleh mendapatkan laporan prestasi kerajaan negeri setiap tahun?
  - b) Nyatakan senarai penerbitan-penerbitan berkenaan laporan prestasi kerajaan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Berkenaan laporan prestasi kerajaan negeri, saya kira lebih adil jika saya selaku ketua kerajaan mencadangkan agar rakyat di negeri ini menilai prestasi kerajaan negeri melalui laporan dan penilaian pihak ketiga yang berautoriti. Dalam hal ini saya syorkan untuk rakyat di negeri ini menyemak prestasi kerajaan negeri menerusi Laporan Audit Negara. Dalam laporan tersebut telah terangkum laporan prestasi semasa pentadbiran negeri dan prestasi kewangan negeri setiap tahun. Semua itu boleh diperolehi di laman web Jabatan Audit Negara dan boleh dimuat turun untuk memudahkan kerja-kerja penilaian dan semakan.
- b) Untuk makluman dewan, kerajaan negeri melalui Pejabat SUK Selangor telah mengeluarkan satu kompilasi buku biru bertajuk *Governing Selangor: "Policy, Programme, Fact"* sebagai laporan tentang apa yang telah kita usahakan daripada 2008 - 2012. Juga dikeluarkan edisi Bahasa Melayu. Dan laporan tersebut sebahagian besarnya telah kita edarkan sepanjang pentadbiran negeri sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: MASALAH TEKANAN AIR RENDAH DI DUN TERATAI**

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tekanan air rendah di DUN Teratai dalam tahun 2008 – 2013?
  - b) Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2013 untuk menangani masalah tekanan air rendah di DUN Teratai?

**JAWAPAN :**

- a) Melalui Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS, berkuat kuasa pada 01 Januari 2005, semua aset bekalan air telah diserahkan untuk dikendalikan oleh SYABAS. Bermula dari tarikh tersebut, SYABAS adalah satu-satunya pihak tunggal yang telah diberikan kuasa untuk mengendalikan, menyelenggarakan dan mengoperasikan semua aset air di Negeri Selangor, wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sebagai operator tunggal, kawalan tekanan air adalah di bawah operasi SYABAS. Semua data dan maklumat tekanan air dan meter yang berkenaan dikawal sepenuhnya SYABAS. Sepanjang tempoh 2008 – 2013, setiap kali berlakunya gangguan bekalan air, SYABAS akan menunding jari kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana isu ketidak cukupan air.

Hakikat sebenar yang berlaku, sebagai operator SYABAS telah tidak kompeten dalam melaksanakan tanggung jawab untuk membekalkan air kepada pengguna. SYABAS mendesak supaya sumber air ditambah ke dalam sistem agihan, sedangkan SYABAS tidak pernah mengakui kelemahan dalam menangani masalah Air Tidak Berhasil (NRW). Kejadian paip pecah dan paip bocor yang tidak terkawal telah menyebabkan berlakunya gangguan bekalan air kepada pengguna.

Justeru itu, melihat kepada kegagalan SYABAS sebagai operator bekalan air tunggal, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor sebagai penyelesaian jangka panjang ke atas semua masalah operasi yang dihadapi oleh seluruh rakyat Negeri Selangor termasuk penduduk di DUN Teratai. Namun usaha Kerajaan Negeri itu tidak mendapat sokongan penuh dari Kerajaan Persekutuan walaupun Kerajaan Persekutuan menyedari akan kegagalan SYABAS tersebut.

- b) Kawasan DUN Teratai mendapat bekalan air dari Rumah Pam Wangsa Maju. Kejadian henti tugas di Rumah Pam Wangsa Maju adalah berlaku kerana SYABAS tidak berkemampuan dan tidak kompeten di dalam mengendalikan rumah pam tersebut. Pada masa yang sama, SYABAS juga tidak mempunyai kakitangan yang mahir dalam mengendalikan Rumah pam Wangsa Maju hingga menyebabkan kerapnya berlaku henti tugas Rumah Pam tersebut sehingga menyebabkan gangguan bekalan air termasuk kawasan Dun Teratai.

Penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah yang menimpa penduduk DUN Teratai ini adalah melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain dari itu, beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

- i. **Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme**  
Projek ini dioperasikan oleh Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) bermula pada 01 Julai 2012 dan boleh mengeluarkan air sebanyak **105 JLH**.
- ii. **Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)**  
Kerja-kerja membaik pulih ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mac 2013 dan kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat ditingkatkan pengeluaran dari 760 JLH kepada 950 JLH, iaitu peningkatan sebanyak **190 JLH**.
- iii. **Projek Mitigasi 2**  
Untuk menambah baik sistem agihan air bagi membolehkan air terawat diagihkan kepada pengguna. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kewangan kepada SYABAS untuk mengatasi masalah Rumah Pam Wangsa Maju. Dijangkakan kerja-kerja menaik taraf Rumah Pam ini akan siap sepenuhnya dalam bulan Februari 2014. Dengan siapnya kerja-kerja menaik taraf tersebut, ia dapat meningkatkan kapasiti kadar pengepaman sedia ada di rumah pam dan dengan ini tekanan air di kawasan DUN Teratai dapat dipulihkan.

Selain dari pelaksanaan projek-projek di atas, Kerajaan Negeri Selangor juga menggesa agar SYABAS dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah **melebihi 32%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. (Setakat April 2013, kadar NRW ditunjukkan sebanyak 35%)

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukkan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: SISTEM PENGANGKUTAN AWAM**

82. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri / Kerajaan Tempatan berkuasa mengeluarkan permit kepada pengusaha-pengusaha untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dalam kawasan pentadbiran masing-masing?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas percuma dalam Negeri Selangor, terutamanya dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang?

**JAWAPAN :**

- a) **Tidak.** Hanya pihak SPAD sahaja yang berkuasa mengeluarkan permit kepada pengusaha-pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, pihak PBT boleh memberikan ulasan dan sokongan kepada pengusaha-pengusaha tersebut semasa proses permohonan permit.
- b) Kerajaan Negeri telah memberi tempoh selama dua (2) bulan iaitu sehingga bulan Ogos 2013 kepada semua PBT termasuk Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk menyediakan rangka kerja perkhidmatan pengangkutan awam percuma khususnya bas percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peruntukan undang-undang yang akan diketatkan berkaitan dengan pembangunan di lereng bukit?
- b) Apakah sungai-sungai yang akan dibersihkan dalam tempoh 5 tahun?
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mempromosi teknologi hijau?

**JAWAPAN :**

- a) Kesemua cadangan pemajuan projek pembangunan seperti kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah termasuklah pembangunan di lereng bukit adalah tertakluk di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Akta ini telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia pada 18 Mac 1976 di mana pemakaian di Negeri Selangor bermula pada tahun 1978. Akta ini bertujuan untuk mengadakan keseragaman undang-undang serta kawalan dan peraturan yang lengkap bagi perancangan bandar dan desa.

Setiap cadangan projek pembangunan akan melalui proses kelulusan pembangunan seperti tukar syarat tanag, kebenaran merancang, pelann bangunan, pecah sempadan dan seterusnya diberikan sijil penyiapan dan pematuhan (CCC).

Akta ini telah dipinda sebanyak 4 kali semenjak tahun 1993 – 2007. Selaras dengan keperluan semasa di mana terdapat banyak kejadian-kejadian tanah runtuh ataupun banjir lumpur akibat aktiviti pembangunan di lereng bukit terdapat banyak garis panduan berkaitan telah disediakan untuk dilaksanakan. Di antara garis panduan yang ada adalah seperti berikut :-

- (i) *Guideline for the Demarcation of Safety Zone Surrounding Limestone Hills* oleh Jabatan Mineral dan Geosains pada tahun 1982;
- (ii) *Guideline for Agriculture Activity on Steep Hill Slopes* oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1993;

- (iii) *Guideline for Hillside Development* oleh Jabatan Kerajaan Tempatan pada tahun 1997;
- (iv) *Guideline for Hillside Development Planning* oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Selangor pada tahun 1997;
- (v) *Guideline for Highland Development (Land Conservation Act. 1960)* oleh *Penang Land and Mining Office* pada tahun 1997;
- (vi) *Positioning Paper for Hill-Site Development* oleh *Institute of Engineers Malaysia, IEM* pada tahun 2002;
- (vii) *Guideline for Development on Highlands Area and Hillsides for Selangor* oleh MPAJ pada tahun 2003;
- (viii) *Guidelines for Highland Development* oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 2003;
- (ix) *Guidelines for Highland Development* oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2005;
- (x) *Garispanduan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi* oleh *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan* pada tahun 2009; dan
- (xi) *Garispanduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor* pada tahun 2010.

b) dan c) Dijawab oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: PERINDUSTRIAN NEGERI**

84. Sektor perindustrian Selangor adalah penyumbang utama ekonomi negeri dan negara

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan perindustrian Selangor berbanding negeri-negeri lain?
- b) Apakah hala tuju dan dasar perindustrian Selangor untuk tempoh sepanjang Rancangan Malaysia ke-10?
- c) Apakah strategi untuk memastikan Selangor kekal sebagai peneraju perindustrian?

**JAWAPAN:**

- a) Negeri Selangor memiliki sebuah pasaran ekonomi yang maju dan terbuka dengan anggaran pertumbuhan KDNK ([Keluaran Dalam Negara Kasar](#)) pada 5.7% bagi tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Berpandukan persekitaran ekonomi Negara dan global, jumlah nilai tambah negeri bagi tahun 2012 dianggarkan meningkat ke RM143,488 juta dalam harga malar tahun 2000 (2011:RM136,606 juta).

Sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri iaitu menyumbang kira-kira 38% dalam KDNK negeri pada tahun 2012, malah ia merupakan nadi ekonomi Negara. Selangor mempunyai sektor pembuatan seperti elektronik, bahan kimia dan kenderaan automotif yang terbesar di Malaysia, seperti kereta nasional iaitu proton serta perodua dan kereta import seperti Toyota, Nissan, Volkswagen, Ford, Volvo dan BMW. Terdapat juga kilang-kilang dari luar negara yang bertapak di negeri ini antaranya Panasonic dari Jepun, Procter & Gamble dari Amerika Syarikat, Unilever dari Belanda, Nokia dari Sweden dan banyak lagi.

Berdasarkan statistik pembinaan suku tahunan 2012 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam suku pertama 2012 Negeri Selangor telah mencatatkan nilai kerja pembinaan yang tertinggi sebanyak RM4.06 bilion iaitu 22.9 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai kerja pembinaan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ( RM2.35 bilion;13.3%), Johor (RM2.16 bilion; 12.2%) dan negeri-negeri lain. Berdasarkan data yang diperolehi, Negeri Selangor juga merupakan sebagai negeri yang mempunyai nilai kerja pembinaan tertinggi bagi bangunan kediaman (RM1.8bilion) dan bangunan bukan kediaman (RM1.5bilion) berbanding

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (bangunan kediaman:RM878juta) dan bangunan bukan kediaman (RM1.0bilion).

Kedudukan Selangor yang strategik dan lengkap dengan kemudahan infra menjadikan Negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan pilihan para pelabur. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2012, Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM 11,734,817,935 dengan 252 projek perkilangan yang diluluskan. Sebanyak 22,719 potensi peluang pekerjaan telah disediakan untuk penduduk tempatan yang berminat.

Statistik ini menunjukkan Selangor menyumbang sebanyak (29%) daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Malaysia. Pertumbuhan ekonomi Selangor yang dipacu oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan menjadikan negeri Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK Negara iaitu sekitar 21% - 23% bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012. Jumlah pelaburan yang diluluskan di Negeri Selangor bagi tahun 2012 adalah seperti jadual berikut;-

Projek Perkilangan Yang diluluskan Di Negeri Selangor Mengikut Negeri bagi tempoh Januari hingga Disember 2012

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Selangor	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
Johor	184	23,719	1,383,257,504	4,152,547,457	5,535,804,961
Sabah	30	2,153	4,767,563,466	266,750,510	5,034,313,976
Sarawak	34	2,214	975,489,728	3,752,772,138	4,728,261,866
Negeri Sembilan	40	3,329	1,472,419,999	1,257,632,266	2,730,052,265
Penang	115	10,359	1,344,906,218	1,126,549,317	2,471,455,535
Terengganu	11	820	156,123,986	2,254,876,000	2,410,999,986
Perak	49	5,347	688,977,031	1,592,043,732	2,281,020,763
Pahang	16	1,850	993,294,629	1,097,831,176	2,091,125,805
Melaka	26	1,330	644,023,549	408,621,578	1,052,645,127
Kedah	31	1,880	244,712,397	344,300,419	589,012,816
W. P. Kuala Lumpur	11	783	213,260,190	39,284,265	252,544,455
Kelantan	4	113	4,386,555	110,700,000	115,086,555
W. P. Labuan	1	15	13,034,050	12,215,950	25,250,000
Perlis					0
Belum ditentukan					0
<b>Jumlah</b>	<b>804</b>	<b>76,631</b>	<b>20,206,943,669</b>	<b>20,845,448,376</b>	<b>41,052,392,045</b>

Sumber : MIDA

- b) Berdasarkan kepentingan sektor perindustrian, Kerajaan Negeri akan menggalakkan sektor ini berkembang dengan lebih pesat lagi. Strategi yang berorientasikan eksport bagi industri pembuatan akan diberi penekanan. Dalam hal ini, pengusaha industri terutamanya pengusaha tempatan akan digalakkan untuk menjalankan pengeluaran berskala besar.

Bagi mencapai pertumbuhan tersebut, beberapa tindakan yang dirangka adalah seperti;-

- i. Melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Negeri Selangor dilaksanakan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian ketiga (2006-2020)
- ii. Mengekalkan prestasi pelaburan sedia ada berjumlah RM57 bilion dan menarik pelaburan melebihi RM8 bilion setahun.
- iii. Memastikan projek perindustrian yang diluluskan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan secepat mungkin.
- iv. Menyelaras dan memperkemaskan lagi Pusat Pelaburan Negeri bagi membolehkannya berfungsi sebagai pemangkin pembangunan perindustrian di negeri Selangor.
- v. Mempertingkatkan usaha untuk menarik pelabur tempatan dan asing melalui penglibatan Kerajaan Negeri secara langsung.
- vi. Mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian di Selangor seperti;-
  - 1) Selangor Science Park 2
  - 2) Selangor Halal Hub di Pulau Indah
  - 3) Port Klang Free Zone (PKFZ)
  - 4) Zurah Industrial Park
  - 5) Lain-lain kawasan industri.
- vii. Menggalakkan pertumbuhan industri *automotive belt* di Hulu Selangor
- viii. Menggalakkan pertumbuhan industri berteraskan teknologi maklumat
- ix. Menggalakkan pertumbuhan industri marin di sekitar Pelabuhan Barat.
- x. Menyediakan prasarana pelaburan dan kawasan industri baru yang kondusif dan strategik di luar Lembah Klang bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di semua kawasan di Selangor seperti di Kawasan Lembah Klang Ke-2 dan Selangor Science Park 2

Kerajaan Negeri juga turut mengenal pasti beberapa strategi lain bagi memastikan sektor perindustrian terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada KDNK negeri serta nadi penggerak ekonomi negara amnya dan negeri Selangor khususnya. Strategi tersebut adalah seperti berikut;-

- i. Menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi, berasaskan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam.
- ii. Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti;-
  - 1) *Business and Professional Services*
  - 2) *Integrated Logistic Services*
  - 3) *ICT Related Services*
  - 4) *Distributive Services*
  - 5) *Education and Training Services*
  - 6) *Medical and Health Services*
  - 7) *Tourism Services*
  - 8) *Manufacturing Related Services*
- iii. Menggalakkan penglibatan dalam industri berpotensi seperti;
  - 1) *Biotechnology*
  - 2) *Aviation Industry*
  - 3) *Solar Industry*
- iv. Menjadikan negeri Selangor bukan sahaja sebagai pusat pengeluaran produk tertentu tetapi mewujudkan nilai tambah pasaran produk.

- c) Kerajaan negeri telah mengambil beberapa pendekatan bagi memastikan Negeri Selangor kekal sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:-
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
  - ii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
  - iii. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
  - iv. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - v. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
  - vi. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
  - vii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
  - viii. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
  - ix. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
  - x. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara
  - xi. Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
  - xii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.

- xiii. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudah cara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: TANAH UNTUK SEKOLAH BANTUAN MODAL**

85. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila beri perincian status pemilikan dan kelulusan tanah bagi sekolah bantuan modal yang sedia ada mengikut jenis dan kawasan.
- b) Berapa tanah sekolah bantuan modal yang diluluskan oleh kerajaan negeri dari tempoh 2008 sehingga 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah perincian status pemilikan dan kelulusan tanah bagi sekolah bantuan modal yang sedia ada mengikut pecahan daerah :-

<b>DAERAH</b>	<b>KELUASAN</b>	<b>STATUS</b>
<b>Gombak</b> SJK(T) Batu Arang	1.4 ekar	Atas Tanah Kerajaan
<b>Selangor</b> i. SJK(C) Sin Ming, Puchong ii. SJK(T) Taman Permata iii. SJK(T) Teluk Merbau	1.107 ekar 0.971 hektar 2.691 hektar	Hak Milik HS(D) 34060, PT 47980 telah dikeluarkan Dalam tindakan pewartaan
<b>Kuala Selangor</b> SJK(C) Aik Thee  SJK(C) Ming Tee, Hujung Permatang		Hakmilik belum dikeluarkan. Telah diluluskan secara pewartaan



DAERAH	KELUASAN	CATATAN
<b>Hulu Selangor</b> SJK(C) Rasa Hulu Selangor	5.655 ekar	Hakmilik telah didaftarkan.
<b>Klang</b> i. SJK(T) Highlands ii. SJK(T) Jalan Tepi Sungai iii. SJK(T) Vallambrosa, Kapar iv. SJK Bukit Rajah v. SJK Emerald	4 ekar 1 ekar	Dalam proses pewartaan
<b>Petaling</b> i. SJK(T) Effingham ii. SJK(T) Seaport iii. SJK(T) Hummock iv. SJK(T) Glenmarie v. SJK(T) Kinrara vi. SJK(T) Ladang Rasak vii. SJK(T) Sg. Renggam  viii. SJK(T) Castlefield ix. SJK(T) Ebor x. SJK(T) Seafield xi. SJK(T) Midlands	3 ekar 2 ekar 1 ekar  4 ekar  5 ekar	Dalam proses pewartaan    Tanah milik PKNS   Dalam tindakan pewartaan
<b>Hulu Langat</b> i. SJK(T) West Country Timur		Dalam tindakan pewartaan
<b>Kuala Langat</b>	tiada	

- b) Merujuk kepada jadual di (a), sebanyak 7 buah sekolah bantuan modal yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dari tempoh 2008 sehingga 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: TABUNG PEMBERDAYAAN WANITA**

86. Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor memperuntukkan RM50 juta bagi menyediakan prasarana baik untuk meningkatkan mutu kehidupan wanita.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan dalam menaiktaraf mutu kehidupan wanita dari segi ekonomi, peluang pekerjaan dan keselamatan?

**JAWAPAN :**

- a) Sebelas golongan wanita telah dikenal pasti; suri rumah, ibu tunggal, wanita muda, remaja perempuan, wanita industri, luar bandar & ladang bekerja & sektor informal, Wanita OKU, orang asli, warga emas, wanita miskin.

Oleh itu, usaha menaiktaraf mutu kehidupan wanita adalah pelbagai.

Dari segi ekonomi, peluang pekerjaan dan keselamatan usaha-usaha sedia ada akan terus diperhebatkan; antaranya ialah:

1. Pertanian, tanaman di laman rumah secara organik dan mesra alam tanpa menggunakan racun ( Laman Dapur)
2. Mikrokredit Mimbar dan Skimisel
3. Mikrokredit Wanita Ladang
4. PET SOHO-S, program usahawan untuk ibu tunggal
5. Program-program meningkat kemahiran menjahit, memasak dan lain-lain bentuk kemahiran yang diperlukan oleh wanita setempat di Pusat Wanita Berdaya seluruh Selangor
6. Program meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang ICT dan pengurusan kewangan.
7. Program pentauliyahan pengasuhan kanak-kanak dan SiKembar; memberi pekerjaan kepada pengasuh di rumah-rumah kediaman
8. Pemberian peralatan dalam program membasmi kemiskinan
9. OSCC (Pusat Krisis Sehenti) dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita
10. Program-program avokasi dalam pengurusan kewangan, kesihatan mental dan reproduktif, undang-undang dan hak wanita
11. Program latihan berbentuk kepimpinan

Lanjutan dari itu, Kerajaan Negeri Selangor akan mengenal pasti 20% daripada ibu tunggal yang layak dengan perniagaan sedia mereka untuk dilibatkan dalam skim penambahan modal perniagaan.

Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah seluruh Selangor telah melantik individu dalam pentadbiran masing-masing untuk meningkatkan keberkesanan perancangan, penyeliaan dan pemantauan program-program pemberdayaan wanita Selangor yang berhasrat meningkatkan mutu dan kualiti kehidupan wanita

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: BELIA**

87. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif kerajaan bagi melahirkan lebih ramai pelapis pemain bola sepak negeri bertaraf bintang?
- b) Apakah inisiatif kerajaan untuk memberi ruang yang cukup kepada para belia mengapresiasi suara, bakat dan keterampilan mereka dalam bentuk media, sukan dan lain-lain?

**JAWAPAN :**

- a) Di antara inisiatif kerajaan bagi melahirkan lebih ramai pelapis pemain bola sepak negeri bertaraf bintang ialah mengasah bakat anak-anak muda di peringkat sekolah dalam penganjuran kejohanan sukan bola sepak di peringkat sekolah yang dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam sukan. Di samping itu, ia juga adalah salah satu usaha untuk melahirkan lebih ramai atlit elit dan Olimpik serta merupakan cara untuk mengenal pasti atlit-atlit yang berpotensi mengharumkan nama negeri dalam bidang sukan.
- b) Inisiatif kerajaan untuk memberi ruang yang cukup kepada para belia untuk mengapresiasi suara, bakat dan keterampilan ialah dengan mengadakan program-program pembangunan kepada belia contohnya pengucapan umum dan pertandingan pidato yang dapat mencungkil bakat, suara dan keterampilan para belia dalam menjadi seorang pemimpin pada masa akan datang. Seterusnya, Program Seminar Pembangunan Belia adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada para belia untuk menyuarakan pandangan dan pendapat dalam usaha kerajaan untuk membangunkan dan memajukan belia. Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan Laman Sesawang Belia Ehsan Selangor (BES) yang boleh dijadikan sebagai medan pengantara di kalangan belia untuk mendapatkan maklumat, menyuarakan pendapat dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: SKIM MIKROKREDIT**

88. Kerajaan negeri telah dan akan melaksanakan Skim Mikrokredit melibatkan SKIMSEL dan MIMBAR untuk membantu mereka terbabit membuat usaha niaga secara kecilan

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tahap pelaksanaan dan kejayaan skim-skim ini?
- b) Nyatakan statistik mereka yang telah menerima manfaatnya?

**JAWAPAN :**

**SKIMSEL**

- a) Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2010 dan seterusnya dilancarkan pada 2 September 2010. Sehingga kini, SKIMSEL telah mempunyai sembilan (9) buah cawangan yang beroperasi di 9 daerah di negeri Selangor iaitu Cawangan Sabak Bernam, Cawangan Kuala Selangor, Cawangan Hulu Selangor, Cawangan Hulu Langat, Cawangan Kuala Langat, Cawangan Sepang, Cawangan Gombak, Cawangan Petaling dan Cawangan Klang. Semua pejabat cawangan beroperasi di Bangunan Pejabat dan Tanah Daerah masing-masing.

Jumlah dana yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada SKIMSEL adalah sejumlah RM50 juta. Sehingga 30hb April 2013, SKIMSEL telah menerima peruntukan dana sebanyak RM22.4 juta. Dengan dana yang ada SKIMSEL telah berjaya mengeluarkan pembiayaan mikrokredit dengan bilangan akaun pembiayaan sebanyak 16,099 berjumlah RM50,582,050.00 kepada 7,610 orang peserta atau sadiq.

SKIMSEL sentiasa berusaha untuk mengekalkan kadar bayaran balik pembiayaan pada tahap 100 peratus (zero PAR) bagi operasi di semua cawangan. Sehingga kini, kadar bayaran balik SKIMSEL berada pada tahap 98.34 peratus.

## MIMBAR

Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) Selangor telah beroperasi selama dua (2) tahun sejak Mac 2011. Bermula dari dua (2) program pilihan iaitu Program Mikrokredit dan Program Bantuan Niaga, MiMBAR Selangor telah mengembangkan lagi penawarannya dengan mewujudkan Program Bantuan Kerja. Penyediaan program-program ini selaras dengan konsep “*workfare*” yang diketengahkan oleh kerajaan negeri dalam menjadikan masyarakat Selangor berdikari untuk berpendapatan. Program Mikrokredit merupakan satu bantuan pinjaman berbentuk tunai di antara RM1,000 hingga RM5,000 bergantung kepada permintaan pemohon dan jenis perniagaannya. Program Bantuan Niaga dan Bantuan Kerja pula menyediakan bantuan pinjaman perniagaan berbentuk peralatan, kiosk, mesin, produk dan ruang niaga. Tempoh pembayaran semula pula telah dipanjangkan dari 12 bulan kepada 18 bulan dengan mengekalkan konsep pinjaman yang sama iaitu pinjaman tanpa caj faedah.

Selain itu, MiMBAR Selangor melihat bahawa bimbingan dan latihan juga adalah penting bagi mendidik golongan peniaga di Selangor ini untuk terus berkembang ke tahap yang lebih baik dan lebih tinggi. Justeru pelbagai latihan, kursus dan bengkel dijalankan sehingga kini. Ianya meliputi bengkel pengurusan kewangan secara teori dan praktikal, pendedahan dan perkongsian maklumat melalui jabatan-jabatan kerajaan dan usahawan, tatacara berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan, mengetahui hak-hak peniaga, proses pensijilan halal, dan perkongsian pengalaman serta cabaran di antara mereka sendiri. Usaha ini adalah untuk menggalakkan mereka supaya terus berdaya saing dan meningkatkan jati diri agar lebih maju dan pada masa yang sama dapat memenuhi tuntutan global seperti produk halal, Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP), kebersihan produk, dan mula merancang penubuhan syarikat ke arah syarikat sendirian berhad bukan sekadar perusahaan.

### i) Kejayaan MiMBAR Selangor

Melalui maklumbalas yang dijalankan, MiMBAR Selangor telah berjaya mengenalpasti seramai 1,024 peserta program berjaya melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan berada di tahap yang stabil. Manakala seramai 712 orang peserta telah berjaya menamatkan pinjamannya tanpa mempunyai sebarang tunggakan bayaran sepanjang proses pinjaman dan sudah berada di tahap yang selesa yang tidak memerlukan pinjaman pusingan seterusnya sebagai modal tambahan. Kebanyakan peserta yang begitu komited untuk memajukan perniagaan dirinya dilihat berubah kepada lebih selesa dan maju dengan tahap perniagaannya yang semakin berkembang.

MiMBAR Selangor amat berharap dengan bantuan pinjaman berterusan ini dapat membantu sekumpulan kecil peserta yang begitu komited dan berusaha ke tahap yang lebih tinggi sebagai perantis industri kecil dan sederhana sehingga mereka tidak lagi memerlukan pinjaman kecil sebegini untuk menyara perbelanjaan perniagaan mereka

## SKIMSEL

- b) Berikut adalah maklumat berkaitan sadiq dan pengeluaran pembiayaan mengikut daerah atau cawangan SKIMSEL:

CAWANGAN	SADIQ	BIL PEMBIAYAAN	JUMLAH PEMBIAYAAN
Sabak Bernam	1,144	3,093	9,871,100.00
Hulu Selangor	1,059	2,297	7,880,800.00
Kuala Selangor	1,223	2,368	6,754,850.00
Hulu Langat	1,281	2,279	7,014,200.00
Kuala Langat	1,159	2,338	7,846,500.00
Sepang	832	1,981	6,053,500.00
Gombak	187	302	874,000.00
Petaling	357	827	2,558,500.00
Klang	368	614	1,728,600.00
<b>SKIMSEL</b>	<b>7,610</b>	<b>16,099</b>	<b>50,582,050.00</b>



## MIMBAR

Sehingga Mei 2013, MiMBAR Selangor telah menyalurkan pinjaman kepada seramai 5,722 peniaga kecil di bandar-bandar di Selangor dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM11,426,400.00. Jumlah ini menunjukkan mereka yang menerima bantuan pinjaman tambahan modal pusingan pertama. Daripada jumlah tersebut, 153 daripadanya merupakan peserta yang telah menerima pinjaman tambahan pusingan kedua dengan jumlah sebanyak RM613,500.00. Mengikut pilihan program yang ditawarkan oleh MiMBAR Selangor, statistik menunjukkan 97% adalah mereka yang mengikut program mikrokredit sepenuhnya dan lain-lain mengikut Program Bantuan Niaga dan Bantuan Kerja. Ini termasuk 125 peserta yang telah diluluskan pinjamannya melalui bantuan niaga kiosk mudah alih di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 33 kumpulan peserta yang mengambil Pakej MiMBAR Kleaner iaitu pakej cucian permaidani.

Statistik mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula menunjukkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatatkan jumlah lingkungan peserta teramai iaitu sebanyak 25% dan diikuti dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebanyak 18%, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan 16%, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sebanyak 11%, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Kajang dengan 10%, dan diikuti dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya sebanyak 6%. Manakala lingkungan peserta yang terendah adalah dari kawasan Majlis Perbandaran Sepang iaitu sebanyak 3%. Luar kawasan pula adalah sangat minima iaitu sekitar 1% sahaja.

Mengikut jantina pula, statistik yang diperolehi menunjukkan peminjam dari golongan wanita lebih ramai dari kaum lelaki untuk pinjaman pusingan pertama dengan perolehan yang mencatatkan 63% adalah wanita mengatasi 37% lelaki. Golongan wanita teramai pula terdiri dari lingkungan umur 40 hingga 49 tahun dengan 38%, diikuti dengan 29% dari lingkungan umur 30 hingga 39 tahun, 21% bagi umur antara 50 hingga 59 tahun, 10% dari umur 20 hingga 29 tahun dan hanya 2% golongan wanita berumur 60 tahun. Bidang perniagaan mereka pula terdiri dari bidang niaga yang pelbagai sama ada makanan dan minuman, jahitan, pembuatan, kecantikan, peruncitan, kraftangan, pakaian, katering, barang kering, dan sejuk beku.

### Jumlah Peserta Dan Pembiayaan Keseluruhan Mengikut Program Ditawarkan

PROGRAM		KUANTITI (PESERTA)	JUMLAH (RM)
MIKROKREDIT		5,564	10,952,400
BANTUAN NIAGA	KIOSK AYAM RANGUP	12	36,000
	KIOSK ICE BLENDED	61	183,000
	KIOSK BURGER	52	156,000
BANTUAN KERJA	PMK	33	99,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN PEMBIAYAAN</b>		<b>5,722</b>	<b>11,426,400.00</b>
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN PUSINGAN KEDUA</b>		<b>153</b>	<b>613,500.00</b>

### Jumlah Peserta Dan Peratusan Mengikut Taburan Pihak Berkuasa Tempatan

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	KUANTITI (PESERTA)	PERATUS (%)
MPK	1,417	25
MPS	1,050	18
MBPJ	899	16
MPAJ	641	11
MBSA	591	10
MPKj	577	10
MPSJ	353	6
MPSp	157	3
LUAR KAWASAN	37	1
<b>JUMLAH</b>	<b>5,722</b>	<b>100</b>

### Jumlah Peserta Dan Peratusan Mengikut Jantina

JANTINA	KUANTITI (PESERTA)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM)
PEREMPUAN	3,588	63	7,074,900
LELAKI	2,134	37	4,351,500
<b>JUMLAH</b>	<b>5,722</b>	<b>100</b>	<b>11,426,400</b>

### Jumlah Peserta Dan Peratusan Mengikut Kumpulan Umur

KUMPULAN UMUR (TAHUN)	KUANTITI (PESERTA)	PERATUS (%)
20-29	583	10
30-39	1,665	29
40-49	2,185	38
50-59	1,169	21
60>	121	2
<b>JUMLAH</b>	<b>5,722</b>	<b>100</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS, OKU DAN TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**

89. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pendaftaran telah dibuat dalam Program Skim Mesra Usia Emas, OKU dan Tabung Warisan Anak Selangor mengikut susunan tahun sejak 2008 sehingga bulan Mei 2013 di DUN Teluk Datuk?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah jumlah pendaftaran yang telah dibuat mengikut susunan tahun dari 2008 hingga bulan Mei 2013 di **DUN Teluk Datuk** mengikut program seperti berikut:

BIL	PROGRAM	JUMLAH PENDAFTARAN					
		2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
1.	SMUE *	11	2,326	315	956	648	165
2.	TAWAS	10	394	536	742	1,049	522

\* Termasuk OKU

- Sila rujuk lampiran untuk pendaftaran bagi semua DUN mengikut susunan tahun dari 2008 hingga Mei 2013.

**PENDAFTARAN TAWAS DARI TAHUN 2008 SEHINGGA MEI 2013**

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
1	BALAKONG	1	169	136	332	585	217	<b>1,440</b>
2	BANGI	-	150	307	1,083	1,087	518	<b>3,145</b>
3	BATANG KALI	5	271	674	220	936	213	<b>2,319</b>
4	BATU CAVES	21	288	336	565	2,329	778	<b>4,317</b>
5	BATU TIGA	59	637	577	741	1,451	498	<b>3,963</b>
6	BUKIT ANTARABANGSA	2	35	67	71	149	27	<b>351</b>
7	BUKIT GASING	3	37	27	69	84	32	<b>252</b>
8	BUKIT LANJAN	-	77	77	100	283	136	<b>673</b>
9	BUKIT MELAWATI	29	168	148	254	401	123	<b>1,123</b>
10	CHEMPAKA	-	28	54	99	233	102	<b>516</b>
11	DAMANSARA UTAMA	8	160	182	249	411	142	<b>1,152</b>
12	DENGKIL	16	160	604	410	1,249	348	<b>2,787</b>
13	DUSUN TUA	5	109	189	438	689	289	<b>1,719</b>
14	GOMBAK SETIA	1	77	176	260	508	167	<b>1,189</b>
15	HULU BERNAM	1	81	172	101	200	41	<b>596</b>
16	HULU KELANG	-	63	75	139	256	64	<b>597</b>
17	IJOK	28	310	377	440	705	188	<b>2,048</b>
18	JERAM	34	280	380	438	676	259	<b>2,067</b>
19	KAJANG	48	667	971	2,422	2,774	1,111	<b>7,993</b>

**PENDAFTARAN TAWAS DARI TAHUN 2008 SEHINGGA MEI 2013**

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
20	KAMPUNG TUNKU	2	165	144	145	197	64	<b>717</b>
21	KINRARA	12	365	361	609	1,117	280	<b>2,744</b>
22	KOTA ALAM SHAH	33	454	816	663	667	237	<b>2,870</b>
23	KOTA ANGGERIK	30	432	1,257	1,213	1,759	749	<b>5,440</b>
24	KOTA DAMANSARA	12	190	300	447	828	296	<b>2,073</b>
25	KUALA KUBU BAHARU	3	241	366	248	446	117	<b>1,421</b>
26	KUANG	2	110	150	208	396	247	<b>1,113</b>
27	LAIN-LAIN	-	40	48	147	221	27	<b>483</b>
28	LEMBAH JAYA	7	194	337	409	929	259	<b>2,135</b>
29	MERU	24	599	779	986	1,636	661	<b>4,685</b>
30	MORIB	4	367	396	504	791	266	<b>2,328</b>
31	PANDAMARAN	76	919	714	803	1,313	393	<b>4,218</b>
32	PAYA JARAS	5	266	382	486	1,003	390	<b>2,532</b>
33	PELABUHAN KLANG	26	644	559	848	1,957	354	<b>4,388</b>
34	PERMATANG	35	259	179	239	471	104	<b>1,287</b>
35	RAWANG	19	481	665	492	2,120	876	<b>4,653</b>
36	SABAK BERNAM	24	209	250	232	392	183	<b>1,290</b>
37	SEKINCHAN	51	281	176	169	356	114	<b>1,147</b>
38	SELAT KLANG	2	320	577	578	1,053	453	<b>2,983</b>
39	SEMENTA	18	284	388	537	1,126	286	<b>2,639</b>

**PENDAFTARAN TAWAS DARI TAHUN 2008 SEHINGGA MEI 2013**

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
40	SEMENYIH	9	252	332	897	1,328	519	<b>3,337</b>
41	SERI ANDALAS	21	411	455	768	1,579	575	<b>3,809</b>
42	SERI KEMBANGAN	5	440	317	452	886	329	<b>2,429</b>
43	SERI MUDA	10	330	503	613	1,816	770	<b>4,042</b>
44	SERI SERDANG	12	377	299	318	828	303	<b>2,137</b>
45	SERI SETIA	1	35	103	165	221	116	<b>641</b>
46	SIJANGKANG	29	1,076	725	597	841	295	<b>3,563</b>
47	SUBANG JAYA	8	168	209	247	576	221	<b>1,429</b>
48	SUNGAI AIR TAWAR	44	143	149	161	239	42	<b>778</b>
49	SUNGAI BURONG	16	241	223	268	462	338	<b>1,548</b>
50	SUNGAI PANJANG	27	298	354	371	567	198	<b>1,815</b>
51	SUNGAI PELEK	23	235	110	257	569	124	<b>1,318</b>
52	SUNGAI PINANG	4	270	256	325	590	288	<b>1,733</b>
53	TAMAN MEDAN	15	330	359	514	758	360	<b>2,336</b>
54	TAMAN TEMPLER	-	113	148	214	773	150	<b>1,398</b>
55	TANJUNG SEPAT	-	153	118	278	508	137	<b>1,194</b>
56	TELUK DATUK	10	394	536	742	1,049	522	<b>3,253</b>
57	TERATAI	-	135	68	126	260	110	<b>699</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>880</b>	<b>15,988</b>	<b>19,637</b>	<b>25,707</b>	<b>47,634</b>	<b>17,006</b>	<b>126,852</b>

**STATISTIK PENDAFTARAN AHLI SMUE MENGIKUT DUN DARI TAHUN  
2008 SEHINGGA MEI 2013**

<b>Bil</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
1	BALAKONG	8	1,988	382	523	598	167	3,666
2	BANGI	-	1,142	253	469	392	117	2,373
3	BATANG KALI	-	1,303	316	83	240	82	2,024
4	BATU CAVES	17	1,615	251	272	405	95	2,655
5	BATU TIGA	17	1,244	327	428	393	142	2,551
6	BUKIT ANTARABANGSA	1	789	103	108	133	70	1,204
7	BUKIT GASING	-	849	153	298	368	154	1,822
8	BUKIT LANJAN	42	1,244	351	519	644	140	2,940
9	BUKIT MELAWATI	2	1,114	139	144	245	144	1,788
10	CHEMPAKA	-	1,653	285	341	389	99	2,767
11	DAMANSARA UTAMA	194	4,118	752	849	448	83	6,444
12	DENGKIL	3	1,269	825	510	571	177	3,355
13	DUSUN TUA	14	2,344	431	412	510	68	3,779
14	GOMBAK SETIA	14	2,214	401	403	476	141	3,649
15	HULU BERNAM	35	1,411	775	583	400	123	3,327
16	HULU KELANG	-	2,812	253	320	315	122	3,822
17	IJOK	-	2,107	294	307	412	124	3,244
18	JERAM	16	1,774	264	248	319	55	2,676
19	KAJANG	17	3,244	734	933	602	171	5,701
20	KAMPUNG TUNKU	-	2,809	723	542	489	101	4,664
21	KINRARA	2	2,143	451	801	843	181	4,421



**STATISTIK PENDAFTARAN AHLI SMUE MENGIKUT DUN DARI TAHUN 2008  
SEHINGGA MEI 2013**

<b>Bil</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
22	KOTA ALAM SHAH	7	1,333	359	659	655	123	3,136
23	KOTA ANGGERIK	3	1,226	317	350	430	107	2,433
24	KOTA DAMANSARA	-	1,055	169	313	452	85	2,074
25	KUALA KUBU BAHARU	4	1,495	650	588	678	199	3,614
26	KUANG	12	1,779	161	262	286	45	2,545
27	LEMBAH JAYA	12	3,303	546	473	638	368	5,340
28	MERU	3	2,102	264	343	635	176	3,523
29	MORIB	8	2,048	409	485	434	130	3,514
30	PANDAMARAN	42	2,551	463	886	508	143	4,593
31	PAYA JARAS	1	1,605	422	538	376	129	3,071
32	PELABUHAN KLANG	-	868	244	609	576	164	2,461
33	PERMATANG	9	1,765	212	245	298	42	2,571
34	RAWANG	3	2,336	158	702	1,088	150	4,437
35	SABAK	31	2,527	258	300	440	68	3,624
36	SEKINCHAN	6	1,859	114	294	221	73	2,567
37	SELAT KLANG	3	2,358	489	790	756	236	4,632
38	SEMENTA	5	2,054	521	661	488	173	3,902
39	SEMENYIH	14	2,497	322	424	659	90	4,006
40	SERI ANDALAS	7	2,571	681	965	1,049	340	5,613

**STATISTIK PENDAFTARAN AHLI SMUE MENGIKUT DUN DARI TAHUN 2008  
SEHINGGA MEI 2013**

<b>Bil</b>	<b>Nama DUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>JUMLAH</b>
41	SERI KEMBANGAN	9	2,969	504	546	438	63	4,529
42	SERI SERDANG	-	2,010	270	353	373	86	3,092
43	SERI SETIA	-	1,256	293	384	331	119	2,383
44	SIJANGKANG	6	1,864	295	334	393	133	3,025
45	SRI MUDA	10	1,464	344	269	672	106	2,865
46	SUBANG JAYA	-	944	345	940	813	248	3,290
47	SUNGAI AIR TAWAR	11	2,246	169	207	254	62	2,949
48	SUNGAI BURONG	1	2,358	258	229	327	95	3,268
49	SUNGAI PANJANG	18	2,735	398	400	424	113	4,088
50	SUNGAI PELEK	12	1,528	278	317	495	105	2,735
51	SUNGAI PINANG	18	3,870	510	679	620	258	5,955
52	TAMAN MEDAN	8	2,240	493	535	569	140	3,985
53	TAMAN TEMPLER	15	2,919	497	553	645	142	4,771
54	TANJUNG SEPAT	-	2,103	405	414	401	63	3,386
55	TELUK DATUK	11	2,326	315	954	648	165	4,419
56	TERATAI	11	2,736	363	363	403	92	3,968
<b>JUMLAH</b>		<b>682</b>	<b>112,086</b>	<b>20,959</b>	<b>26,457</b>	<b>27,665</b>	<b>7,387</b>	<b>195,236</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA**

90. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah program-program pembangunan belia yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut setiap daerah dalam tahun 2012?
- b) Apakah ada penglibatan Anak-anak Syarikat Negeri Selangor dalam pembangunan belia serta jumlah perbelanjaan mereka bagi program berkenaan.

**JAWAPAN :**

- a) Program-program pembangunan belia yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut daerah dalam tahun 2012 adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Tiada sumbangan kewangan korporat dari anak-anak syarikat negeri bagi pembangunan belia. Hanya pihak JAIS ( Bahagian Dakwah ) sahaja yang memberi sumbangan dari segi pembiayaan pembayaran penceramah bagi program-program yang dikendalikan oleh bahagian Pembangunan Belia.



8 / 68E EJ 7/9 9343D6E38/94BD  
%0/5/46/9 C38 0/94J 9/9 0386.  
8/CBD/9 CDB4D/8 0386/ 0/460J 8/9 8 /1/231 ., - .

066	9 / 8 / / 71 6. 6) CDB4D/8	I / D675)8 / E/	I 38 C/I	J E/5/E/8 /	6 8 8/5 C3E3DI / M/ 94 I 3D860/I	1/1/1/9

00	9/8 / /71 6.6 6) CDB4D/8	I/D675)8 /E/	I 38 C/I	J E/5/E/8 /	6 8 8/5 C3E3DI / M/ 94 I 3D80/I	1/1/1/9
			<p>8 2E0</p> <p>8 C7a</p> <p>8 0C6</p> <p>8 C7</p>			

			<b>8 CEg</b>			
			<b>8 CE</b>  <b>8 OE/</b>  <b>8 C/6</b>			

8Ngf hNe 0NSUdi dNe 8 RUTL@SSN2RP. , - .

068	9 / 8 / / 71 (L. 6) CDB4 D/ 8	1 / D675) 8 / E/	1 38 C/ I	6 8 8/ 5 C3E3DI / M/ 94 I 3D80/ I	1/ 1/ 1/ 9

000	9 / 8 / / 71 6.6 6) CDB4D/8	1 / D675)8 / E/	1 38 C/1	6 8 8/5 C3E3DI / M/94 I 3D80/1	1/1/1/9
			2 NRhNT 7dNeS /		





**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: EKO-PELANCONGAN**

91. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan infrastruktur dan aktiviti eko-pelancongan di negeri Selangor sepanjang tahun 2009-2012.
- b) Sila nyatakan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan eko-pelancongan di negeri Selangor menjadi sumber pendapatan kepada penduduk tempatan sepanjang tahun 2009-2012.
- c) Sila nyatakan usaha kerajaan negeri untuk memberikan insentif kepada pemilik-pemilik tanah yang mengusahakan eko-pelancongan terutamanya di Dusun Tua.

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah jumlah peruntukan yang telah pun disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan kawasan pelancongan dengan kemudahan infrastruktur serta aktiviti eko-pelancongan di Negeri Selangor sepanjang tahun 2009 sehingga tahun 2012 seperti jadual di bawah:-

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PBT YANG TERLIBAT</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITURUNKAN (RM)</b>
1.	2009	MDKS, MDSB	746,108.80
2.	2010	MBPJ, MPK, MPKj, MPSp, MDKS, MDSB	480,055.00
3.	2011	MBSA, MPK, MPAJ, MPS, MPKj, MPSp, MDHS, MPKL, MDSB	5,611,312.00
4.	2012	MBSA, MPK, MPSJ, MPS, MDHS, MDKS, MDKL, MDSB, MPSp, TSSB, Jabatan Perhutanan	2,285, 434.00

- b) Eko pelancongan adalah aktiviti yang melibatkan lawatan ke tempat-tempat yang mempunyai keindahan alam semula jadi. Eko pelancongan merupakan satu sektor pelancongan yang boleh dilawati dan diminati oleh para pelancong daripada luar dan dalam negara. Pelbagai acara telah dijalankan untuk mempromosikan produk eko-pelancongan dan dapat menarik para pelancong melawat produk eko pelancongan. Acara yang telah dirancang dan dilaksanakan di produk eko pelancongan adalah seperti berikut;

No.	Nama Acara	Deskripsi
1.	Starbucks Green Treasure Hunt	Dianjurkan pada tahun 2013 Bertempat di Sungai Kanching Acara ini menekankan aspek pemeliharaan alam sekitar Merupakan kerjasama dengan Starbucks Malaysia
2.	Selangor Eco-Drive Hunt	Acara yang dianjurkan setiap tahun Bertempat di Selangor Merupakan kerjasama dengan PCP Publications & Nanyang Press
3.	My Selangor Story	Acara yang dianjurkan setiap tahun Melibatkan fotografi dan penulisan blog Menumpukan lokasi-lokasi menarik di sekitar Selangor yang berkaitan dengan homestay, eko-pelancongan, pusat perangan, restoran, dan sebagainya
4.	TS Day Out	Merupakan acara yang dianjurkan setiap bulan Melibatkan fotografi dan penulisan blog Menumpukan kepada beberapa produk-produk pelancongan yang membangun untuk tujuan promosi Antara lokasi-lokasi acara :- <ul style="list-style-type: none"> <li>o Skytrex, Taman Botani Negara Shah Alam</li> <li>o ATV Kemensah</li> <li>o Forest Research Institute of Malaysia (FRIM)</li> <li>o Taman Alam Kuala Selangor</li> <li>o Heritage Tour @ Kuala Langat</li> </ul>

Banyak aktiviti promosi telah dijalankan untuk memperkenalkan produk-produk eko pelancongan kepada orang awam antaranya ialah;

1) Tahun 2009

Bil	Program	Tempat
1	MATTA International Fair Travel 2009 (MASUM)	Kompleks Belia Shah Alam
2	Karnival & Kejohanan Paraglyding Antarabangsa, Bukit Jugra	Bukit Jugra, Kuala Langat
3	Pesta Air Klang 2009	Klang
4	International Law Conference Islamic Banking & Finance	Saujana Kuala Lumpur & Sunway Pyramid

2) Tahun 2010

Bil	Program	Tempat
1	MASUM	SACC Convec
2	Karnival Wow	Putrajaya
3	Road to Challenge (Mua Thai)	Sunway
4	Traditional Welcome Troupe for Queen Victoria	Klang
5	Karnival Pulau Indah	Klang
6	Vasakhi Festival	Petaling Jaya
7	Royal Classic Car Rally	Selangor ke Utara
8	Hari Bertemu Pelanggan PKNS	Bangi
9	Eco Green Week 2010 (BECOME)	Damansara
10	Karnival Larian 10km MPSJ-NST	Subang Jaya
11	Simposium Taman Tasik Shah Alam	Shah Alam
12	Karnival Nasyid	Shah Alam
13	Centro Run	Klang
14	Padang Timur Selangor Music Extravaganza	Petaling Jaya
15	Malaysia Law Conference	Kuala Lumpur
16	Simposium Kelip-kelip	Subang Jaya
17	Sambutan Kemerdekaan & Penghayatan Ramadhan	iCity, Shah Alam
18	Karnival Maritim Sedunia	Pelabuhan Klang, Klang
19	Pameran Industri Pelancongan	Sabak Bernam
20	Pesta Sayap, Kuala Selangor	Kuala Selangor

### 3) Tahun 2011

Bil	Program	Tempat
1	MASUM 2011	SACC Convec
2	Sambutan 3 Tahun Pentadbiran Negeri Selangor	Shah Alam
3	Pesta Air Bagan Lalang	Sepang
4	MATTA Fair	Kuala Lumpur
5	Misi Jualan Domestik	Sarawak
6	Selangor Heritage Photo Karnival	Klang
7	Sepang Super Japan GT	Empire Galeri, Subang Jaya
8	Bazar Karnival Kraf Negeri Selangor	Klang
9	Miss Universe Pre-Launch	Sunway Pyramid
10	Agro Festival	Shah Alam
11	ASEAN Travel Forum	Phnom Penh, Cambodia
12	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore
13	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore
14	ITHF, Jakarta	Indonesia
15	Arabian Travel Mart	UAE
16	ITE, Vietnam	Vietnam
17	Ta Ra Nasa Malaysia Travel Fair	Filipina
18	PATA New Delhi	India
19	JATA, Japan	Jepun
20	Selangor Meets Brunei	Brunei
21	WTM London	London
22	Guangzhou Fair 2011	China
23	Selangor Meets Taiwan	Taiwan

### 4) Tahun 2012

Bil.	Program	Tempat
1.	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi dari Gyeonggi Province, Korea	SUK, Shah Alam
2.	Selangor MATTA Islamic Travel Fair (SMITF) 2012 * MASUM	SACC Convec, Shah Alam
3.	World Adventure Travel Expo	SACC Convec, Shah Alam
4.	Skuad Kembara Selangor Shines ke UNISEL Shah Alam	Unisel, Shah Alam
5.	Skuad Kembara Selangor Shines ke	Unisel Bestari Jaya

	UNISEL Bestari Jaya	
6.	Skuad Kembara Selangor Shines ke SMK Seksyen 18	Shah Alam
7.	Skuad Kembara Selangor Shines ke SMK (P) Kapar	Klang
8.	Bulan Melawat Kuala Langat (Perasmian & Konvoi ke 9 buah negeri)	Semenanjung Malaysia
9.	Malaysia International Tourism Exchange (MITE) 2012	Serdang
10.	Promosi di PWTC sempena WITM	PWTC, Kuala Lumpur
11.	Post Tour for WITM 2012	Sekitar Selangor
12.	Skuad Kembara Selangor Shines ke Segi College	Segi College
13.	Skuad Kembara Selangor Shines ke Quality Day, UIA	UIA Gombak
14.	Hari Komuniti Bersama IPD Sepang	Sepang
15.	<i>Shooting</i> bagi ASEAN TV, Thailand	Sekitar Selangor
16.	Skuad Kembara Selangor Shines ke Star Cruise – Superstar Virgo	Klang
17.	Program Promosi 41st World Morning Cup Badminton Championship, Puchong	Puchong
18.	Skuad Kembara Selangor Shines ke SMK Dusun Nanding	Hulu Langat
19.	Fam Tour Bersama DEMC	Sekitar Selangor
20.	Skuad Kembara Selangor Shines ke SMK Seafield, Subang Jaya	Subang Jaya
21.	Star Cruise	Pelabuhan Klang
22.	Promosi di 9th Asia Pacific Harmonica Festival	Berjaya Times Square, Kuala Lumpur
23.	Star Cruise	Pelabuhan Klang
24.	Program Pelancaran Sekinchan Tourist Guide Book	Sekinchan

25.	Program Promosi anjuran CIAST di Hotel De Palma Shah Alam	Shah Alam
26.	Skuad Kembara Selangor Shines ke SMK Convent Klang	Klang
27.	Skuad Kembara Selangor Shines ke Kolej Komuniti Kuala Langat	Kuala Langat
28.	Fam Tour Bersama Delegasi Iran	Sekitar Selangor
29.	Kuala Lumpur Photograpy Festival	Mid Valley, Kuala Lumpur
30.	Program Promosi ke Pantai Timur	Kuantan, Kuala Terengganu & Kota Bharu
31.	Skuad Kembara ke SMK Seri Muda	Shah Alam
32.	Medical International Travel Health	Sunway Lagoon
33.	Karnival 1001 Rasa Sate Kajang	Kajang
34.	Arabian Travel Mart	Dubai
35.	Guangzhou Fair <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selangor Meets China</li> </ul>	Guangzhou + Hebei (Guangzhou City, Shunde, Shenzen)
36.	International Travel Expo	Vietnam
37.	9 <sup>th</sup> ABACUS Travel Holiday Fair	Brunei
38.	International Travel Business	Singapura
39.	Voyage Expo	India
40.	International Travel Fair	Taiwan
41.	Riau Tourism and Travel Fair & Selangor Meets Indonesia	Pekan Baru, Riau & Medan

Dengan adanya program promosi pelancongan dalam dan luar negara dapat membantu memperkenalkan produk eko pelancongan kepada pelancong daripada dalam dan luar negara dan dapat menarik lebih ramai pelancong melawat produk ekopelancongan. Secara tidak langsung, melalui pendedahan ini dapat membantu menambahkan sumber pendapatan penduduk tempatan.



- c) Eko-pelancongan merupakan di antara produk-produk pelancongan yang semakin mendapat perhatian para pelancong ketika ini. Daerah Hulu Langat adalah di antara daerah yang menjadi tumpuan pelancong di Negeri Selangor. Selain itu juga, daerah Hulu Langat telah dikurniakan dengan persekitaran yang sangat bersesuaian untuk pembangunan sektor eko-pelancongan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri masih belum lagi menyediakan sebarang insentif yang khusus bagi semua pemilik tanah yang mengusahakan eko-pelancongan terutamanya di kawasan Dusun Tua. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri banyak membantu daripada sudut penambahbaikan kemudahan sedia ada, menyelaras dan menyeragamkan pakej supaya lebih berdaya saing dan memenuhi kehendak pelancong dan pengunjung di setiap kawasan produk eko-pelancongan di Selangor. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn.Bhd. ( TSSB ) juga banyak membantu dari segi aspek promosi bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong serta liputan di media cetak dan elektronik. Malahan, tidak kurang juga penganjuran acara-acara pelancongan yang banyak dilaksanakan di kawasan eko-pelancongan di negeri ini sebagai langkah memperkenalkan dan mempromosi produk tersebut di kalangan para pelancong di dalam dan luar negara, syarikat serta agensi kerajaan juga swasta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: YAYASAN SELANGOR**

92. Yayasan Selangor antaranya berperanan untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perincian halatuju Yayasan Selangor untuk menghadapi cabaran pendidikan kini?
- b) Apakah bentuk program dan kemudahan yang disediakan?
- c) Berapakah anak Selangor yang menerima manfaat sepanjang 2012-2013?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi menghadapi cabaran pendidikan kini, halatuju pendidikan Yayasan Selangor telah ditetapkan kepada perkara berikut:
  - i. Yayasan Selangor telah ditetapkan agar memberi fokus kepada pendidikan di peringkat persekolahan menengah iaitu bagi pelajar Tingkatan 1 hingga 5. Pemfokusan ini penting kerana dengan sumber yang terhad, Yayasan Selangor tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada semua peringkat pendidikan. Apa yang lebih realistik, Yayasan Selangor perlu memilih teras pendidikan yang telah dilaksanakan sejak penubuhannya iaitu memberi peluang pendidikan di peringkat menengah.
  - ii. Dengan motto baru iaitu Merakyatkan Pendidikan Selangor, Yayasan Selangor seharusnya dapat memberikan perkhidmatan kepada lebih ramai rakyat negeri Selangor. Dengan memberi fokus yang lebih jitu mengikut peringkat umur, Yayasan Selangor dijangka dapat meningkatkan bilangan pelajar tajaan daripada sebelum ini.

Ini dapat dilihat dengan pertambahan bilangan pelajar tajaan yang meningkat daripada tahun ke tahun. Pada tahun 2007, bilangan pelajar tajaan Yayasan Selangor di peringkat menengah dalam program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor -RKPYS hanyalah berjumlah 1,385 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini meningkat kepada 1,409 pada tahun 2008, 1,554 pada tahun 2009 dan melonjak

kepada 3,288 pada tahun 2012 dan akan ditingkatkan lagi kepada 5,000 orang pelajar pada tahun 2013. Peningkatan bilangan pelajar sebanyak 3.5 kali ganda pada tahun 2013 berbanding tahun 2008 menunjukkan Yayasan Selangor telah berjaya memberikan perkhidmatan pendidikan kepada lebih ramai pelajar berbanding sebelum tahun 2008 dengan gandaan yang besar.

- iii. Memandangkan kos pendidikan dan kehidupan yang semakin hari semakin tinggi, Yayasan Selangor juga telah meningkatkan bilangan dan peruntukan penerima Biasiswanya dari tahun ke tahun.

Selaras peningkatan bilangan pelajar ini, Yayasan Selangor juga telah menambah peruntukan Biasiswanya dari tahun ke tahun mulai tahun 2008. Jika pada tahun 2007, hanya 518 pelajar mendapat Biasiswa Kecil, 159 pelajar mendapat Biasiswa Khas dan 36 pelajar mendapat Dermasiswa, tetapi pada tahun 2012, jumlah ini meningkat dengan mendadak kepada 1,783 pelajar mendapat Biasiswa Kecil, 1,140 pelajar mendapat Biasiswa Khas dan 96 pelajar mendapat Dermasiswa. Beza pemberian Biasiswa ini daripada tahun 2007 dengan 2012 adalah peningkatan antara 2.86 kali ganda (Dermasiswa) sehingga 7.16 kali ganda bagi Biasiswa Khas.

- iv. Selain bantuan dari segi penempatan ke Asrama Pusat dan Daerah yang diberikan kepada pelajar oleh Yayasan Selangor serta Biasiswa yang diberikan, Yayasan Selangor juga telah memberikan bantuan dari segi program untuk meningkatkan pembangunan potensi diri kepada pelajar tajaannya.

**b) Program Pendidikan:**

**1. Akademik:**

- a. Kelas Bimbingan
- b. Bengkel dan Seminar Peperiksaan PMR dan SPM
- c. Bantuan Buku Rujukan
- d. Latih tubi
- e. Tuisyen Rakyat
- f. Tuisyen Online (Score A)

**2. Kerohanian:**

- a. Solat Berjemaah
- b. Program Tahfiz
- c. Tadarus Al-Quran
- d. Ceramah dan Bimbingan Agama
- e. Sambutan Maulidurrasul

**3. Ko-Kurikulum dan Kepimpinan:**

- a. Badan Perwakilan Pelajar/Pengawas
- b. Biro-biro Asrama
- c. Kelab Usahawan
- d. Kursus Kepimpinan
- e. Kursus Jatidiri Pelajar
- f. Kursus Orientasi Pelajar Baru Tingkatan 1
- g. Kursus Psychological Enhancement
- h. Ceramah Motivasi
- i. English Carnival
- j. English Camp

**4. Sukan & Rekreasi:**

- a. Sukan Asrama
- b. Sukan Antara Asrama
- c. Riadah harian
- d. Rehlah

**5. Sosial:**

- a. Gotong Royong kebersihan
- b. Membantu masjid dalam penyediaan bubur lambuk semasa Ramadhan

**6. Penghargaan:**

- a. Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan
- b. Majlis Semarak Kasih

**Kemudahan:**

1. Kemudahan Asrama Pusat dan Daerah
2. Makmal Komputer di Asrama Pusat
3. Biasiswa kepada semua pelajar RKPYS
4. Program Pendidikan yang ditaja
5. Kemudahan pengangkutan ke sekolah daripada asrama

- c) Mulai tahun 2012, Yayasan Selangor telah memperluas fungsi dan peranannya. Jika pada awal penubuhannya, Yayasan Selangor memberi tumpuan kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana; kini manfaat itu turut diberikan kepada anak-anak miskin (luar Bandar & Bandar) yang berpotensi cemerlang (tanpa mengira kaum). Ia bertujuan mengangkat kedudukan anak-anak ini sekurang-kurangnya satu tingkat lebih baik daripada ibu ayahnya dengan pendidikan. Bantuan turut dipanjangkan kepada komuniti orang asli dan pelajar-pelajar cemerlang dari Maahad Tahfiz Integrasi Sains & Teknologi. Pada tahun 2013, Yayasan Selangor menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah melalui Program HIPERS (*High Performances Students*). Pelajar-pelajar yang terlibat adalah pelajar-pelajar SK (Sekolah Kebangsaan), kawalan KPM dan pelajar SRAI (Sekolah Rendah Agama Integrasi)/ SRA (Sekolah Agama Rendah) kawalan JAIS.

Enrolmen pelajar bagi tahun 2012 - 2013 adalah seperti berikut:-

2012 – 3000 orang

2013 - 5000 pelajar

(sehingga 16/6/2013 – 4100 orang)

**Bagi bantuan biasiswa:-**

- i. **Biasiswa pelajar sekolah menengah**, bilangan pelajar yang terlibat adalah seperti berikut :

Tahun	Jenis Biasiswa			Jumlah
	Biasiswa Kecil	Biasiswa Khas	Dermaisiswa	
2012	1,921	1,367	90	3,378
2013	3,622	1,378	191	5,191*

- ii. **Biasiswa Pelajar Tahun Asas UNISEL**, bilangan pelajar yang terlibat adalah seperti berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2012	31
2013	50*

**Nota** : \* bermaksud anggaran berdasarkan bajet tahun 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: *TASK FORCE* BANJIR KILAT**

93. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah *Task Force* Banjir Kilat ditubuhkan di Daerah Hulu Selangor memandangkan kawasan Lembangan Batang Kali, Kampung Chuang Rasa dan yang sering berlakunya banjir kilat. Jika tidak, nyatakan sebab.

**JAWAPAN :**

- a) Majlis Daerah Hulu Selangor belum berkemampuan untuk menubuhkan *Task Force* Banjir Kilat. Walau bagaimanapun Unit Khas Majlis Daerah Hulu Selangor yang sedia ada bersedia untuk membantu kesusahan penduduk yang menghadapi banjir khususnya melibatkan bantuan pembersihan kelodak di rumah yang diliputi lumpur, mengangkut barangan yang penting/ yang boleh diselamatkan dan membawa mangsa banjir menggunakan bot.

Kelazimannya, banjir kilat di daerah Hulu Selangor yang berlaku sering berpunca dari limpahan air sungai yang melebihi paras tertinggi.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: GAYA HIDUP SIHAT**

94. Kos yang tinggi bagi merawat pesakit kencing manis dan buah pinggang. Peningkatan dalam bilangan pesakit juga ketara. Usaha pencegahan perlu dilakukan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan dalam memastikan warga Selangor sihat dan bebas daripada penyakit diabetes, tekanan darah tinggi dan sakit jantung?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak kerajaan amat prihatin akan masalah penyakit kronik yang berkaitan dengan gaya hidup ini. Pada tahun 2010 yang lalu satu Plan Strategik Kebangsaan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit telah dilancarkan dan ia mencakupi 7 strategi utama iaitu:

1. Promosi dan Pencegahan
2. Rawatan Klinikal
3. Meningkatkan komplian pesakit (patient compliant)
4. Bekerjasama dengan NGO, Badan-badan Profesional dan agensi-agensi lain.
5. Pemantauan, kajian dan surveilan
6. Bina Insan (Capacity building)
7. Intervensi polisi dan peraturan (Pelaksanaan di peringkat kementerian)

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan kesihatan di Negeri Selangor telah merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut plan strategi ini. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

1. Promosi dan Pencegahan pemyakit tidak berjangkit ini:  
Penyampaian maklumat berkaitan penyakit-penyakit tidak berjangkit dilaksanakan menerusi program-program promosi kesihatan berikut bagi memastikan maklumat cara hidup sihat sampai ke kumpulan sasaran:
  - i. "setting" sekolah rendah menerusi Kelab Doktor Muda
  - ii. "setting" sekolah menengah menerusi kelab PROSTAR
  - iii. "setting" institusi pengajian tinggi menerusi PROSIS (Program Siswa Siswi Sihat)
  - iv. "setting" komuniti menerusi COMBI dan NCDP1M.

- v. Hebahan maklumat penyakit tidak berjangkit dilaksanakan dari masa ke masa oleh Selangor.Fm dan laman web infosihat dan myhealth.
  - vi. Setiap daerah diwajibkan untuk melaksanakan aktiviti promosi dan pengesanan penyakit NCD melalui program NCDP1M (Non-communicable Disease Prevention Program 1 Malaysia) dan COMBI (Communication for Behavioural Impact) Cara Hidup sihat yang disasarkan kepada komuniti samada di kampung-kampung ataupun di taman-taman perumahan. Terkini terdapat 19 COMBI Cara Hidup Sihat dan 26 projek NCDP1M di seluruh negeri Selangor.
2. Rawatan Klinikal  
Perkhidmatan kesihatan untuk penyakit NCD disediakan dan dipertingkatkan di semua fasiliti kesihatan (klinik kesihatan dan hospital) di negeri Selangor. Terdapat 10 hospital dan 60 klinik kesihatan di seluruh negeri Selangor.
  3. Meningkatkan komplian pesakit (patient compliant)  
Pesakit-pesakit kronik seperti Diabetes dan Hypertension diberi temujanji mengikut ketetapan oleh Pegawai Perubatan yang merawat. Antara perkara yang dititikberatkan dalam kawalan Diabetes dan Hypertension adalah kepatuhan pesakit kepada pengambilan ubat-ubatan dan cara pemakanan dan aktiviti fizikal mereka. Pesakit-pesakit ini juga diberi pendidikan kesihatan dan tunjukajar untuk kawalan sendiri penyakit diabetes atau hypertension.
  4. Bekerjasama dengan NGO, Badan-badan Profesional dan agensi-agensi lain.  
Pihak Jabatan Kesihatan negeri Selangor bekerjasama dengan komuniti, agensi bukan kerajaan seperti PUSPANITA & kelab warga emas, agensi kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), agensi kerajaan negeri seperti Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah dan Majlis Perbandaran untuk projek-projek intervensi NCDP1M.
  5. Bina Insan (Capacity building)  
Latihan "Post Basic" bagi paramedik dalam pengendalian penyakit-penyakit kronik diadakan dua kali setahun. Di peringkat negeri, latihan sangkutan ke Hospital Putrajaya dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah diadakan untuk meningkatkan kualiti pengendalian pesakit diabetes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN DAN PERNIAGAAN HARAM**

95. Terdapat banyak sungutan rakyat berhubung percambahan pusat-pusat yang menjalankan kegiatan haram dan juga bangunan-bangunan yang dibina tanpa kebenaran.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang diambil terhadap percambahan tersebut?
- b) Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai statistik dewan yang di bina tanpa kebenaran?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi bangunan – bangunan yang dibina tanpa kebenaran, pihak PBT sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis kesalahan di bawah Seksyen 70 (13) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bagi mengawal sebarang pembinaan bangunan tanpa kebenaran di bawah pentadbiran pihak PBT. Kerjasama dan pemantauan di antara jabatan dalaman sentiasa dibuat bagi memastikan semua bangunan yang dibina mendapat kelulusan pihak PBT. Bagi yang tidak mempunyai lesen pula, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan sama ada Notis Tawaran Kompaun (NTK), sitaan dan juga pendakwaan. Lesen tidak akan dikeluarkan kepada premis yang menjalankan perniagaan di bangunan-bangunan tanpa kelulusan.

b) Statistik dewan yang di bina tanpa kebenaran yang melibatkan sebilangan PBT adalah seperti berikut:

BIL	PBT	STATISTIK DEWAN YANG DIBINA TANPA KEBENARAN					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	TIDAK BERKAITAN					
2.	MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS					
3.	MPK	TIADA MAKLUMBALAS					
4.	MPAJ	110					
5.	MPSJ	TIADA MAKLUMBALAS					
6.	MPS	104					
7.	MPKJ	TIADA MAKLUMBALAS					
8.	MPSp	TIADA MAKLUMBALAS					
9.	MDKL	-	-	-	1	-	-
10.	MDHS	TIADA					
11.	MDKS	TIADA					
12.	MDSB	TIADA					

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PILIHANRAYA PBT**

96. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu menurunkan kuasa melalui pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan masih relevan?
- b) Bagaimanakah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan mahu dilaksanakan di Selangor?
- c) Apakah proses perundangan yang perlu dilakukan?

**JAWAPAN :**

- a) Pilihan Raya Kerajaan Tempatan merupakan satu bentuk demokrasi di peringkat Tempatan dan Kerajaan Negeri berpandangan masih relevan.
- b) Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan dilaksanakan dengan menggubal satu Rang Undang-Undang Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Tempatan. Melalui Rang Undang-Undang tersebut Kerajaan Negeri akan dapat melantik Ahli Majlis yang dipilih melalui proses pilihan raya.
- c) Proses perundangan yang perlu dilakukan adalah dengan membentangkan terlebih dahulu Rang Undang-Undang Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Tempatan di dalam Dewan Undangan Negeri .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: BANJIR KILAT DAMANSARA UTAMA**

97. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Senarai kawasan banjir kilat risiko sederhana dan risiko tinggi di DUN Damansara Utama.
- b) Apakah rancangan JPS untuk mengatasi masalah banjir kilat di setiap kawasan disebut di (a)?

**JAWAPAN :**

- a) Kawasan yang berisiko banjir kilat sederhana di Dun Damansara Utama adalah di down stream di Kg Cempaka dan Sg Kayu Ara berhampiran TV3 yang mana ia berpunca dari aliran sungai yang lemah disebabkan sampah-sarap dan pokok yang tumbang. Kerja-kerja penyelenggaraan telah di jalankan dan telah siap pada hujung Mei 2013.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah merancang program-program bagi mengatasi masalah banjir di kawasan yang dinyatakan seperti di atas termasuk mengadakan kerja-kerja pembaikan struktur yang rosak dan pengukuhan tebing sungai di dalam kawasan Damansara Utama.

Selain daripada itu juga, bagi mengatasi masalah banjir, kerja-kerja mengorek dan mengeluarkan mendapan pasir serta kelodak yang mengakibatkan sungai menjadi cetek dan mengganggu aliran air. Justeru, kerja-kerja pembersihan dan pembuangan segala halangan seperti pokok-pokok yang tumbang serta sampah sarap turut dirancang untuk dijalankan bagi mengatasi masalah banjir berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN**

98. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah permohonan pembangunan dalam tahun 2012 dan nilai mengikut GDV bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan serta nilainya mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan?
- c) Apakah ada perancangan untuk imbangi kadar pertumbuhan pembangunan mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah jumlah permohonan pembangunan dalam tahun 2012 dan nilai mengikut GDV bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan:

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>
1.	MBSA	Bilangan Permohonan Kebenaran Merancang Tahun 2012	743
2.	MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS	
3.	MPK	TIADA MAKLUMBALAS	
4.	MPAJ	Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Pelan Landskap	372
5.	MPSJ	Tukar syarat, Perlanjutan Kebenaran Merancang, Pre – com dan Permohonan Kebenaran Merancang	200
6.	MPS	TIADA MAKLUMBALAS	
7.	MPKj	Permohonan kebenaran merancang	428

8.	MPSp	TIADA MAKLUMBALAS	
9.	MDHS	Permohonan kebenaran merancang	77
10.	MDKL	Permohonan Pembangunan	128
11.	MDKS	TIADA MAKLUMBALAS	
12.	MDSB	TIADA MAKLUMBALAS	

b) Berikut adalah jumlah permohonan yang telah diluluskan serta nilainya mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan :

Bil.	PBT	Perkara	Jumlah
1.	MBSA	Jumlah permohonan lulus	333
2.	MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS	
3.	MPK	TIADA MAKLUMBALAS	
4.	MPAJ	Jumlah permohonan selesai	370
5.	MPSJ	TIDAK BERKAITAN	
6.	MPS	Jumlah permohonan selesai	517
7.	MPKj	Jumlah permohonan lulus	350
8.	MPSp	TIADA MAKLUMBALAS	
9.	MDHS	Jumlah permohonan lulus	56
10.	MDKL	Jumlah permohonan lulus	112
11.	MDKS	TIADA MAKLUMBALAS	
12.	MDSB	TIADA MAKLUMBALAS	



- c) Bagi mengimbangi kadar pertumbuhan pembangunan, PBT merujuk kepada Rancangan Tempatan masing- masing yang telah diwartakan berdasarkan *zoning* guna tanah yang telah ditetapkan. Setiap pertumbuhan baru akan disyaratkan perumahan kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana. Rumah Mampu Milik juga termasuk dalam syarat yang dikenakan berdasarkan dasar Kerajaan Negeri iaitu negeri yang berkebijakan.

Setiap jenis perumahan ini juga dikawal dari segi harga rumah iaitu:

Bil.	Jenis Perumahan	Harga RM/Unit
1.	Rumah Kos Rendah	RM 42,000
2.	Rumah Kos Sederhana Rendah	RM 72,000
3.	Rumah Kos Sederhana	RM 100,000

Penetapan peratusan kategori bagi projek pembangunan perumahan ialah 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Permohonan ini adalah untuk berkeluasan lebih 10 ekar. Bagi permohonan yang berkeluasan antara 2 ekar hingga 10 ekar adalah disyaratkan penyediaan Rumah Kos Sederhana sebanyak 30%. Bagi pembangunan berbentuk Komersial pula Kerajaan telah mensyaratkan setiap pembangunan melebihi 50 unit kedai pejabat perlu menyediakan 20% kedai mampu milik. Pembangunan jenis kompleks perniagaan perlu menyediakan 10% daripada keseluruhan ruang lantai kasar sebagai Kedai Mampu Milik dalam bentuk saiz lot kecil atau *kiosk* untuk disewa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PENDAPATAN NEGERI**

99. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Dari sumber manakah merupakan hasil pendapatan negeri tertinggi dan nyatakan jumlahnya?
  - b) Huraikan jumlah pendapatan dari tahun 2008 hingga 2012?

**JAWAPAN :**

- a) Sumber hasil pendapatan Kerajaan Negeri tertinggi sehingga 31 Disember 2012 adalah daripada kutipan hasil Premium Tanah berjumlah RM869,939,568.97. Hasil kutipan Premium Tanah merupakan Hasil Bukan Cukai di bawah perihal Perolehan Dari Jualan Barang-Barang.

Jadual 1: Hasil Negeri Selangor Sehingga 31 Disember 2012

PERIHAL	RM
Cukai Tanah	463,523,574.70
Cukai Parit & Taliair	24,858,118.56
Cukai Hasil Hutan	25,233,882.47
Royalti Air	0.00
Cukai Hiburan	39,481,564.49
<b>HASIL CUKAI</b>	<b>553,097,140.22</b>
Bayaran Pendaftaran, Lesen dan Permit	58,543,173.33
Perkhidmatan Dan Bayaran	118,915,464.29
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	873,179,926.16
Sewaan	6,151,465.14
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan	60,132,980.62
Denda dan Hukuman	17,733,696.12
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	12,000,000.00
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>1,146,656,705.66</b>
Pulang Balik Perbelanjaan	19,932,499.87
Terimaan Daripada lain Agensi Kerajaan	235,126,727.00
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>255,059,226.87</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,954,813,072.75</b>

(Sumber : Penyata Hasil C1 SPEKS)

- b) Jumlah pendapatan Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di Jadual 2

**Jadual 2 : Hasil Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 hingga 2012**

PERIHAL	2008	2009	2010	2011	2012
	RM	RM	RM	RM	RM
Cukai Tanah	433,232,599.80	426,181,233.64	461,731,352.11	455,964,429.98	463,523,574.70
Cukai Parit & Taliair	12,235,214.66	8,266,084.42	12,272,427.36	16,936,103.60	24,858,118.56
Cukai Hasil Hutan	11,727,385.05	9,564,763.62	11,228,438.18	25,181,825.61	25,233,882.47
Royalti Air	14,610,734.41	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Eksais	13,675.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	24,012,640.46	27,549,611.10	32,512,346.66	36,241,097.13	39,481,564.49
<b>HASIL CUKAI</b>	<b>495,832,249.38</b>	<b>471,561,692.78</b>	<b>517,744,564.31</b>	<b>534,323,456.32</b>	<b>553,097,140.22</b>
Bayaran Pendaftaran, Lesen dan Permit	38,351,482.34	36,443,562.77	43,348,657.33	64,352,078.09	58,543,173.33
Perkhidmatan Dan Bayaran	110,566,795.78	96,855,491.64	100,470,910.78	113,117,164.64	118,915,464.29
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	460,932,711.62	271,180,733.77	468,527,712.93	536,108,320.55	873,179,926.16
Sewaan	7,233,685.12	10,780,637.91	10,036,757.83	8,604,509.38	6,151,465.14
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan	32,865,253.46	30,260,085.31	27,898,894.78	54,435,784.57	60,132,980.62
Denda dan Hukuman	14,861,314.29	20,820,655.29	16,754,709.85	14,565,496.35	17,733,696.12
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	12,129,478.34	4,812,228.32	7,017,724.57	0.00	12,000,000.00
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>676,940,720.95</b>	<b>471,153,395.01</b>	<b>674,055,368.07</b>	<b>791,183,353.58</b>	<b>1,146,656,705.66</b>
Pulang Balik Perbelanjaan	5,982,511.24	12,588,470.30	45,489,954.44	27,433,769.21	19,932,499.87
Terimaan Daripada lain Agensi Kerajaan	337,586,176.00	808,566,107.00	334,213,820.00	281,068,566.00	235,126,727.00
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>343,568,687.24</b>	<b>821,154,577.30</b>	<b>379,703,774.44</b>	<b>308,502,335.21</b>	<b>255,059,226.87</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,516,341,657.57</b>	<b>1,763,869,665.09</b>	<b>1,571,503,706.82</b>	<b>1,634,009,145.11</b>	<b>1,954,813,072.75</b>

(Sumber : Penyata Hasil C1, SPEKS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: KADAR PENGANGGURAN DI SELANGOR**

100. Masalah pengangguran dilihat sebagai antara punca berlakunya masalah sosial di Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kadar pengangguran yang berlaku di negeri Selangor?
- b) Nyatakan statistik pencapaian graduan-graduan IPT di bawah kerajaan negeri yang berjaya mendapat pekerjaan?

**JAWAPAN:**

- a) Daripada Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan, kadar pengangguran di Negeri Selangor adalah 2.3 peratus pada tahun 2012 dengan jumlah 66,000 orang.
- b) Di bawah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai 2 institusi, iaitu Universiti Selangor dan INPENS College International. Statistik pencapaian graduan-graduan IPT di atas adalah seperti berikut:

**i. Universiti Selangor**

Sesi Konvokesyen	Pelajar yang Bekerja	Menyambung Pengajian	Jumlah Graduan
November 2010	1373	480	2871
Oktober 2011	2066	513	3544
Mac 2012	59	107	219
Oktober 2012	1036	271	1838
Mac 2013	86	147	345
Jumlah Keseluruhan	4620	1518	8817

ii. **INPENS International College**

Sesi Konvokesyen	Pelajar yang Bekerja	Menyambung Pengajian	Jumlah Responden
2008	544	221	850
2009	603	245	941
2010	630	256	983
2011	586	238	915
2012	620	252	969
2013	336	137	525
Jumlah Keseluruhan	3319	1349	5183

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)**

101. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa peruntukan yang disalurkan kepada JPS di setiap daerah pada tahun 2012 dan 2013.
- b) Sila senaraikan projek yang telah siap dan kosnya oleh JPS di DUN Kinrara pada 2008 hingga 2012.
- c) Sila nyatakan apakah rancangan JPS bagi DUN Kinrara dalam masa 5 tahun akan datang.

**JAWAPAN :**

- a) (i) Peruntukan Pembangunan (Negeri)

<b>DAERAH</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
GOMBAK	RM 2,800,000.00	RM 3,000,000.00
PETALING	RM 1,900,000.00	RM 3,750,000.00
KLANG	RM 7,100,000.00	RM 3,150,000.00
SEPANG	RM 3,449,980.00	RM 1,950,000.00
HULU LANGAT	RM 8,200,000.00	RM 4,000,000.00
HULU SELANGOR	RM 1,700,000.00	RM 800,000.00
KUALA LANGAT	RM 5,350,000.00	RM 2,050,000.00
KUALA SELANGOR	RM 2,748,460.00	RM 2,350,000.00
SABAK BERNAM	RM 4,550,000.00	RM 3,616,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 37,798,440.00</b>	<b>RM 24,666,000.00</b>

(ii) Peruntukan Pembangunan (Persekutuan)

\*merangkumi semua daerah.

<b>PERUNTUKAN</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
NRE	RM 10,675,478.30	RM2,327,665.80
MOA	RM 2,506,700.00	RM 140,000.00
PROJEK KHAS	RM 7,465,541.91	RM 2,088,200.00
ICU	RM 1,000,000.00	-
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 21,647,720.20</b>	<b>RM 4,555,865.80</b>

(iii) Peruntukan Mengurus (Negeri)

<b>DAERAH</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
GOMBAK	RM 3,392,400.00	RM 2,989,590.00
PETALING	RM 3,479,200.00	RM 2,896,674.32
KLANG	RM 6,181,574.56	RM 4,023,633.30
SEPANG	RM 4,492,971.78	RM 3,072,092.62
HULU LANGAT	RM 5,757,789.68	RM 2,511,680.00
HULU SELANGOR	RM 1,983,610.00	RM 1,780,210.00
KUALA LANGAT	RM 7,128,294.00	RM 4,017,181.78
KUALA SELANGOR	RM 14,171,803.50	RM 10,579,016.60
SABAK BERNAM	RM 11,222,650.89	RM 8,488,473.18
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 57,810,294.41</b>	<b>RM 40,358,551.80</b>

- b) Sekitar tahun 2008 hingga tahun 2012, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah menjalankan dan menyiapkan satu projek penstabilan dan pengukuhan tebing parit berhampiran Pintu Kawalan Air Kampung Sungai Baru, Daerah Petaling. Projek tersebut dilaksanakan bertujuan untuk membaikpulih dan menstabilkan tebing parit yang terhakis akibat dari berlakunya mendapan tanah di sepanjang parit. Kos sebanyak RM 418,625.00 telah dibelanjakan bagi menampung perbelanjaan projek tersebut.
  
- c) Untuk tempoh 5 tahun akan datang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor merancang untuk melaksanakan kerja-kerja penstabilan dan pengukuhan tebing sungai di Kampung Sungai Baru, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja penstabilan tebing tersebut akan menggunakan rekabentuk yang sesuai di mana rekabentuk tebing tersebut disediakan oleh Bahagian Khidmat Pakar, JPS Malaysia.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: SISTEM PERPARITAN**

102. Banjir kilat sering berlaku di Bandar Petaling Jaya kerana perparitan lama tidak dapat menampung pertambahan penduduk dan pembangunan kawasan sekeliling.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan MBPJ dalam mengatasi seluruh permasalahan banjir kilat di Petaling Jaya?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Majlis telah mengenal pasti 38 lokasi banjir di seluruh kawasan Petaling Jaya. Sehingga kini 80% kawasan banjir telah dikurangkan.

Untuk mengatasi masalah banjir tersebut pihak Majlis juga telah melantik perunding dan hasil kajian akan diguna pakai untuk perancangan projek naiktaraf sistem saliran di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PERTANIAN**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam memajukan tanah pertanian secara bersepadu?
- b) Apakah program-program yang telah dijalankan bagi menggandakan pendapatan petani, penternak dan nelayan?
- c) Apakah strategi bagi memodenkan industri-industri pertanian, penternakan dan perikanan?

**JAWAPAN :**

- a) Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi di kawasan Barat Laut Selangor yang terletak di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Bagi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa, Program Taman Agroteknologi/ Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dibangunkan di atas tanah kerajaan negeri dimana ianya melaksanakan projek pertanian secara bersepadu yang turut berintegrasi dengan projek-projek perikanan dan penternakan. Terdapat 12 TKPM di Negeri Selangor.
- b) Antara Program Yang dijalankan untuk menambah pendapatan petani adalah Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset menjadi fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun ini.. Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana penghakupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif pemimpin dan penduduk menggunakan aset setempat secara optimum.

Program ini memberi pengiktirafan khusus kepada pemimpin tempatan yang memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan individu dan komuniti di kawasannya. Ia juga merupakan salah satu strategi ke arah peningkatan hasil padi. Oleh kerana itu beberapa siri latihan telah diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa komuniti di kawasan tumpuan dengan penekanan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep

## Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community Development (ABCD).

Melalui program ini, seramai 429 petani telah menanam padi menggunakan kaedah ini dan melibatkan keluasan 647 hektar. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan kos pesawah sehingga 40% berbanding kos menggunakan kaedah penanaman secara konvensional dan pesawah terlibat berjaya meningkatkan pengeluaran hasil dari 6.9 metrik tan sehektar pada Musim 1/2011 kepada 7.5 metrik tan sehektar pada Musim 1/2012. Pengurangan kos dan peningkatan hasil membantu meningkatkan pendapatan pesawah yang terlibat

Namun selain pengurangan kos dan pengamalan pertanian yang mesra alam, program ini mampu menjana purata pendapatan tambahan sebanyak RM 2000 sebulan untuk petani dan pesawah yang terlibat dimana sehingga 2012, dianggarkan sebanyak RM337,590.00 pendapatan dijana hasil penjualan produk-produk Natural Farming yang dinamakan Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 6 Pusat Komuniti Pertanian Lestari ( Natural Farming ) yang telah ditubuhkan di kawasan barat laut iaitu:

1. Sri D'9, Parit 9, Sg. Leman, Sabak Bernam
2. Sri D'1, Pt 1 Banat, Sabak Bernam
3. Sri D'Dorani, Pt2, Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam
4. Sri D'Lima, Sg. Nipah, Sabak Bernam
5. Sri D'Nipah, Sg. Nipah 2, Sabak Bernam
6. Sri Kencana, Sg. Burung, Kuala Selangor

Berdasarkan kejayaan Program ABCD di daerah barat laut, program ini telah diperluaskan ke daerah-daerah lain di Negeri Selangor dan pada tahun 2013, lima (5) lagi pusat komuniti telah ditubuhkan.

Pengenalan kepada sistem tanaman berbilang dikawasan kelapa dimana penanam kelapa digalakkan untuk menanam tanaman selingan seperti koko, nanas dan kopi bagi menggantikan tanaman selingan pisang yang telah dilanda wabak moko. Dengan ini dapat memaksimumkan penggunaan tanah serta memberi pendapatan sampingan kepada petani tersebut.

Selain itu, petani-petani juga digalakkan untuk menghasilkan produk hiliran yang berasaskan hasil pertanian. Melalui Program Industri Asas Tani (IAT) . Produk-produk makanan hasil dari ladang akan diberi nilai tambah melalui grading, pembungkusan dan pemrosesan minima, manakala produk IAT akan diberi

penjenamaan dan pembungkusan yang lebih menarik supaya dapat menawan pengguna kelas menengah dan tinggi.

- c) Strategi bagi memodenkan industri pertanian adalah dengan memberi tumpuan kepada teknologi terkini yang membolehkan penghasilan produk komersil bernilai tinggi walaupun dengan keluasan tanah yang terhad. Antara teknologi yang diberi tumpuan adalah teknologi penanaman secara fertigasi secara autopot atau pun secara terbuka.

Penggunaan mekanisasi di kawasan sawah iaitu menggalakkan penanaman padi secara transplanter serta mempromosi amalan pertanian baik melalui penanaman secara 'Natural farming' selari dengan gaya hidup pengguna masakini yang mementingkan makanan yang kurang sisa baki racun. Pada masa yang sama alam dapat dilestarikan dalam jangka masa panjang serta mengurangkan kos pengurusan ladang bagi petani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: KAMPUNG BARU**

104. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pembangunan kampung baru di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah, penduduk dan taburan kampung mengikut daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Dasar pembangunan kampung baru di Negeri Selangor merangkumi pembangunan masyarakat dan fizikal yang mengutamakan ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat selaras dengan prinsip pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Antara program-program pembangunan kampung baru yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor adalah seperti berikut :
  - i) Pelaksanaan projek-projek kecil infrastruktur di kawasan kampung baru bagi menjamin keselesaan penduduk.
  - ii) Pelantikan Pengerusi JKKK yang berperanan sebagai ketua dan pemimpin jawatankuasa di peringkat kampung dan bertanggungjawab merancang, menggunakan sumber yang ada, menyatupadukan penduduk serta membina kehidupan masyarakat yang sejahtera.
  - iii) Mengadakan program-program kesedaran seperti Program Riang Ria Membaca untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat setempat.
  - iv) Mewujudkan Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKK) bagi menggalakkan JKKK kampung untuk melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan kampung dengan lebih efektif dan cekap.

- b) Jumlah kampung baru di Negeri Selangor adalah sebanyak 78 kampung dan pecahan lengkap adalah seperti berikut :

<b>Status Lantikan</b>	<b>Jumlah</b>
Kampung Baru	42
Kampung Bagan	19
Kampung Tersusun	17
<b>Jumlah</b>	<b>78</b>

Taburan lengkap kampung baru mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

SENARAI KG. BARU/BAGAN/TERSUSUN**A. Daerah Petaling**

A=Kg. Baru; B=Kg. Bagan; C=Kg. Tersusun

Bil	Kampung
1A	Seri Setia(Sg. Way)
2A	Seri Damansara
3A	Seri Sg. Buloh
4A	Seri Subang
5C	Kg. Chempaka
6A	Seri Kembangan
7A	Bt. 14 Puchong

**B. Daerah Klang**

8B	Bagan Hailam
9B	Bagan Pulau Ketam
10B	Bagan Sg. Lima
11A	Pandamaran

**C. Daerah Gombak**

12A	Stesyen Kuang
13A	Sg. Terentang
14A	Kundang
15C	Kg. Dato' Lee Kim Sai
16C	Kg. Lim Tan

17C	Kg. Kuala Garing Selatan
18C	Kg, Kuala Garing
19C	Kg. Rajah
20C	Kg. Rawang Tin ( <b>Kampung telah dibangunkan semula</b> )
21C	Kg. Sg. Bakau
22A	Kepong Ulu
23A	Kuala Ampang
24C	Kg. Seri Indah, Sg. Buloh
25C	Kg. Desa Aman

#### **D. Daerah Hulu Langat**

26A	Ampang
27A	Batu 14, Hulu Langat
28A	Batu 9, Cheras
29A	Kg. kenangan(Bt 18 Hulu Langat)
30A	Semenyih
31A	Tarun/Broga
32C	Bukit Angkat
33C	Kwan Tung Baru
34A	Sg. Chua
35A	Bangi
36A	Balakong
37A	Batu 11 Cheras



### **E. Daerah Sepang**

38A	Seri Dengkil
39A	Salak
40A	Seri Sg. Pelek
41A	Sepang Jaya

### **F. Daerah Kuala Selangor**

42B	Bagan Sg. Tengkorak
43B	Bagan Pasir
44B	Bagan Sg. Kajang
45A	Tiram Setia
46B	Bagan Sg. Yu Baru
47B	Bagan Pasir Penambang
48B	Bagan Sasaran( Sg. Buloh)
49A	Sri Berjantai
50A	Ijok Baru
51B	Bagan Sg. Janggut

### **G. Daerah Kuala Langat**

52A	Tg. Sepat Indah
53A	Sg. Jarum

### **H. Daerah Sabak Bernam**

54B	Bagan Parit Baru
55B	Bagan Sg. Lang
56B	BaganSg. Pulai

57B	Kg. Simpang Bagan Nakhoda Omar
58B	Bagan Teluk Ru
59B	Bagan Beting Kepah
60B	Bagan Sg. Besar
61B	Bagan Sg. Burung
62A	Sekinchan Site A(Kian Sit)
63A	Sekinchan Site B
64A	Sekinchan SiteC
65B	Bagan Seri Sekinchan

### **I. Daerah Hulu Selangor**

66A	Kg. Sejangtung, Kalumpang
67C	Kg. Hassan, Hulu Bernam
68C	Kg. Kilang Papan, Hulu Bernam
69A	Kg. Air Panas, Kerling
70A	Kg. Bkt Chandang, Batang Kali
71A	Kg. Chuang, Rasa
72A	Kg. Asam Kumbang, K.K. Bharu
73A	Kg. Stesyen, Hulu Yam Lama
74A	Kg. Damai, Serendah
75A	Kg. Gurney, Hulu Yam Baru
76C	Kg. Menyuruk, Batang Kali
77C	Kg. Datuk Harun, Serendah
78C	Kg. Koskan, Serendah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH DALAM TAHUN 2013**

105. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah peruntukan untuk sekolah agama?
- b) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah peruntukan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.
- c) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah peruntukan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

**JAWAPAN :**

- a) Butiran terperinci jumlah peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat adalah seperti berikut:

<b>JENIS SEKOLAH</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
<b>SAR</b>	2009	5,425,972.00
	2010	2,294,000.00
	2011	4,744,000.00
	2012	8,794,800.00
	2013	6,293,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>27,551,772.00</b>

- b) Butiran terperinci jumlah peruntukan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah seperti berikut:

<b>SJKC</b>	2009	6,000,000.00
	2010	4,165,000.00
	2011	5,855,000.00
	2012	6,000,000.00
	2013	4,485,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>26,505,000.00</b>

- c) Butiran terperinci jumlah peruntukan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil adalah seperti berikut:

<b>SJKT</b>	2009	3,957,726.00
	2010	538,310.00
	2011	3,466,032.00
	2012	4,000,000.00
	2013	3,998,385.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>15,960,453.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: PEMBAIKAN DAN PENURAPAN SEMULA JALAN**

106. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah panjang atau keluasan permukaan jalan yang telah diturap semula oleh Kerajaan Negeri dan setiap Kerajaan Tempatan dalam tahun 2012 dan jumlah yang telah dibiayai untuk kerja-kerja penurapan semula?
- b) Berapakah panjang atau keluasan permukaan jalan yang telah ditampal oleh Kerajaan Negeri dan setiap Kerajaan Tempatan dalam tahun 2012 dan jumlah yang telah dibiayai untuk kerja-kerja penampalan?
- c) Apakah faktor-faktor yang diambil kira oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan-Kerajaan Tempatan untuk menentukan sama ada jalan berkenaan perlu ditampal atau diturap semula?

**JAWAPAN :**

- a) Panjang jalan yang telah diturap pada tahun 2012 oleh syarikat konsesi KPS-HCM Sdn Bhd untuk jalan-jalan JKR adalah seperti berikut:

Jumlah panjang: 19.74 km

Kos dibiayai: RM6, 828, 448.20

- b) Bagi kerja-kerja penampalan jalan pula, pihak konsesi telah menampal jalan-jalan JKR seperti berikut:

Keluasan (m<sup>2</sup>) = 38,534.75m<sup>2</sup>

Kos dibiayai = RM7,785,000.00

- c) Faktor-faktor yang diambil kira bagi menentukan sama ada jalan berkenaan perlu ditampal atau diturap semula adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:
- Menampal jalan (pothole patching):
    - Kerja penampalan jalan dilaksanakan bagi lubang yang berukuran garis pusat tidak kurang 200mm dan tidak melebihi 1000mm dengan kedalaman tidak kurang 25mm.
    - Manakala lubang yang lebih besar berpunca daripada kelemahan struktur pavemen akan dirawat di bawah program penyenggaraan berkala.
    - Atas sebab keselamatan pengguna jalan raya, *potholes* (lubang) di atas jalan raya perlu ditampal dalam masa 24jam.
  - Menurap jalan:
    - i) Faktor Struktur Pavemen
      - Keadaan struktur jalan lemah dan tidak dapat menampung isipadu trafik yang semakin meningkat.
      - Tempoh jangka hayat jalan melebihi 20 tahun.
      - Berdasarkan hasil penilaian turapan '*pavement evaluation*'
    - ii) Faktor Keselamatan
      - Keadaan geometri jalan yang *substandard* sama ada dari segi *horizontal alignment* , *vertical alignment* dan sebagainya serta mengundang bahaya kepada pengguna jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PERUMAHAN MAMPU MILIK**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan yang telah dibina dan diserahkan milik sejak pakatan rakyat memerintah?
- b) Bagaimanakah proses agihan pembelian, kawalan dan sasaran kepada pemilikan rumah pertama pembeli?
- c) berapa peratuskah pembinaan daripada seluruh pemajuan perumahan di Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.B, konsep perumahan mampu milik mula diperkenalkan oleh kerajaan negeri pada Tahun 2011. Keadaan ini timbul akibat daripada tindakan proaktif kerajaan negeri untuk mengkaji semula syarat- syarat pembangunan sedia ada seperti pembinaan 20 peratus rumah kos rendah, 20 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana yang telah digunapakai sejak tahun 2000 lagi supaya ianya masih relevan untuk dipraktikkan berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa.

Sehubungan itu, sehingga kini, hanya terdapat tiga projek perumahan mampu milik sahaja yang telah siap dibina dan telah ditawarkan kepada pembeli yang layak. Pembinaan rumah mampu milik tersebut yang mengandungi 1,682 unit ini telah di bina oleh kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan satu projek oleh pemaju swasta iaitu Tetuan Sin Hup Lee Sdn. Bhd. Perincian ketiga- tiga projek tersebut adalah seperti berikut :

Daerah	Projek	Pemaju	Unit	Keluasan (kaki persegi)	Harga Jualan (RM)
Gombak	Bukit Botak, Selayang	PKNS	1,422	850 – 2,200	99,000.00
Hulu Langat	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi	PKNS	124	700 - 800	60,000.00 - 99,000.00
	Sg Long, Kajang	Sin Hup Lee Sdn. Bhd.	136	805 - 881	90,000.00
Jumlah			1,682		

Untuk makluman Y.B juga, sehingga kini kesemua 1,682 unit rumah mampu milik telah ditawarkan kepada pembeli-pembeli yang layak melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Mampu Milik (SPPRM) di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Kerajaan negeri melalui PKNS dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah merancang serta mensasarkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang tahun 2021.

- b) Untuk makluman Y.B, proses agihan dan kawalan pembelian rumah mampu milik dikawal selia melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Mampu Milik (SPPRM) di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Semua pemohon yang berminat untuk membeli rumah mampu milik hendaklah berdaftar dalam SPPRM dan proses pemilihan pemohon-pemohon yang layak akan ditentukan mengikut kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang telah berkeluarga dan mempunyai bilangan tanggungan yang ramai.

Seterusnya nama-nama pemohon dipilih melalui sistem ini akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah untuk disemak dan diperakukan oleh jawatankuasa mesyuarat sebelum dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah ini dianggotai oleh LPHS, wakil Pejabat SUK, wakil Pejabat Tanah/Daerah yang berkaitan dan wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Senarai nama yang telah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada pemaju berkenaan dan surat tawaran juga akan dihantar kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Sekiranya tiada maklumbalas yang diterima dari pemohon dalam tempoh 2 bulan dari tarikh tawaran, maka pemohon berkenaan dianggap tidak berminat dengan tawaran tersebut dan pemaju boleh mengemukakan maklum balas status tawaran kepada LPHS untuk dikemaskini dan senarai nama baru akan dikeluarkan kepada pemaju sebagai gantian.

- c) Untuk makluman Y.B, kerajaan negeri sedang dalam menyediakan Dasar Perumahan Negeri Selangor yang dijangkakan akan dilancarkan pada September 2013. Untuk itu, kerajaan negeri pada masa ini telah menetapkan bahawa pembangunan rumah mampu milik perlu disediakan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keseluruhan unit rumah yang akan dibina bagi sesuatu skim pembangunan yang hendak dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: KEMISKINAN RAKYAT**

108. Paras Garis Kemiskinan ditetapkan kerajaan negeri Selangor sekitar RM3 ribu berdasarkan keadaan semasa.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik rakyat fakir dan miskin semasa mengikut kaum?
- b) Apakah program dan strategi untuk membanteras masalah ini?

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan kepada bancian yang dibuat pada tahun terakhir 2007, seramai 1,530,629 orang penduduk di Negeri Selangor berpendapatan kurang dari RM1,500.00 iaitu 30% dari jumlah populasi di Negeri Selangor sebanyak 5,070,000.

Buat masa ini, tiada bancian khas dilaksanakan untuk mengenal pasti statistik rakyat fakir dan miskin mengikut kaum. Walau bagaimana pun, data penerima bantuan di bawah program bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin mengikut pecahan kaum bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Blueprint Pembasmian Kemiskinan	1,107	21	106	1,234
2	Kerajaan Prihatin	838	34	59	931
<b>JUMLAH</b>		<b>1,945</b>	<b>55</b>	<b>165</b>	<b>2,165</b>

- b) Kerajaan Negeri melalui program-program di bawah Jawatankuasa Tetap (Standco) telah merancang dan melaksanakan beberapa program yang dapat membasmi masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Program-program tersebut adalah seperti berikut :-

### **1. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin**

Melalui Program Kerajaan Prihatin, bantuan rumah telah dibina dengan kos maksima sebanyak RM35,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasaran mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

### **2. Program Kemahiran Teknikal**

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal dengan kerjasama Kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutama sekali pelajar luar bandar.

### **3. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan**

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasaran berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

### **4. Bantuan Kesihatan**

Subsidi bagi Rawatan Hemodialisis untuk pesakit buah pinggang.

Bantuan pembelian kanta untuk pembedahan katarak.

Bantuan kos pembedahan sehingga RM2,000.00.

Derma peralatan sakit: Kerajaan Negeri menderma 1 mesin dialisis berharga RM50,000 kepada Persatuan Hemodialisis di Klang. 20 kerusi roda dan topang didermakan kepada individu yang memerlukan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kelab Rotary. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan kerusi roda khas berharga RM2,000 hingga RM5,000 setiap satu.

## 5. Program Bantuan Niaga

Memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan khusus kepada peniaga kecil dan mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan serta mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang niaga.

Menyediakan Pakej bantuan niaga berbentuk kiosk dan produk MiMBAR Selangor kepada peserta bagi menambah pendapatan sampingan.

## 6. Program Mikrokredit

Memberi bantuan pinjaman mikrokredit **TANPA FAEDAH & CAJ PENGURUSAN** dari **RM1,000-RM5,000** dalam jangkamasa pendek iaitu selama **18 bulan**.

Program ini diwujudkan khusus untuk **PENIAGA KECIL** menambah dana perniagaan dan mestilah mampu membayar semula pinjaman mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## 7. Program Bantuan Kerja

Merupakan inisiatif baru yang mengambil dasar '**Workfare**' bagi membantu rakyat Selangor lebih berdikari dan dapat menjana pendapatan sampingan dengan tawaran pakej-pakej bantuan kerja yang disediakan.

## 8. Pakej MiMBAR Kleaner

MiMBAR Selangor menyediakan peralatan mencuci permaidani berjumlah RM9,000 kepada rakyat negeri Selangor yang menepati syarat-syarat kelayakan bagi menambahkan pendapatan sampingan. Pakej ini adalah secara berkumpulan yang terdiri daripada 3 orang. Namun jumlah pinjaman dan bayaran balik pinjaman adalah secara persendirian.

## 9. Program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)

LZS (MAIS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang rabbani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KELULUSAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA (LMS)**

109. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak permohonan Lesen Menduduki Sementara yang telah diterima oleh Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sejak bulan Oktober 2011 sehingga sekarang?
- b) Berapa banyak permohonan LMS yang telah diluluskan oleh MTES selepas keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 32/2011 bertarikh 5 Oktober 2011?

**JAWAPAN :**

- a) Dari Oktober 2011 sehingga kini Pejabat Daerah /Tanah Klang hanya menerima 6 Permohonan Lesen Sementara dan telah dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) (Termasuk permohonan secara berkelompok melibatkan 67 Lot).
- b) 5 permohonan Lesen Sementara telah diluluskan oleh MTES selepas keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negara (MMKN) ke 32/2011 bertarikh 5 Oktober 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMILIKAN TANAH**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ukuran yang digunakan bagi meningkatkan kecekapan memproses urusan pemilikan tanah?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam memajukan Tanah Rizab Melayu?
- c) Apakah program Kerajaan Negeri untuk melindungi tanah adat Orang Asal?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi meningkatkan kecekapan memproses urusan pemilikan tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah menetapkan Piagam Pelanggan yang perlu dipatuhi dan urusan pemilikan tanah akan mengguna pakai dasar-dasar, pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
- b) Tanah Rizab Melayu terbahagi kepada dua(2) iaitu Tanah Rizab Melayu hakmilik persendirian dan Tanah Kerajaan. Kebanyakan Tanah Rizab Melayu yang dimiliki oleh orang persendirian/syarikat telah dibangunkan oleh pemilik tanah sendiri atau secara kerjasama (JV). Kerajaan Negeri juga memberi insentif melalui kadar premium yang lebih rendah berbanding dengan tanah-tanah bukan Rizab Melayu melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 3/1994.

Sebagai inisiatif tambahan bagi membantu membangunkan Tanah Rizab Melayu, Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan melaksanakan pilot projek bagi Program Pemutihan Pelanggaran Syarat Tanah Kategori Pertanian Untuk Kediaman Persendirian di Kampung Tradisional / Tanah Rizab Melayu. Dua daerah telah dipilih sebagai daerah kajian iaitu Daerah Kuala Selangor dan Daerah Klang dan kos kajian (termasuk kursus dan outreach program) dianggarkan sebanyak RM500,000.00. Program ini akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya program ini berjaya dilaksanakan dikedua-dua daerah yang dicadangkan dan mendapat peruntukan yang sama bagi setiap tahun belanjawan, program ini akan diperluaskan di seluruh daerah di Negeri Selangor.

- c) Tanah Adat Orang Asli dapat dilindungi berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2006, telah menetapkan dasar pemilikan tanah Orang Asli (Orang Asli) di Negeri Selangor adalah seperti berikut :
- i. Tanah-tanah di perkampungan Orang Asli dijadikan Rancangan Tanah Berkelompok Khas untuk Orang Asli sahaja samada yang diwartakan ataupun sebaliknya;
  - ii. Pemberimilikan tanah hendaklah berdasarkan konsep keluarga iaitu setiap keluarga diperuntukkan tanah pertanian dan tapak kediaman. Kawasan ini perlu disediakan pelan teratur oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan kos berkenaan ditanggung oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di samping itu,
  - iii. keluasan berkenaan hendaklah ditambah untuk kegunaan awam dan keluasan generasi akan datang sebanyak 30% daripada keluasan keseluruhan;
  - iv. Sekiranya tanah ini hendak dibangunkan, satu 'Badan Amanah' hendaklah diwujudkan yang ahli-ahlinya terdiri daripada Orang Asli dan Pentadbir Tanah Daerah bagi melindungi kepentingan Orang Asli itu sendiri sebelum diperuntukkan kepada pihak lain;
  - v. Kawasan yang telah diwartakan sebagai Rizab Orang Asli hendaklah dibatalkan terlebih dahulu sebelum tindakan pemberimilikan tanah dibuat. Bagi kawasan yang terletak di dalam kawasan hutan simpan, Jabatan Perhutanan hendaklah mengambil tindakan untuk membatalkannya. Manakala kawasan yang terlibat dalam Tanah Rizab Melayu tindakan pembatalan hendaklah diambil dan digantikan berdasarkan jumlah keluasan yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: TAMAN REKREASI DIPERBANYAKKAN**

111. Keperluan yang mendesak di kawasan padat DUN Taman Medan untuk kemudahan rekreasi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Perkara ini sudah dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan, bilakah kemudahan ini dapat disediakan?

**JAWAPAN :**

- a) Tambahan kawasan lapang dan rekreasi sedia ada di kawasan Taman Medan dijangkakan bertambah seluas lebih kurang 7 ekar apabila tanah milik Tetuan Lagenda Kencana SB dibangunkan kelak.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PRESTASI UNISEL**

112. Universiti Selangor (UNISEL) telah melalui pelbagai masalah pentadbiran pada tahun-tahun sebelum ini.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi enrolmen pelajar dan kewangan UNISEL tahun 2013 berbanding 2012 hingga 2008?
- b) Nyatakan jumlah bidang dan peringkat pelajar yang menamatkan pengajian dari 2008 hingga 2013?
- c) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan prestasi UNISEL?

**JAWAPAN :**

a), b) dan c) Jawapan seperti di lampiran.

**Soalan 112 (Ai ): Nyatakan Prestasi enrolmen pelajar**

**PRESTASI ENROLMEN PELAJAR DAN KEWANGAN TAHUN  
2013 HINGGA 2008**

a. Prestasi enrolmen pelajar dari **2008 sehingga Jun 2013**

<b>Tahun</b>	<b>2013 (Sehingga Jun)</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2009</b>	<b>2008</b>
Jumlah Pelajar	13,604	14,534	13,299	11,871	12,761	12,156

Sehingga Jun 2013 pertambahan pelajar adalah seramai 3,133 orang. Walau bagaimanapun bagi tahun 2013 masih mempunyai satu(1) semester iaitu semester Ogos 2013.

**Soalan 112(Aii) : Nyatakan Prestasi Kewangan Unisel tahun 2013 berbanding 2012 hingga 2008.**

	<b>2013 Jan - April</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2009</b>	<b>2008</b>
Pendapatan	28,267,640	70,841,275	79,904,087	75,481,136	93,514,094	94,405,005
	35,755,755	108,551,929	116,732,052	113,110,337	106,136,458	93,978,928
<b>Untung/Rugi Sebelum Cukai</b>	<b>(7,488,115)</b>	<b>(37,710,654)</b>	<b>(36,827,965)</b>	<b>(37,629,201)</b>	<b>(12,622,364)</b>	<b>426,077</b>

Proses pengambil alihan hutang *bond* oleh kerajaan negeri masih belum selesai. Sekiranya bond sebanyak RM150 juta selesai, Unisel akan mencapai keuntungan sebanyak RM127 juta bagi tahun 2012.

**Soalan 112(B) : Nyatakan Jumlah Bidang dan Peringkat Pelajar Yang Menamatkan Pengajian Dari 2008 Hingga 2013**

FAKULTI	PERINGKAT	2008	2009	2010	2011	2012	Jumlah
Fakulti Sains dan Bioteknologi	DIPLOMA	122	90	75	25	43	355
	SARJANA MUDA	96	252	239	174	110	871
	SARJANA	0	1	0	0	3	4
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan	DIPLOMA	0	0	188	360	123	671
	SARJANA MUDA	0	0	0	0	43	43
	SARJANA	0	0	0	0	0	0
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
Fakulti Kejuruteraan	DIPLOMA	208	171	126	275	110	890
	SARJANA MUDA	177	164	83	191	170	785
	SARJANA	0	0	0	0	1	1
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
Fakulti Komunikasi dan Media	DIPLOMA	0	0	145	133	133	411
	SARJANA MUDA	0	0	0	0	0	0
	SARJANA	0	0	0	0	0	0
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
Fakulti Perniagaan	DIPLOMA	238	329	349	488	220	1624
	SARJANA MUDA	267	599	372	818	200	2256
	SARJANA	13	26	41	17	17	114
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	1	1
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial	DIPLOMA	0	22	471	556	578	1627
	SARJANA MUDA	301	254	292	271	204	1322
	SARJANA	23	54	79	44	17	217

	KEDOKTORAN	0	4	0	9	7	20
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	DIPLOMA	159	178	361	212	103	1013
	SARJANA MUDA	102	83	161	326	173	845
	SARJANA	0	0	10	3	7	20
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
Fakulti Senilukis dan Senireka	DIPLOMA	0	17	117	153	177	464
	SARJANA MUDA	0	18	39	38	61	156
	SARJANA	0	0	0	0	0	0
	KEDOKTORAN	0	0	0	0	0	0
(SAINS/TESL/KEJURUTERAAN/IT)	ASAS	379	41	178	152	113	863
<b>Jumlah</b>		<b>2085</b>	<b>2303</b>	<b>3326</b>	<b>4245</b>	<b>2614</b>	<b>14,573</b>

**Soalan 112 (c) : Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan prestasi Unisel**

**LANGKAH-LANGKAH JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG  
UNIVERSITI SELANGOR**

**KECEMERLANGAN AKADEMIK**

- Membangunkan kurikulum industri yang holistic dan relevan.
- Strategi pengajaran dan pembelajaran yang inovatif
- Menggalakkan penglibatan pelajar

<b>BIL</b>	<b>FOKUS</b>	<b>SEMASA</b>	<b>JANGKA PENDEK(2015)</b>	<b>JANGKA PANJANG (2020)</b>
<b>A. Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran</b>				
1.	Enrolmen Pelajar	Jumlah pelajar semasa adalah seramai 13,604 orang.	Jumlah pelajar adalah 14,000	Jumlah pelajar seramai 20,000 orang, termasuk 5,000 dari luar kampus  Sasaran nisbah pelajar adalah Pasca Siswazah:Ijazah Sarjana Muda:Diploma - 20:50:30
2.	Kualiti Pelajar	35% pelajar semasa telah mencapai CGPA > 3.00.	45% pelajar memperolehi CGPA 3.0 dan ke atas bagi Diploma dan ke atas.	50% pelajar akan mencapai CGPA > 3.00
3.	Pelajar Antarabangsa	495 pelajar	Sasaran jumlah pelajar antarabangsa adalah 8% daripada keseluruhan pelajar pada tahun 2018.	

4.	Kebolehpasaran Pelajar		85% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas mendapat Ijazah	90 % graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas mendapat ijazah
5.	Infrastruktur dan prasarana Akademik	Menaik taraf komputer dan kemudahan ICT berjumlah RM2.65 juta untuk staf pentadbiran dan akademik		Mensasarkan tahun 2018 untuk membangunkan <i>'Teaching Factories and Incubator'</i>

<b>B. Kecemerlangan Dalam Penyelidikan</b>				
1.	Dana Penyelidikan	Universiti sedang menghantar beberapa cadangan projek kepada pihak KPT dan MOSTE untuk mengumpul dana penyelidikan . Mensasarkan untuk mendapatkan RM5 juta setahun.		
2.	Penerbitan Jurnal	<p><b>SEMASA</b> AIDCOM – Jurnal antarabangsa yang diterbitkan oleh Fakulti Komunikasi &amp; Media.</p>	<p>Menerbitkan 3 jurnal pada Oktober 2013:</p> <p>Unisel International Journal of Contemporary Business and Management;</p> <p>Unisel Journal of Social Sciences and Humanities;</p> <p>Unisel Journal of Science, Engineering and Technology.</p>	

3.	Kelompok Penyelidikan (Research Cluster)		<p>Penyelidikan berkaitan pembangunan dan isu social negeri Selangor</p> <p>Bidang penyelidikan adalah :</p> <p>Analisa Pengurusan dan perkhidmatan social; Natural product (Halal); Kesihatan awam; Teknologi Hijau; ICT dan Multimedia; Teknologi Mikro; Pengurusan 'Supply Chain'; 'Embedded System'</p>	-
<b>C.</b>	<b>Kecemerlangan Hubungan Komuniti (Excellence Community Engagement)</b>			
1.	Penglibatan Komuniti	20% daripada jumlah pelajar semasa terlibat dengan kerja-kerja kemasyarakatan.	30% daripada jumlah pelajar semasa terlibat dengan kerja-kerja kemasyarakatan.	
2.	Program Pertukaran Pelajar	<p><b>SEMASA</b></p> <p>Dua fakulti yang telahpun melaksana Program ini adalah Fakulti Komunikasi dan Media dan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial.</p>		



		<p><b>Program Jangka pendek dan Jangka Panjang</b> Mensasarkan 10% daripada jumlah pelajar mengikuti program pertukaran pelajar di rantau ini dan Asia Barat.</p>
3.	Konsultasi dan Khidmat Nasihat	Sasaran sehingga 2018, 25% daripada jumlah staf terlibat dengan kerja konsultasi dan khidmat nasihat kepada kerajaan negeri; GLC's dan syarikat swasta .
4.	Kerjasama antarabangsa	Sasaran sehingga 2018, 10% daripada jumlah staf terlibat dengan kerjasama antarabangsa dalam bidang konsultasi dan khidmat nasihat mengikut kepakaran yang ada di UNISEL.

## EFEKTIF DAN KEBERKESANAN ORGANISASI

- Intergrasi ICT dalam semua proses kerja
- Menyediakan Infrastruktur dan fasiliti bertaraf kelas pertama
- Membangun dan menguruskan prestasi organisasi dan teras kompetensi
- Keberkesanan media dan sistem komunikasi

BIL	FOKUS	JANGKA PENDEK(2015)	JANGKA PANJANG (2020)
<b>A</b>	<b>Efektif dan keberkesanan organisasi</b>		
1.	Kebolehcapaian Internet	Menaik taraf data ke 1000Mbps  Mengujudkan <i>visual academic environment</i> ;  Mengujudkan ' <i>e Learning</i> ' dan ' <i>smart lab</i> ' .	Mengkaji keperluan semasa mengikut perkembangan teknologi terkini.
2.	'Converged Infrastructure'	Mengadakan 'Cloud Computing' untuk persekitaran kampus.	Mengikut perkembangan teknologi semasa.
3.	Sistem Pengurusan Kualiti	Melaksanakan dan mengamalkan 5S dan ISO Certification.	Penambahbaikan kualiti secara berterusan.
4.	Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM)	Melaksanakan CRM system pada 2018.	Penambahbaikan kualiti secara berterusan.
5.	Indeks Kepuasan	Mencapai 80% indek kepuasan untuk staf dan pelajar pada tahun 2015.	Mencapai 90% indek kepuasan untuk staf dan pelajar.

## **KESTABILAN KEWANGAN (FINANCIAL SUSTAINABILITY)**

- Mengatur sumber mengikut keutamaan
- Meningkatkan dan memperbagaikan sumber pendapatan
- Akauntabiliti dan ketelusan
- Menyediakan perkhidmatan yang baik kepada pelajar dan staf

<b>BIL</b>	<b>FOKUS</b>	<b>JANGKA PENDEK(2015)</b>	<b>JANGKA PANJANG (2020)</b>
<b>A.</b>	<b>Kestabilan Kewangan (Financial Sustainability)</b>		
1.	Financial Sustainability	ke arah mencapai kestabilan kewangan secara berperingkat peringkat.	
2.	Breakeven	Mensasarkan pendapatan yang 'breakeven' .	Mensasar keuntungan sebanyak 20% .
3.	Yuran Pengajian	Menaikkan 30% kadar yuran pengajian.	-
4.	Dana Wakaf (Endowment Fund)	Mendapatkan RM5 juta Dana Wakaf.	-

## KECEMERLANGAN STAF

- Menarik, membangun dan mengekalkan staff yang berprestasi tinggi
- Membangunkan budaya kerja staf yang berteraskan nilai-nilai murni
- Menguruskan penilaian prestasi staf

BIL	FOKUS	JANGKA PENDEK (2015)	JANGKA PANJANG (2020)
<b>A.</b>	<b>Kecemerlangan Staf</b>		
1.	Penilaian Prestasi	Mensasarkan 80% staf mendapat skor 85% ke atas pada 2015.	-
2.	Pensyarah berkelulusan PhD	Mensasarkan 20% Pensyarah memiliki kelulusan PhD pada 2015.	Mensasarkan 30% Pensyarah memiliki kelulusan PhD pada 2018.
3.	Nisbah Jawatan Pensyarah	Nisbah jawatan pensyarah Professor : Profesor Madya : Pensyarah adalah 10:20:70 pada 2015.	

**Disediakan oleh Pejabat Presiden dan Naib Canselor  
Jun 2013**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH TANAH DI BAGAN SEKINCHAN**

113. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan status terkini proses kelulusan permohonan pewartaan tanah lorong 6 hingga lorong 12 Bagan Sekinchan ?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan sehingga terpaksa mengambil masa yang begitu panjang untuk meluluskan permohonan tanah tersebut ?
- c) Sila nyatakan kapan permohonan kelulusan pemberimilikan secara pelupusan tanah tersebut dapat dijalankan ?

**JAWAPAN:**

- a) Pembatalan Warta Kerajaan di kawasan Bagan Sekinchan, Pekan Sekinchan Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 77 ekar telah diluluskan oleh MMKN pada 4 April 2011.  
  
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengemukakan Permintaan Ukur ke Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk tindakan pengeluaran pelan warta pada 23 November 2011.
- b) Pentadbir Tanah Daerah Sabak Bernam masih dalam proses untuk mendapatkan pelan warta daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk dikemukakan kepada PTG.
- c) Kertas Ringkasan akan dikemukakan ke PTG setelah mendapat pelan warta dari JUPEM bagi pembatalan dan penggantian tanah berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KESESAKAN JALAN MERU KE PUNCAK ALAM**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan untuk jangka pendek dan panjang bagi mengatasi kesesakan jalan ini?
- b) Apakah ada perancangan membina jalan alternatif di pekan Meru?
- c) Bolehkah wang rizab RM2.6 Bilion diperuntukkan untuk masalah ini?

**JAWAPAN :**

- a) Jalan Meru merupakan jalan utama yang menghala dari pekan Klang ke Puncak Alam serta mempunyai gabungan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Jajaran yang terlibat adalah Jalan Persekutuan FT 3217 sepanjang 9.7km, Jalan Meru Tambahan (Jalan Negeri) B1 sepanjang 6.7km, Jalan Persekutuan FT1210 (Jalan Felda Bukit Cerakah) sepanjang 7.9km dan seterusnya menyambungkan ke Jalan Persekutuan FT 054 (Jalan Kuala Selangor). Jumlah panjang keseluruhan ialah 24.3km.

Kesesakan Jalan Meru ke Puncak Alam adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i) Kadar Trafik yang tinggi terutamanya di waktu puncak yang boleh mencecah sehingga 10,000 unit kenderaan sejam (passenger car unit per hour, pcu/hr)
- ii) Keadaan jalan-jalan yang rosak dan beralun disebabkan melebihi jangka hayat rekabentuk (20 tahun).
- iii) Terdapat sebanyak 39 persimpangan yang berdekatan antara satu sama lain.
- iv) Kewujudan gerai, kedai dan bengkel haram di dalam rizab jalan JKR.
- v) Kehadiran kenderaan berat terutamanya pada waktu puncak.
- vi) Kenderaan berat yang diletakkan secara tidak tersusun dibahu jalan.

Oleh itu, perancangan untuk mengatasi kesesakan trafik bagi program jangka pendek dan jangka panjang telah dirangka seperti berikut:

- Jangka Pendek:
  - i) Menaiktaraf Jalan dari Pekan Meru ke Puncak Alam, sepanjang 6.7km (dalam pembinaan – dijangka siap Oktober 2015).
  - ii) Menaiktaraf Jalan Paip sepanjang 1.7km (dalam pembinaan – dijangka siap Oktober 2013).
  - iii) Perancangan “Traffic Dispersal” iaitu menaiktaraf Jalan Haji Manan Fasa 1 & Fasa 2 dimana Fasa 1 telah pun siap pada April 2011 dan Fasa 2 akan bermula pada Oktober 2013.
  - iv) Menaiktaraf persimpangan di sepanjang Jalan Persekutuan dari Pekan Meru ke Klang Sentral.
  - v) Menyambungkan Jalan Sg. Puloh ke Jalan Meru.
  - vi) Mencadangkan kepada pihak PBT (MPK dan JPJ) untuk membuat penguatkuasaan ke atas gerai-gerai haram yang dibina dan juga kenderaan berat yang diletakkan di bahu jalan.
  
- Jangka Panjang:
  - i) Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT 3217 dan FT 1210.
  - ii) Membina persimpangan bertingkat di Jalan Haji Manan dan Jalan Meru.
  - iii) Pembinaan Lebuhraya Pantai Barat menjadi salah satu alternatif bagi penyuraian trafik di kawasan Meru termasuk pembinaan persimpangan bertingkat di Laluan Persekutuan FT 3217 berdekatan dengan Bandar Bukit Raja.
  - iv) Membina jalan dari Jalan Kenanga ke Persiaran Setia Alam.
  
- b) Ada iaitu membina jalan dari Jalan Kenanga di Pekan Meru ke Persiaran Setia Alam sebagai jalan alternatif kenderaan dari Pekan Meru dan Jalan Paip ke Lebuhraya NKVE.
  
- c) Tidak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: AGAMA DAN BUDAYA**

115. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mendirikan sebuah pusat kefahaman dan kebudayaan Islam Cina bagi memberi kefahaman Islam yang betul kepada khalayak bukan Melayu, dan jika ada di manakah lokasinya dan berapakah anggaran kosnya?
- b) Apakah inisiatif agresif kerajaan untuk menyemarakkan dakwah dan pengajian Islam di kalangan masyarakat pinggir bandar dan kampung?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini masih belum ada cadangan dari Kerajaan untuk mendirikan sebuah pusat kefahaman dan kebudayaan Islam yang spesifik untuk mana-mana bangsa.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor telah merancang serta melaksanakan usaha menyemarakkan dakwah dan pengajian Islam di kalangan masyarakat pinggir Bandar dan kampung, di antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah melalui :
  - 1. Memperluaskan program dakwah ke pelbagai peringkat masyarakat dan akar umbi.

Bagi memastikan aktiviti dakwah dan pengajian Islam dapat disampaikan dan dilaksanakan dengan menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi terutama di kalangan masyarakat pinggir Bandar dan kampung, Bahagian Dakwah JAIS telah menggariskan perancangan aktiviti dakwah Negeri Selangor yang lebih holistik melalui Pelan Tindakan Strategik Dakwah JAIS 2013- 2017 yang memfokuskan sasaran berikut :-

- a. Kelompok kanak-kanak , remaja dan golongan remaja kurang upaya
- b. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam, Swasta
- c. Kelompok Belia Dan Beliawanis
- d. Pekerja Dan Kakitangan Warga Industri
- e. Dakwah melalui laman maya dan media sosial
- f. Muslimat dan kalangan warga emas
- g. Program dakwah di Pusat Tahanan, perlindungan dan penjagaan
- h. Program Memperkasa Akidah Ummah



2. Memperluas program Smart Solat dan Daurah Remaja Islam di 30 buah masjid yang berbeza setiap tahun agar anak-anak di pelusuk kampung dan pinggir Bandar termasuk di masjid-masjid yang kurang berkemampuan dari aspek kewangan.
3. Bekerjasama dengan Sektor Pembangunan Sosial MAIS dan bekerjasama dengan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO) dalam menganjurkan program dakwah contohnya diperkampungan orang asli
4. Memperkasa dan memperbanyakkan program pengimarahannya seluruh masjid dan surau di Negeri Selangor. Langkah ini di buat melalui aktiviti berikut :
  - i. *Kelas Takmir*
  - ii. *Kelas Pengajian Muslimat*
  - iii. *Kuliah Pengajian Berkitab*
  - iv. *Kursus jangka pendek*
  - v. *Karnival Sukan Masjid*
  - vi. *Program Penjelasan Isu Semasa Dari Masjid Ke Masjid*
5. Menerbit dan mengedar bahan ilmiah bercetak dan membuat edaran secara menyeluruh, antaranya penerbitan :
  - i. *Penerbitan Buletin Dakwah*
  - ii. *Penerbitan pamphlet Isu-isu semasa*
  - iii. *Penerbitan Buku-Buku Semi Ilmiah*
  - iv. *Penerbitan Pek Bersiri Ilmiah*
6. Memperbanyakkan program dakwah santai untuk para remaja dan belia di tempat-tempat terbuka untuk lebih mendekati remaja dan belia yang kurang berminat ke masjid. Contohnya Program Santai Belia Bersama Selebriti Dan Artis Hijrah, Program Forum Santai Warga Industri dan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk dan program-program pembangunan jati diri cemerlang bersama belia-belia kariah.
7. Melaksanakan program rehlah rohani, kem motivasi, Explorasi Rohani, Kem Jiwa Taqwa, Kem Pemantapan ibadah dan Kem Smart Akidah bersama pelajar-pelajar sekolah pinggir bandar yang dikenalpasti mempunyai masalah disiplin pelajar dan masalah akademik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: MANFAAT IBU TUNGGAL**

116. Manifesto Pakatan di PRU ke-12 meliputi memberi elaun ibu tunggal yang layak.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah kaedah pelaksanaan manifesto ini?
- b) Nyatakan statistik anggaran ibu tunggal mengikut daerah dan kaum?
- c) Apakah program-program lain untuk manfaat mereka?

**JAWAPAN :**

- a) Program-program yang telah dilaksanakan adalah berbentuk advokasi, program pemberdayaan ekonomi ke arah meningkatkan pendapatan keluarga dan bantuan sitem sokongan menerusi perbelanjaan asuhan anak-anak. Program-program yang sedang dilaksanakan ialah:
  - Advokasi berkaitan kesihatan mental, hak, keselamatan dan undang-undang terhadap wanita, OSCC, Bantuan Badan Sokongan Keluarga (BSK)
  - Program pemberdayaan ekonomi, seperti PET SOHO-S, Laman Dapur, WALA, skim mikro kredit: SKIMSEL, MIMBAR
  - Bantuan perbelanjaan asuhan anak-anak : SiKembar & Tunas

b) Berikut adalah senarai statistik anggaran ibu tunggal mengikut daerah dan kaum:

#### Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Daerah

Bil	Bangsa	Jumlah
1	KLANG	3325
2	KUALA LANGAT	2292
3	KUALA SELANGOR	3934
4	SABAK BERNAM	2676
5	HULU LANGAT	3625
6	HULU SELANGOR	2585
7	PETALING	3121
8	GOMBAK	3457
9	SEPANG	729
		<b>25744</b>

#### Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Bangsa

Bil	Bangsa	Jumlah
1	MELAYU	19472
2	INDIA	2067
3	CINA	1028
4	LAIN-LAIN	118
5	ASLI	4
	TIDAK DINYATAKAN	3055
		<b>25744</b>

Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program dan bantuan bagi membantu ibu tunggal untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka seperti berikut:

- 1) Program-program Pemberdayaan Wanita Selangor menerusi Pusat Wanita Berdaya (PWB)
- 2) Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel)
- 3) Skim Mikrokredit Bandar (MIMBAR)
- 4) Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)
- 5) PET-SOHO-S: Program-program Pemberdayaan Ibu Tunggal SOHO Selangor
- 6) Jom Shopping Ibu Tunggal
- 7) Konvensyen Ibu Tunggal
- 8) Bengkel Kemahiran Jangka Pendek

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: HUTAN**

117. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila perincikan senarai hutan simpan dan hutan lipur di Negeri Selangor mengikut badan pengawal hutan tersebut.
- b) Sila perincikan hutan simpan yang telah dibatalkan warta untuk tujuan pembangunan dari 2003 sehingga 2013.

**JAWAPAN :**

- a) Pada masa kini terdapat 70 hutan simpan kekal di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah keluasan lebih kurang 250,129 ha atau pun 31.39% daripada keluasan Negeri. Sementara itu, terdapat 10 hutan lipur yang mana ianya diurus oleh pelbagai agensi iaitu Jabatan Perhutanan, Tourism Selangor Sdn. Bhd., JKK Kampung Sungai Lui dan Majlis Perbandaran Selayang.

**Maklumat Tambahan**

- Seperti di **Lampiran 1** (Hutan Simpan) dan **Lampiran 2** (Hutan Lipur)
- b) Dalam tempoh 2003 sehingga 2013, 12 kawasan hutan telah dimansuhkan untuk tujuan pembangunan yang melibatkan kawasan lebih kurang 4,936.08 ha. Walau bagaimana pun, tiada proses pemansuhan dibuat sepanjang tahun 2012 hingga 2013.

**Maklumat Tambahan**

- Seperti di **Lampiran 3**

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Senarai Hutan Simpanan Kekal yang terdapat di dalam Negeri Selangor.

<b>Bil.</b>	<b>Hutan Simpan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Hutan Simpan</b>
1.	HSK Ampang Pecah	36.	HSK Ulu Gombak (TI)
2.	HSK Ampang	37.	HSK Ulu Langat
3.	HSK Ayer Itam	38.	HSK Ulu Selangor
4.	HSK Ayer Itam (T)	39.	HSK Raja Musa
5.	HSK Batang Kali	40.	HSK Kuala Langat (S)
6.	HSK Bukit Belata	41.	HSK Kuala Langat (S) (T)
7.	HSK Bukit Belata (T) (Bukit Tunggul)	42.	HSK Kuala Langat (S) (T)
8.	HSK Bukit Belata (T II)	43.	HSK Kuala Langat (U)
9.	HSK Bukit Cherakah	44.	HSK Sg. Karang
10.	HSK Bukit Cherakah (T)	45.	HSK Banjar Utara
11.	HSK Bukit Jugra	46.	HSK Banjar Utara (T)
12.	HSK Bukit Jugra (T)	47.	HSK Jugra Kompok 1
13.	HSK Bukit Kutu	48.	HSK Jugra Kompok 2
14.	HSK Bukit Lagong	49.	HSK Kapar
15.	HSK Bukit Sungai Puteh	50.	HSK Kapar (T)
16.	HSK Bukit Sungai Puteh (T)	51.	HSK Kuala Bernam
17.	HSK Bukit Tarek	52.	HSK Pulau Che Mat Zain
18.	HSK Bukit Tarek (T)	53.	HSK Pulau Che Mat Zain (T)
19.	HSK Bukit Tarek (T II)	54.	HSK Pulau Kelang
20.	HSK Gading	55.	HSK Pulau Kelang (T)
21.	HSK Kanching	56.	HSK Pulau Ketam
22.	HSK Kota Damansara	57.	HSK Pulau Pintu Gedong
23.	HSK Rantau Panjang	58.	HSK Pulau Rusa
24.	HSK Rantau Panjang (T)	59.	HSK Pulau Selat Kering
25.	HSK Semangkok	60.	HSK Pulau Selat Kering (T)
26.	HSK Semangko (T)	61.	HSK Pulau Selat Mahang
27.	HSK Serendah	62.	HSK Pulau Selat Meriam
28.	HSK Sungai Buloh	63.	HSK Pulau Tengah
29.	HSK Sungai Dusun	64.	HSK Pulau Tengah (T)
30.	HSK Sungai Jeloh	65.	HSK Pulau Tonggok
31.	HSK Sungai Lalang	66.	HSK Sepang
32.	HSK Sungai Lalang (T)	67.	HSK Sepang Kechil
33.	HSK Templer	68.	HSK Sepang Kechil (T)
34.	HSK Ulu Gombak	69.	HSK Telok Gadong
35.	HSK Ulu Gombak (T)	70.	HSK Telok Gadong (T)

o ( ) / %

## LAMPIRAN 2

### MAKLUMAT TAMBAHAN

Senarai hutan lipur mengikut badan pengawal

<b>Bil.</b>	<b>Hutan Lipur</b>	<b>Daerah Hutan</b>	<b>Tahun Ditubuhkan</b>	<b>Agensi Pengurusan</b>
1.	Hutan Lipur Sungai Tekala	Hulu Langat	1982	JPNS
2.	Taman Rimba Ampang	Gombak	1983	JPNS
3.	Hutan Lipur Kanching	Gombak	1987	TSSB
4.	Air Terjun Sungai Gabai	Hulu Langat	1990	JKKK
5.	Hutan Lipur Sungai Sendat	Hulu Selangor	1991	JPNS
6.	Hutan Lipur Sungai Congkak	Hulu Langat	1992	TSSB
7.	Taman Rimba Komanwel	Gombak	1992	JPNS/TSSB
8.	Hutan Lipur Sungai Tua	Gombak	1993	JPNS
9.	Hutan Lipur Gunung Nuang	Hulu Langat	1996	JPNS
10.	Taman Rimba Templer	Gombak	1996	MPS

o ( ) / %

### LAMPIRAN 3

#### MAKLUMAT TAMBAHAN

Senarai hutan simpanan kekal yang telah dibatalkan untuk tujuan pembangunan dari tahun 2003 sehingga 2013.

<b>Bil.</b>	<b>Hutan Simpan</b>	<b>Keluasan (HA)</b>	<b>Tarikh Pembatalan</b>	<b>Tujuan</b>
1.	Rawang	25.72	13/03/2003	Pembangunan untuk kediaman & perniagaan
2.	Sungai Karang	347.02	13/03/2003	MRSM dan klinik kesihatan
3.	Bukit Lagong	530.06	4/8/2005	FRIM
4.	Ayer Hitam	22.26	25/5/2006	Tanah Perkuburan
5.	Bukit Belata Tambahan	1,901.10	11/10/2007	FELDA
6.	Bukit Tarek	965.14	27/9/2007	Pertanian
7.	Jugra Kompok I	95.13	2008	Perkampungan Melayu
8.	Jugra Kompok II	456.00	2008	Pertanian
9.	Kuala Langat Selatan Tambahan	526.00	12/1/2009	Pertanian
10.	Kuala Langat Utara	63.54	24.6.2010	Lebuhraya ELITE
11.	Bukit Sungai Puteh	0.95	24.6.2010	Perkuburan Islam
12.	Bukit Lagong	3.16	2011	Lebuhraya SKIPP
	<b>Jumlah</b>	<b>4,936.08</b>		



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: KESESAKAN JALAN RAYA DI DUSUN TUA**

118. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan-jalan negeri di Selangor sepanjang tahun 2009-2012?
- b) Apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk menyediakan jalan-jalan alternatif di Dusun Tua untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan utama di Dusun Tua terutama pada waktu puncak?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan-jalan negeri di Selangor sepanjang tahun 2009 - 2012 ialah RM 352,346,607.02
- b) Bagi penyelesaian jangka masa pendek, lampu isyarat di persimpangan - persimpangan yang berkenaan akan diselaraskan dengan menggunakan sistem 'Greenwave' bagi membolehkan perjalanan yang lancar untuk kenderaan di laluan utama.

Bagi penyelesaian jangka masa panjang, Kerajaan Negeri memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat untuk pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) sepanjang 24km yang menghubungkan Sungai Long dan Ukay Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PERMOHONAN GERAN TANAH DI KAMPUNG CHEMPAKA**

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Senarai kesemua permohonan geran tanah di Kampung Chempaka
- b) Sila nyatakan sebab-sebab permohonan tertunggak di mana geran tanah masih belum dikeluarkan walaupun sudah lama memohon.

**JAWAPAN :**

- a) Dari tahun 2008 hingga kini terdapat 72 permohonan yang diterima dan telah diproses oleh pihak pentadbiran. 50 permohonan telah mendapat kelulusan manakala 5 permohonan lagi telah ditolak atas dasar tapak yang dipohon tidak diusahakan oleh pemohon.
- b) Terdapat baki 17 permohonan yang masih belum diangkat untuk kelulusan MMKN kerana pihak pentadbiran dalam proses menyediakan Kertas Ringkasan dan memerlukan ulasan dari jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: PUSAT KEBUDAYAAN**

120. Manifesto PRU-13 Pakatan menetapkan pembinaan 3 pusat kebudayaan bagi masyarakat Melayu, Cina dan India di Klang

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah matlamat dan peranan 3 pusat kebudayaan ini?
- b) Dimanakah tapak cadangan pembinaannya dan kos diperlukan?
- c) Pihak manakah yang akan mentadbir urus pusat ini?

**JAWAPAN :**

- a) Ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini dibina bagi mengekalkan ciri-ciri keaslian setiap kaum yang mana ianya direka bentuk mengikut peradaban tamadun Melayu, Cina dan India. Pembangunan Pusat Kebudayaan ini juga akan menjadi ikon kebudayaan dan pelancongan di Negeri Selangor serta yakin bahawa ianya mampu menarik minat pelancong sama ada dari dalam dan luar negara untuk melihat seni warisan dan kebudayaan setiap kaum yang akan ditonjolkan melalui program dan aktiviti yang telah dirancang.
- b) Tapak pembinaan bagi ketiga-tiga pusat kebudayaan ini telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dengan menempatkannya di sekitar sepanjang Sungai Klang. Hasil tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar Desa (JBPD) Negeri Selangor bersama Pejabat Daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang mendapati lokasi berkenaan telah dipilih bagi tujuan membangunkan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan iaitu :-

<b>Pusat Kebudayaan</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>
Pusat Kebudayaan Melayu	Kg.Kuantan, Klang	15.00
Pusat Kebudayaan Cina	Bandar Klang	13.42
Pusat Kebudayaan India	Kg. Pandan, Klang	16.50

Anggaran kos pembinaan bagi ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini masih belum dapat diputuskan sehingga isu-isu pengambilan tanah selesai dilaksanakan sekali gus sejajar dengan pembangunan semula Sungai Klang.

- c) Memandangkan pembinaan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini masih diperingkat awal, segala urusan pentadbiran akan dikendalikan oleh Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor sehingga siap dibina dan diputuskan untuk diserahkan kepada pihak yang akan dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: MAKLUMAT LEBUHRAYA SKVE**


121. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan maklumat Lebuhraya SKVE yang mengandungi nama syarikat pengurusan, butir-butir peta jalanraya bermulanya Tol Ayer Hitam hingga ke Pulau Carey, caj tol untuk semua kelas kenderaan.

**JAWAPAN :**

- a) Lebuhraya South Klang Valley Expressway (SKVE) adalah merupakan projek di bawah tanggungjawab SKVE Holdings Sdn. Bhd. (SKVE). Lebuhraya sepanjang 51.7km ini akan bermula di Persimpangan Bertingkat UNITEN dan berakhir di Pulau Indah akan mempunyai sebanyak enam (6) pondok plaza tol. Lebuhraya SKVE ini juga akan turut mempunyai sebanyak sembilan (9) persimpangan (interchange). Lebuhraya ini juga akan menghubungkan beberapa jaringan lebuhraya lain seperti SILK, GRAND SAGA, MEX, PLUS, LEKAS, ELITE, SHAPADU, KESAS, NKVE, dan LDP. Butir-butir peta lebuhraya adalah seperti di **Lampiran 1**.

Walau bagaimanapun, sebahagian Lebuhraya SKVE ini masih di peringkat pembinaan iaitu jajaran menghala ke Persimpangan Pulau Carey dan seterusnya akan berakhir di Pulau Indah.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: LESEN PUSAT SIBER**

122. Terdapat pusat-pusat siber yang beroperasi sebagai pusat perjudian. Ini menimbulkan masalah-masalah sosial yang serius dalam masyarakat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha-usaha membanteras pusat-pusat siber haram ini?
- b) Berapa bilangan lesen yang dikeluarkan setiap tahun sejak 2008?

JAWAPAN :

- a) Usaha-usaha untuk membanteras pusat-pusat siber haram ini adalah dengan mengadakan serbuan bersepadu melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain ke lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti serta pada masa yang sama menguatkuasakan undang-undang serta peraturan yang ada.
- b) Berikut adalah bilangan lesen yang dikeluarkan pada setiap tahun sejak tahun 2008 :

BIL	PBT	JUMLAH LESEN YANG DIKELUARKAN					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	15	5	2	7	19	1
2.	MBPJ	-	-	-	-	-	-
3.	MPK	32	32	32	32	39	45
4.	MPAJ	58					
5.	MPSJ	53	55	55	44	44	44
6.	MPS	82	105	115	115	115	115
7.	MPKj	16	-	-	1	11	14
8.	MPSp	3	-	-	-	3	1
9.	MDKL	5	1	-	1	-	7
10.	MDHS	29					
11.	MDKS	7	3	1	3	3	1
12.	MDSB	19	1	1	-	2	-
JUMLAH							

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: CUKAI PINTU**

123. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah hasil cukai pintu yang di perolehi oleh kerajaan dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Adakah hasil cukai pintu yang di kutip oleh PBT seratus peratus milik PBT?
- c) Jika tidak huraikan bagaimana pengagihan/perbelanjaan?

**JAWAPAN :**

- a) Secara keseluruhannya jumlah hasil cukai taksiran yang diperolehi oleh PBT dari tahun 2008 sehingga 2011 yang telah di audit adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>Tahun 2008 ( RM )</b>	<b>Tahun 2009 ( RM )</b>	<b>Tahun 2010 ( RM )</b>	<b>Tahun 2011 ( RM )</b>
Hasil Cukai Taksiran	928,258,028.00	949,243,344.00	1,000,578,642.00	1,045,823,255.00
Hasil Bukan Cukai	274,055,634.00	302,603,643.00	337,507,210.00	386,168,716.00
<b>PBT</b>	<b>Tahun 2008 ( RM )</b>	<b>Tahun 2009 ( RM )</b>	<b>Tahun 2010 ( RM )</b>	<b>Tahun 2011 ( RM )</b>
Terimaan Bukan Hasil	121,078,831.00	176,211,285.00	161,346,286.00	145,566,239.00
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,323,392,493.00</b>	<b>1,428,098,272.00</b>	<b>1,499,432,138.00</b>	<b>1,577,558,210.00</b>

Jumlah hasil cukai taksiran bagi tahun 2012 dalam semakan Jabatan Audit Negara.

- b) Ya, berdasarkan Seksyen 39 (a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) hasil sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah terdiri daripada – “semua cukai, kadar, sewa, bayaran lesen, diu dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan itu menurut peruntukan –peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain”



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: SKIM PERUMAHAN RAKYAT**

124. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu mewujudkan Skim Perumahan Rakyat berjumlah RM250 juta atau RM50 juta setahun untuk rakyat meminjam.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme pelaksanaan skim ini?
- b) Berapakah sasaran rakyat yang bakal menikmati skim ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang merangka skim yang bertujuan untuk membantu pembeli-pembeli rumah kos rendah yang gagal mendapatkan pinjaman bank kerana mempunyai pelbagai masalah seperti tiada pendapatan tetap, tiada bukti pendapatan, rekod CCRIS, CTOS dan sebagainya melalui penyediaan peruntukan (deposit) untuk membiayai pinjaman berkenaan. Kerajaan Negeri bersetuju menyalurkan dana permulaan dalam bentuk Simpanan Tetap (FD) sebagai jaminan kepada bank yang berminat untuk melaksanakan skim khas tersebut dan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Pihak bank boleh menggunakan *principal* sekiranya baki faedah tidak mencukupi untuk menampung kekurangan *deficit* bagi *non-performing loans*. Selain itu, semua kos berkaitan perjanjian seperti yuran guaman, yuran perjanjian jual beli dan lain-lain caj menjadi sebahagian daripada jumlah pinjaman. Pembeli hanya perlu membayar deposit bil air dan bil elektrik sahaja semasa mengambil kunci rumah. Kerajaan Negeri telah berbincang dengan beberapa bank akan konsep ini dan dijangka akan dapat dilaksanakan dengan persetujuan bank berkaitan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, dianggarkan seramai 6,000 orang pembeli rumah kos rendah yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank disasarkan bakal menikmati skim ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN**

125. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan semua sekolah di DUN Kuala Kubu Bharu yang telah mendapat peruntukan bantuan pendidikan daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Sila berikan butir-butir.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai sekolah-sekolah yang telah mendapat bantuan pendidikan dari Kerajaan Negeri di DUN Kuala Kubu Bharu adalah seperti berikut :

BIL.	JENIS SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
1.	SJKC	SJKC BATANG KALI
		SJKC BUKIT FRASER
		SJKC CHOONG CHEE
		SJKC KERLING
		SJKC KHING MING
		SJKC RASA
2.	SJKT	SJKT KUALA KUBU BAHARU
		SJKT BATANG KALI
		SJKT NIGEL GARDNER

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM LEMBAH KLANG**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Shah Alam akan mula dibina?
- b) Berapakah anggaran kos dan apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat?
- c) Bilakah perkhidmatan bas percuma di bandar-bandar utama Selangor akan dimulakan?

**JAWAPAN :**

- a) Rancangan untuk membina Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Shah Alam masih diperingkat kajian. Sehubungan itu, Pihak MBSA telah mengadakan perbincangan dengan pihak SIME DARBY untuk menempatkan terminal tersebut di Elmina West. Cadangan ini seterusnya akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Terminal ini akan berfungsi sebagai terminal bersepadu pengangkutan awam bagi kawasan utara.

Selain daripada itu, pihak MBSA juga akan membangunkan terminal-terminal kecil di Seksyen 17 untuk perkhidmatan bas antara negeri. Pihak MBSA juga sedang membangunkan Kompleks Tempat Letak Kereta sebanyak 600 petak dengan peruntukan RM3 juta di bawah Kementerian Pengangkutan di bawah NKRA Pengangkutan Awam untuk kemudahan penduduk dan pengguna Komuter di Stesen Seksyen 19. Pihak MBSA juga sedang membiayai terminal-terminal yang baru di sepanjang laluan LRT apabila laluan tersebut dimuktamadkan.

- b) Cadangan terminal pengangkutan bersepadu ini masih dalam proses perancangan dan kos pembinaan masih belum ditentukan. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan adalah mirip dengan Terminal Bersepadu Pengangkutan Selatan - Bandar Tasik Selatan iaitu kemudahan bas awam, bas ekspres, pengangkutan rel (LRT, MRT & komuter) dan teksi.

- c) Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian bagi melaksanakan kemudahan pengangkutan bas awam percuma memandangkan ia melibatkan kos pelaksanaan yang amat tinggi. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2008 pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan perkhidmatan bas komuniti di kawasan MBPJ. Sehingga kini, terdapat 2 buah Bas Komuniti yang beroperasi di sekitar kawasan Petaling Jaya Utara (PJU) dan Petaling Jaya Selatan (PJS).

Selain itu, pada masa ini pihak MPSJ dan SPAD sedang melaksanakan kajian jajaran bagi projek **Bus Rapid Transit (BRT) Jalan Sunway di Subang Jaya**. Jajaran BRT merupakan laluan dua (2) hala sepanjang hampir 5.4 km akan menghubungkan kawasan-kawasan strategik di Bandar Sunway dan Subang. Mempunyai 7 'halt' di sepanjang laluannya yang mana 'halt' ke-7 akan diintegrasikan dengan cadangan Stesen LRT No. 7, iaitu stesen untuk 'extention' LRT Subang Jaya yang sedang dibina. 'Halt' 1 dan 'halt' 2 adalah di bawah pentadbiran MBPJ sementara 'halt' 3, 'halt' 4, 'halt' 5 dan 'halt' 6 di bawah pentadbiran MPSJ.

Selain itu, Ahli Jawatankuasa Rancangan Induk pengangkutan Awam (RIPAD) dan SPAD mempunyai cadangan bagi melaksanakan sistem **Bus Rapid Transit (BRT) fasa pertama** di Lembah Klang yang merangkumi jajaran **dari Kuala Lumpur hingga Klang** dijangka akan beroperasi pada tahun 2016. Pada masa ini pihak SPAD juga masih di dalam peringkat perbincangan bersama pihak JKR berkaitan bentuk-bentuk pelebaran jalan yang sesuai untuk membina lorong bas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010**

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- a) Senarai pegawai maklumat bagi setiap jabatan kerajaan Negeri Selangor
  - b) Senarai ahli-ahli Lembaga Rayuan
  - c) Bagaimana orang awam boleh mendapati butir-butir perhubungan setiap pegawai maklumat?

**JAWAPAN :**

- a) Senarai Pegawai Maklumat bagi setiap jabatan kerajaan negeri Selangor sebagaimana yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-11/2013 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 1825 bertarikh 9 Mei 2013 adalah seperti berikut:-

**PEJABAT DAERAH / TANAH**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Pn. Syarifah Ainul Suhana binti Syed Mohd Taha
2	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Encik Hafez bin Abdul Aziz
3	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	Cik Khairul Aizawati binti Khalid
4	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	Encik Ahmad Fairuz Bin Mohd Yusof
5	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	Puan Nor Azurah binti Nasir
6	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	Encik Saiful Bahari bin Ruslan
7	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Encik Abd Razak bin Maksud
8	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	Encik Mohd Fareez bin Mohd Ariss
9	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	Encik Mohd Faizul Fitri bin Muslil

**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	Madiyan bin Baweh
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tuan Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Puan Nik Zalina binti Megat Muda
4	Majlis Perbandaran Kajang	Encik Kamaruzaman bin Salimin
5	Majlis Perbandaran Selayang	Puan Zulaina binti Abu Talib
6	Majlis Perbandaran Klang	Encik Zaireezal bin Ahmad Zainuddin
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Encik Mohamad Yusof bin Sulaiman
8	Majlis Perbandaran Sepang	Puan Nor Suhaila binti Saat
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	Mohammed Zakir Husin bin Mohammed Zahid
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	Haji Sukimin bin Haji Saiman
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman
12	Majlis Daerah Kuala Langat	En. Muhammad Hafiz bin Shaari

**BADAN-BADAN BERKANUN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Lembaga Urus Air Selangor	Encik Ishak bin Kamaruzaman
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Puan S. Normalis binti Abd. Samad
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	Puan Noraini Binti Mohamad Ramlan
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Encik Sarwani bin Abd Jalal
5	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Puan Mufidah binti Mahfodz
6	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	Encik Adnan bin Che Mud

**JABATAN**

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	Encik Muhammad Hanafi bin Ahmad
2	Perbendaharaan Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Zulkifli bin Osman

3	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Encik Amirudin Bin Mad Yusof
4	Jabatan Pertanian Negeri Selangor (Bahagian Perkhidmatan)	Encik Mohamad Idrus bin Ab. Hamid
5	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Ahmad Fuad Bin Mustaffa
6	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Puan Nor Hidayu binti Abd. Razak
7	Jabatan Mufli Negeri Selangor	Encik Nurhelmi bin Ikhsan
8	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Datin Wan Rabiah Binti Wan Mohd Yusof
9	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	En. Nurul Azhar bin Husin
10	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Encik Arzi Fareen bin Faisal
11	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Puan Jayamalar a/p S.Jaganathan
12	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Encik Rosly Bin Ahmad
13	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	YM Raja Haniza binti Kamarudin
14	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Puan Noor Huda binti Roslan

- b) Senarai ahli-ahli Lembaga Rayuan (Badan Maklumat Negeri) sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-11/2013 adalah seperti berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
YBhg Dato' Kamaruddin bin Mat Desa	Pengerusi
Encik Kuppusamy A/L Rengasamy	Ahli
Tuan Haji Nordin bin Saidin	Ahli
Tuan Abu Bakar bin Munir	Ahli
Puan Sonya Liew Yee Aun	Ahli

- c) Orang ramai boleh mendapatkan butiran perhubungan para Pegawai Maklumat yang telah dilantik bagi setiap Jabatan melalui laman web Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor atau berhubung terus dengan pegawai di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Selain itu, maklumat berkenaan turut boleh diperolehi dengan menghubungi atau hadir terus ke Jabatan-Jabatan yang berkenaan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN PELANCONGAN HOMESTAY**

128. *Homestay* merupakan penyumbang penting dalam pertumbuhan industri pelancongan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan *homestay* yang telah di bangunkan di negeri Selangor mengikut daerah-daerah?
- b) Apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor untuk menambah bilangan projek-projek *homestay* di Negeri Selangor untuk tempoh lima tahun yang akan datang?

**JAWAPAN :**

- a) Program *homestay* semakin mendapat tempat dikalangan pelancong terutama daripada negara-negara Eropah mahpun dari negara Asia seperti Singapura. Program *homestay* mempunyai daya tarikan tersendiri terutama dari aspek kebudayaan, warisan serta kedudukan sesebuah *homestay*.

Pertumbuhan dan perkembangan industri *homestay* ini dikawal oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Kementerian Pelancongan Malaysia mengeluarkan lesen serta garis panduan serta kriteria yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha *homestay*.

Sehubungan dengan itu di Selangor terdapat 15 buah *homestay* yang berlesen dan sentiasa menjadi keutamaan kepada Tourism Selangor dalam aktiviti promosi dalam dan luar negara serta menjadikan ianya antara pakej utama bagi kunjungan Negeri Selangor. Berikut adalah *homestay* tersebut :

- 1) Homestay Kampung Sungai Lang Tengah - Daerah Kuala Langat
- 2) Homestay Kampung Endah - Daerah Kuala Langat
- 3) Homestay Kampung Batu Laut - Daerah Kuala Langat
- 4) Homestay Kanchong Darat - Daerah Kuala Langat
- 5) Homestay Kampung Kundang - Daerah Kuala Langat
- 6) Homestay Banghuris - Daerah Sepang
- 7) Homestay Bougainvillea, Sungai Kertas - Daerah Gombak
- 8) Homestay Sungai Tenggi - Daerah Hulu Selangor
- 9) Homestay Sungai Sireh - Daerah Kuala Selangor

- 10) Homestay Batu 23 Sungai Nibong - Daerah Sabak Bernam
  - 11) Homestay Sungai Haji Dorani - Daerah Sabak Bernam
  - 12) Homestay Sepintas - Daerah Sabak Bernam
  - 13) Homestay Air Manis - Daerah Sabak Bernam
  - 14) Homestay Papisulem - Daerah Sabak Bernam
  - 15) Homestay Kayangan - Daerah Sabak Bernam
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menambah bilangan projek-projek *homestay* di Negeri Selangor bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Namun begitu, Kerajaan Negeri banyak membantu daripada sudut penambahbaikan kemudahan sedia ada, menyelaras dan menyeragamkan pakej supaya lebih berdaya saing dan memenuhi kehendak para pelancong dan pengunjung yang datang. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn.Bhd. ( TSSB ) juga banyak membantu daripada aspek promosi dan sebagainya
- Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif bagi membuat sedikit kajian berkaitan penglibatan golongan, umur serta kesesuaian tempat supaya industri ini dapat benar-benar dimajukan dan memberikan pulangan kepada penduduk dan juga Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PELABURAN ASING**

129. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah usaha yang akan diambil untuk meningkatkan pelaburan asing di Negeri Selangor?
- b) Sila memberi pecahan sektor pelaburan asing di Selangor?
- c) Sila senaraikan secara terperinci pelaburan dari 10 negara asing yang tertinggi.

**JAWAPAN :**

- a) Antara usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan asing di Negeri Selangor adalah seperti berikut:
  - i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
  - ii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
  - iii. Penubuhan Jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
  - iv. Penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - v. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
  - vi. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi *One stop Centre* (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

- vii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
- viii. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- ix. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- x. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara
- xi. Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
- xii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- xiii. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudah cara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

- b) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2013, sebanyak **43 Projek Perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor oleh MIDA dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 618,723,695**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM 312,461,057** daripada **pelaburan tempatan** dan sebanyak **RM 306,262,638** daripada **pelaburan asing**. Antara sektor-sektor yang melibatkan penyertaan pelabur asing adalah seperti berikut;

Industri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	1	176	4,030,000	0	4,030,000
Beverages & Tobacco					0
Textiles & Textiles Product					0
Leather & Leather Products					0
Wood & Wood Products	1	14	14,294,348	0	14,294,348
Furniture & Fixtures	1	21	10,200,000	0	10,200,000
Paper, Printing & Publishing	2	248	47,403,862	0	47,403,862
Chemical & Chemical Products	3	113	851,466	4,280,100	5,131,566
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	33	14,110,000	0	14,110,000
Rubber Products	1	421	0	53,152,000	53,152,000
Plastic Products	1	37	0	52,990,000	52,990,000
Non-Metallic Mineral Products	2	61	8,520,639	7,170,717	15,691,356
Basic Metal Products	1	0	16,500,000	0	16,500,000
Fabricated Metal Products	5	200	19,961,310	0	19,961,310
Machinery & Equipment	9	349	30,332,460	37,460,625	67,793,085
Electronics & Electrical Products	5	289	16,016,000	73,900,000	89,916,000
Transport Equipment	10	580	130,240,972	77,309,196	207,550,168
Scientific & Measuring Equipment					0
Lain-Lain					0
<b>Jumlah</b>	<b>43</b>	<b>2,542</b>	<b>312,461,057</b>	<b>306,262,638</b>	<b>618,723,695</b>

\*Sumber : MIDA

c) Senarai pelaburan dari 10 negara asing tertinggi adalah seperti berikut;

<b>Negara</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
<b>Japan</b>	6	428	72,319,344
<b>Iran</b>	1	195	71,700,000
<b>Singapore</b>	4	682	67,592,669
<b>Netherlands</b>	1	37	52,990,000
<b>Australia</b>	1	64	23,930,020
<b>Italy</b>	2	97	7,097,440
<b>Indonesia</b>	2	64	3,500,000
<b>Hong Kong</b>	1	34	2,951,165
<b>Pakistan</b>	1	92	2,856,000
<b>Afghanistan</b>	1	92	1,344,000
<b>Lain-Lain Negara</b>	1	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>***</b>	<b>***</b>	<b>306,280,638</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor akan ditubuhkan?
- b) Apakah objektif dan sasaran perbadanan ini?
- c) Berapakah jumlah dana khas yang akan diwujudkan bagi membiayai program ini?

**JAWAPAN :**

- a) Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor merupakan salah satu manifesto PR di dalam PRU13. Ia merupakan perancangan jangka panjang ( 5 tahun ) dan usaha-usaha awal penubuhan telah pun diambil dan akan sempurna serta beroperasi dalam tempoh 5 tahun.
- b) Objektif dan sasaran perbadanan ini adalah:-
  - i) Mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pendidikan dan latihan keusahawanan.
  - ii) Meningkatkan kelayakan akademik dan menambah baik kemahiran golongan rakyat yang memerlukan.
  - iii) Menggalak dan mendidik pengusaha persendirian membuat tabiat menyewa dengan membina kiosk dan gerai bagi peniaga kecil.
- c) Berpandukan manifesto PR Selangor PRU13, jumlah dana khas yang akan diwujudkan bagi membiayai program ini adalah sebanyak 5% daripada rizab negeri akan digunakan untuk membiayai program-program ini setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: MASALAH PROJEK-PROJEK TERBENGKALAI DI DUN TERATAI**

131. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah projek-projek terbengkalai di DUN Teratai yang membawa isu ekonomi dan sosial kepada penduduk-penduduk setempat.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri akan lakukan dalam tempoh 2013-2014 untuk menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai di DUN Teratai?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat hanya satu projek terbengkalai yang dikenal pasti di DUN Teratai yang terbengkalai iaitu Nusa Mewah Villa Kondominium yang dibangunkan oleh Tetuan Mudi Angkasa Development Sdn Bhd. Projek ini merupakan projek yang telah didaftarkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan no. lesen pemajuan: 8255/06-2006/718 dan di bawah pemantauan KPKT. Pembangunan projek ini melibatkan pembinaan dua (2) blok Kondominium 15 tingkat sebanyak 360 unit rumah dengan harga jualan RM132,000.00 seunit dan semua unit telah terjual. Ketika projek terbengkalai, kemajuan kerja telah mencapai 56% siap. Pada 13 Mac 2008, Mahkamah Tinggi telah mengenakan perintah penggulungan ke atas pemaju Mudi Angkasa Development Sdn Bhd dan melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi (liquidator) untuk mentadbir syarikat berkenaan yang digulung.

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri melalui LPHS dan KPKT telah kerjasama dalam mengadakan perbincangan dengan pelikuidasi bagi membolehkan projek ini dipulihkan semula. Lanjutan daripada perbincangan tersebut, pelikuidasi telah mendapat persetujuan daripada Mahkamah untuk melantik pemaju penyelamat iaitu Conlay Construction Sdn Bhd dengan anggaran kos pemulihan keseluruhan sebanyak RM25 juta. Sehubungan itu, pembeli telah ditawarkan 2 pilihan samada berminat untuk meneruskan pembinaan dengan dikenakan kos tambahan (topup) sebanyak RM30,700 atau melepaskan unit mereka dan menerima bayaran balik amaun yang telah dibayar selepas projek siap dengan Sijil Layak Menduduki.



Untuk tujuan tersebut, pembeli perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak bank/pembiaya bagi mendapatkan pinjaman tambahan tersebut sebelum pemaju dapat melaksanakan pemulihan projek tersebut. Lanjutan daripada itu, kerja-kerja pemulihan telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2012 dan dijangka siap sepenuhnya dan penyerahan kunci akan dibuat kepada pembeli pada bulan September 2013.

b) Dalam memastikan projek terbengkalai ini dapat disiapkan, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah-langkah proaktif dalam menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai di DUN Teratai seperti berikut :

1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai.

Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS akan memainkan peranan penting dalam mengaturkan **perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank** bagi tujuan mempercepatkan pemulihan projek. LPHS akan bertindak sebagai agensi pemantauan ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh pemaju dan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.

2) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa perkara-perkara berkaitan di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengambil tindakan melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : POLIS KOMUNITI**

132. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu memperluaskan 'polis komuniti' yang dibiayai kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah konsep pelaksanaan 'polis komuniti' ini?
- b) Berapakah implikasi kewangan diperlukan dan adakah kerajaan negeri atau PBT mampu membiayainya?

**JAWAPAN :**

- a) Konsep pelaksanaan 'Polis Komuniti' atau Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKK) ini adalah bertujuan bagi mengurangkan kadar jenayah di negeri ini terutama sekali di kawasan luar bandar. Polis Komuniti ini juga ditubuhkan bagi meningkatkan hubungan silaturahim dan kerjasama serta perpaduan di kalangan penduduk.
- b) Polis Komuniti ini melibatkan 368 Kampung Tradisi, 78 Kampung Baru / Bagan / Tersusun dan 46 kawasan Komuniti India di Negeri Selangor. Setiap kampung / kawasan diperuntukkan sebanyak RM5,000.00 untuk mengadakan sesi taklimat, dialog dan ceramah bersama agensi penguatkuasa serta membeli perkakasan / barang-barang keperluan rondaan.

Berikut adalah jumlah peruntukan yang telah diluluskan di dalam MMKN Ke 13/2013 yang diadakan pada 3 April 2013:

<b>Kampung</b>	<b>Bilangan Kg</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
Kg. Tradisi	368	RM5000	RM1,840,000.00
Kg. Baru/Bagan/Tersusun	78	RM5000	RM 390,000.00
Komuniti India	46	RM5000	RM230,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM2,460,000.00</b>

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : SAHAM SILK HOLDING BERHAD**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang saham SILK Holding Berhad dan apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri di dalam syarikat tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai saham, kepentingan mahupun peranan di dalam syarikat SILK Holding Berhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT-SYARIKAT GLC**

134. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila berikan perbandingan berdasarkan aspek berikut yang merangkumi penyata kewangan, lembaran imbangan, penyata pendapatan, penyata aliran tunai, penyata ekuiti pemilik dan sebagainya bermula tahun 2008 hingga 2013 di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

**JAWAPAN :**

a)

**Prestasi PKPS adalah seperti berikut :-**

<b>TAHUN</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
<b>Pengeluaran Sawit (Tonnes)</b>	<b>31,079</b>	<b>50,801</b>	<b>51,101</b>	<b>45,640</b>	<b>44,741</b>
<b>Jualan Sawit RM' Juta</b>	<b>17.25</b>	<b>22.49</b>	<b>28.24</b>	<b>30.78</b>	<b>24.29</b>
<b>Operasi ( * ) RM' Juta</b>	<b>4.41</b>	<b>4.2</b>	<b>6.89</b>	<b>10.51</b>	<b>18.03</b>
<b>Jumlah</b>	<b>21.66</b>	<b>26.69</b>	<b>35.13</b>	<b>41.29</b>	<b>42.32</b>

- ( \* ) Pelbagai pendapatan operasi terdiri daripada Projek Pasir, Ballclay, Kompleks Pasar Borong, Bazaar Rakyat, Dewan Orkid, Sewaan Pejabat Wisma PKPS, Sewaan Rumah Kedai, Sewaan Tanah-Tanah PKPS dan Faedah Simpanan Tetap.

Nilai Aset Bersih PKPS menunjukkan peningkatan setiap tahun seperti berikut :-

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012
Aset Bersih RM' Juta	344	340	421	433	439

Kedudukan Tunai PKPS adalah kukuh seperti berikut :-

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012
Bank / FD RM' Juta	8	16	95	115	105

- a) Laporan Kewangan PKNS dan Kumpulan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut (Lampiran B).

**LAMPIRAN B: LAPORAN KEWANGAN PKNS DAN KUMPULAN DARI TAHUN 2008 SEHINGGA MEI 2013**

	2008	2009	2010	2011	2012	Sehingga Mei 2013
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Penyata Pendapatan	905,304	1,024,494	1,208,929	1,156,426	1,030,298	367,606
Perolehan	67,204	76,806	74,042	51,072	70,719	43,234
Lain lain Pendapatan Operasi	250,500	299,529	384,733	409,579	351,697	56,247
Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai	196,386	243,725	295,230	315,794	244,821	41,093
Keuntungan Bersih						
Lembaran Imbangan						
Aset Bukan Semasa	2,675,576	2,316,352	2,485,832	2,591,434	2,700,538	2,423,902
Aset Semasa	2,367,607	2,891,165	2,934,559	2,932,681	3,073,195	3,032,375
Liabiliti Jangka Panjang	427,900	341,982	269,086	296,127	248,190	291,954
Liabiliti Semasa	806,534	805,354	787,939	624,165	685,738	511,309
Penyata Ekuiti Pemilik	3,808,749	4,060,181	4,363,366	4,603,823	4,839,805	4,823,500
Penyata Aliran Tunai						
Aliran tunai daripada aktiviti- aktiviti operasi	(290,883)	66,976	52,761	327,875	(47,976)	
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	96,192	94,844	31,753	(87,015)	66,986	
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	5,960	(15,476)	(69,814)	(24,615)	(41,708)	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KES RUMAH URUT**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah jumlah rumah urut yang tidak berlesen yang wujud selepas 2008 di seluruh Negeri Selangor?
- b) Berapa banyak yang berjaya telah ditutup?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah rumah urut yang tidak berlesen yang wujud selepas 2008 di seluruh Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL.	PBT	BILANGAN RUMAH URUT				
		2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	5	7	8	12	13
2.	MBPJ	-	20	27	27	27
3.	MPK	-	-	-	-	12
4.	MPAJ	tiada maklumbalas				
5.	MPSJ	170	194	201	238	238
6.	MPS	91	105	109	115	115
7.	MPKj	tiada maklumbalas				
8.	MPSp	-	-	-	-	-
9.	MDKL	-	-	-	-	1
10.	MDHS	tiada maklumbalas				
11.	MDKS	-	-	-	-	-
12.	MDSB	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		266	326	345	392	406

b) Bilangan rumah urut yang telah ditutup adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	BILANGAN RUMAH URUT YANG TELAH DITUTUP				
		2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA			2	1	
2.	MBPJ	-	9	8	15	3
3.	MPK	MPK hanya menjalankan aktiviti penyitaan				
4.	MPAJ	Tidak berkaitan				
5.	MPSJ	53	54	21	38	86
6.	MPS	-	-	-	-	3
7.	MPKj	tiada maklumbalas				
8.	MPSp	2	-	-	1	1
9.	MDKL	-	-	-	-	1
10.	MDHS	tiada maklumbalas				
11.	MDKS	tiada maklumbalas				
12.	MDSB	tiada maklumbalas				
<b>JUMLAH</b>		2	9	10	17	8



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: JUMLAH PERUMAHAN**

136. Golongan muda dan berpendapatan rendah di Selangor berdepan dengan masalah pemilikan rumah ekoran harga rumah yang melambung tinggi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah unit rumah dan kategori yang dibina oleh kerajaan negeri sepanjang tempoh 2008 – 2012?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menangani masalah pemilikan rumah oleh rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak tahun 2008 hingga 2012 jumlah rumah kos rendah yang dibina di Negeri Selangor adalah sebanyak 3,617 unit. Senarai projek yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Projek/Pemaju</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Bilangan Unit</b>
1.	Aman Perdana Fasa 2 Intramewah Dev. Sdn. Bhd.	Klang	320
2.	Setia Alam Fasa 2 Bandar Setia Alam Sdn. Bhd.	Bukit Raja	725
3.	Bandar Parklands, Bukit Tinggi 3 Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Klang	800
4.	Taman Damai Utama Medan Damai Sdn. Bhd.	Petaling	730
5.	Taman Saujana Utama 3 Regency Land Sdn. Bhd.	Kuala Selangor	424
6.	Saujana Rawang Glomac Rawang Sdn. Bhd.	Rawang	100
7.	Perdana Residence 2 Nova Century Sdn. Bhd.	Gombak	108
8.	Taman Puchong Prima Mitrajaya Homes Sdn. Bhd.	Petaling	212
9.	Wawasan Asli	Klang	30
10.	Taman Seri Sekamat Loyal Seira Dev. Sdn. Bhd.	Cheras	78
11.	Taman Seri Melor fasa 2	Kajang	22

	Jayacorp Sdn Bhd		
12.	Taman Desiran Melawati Selesa Ilham Sdn. Bhd.	Kuala Selangor	68
<b>Jumlah</b>			<b>3,617</b>

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM100 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi membina rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun dan membina rumah mampu milik yang berkualiti pada keluasan minimum 800kps di bawah harga RM150,000.00. Kerajaan Negeri juga menyediakan skim pembiayaan kepada golongan yang tidak layak mendapat pembiayaan daripada pihak bank untuk membeli rumah dengan peruntukan RM250 juta untuk tempoh 5 tahun atau RM50 juta setahun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT**

137. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan pengusaha SBW yang berdaftar dan tidak berdaftar di Negeri Selangor sehingga bulan Jun 2013 mengikut susunan daerah.
- b) Sila nyatakan apakah bantuan yang bakal disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi meringankan bebanan para pengusaha yang menghadapi kemelesetan harga pasaran sejak mutakhir ini ?
- c) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai kandungan Garis Paduan yang dirangka bagi mengawal selia dan memantau perkembangan industri penternakan SBW di Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: KEBAJIKAN DAN HAK GOLONGAN WANITA DI DUN TERATAI**

138. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pekerjaan kepada golongan wanita, terutamanya ibu tunggal dalam DUN teratai dalam tahun 2013?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk memberi kebajikan kepada golongan wanita di DUN Teratai dalam tahun 2013?
- c) Apakah rancangan pelaksanaan 5 tahun Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan dan hak golongan wanita di DUN Teratai?

**JAWAPAN :**

- a) Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pekerjaan kepada golongan wanita, terutama ibu tunggal di Negeri Selangor adalah menawarkan skim-skim seperti berikut:
  1. Program-program Pemberdayaan Wanita Selangor menerusi Pusat Wanita Berdaya (PWB)
  2. Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel)
  3. Skim Mikrokredit Bandar (MIMBAR)
  4. Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)
  5. PET-SOHO-S: Program-program Pemberdayaan Ibu Tunggal SOHO Selangor

Golongan wanita boleh menikmati semua skim-skim yang ditawarkan mengikut jenis skim yang dikehendaki.

- b) Peruntukan untuk program-program wanita adalah berdasarkan program dan aktiviti yang ditawarkan oleh DUN menerusi mekanisme seperti Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM20 ribu untuk peralatan memasak atau menjahit dan RM5 ribu lagi untuk peralatan pejabat. Para penyelaras dan penyelia PWB diberi elaun RM750.00 sebulan

Program-program latihan dan advokasi berpandukan Pelan Tindakan Wanita Selangor akan mendapat RM5000.00 setiap program

Selain itu golongan wanita boleh mendapatkan peluang-peluang lain yang disediakan seperti yang di sebut dalam jawapan a) di atas.

- c) Dalam masa lima tahun akan datang ini, Kerajaan Negeri akan mempergiat usaha-usaha sedia ada bagi membantu wanita, khususnya dalam fokus ekonomi, keselamatan dan sistem sokongan bagi wanita bekerja. Selain itu, 20% daripada ibu tunggal yang mempunyai perniagaan akan dibantu untuk meningkatkan perniagaan mereka menerusi bantuan penambahan modal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KES SALAHGUNA DADAH**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlahkah penagih dadah di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012?
- b) Sila kategorikan menurut kumpulan umur.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah penagih dadah yang dikesan di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
<b>*PENAGIH YANG BARU DIKESAN</b>	<b>4,377</b>	<b>4,291</b>	<b>3,752</b>
<b>**PENAGIH BERULANG</b>	<b>2,371</b>	<b>2,333</b>	<b>2,160</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>6,748</b>	<b>6,624</b>	<b>5,912</b>

\* Penagih yang dikesan kali pertama

\*\* Penagih yang pernah dikesan sebelum ini

- b) Kategori Penagih Dadah yang dikesan di Negeri Selangor mengikut peringkat umur adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
< 30 TAHUN	<b>2,928</b>	<b>2,975</b>	<b>2,890</b>
30 – 50 TAHUN	<b>3,251</b>	<b>3,102</b>	<b>2,562</b>
51 TAHUN KE ATAS	<b>537</b>	<b>516</b>	<b>431</b>
TIADA MAKLUMAT	<b>32</b>	<b>31</b>	<b>29</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>6,748</b>	<b>6,624</b>	<b>5,912</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: PEMUTIHAN KILANG HARAM**

140. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program pemutihan kilang haram kini?
- b) Nyatakan statistik pemutihan mengikut PBT dari 2008 hingga 2013?
- c) Nyatakan nilai sumbangan kilang yang telah diputihkan kepada ekonomi negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran berkuatkuasa sehingga 30 Jun 2013. Selepas 30 Jun 2013 tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri
- b) Statistik pemutihan mengikut PBT dari 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Jumlah lot yang terlibat	Bilangan Permohonan					
			2008	2009	2010	2011	2012	2013
1	Sabak Bernam	15	-			9	-	
2	Kuala Selangor	34	7	2	3	7	-	
3	Klang	434	12	9	37	4	11	1
4	Petaling	985	22	45	110	45	52	5
5	Hulu Langat	467	152					
6	Gombak	44	-					
7	Sepang	44	-			2	-	
8	Hulu Selangor	18	-	1	2	-		
9	Kuala Langat	209	63					

- c) Melalui Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini, Kerajaan Negeri telah Berjaya mengutip bayaran premium tambahan sebanyak **RM 180,661,211.51** iaitu sepanjang tempoh dari tahun 2008 sehingga tahun 2011.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PERUNTUKAN MARRIS**

141. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila perincikan terimaan MARRIS daripada Kerajaan Pusat dan pembahagian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan-jabatan dari tahun 2008 hingga 2013.
- b) Sila perincikan kuantiti jalan untuk terimaan MARRIS mengikut Pihak Berkuasa Tempatan.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah terimaan daripada Kerajaan Pusat dan pembahagian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan-jabatan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Rekod panjang jalan yang disenaraikan di dalam Sistem MARRIS *Online* adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

Bil	Tahun	Penerimaan Dari Persekutuan (RM)	Pengagihan Mengikut Jabatan / Agensi (RM)				Catatan
			PBT	JKR	JPS	Pejabat Daerah	
1	2008	300,966,292.00	130,000,000.00	35,485,701.70	1,317,690.00	-	Pengagihan kepada Pejabat Daerah bermula tahun 2012
2	2009	315,627,131.00	76,000,000.00	45,603,993.16	1,091,439.87	-	
3	2010	351,659,938.00	67,250,000.00	170,371,751.84	1,049,776.00	-	
4	2011	368,356,025.00	136,000,000.00	126,060.443.39	297,995.00	-	
5	2012	416,971,395.00	136,000,000.00	56,935,260.30	-	9,000,000.00	
6	2013 (Setakat 31 Mei 2013)	173,738,080.00	112,000,000.00	91,666,824.66	4,000,000.00	4,500,000.00	

**LAMPIRAN B**

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Panjang Jalan (KM)</b>						
	<b>Jalanraya Negeri ( JRN )</b>	<b>Jalanraya Bandaran ( JRB )</b>	<b>Lorong Belakang ( PLB )</b>	<b>Jalan Perumahan Murah ( JKPM )</b>	<b>Jalan Raya Kampung ( JKPG )</b>	<b>Jalanraya Pertanian ( JPTN )</b>	<b>Jumlah Kilometer ( KM )</b>
<b>MBSA</b>	0.000	2,147.493	27.834	0.000	0.000	0.000	<b>2,175.327</b>
<b>MBPJ</b>	611.770	791.756	10.273	35.900	0.000	0.000	<b>1,449.699</b>
<b>MPAJ</b>	5.530	478.899	0.000	0.000	0.000	0.000	<b>484.429</b>
<b>MPSJ</b>	0.000	69.378	9.609	74.008	0.000	0.000	<b>152.995</b>
<b>MPK</b>	2.076	1,419.332	16.670	0.000	0.000	0.000	<b>1,438.078</b>
<b>MPKj</b>	386.189	703.708	348.400	197.100	0.000	0.000	<b>1,635.397</b>
<b>MPSp</b>	0.000	200.581	24.100	12.800	0.000	0.000	<b>237.481</b>
<b>MPS</b>	300.109	0.000	0.000	14.300	0.000	0.000	<b>314.409</b>
<b>MDKL</b>	285.184	0.000	42.617	1,002.569	0.000	0.000	<b>1,330.370</b>
<b>MDKS</b>	296.124	0.000	135.197	214.238	0.500	0.000	<b>646.059</b>
<b>MDHS</b>	475.987	0.000	2.100	51.100	0.000	0.000	<b>529.187</b>
<b>MDSB</b>	261.217	0.000	0.000	23.200	0.000	0.000	<b>284.417</b>

Pihak Berkuasa Tempatan	Panjang Jalan (KM)						
	Jalanraya Negeri ( JRN )	Jalanraya Bandaran ( JRB )	Lorong Belakang ( PLB )	Jalan Perumahan Murah ( JKPM )	Jalan Raya Kampung ( JKPG )	Jalanraya Pertanian ( JPTN )	Jumlah Kilometer ( KM )
<b>JUMLAH</b>	2,624.186	5,811.147	616.800	1,625.215	0.500	0.000	10,677.848

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: MAKLUMAT LEBURAYA WEST COAST EXPRESSWAY E28**

142. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan maklumat Lebuhraya West Coast Expressway E28 yang mengandungi nama syarikat pengurusan, jumlah tol, R&R, caj setiap tol mengikut kelas kenderaan, butir-butir peta jalanraya yang bermula dari Bandar Mahkota Banting (Selangor) sehingga Changkat Jering (Perak).

**JAWAPAN :**

- a) Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) E28 adalah merupakan projek di bawah tanggungjawab West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCE). Lebuhraya yang berkepanjangan 253KM berkenaan yang akan bermula di Bandar Mahkota Banting (Selangor) akan mempunyai sebanyak 20 pondok plaza tol iaitu sebanyak sembilan (9) di Selangor dan 11 di Perak. Lebuhraya WCE ini juga akan turut mempunyai sebanyak 21 persimpangan (*interchange*) merangkumi 10 di Selangor dan 11 di Perak. Lebuhraya ini juga akan menghubungkan beberapa jaringan lebuhraya lain seperti PLUS, SKVE, NNKSB, KKKSE, dan SAE. Butir-butir peta Lebuhraya WCE ini adalah seperti di **Lampiran 1**.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: PERUMAHAN**

143. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan tindakan kerajaan untuk mengawal harga rumah daripada dijual dengan harga yang begitu mahal?
- b) Setakat manakah kejayaan program 'apartment ceria', dan apakah kelemahan dan halangan kelicinan program ini jika ada?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa sedar tentang peningkatan harga jualan yang semakin melambung tinggi. Oleh itu, bagi membantu rakyat di Negeri Selangor berpeluang memiliki rumah, Kerajaan Negeri telah menetapkan Dasar khusus bagi pembangunan tanah. Pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang.

Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan tersebut, harga jualan maksimum terhadap rumah mampu milik turut ditetapkan. Harga jualan rumah mampu milik tersebut ditetapkan pada harga seperti berikut:

<b>Kawasan</b>	<b>Jenis Bangunan</b>	<b>Harga (RM)</b>
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00

	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Bermula tahun 2010 Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dengan reka bentuk baru yang lebih mampan dan kondusif sebagai salah satu pilihan kepada pemaju untuk meneruskan penyediaan perumahan yang mampu milik khususnya kawasan-kawasan yang didapati kurangnya atau melebihi permintaan terhadap rumah kos rendah dengan harga jualan yang ditetapkan tidak melebihi RM150,000.00 seunit. .

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang mengambil langkah untuk mengkaji semula dasar-dasar perumahan sedia ada dengan menggantikannya dengan dasar yang lebih komprehensif dengan penekanan kepada perumahan mampu milik yang pelbagai jenis dengan harga jualan tidak melebihi RM250,000 seunit. Melalui dasar baru kelak diharapkan akan dapat membantu golongan berpendapatan sederhana yang berpendapatan di bawah RM8,000.00 sebulan.

Bagi tujuan pengawalan pula, segala syarat penetapan komposisi pembinaan rumah dan harga jualan rumah akan dimasukkan dalam sebarang kelulusan pemberimilikan dan pembangunan tanah untuk tujuan pengawalan oleh semua pihak terlibat yang memberi kelulusan pelan pembangunan. Sebarang ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri akan memberi kesan terhadap proses pindah milik daripada pemaju kepada pembeli pertama.

Oleh yang demikian, pengawalan harga jualan rumah hanya difokuskan kepada rumah-rumah yang dikategorikan mampu milik sahaja yang mana pemilikan dikawal dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Manakala rumah-rumah yang dikategorikan harga bebas, pemaju berhak untuk menentukan harga jualan berdasarkan kepada harga pasaran semasa.



- b) Setakat 3 Mei 2013, sebanyak 100 pangsapuri telah menerima tawaran Skim CERIA. Berikut merupakan statistik Skim CERIA mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jenis baikpulih:-

<b>PBT</b>	<b>Lif</b>	<b>Tangki air</b>	<b>Bumbung</b>	<b>Cat</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>Jumlah baikpulih</b>
MBSA	1	-	10	3	1	<b>15</b>
MBPJ	10	2	-	1	4	<b>17</b>
MPSJ	4	2	-	5	3	<b>14</b>
MPAJ	5	2	3	4	2	<b>16</b>
MPK	6	1	1	1	4	<b>13</b>
MPS	2	-	1	5	5	<b>13</b>
MPKj	-	-	2	-	3	<b>5</b>
MPSp	1	-	-	-	1	<b>2</b>
MDKL	-	2	1	-	-	<b>3</b>
MDHS	1	-	-	-	-	<b>1</b>
MDKS	-	-	-	1	-	<b>1</b>
MDSB	-	-	-	-	-	<b>-</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>9</b>	<b>18</b>	<b>20</b>	<b>23</b>	<b>100</b>

Antara kelemahan dan halangan kepada kelicinan program ini adalah seperti berikut:-

- i. Kekurangan kakitangan dalam menguruskan Skim daripada segi pentadbiran;
- ii. Kekangan daripada segi kepakaran pakar dalam aspek teknikal yang rumit;
- iii. Kekurangan peralatan teknikal dan logistik bagi menampung keperluan pengurusan dan operasi;
- iv. Prosedur perolehan yang memakan masa;
- v. Kecacatan kerja oleh pihak kontraktor;
- vi. Pertikaian antara penduduk dan pengurusan bangunan;
- vii. Permintaan pihak penduduk terhadap penambahan kerja ketika kerja sedang dijalankan menyebabkan; dan
- viii. Gangguan penduduk dan kumpulan kongsi gelap terhadap kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

144. Pendidikan tinggi Islam di KUIS adalah kesinambungan dari tahap pendidikan rendah dan menengah di Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hala tuju dan strategi KUIS sebagai institusi bertaraf antarabangsa?
- b) Nyatakan jumlah, bidang dan peringkat, pelajar yang menamatkan pengajian dari 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Merujuk kepada hala tuju/strategik KUIS keseluruhan sebagai anak syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), KUIS diamanahkan untuk melaksanakan pendidikan yang berteraskan Ta'dib dan pembentukan sahsiah, selain daripada kecemerlangan akademik pelajarannya.

Sehubungan dengan itu, bermula Sesi II 2010/2011, pihak Pengurusan KUIS memutuskan pengambilan pelajar-pelajar antarabangsa hanya melibatkan pelajar-pelajar daripada rantau Asia Tenggara sahaja. Antara justifikasinya:

- 1) Pilihan negara rantau Asia Tenggara adalah kerana lingkungan adat, budaya dan rumpun yang hampir sama dengan Malaysia.
  - 2) KUIS menumpukan dan memperkasakan pelajar tempatan dan serantau Asia Tenggara iaitu Malaysia, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam, Filipina, Brunei, Indonesia, Singapura, Timor Timur dan Myanmar, terutama dalam memastikan konsep Ta'dib dapat berjalan dengan lancar.
  - 3) Mengurangkan dan/atau mengelak risiko berlakunya masalah dan isu moral dan sosial yang semakin berleluasa di kalangan pelajar antarabangsa.
- b) Jumlah pelajar yang menamatkan pengajian di KUIS adalah berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik KUIS (mohon rujuk kepada lampiran)

NP4P9NP9C L6D4B4M4M4N9P4E 4P L6I 84B4I E 6I 89CRP P48RI

P48RI P4E 4P	BR E D48 L6D4B4M
	, 10

NP4P9NP9C L6D4B4M4M4N9P4E 4P L6I 84B4I E 6I 89CRP B4I P9 4

P48RI P4E 4P	D6D4C9	L6M6E LR4I	BR E D48
			, 10

STATISTIK GRADUAN KUIS MENGIKUT TAHUN

FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH

KONVOKESYEN	Jantina	MS31	MS32	MS33	MS34	MS35	MS40	MS42	BB01	BB02	BB03	BB04	BB05	MG01	Jumlah	JUMLAH KESELURUHAN
KONVO- 1 (1998)	L															
	P															
KONVO- 2 (1999)	L															
	P															
KONVO- 3 (2000)	L	12	12	2	2										28	104
	P	17	15	28	16										76	
KONVO- 4 (2001)	L	7	10	8	10										35	112
	P	18	11	28	20										77	
KONVO- 5 (2002)	L	2	4	5	7	2									20	79
	P	18	10	15	12	4									59	
KONVO- 6 (2003)	L	5	13	4	2	3									27	119
	P	10	41	15	21	5									92	
KONVO - 7 (2004)	L	3	8	8	7	1									27	106
	P	15	25	15	19	5									79	
KONVO-8 (2005)	L	7	12	11	5	1									36	128
	P	25	30	23	11	3									92	
KONVO-9 (2006)	L	11	16	14	12										53	254
	P	41	66	51	36	7									201	
KONVO - 10 (2007)	L	18	20	16	11	1									66	255
	P	45	51	51	38	4									189	
KONVO - 11 (2008)	L	7	28	20	11	5			1						72	270
	P	29	59	57	44	6			3						198	
KONVO - 12 (2009)	L	11	16	17	15	3			10						72	262
	P	42	31	53	33	6			25						190	
KONVO - 13 (2010)	L	4	17	26	19	2			10	2				4	84	349
	P	17	46	82	63		5		38	8	6				265	

KONVOKESYEN	Jantina	MS31	MS32	MS33	MS34	MS35	MS40	MS42	BB01	BB02	BB03	BB04	BB05	MG01	Jumlah	JUMLAH KESELURUHAN
KONVO - 14 (2011)	L	29	11	47	9	4	4	1	6	3	2	2	2	11	131	440
	P	66	34	77	49	3	6	9	31	5	10	9	4	6	309	
KONVO - 15 (2012)	L	6	5	11	2	1	2	1	5		4	1	2		40	141
	P	22	12	15	18	1	3	4	6	4	5	8	3		101	
<b>JUMLAH</b>		<b>487</b>	<b>603</b>	<b>699</b>	<b>492</b>	<b>67</b>	<b>20</b>	<b>15</b>	<b>135</b>	<b>22</b>	<b>27</b>	<b>20</b>	<b>11</b>	<b>21</b>	<b>2619</b>	<b>2619</b>

MS31 - DIPLOMA PERAKAUNAN

MS32 - DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

MS33 - DIPLOMA PERBANKAN ISLAM

MS34 - DIPLOMA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

MS35 - DIPLOMA EKONOMI

MS40 - DIPLOMA KEUSAHAWANAN

MS42 - DIPLOMA PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM

BB01 - IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN E-DAGANG (KEPUJIAN)

BB02 - IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)

BB03 - IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DAN KEWANGAN (KEPUJIAN)

BB04 - IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)

BB05 - IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PERBANKAN) (KEPUJIAN)

MG01 - SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (MUAMALAH)

KONVOKESYEN	Jantina	IS12	IS13	IS14	IS15	IS16	IS18	PN21	BI01	JUMLAH	BRE D48 C6N6DRMR84I
KONVO- 1 (1998)	L	18								18	,
	P	6								6	
KONVO- 2 (1999)	L	8	19							27	.)
	P	23	13							36	
KONVO- 3 (2000)	L	14	11	1						26	/(0
	P	58	32	11						101	
KONVO- 4 (2001)	L	10	13	6	7					36	/. 1
	P	47	35	27	23					132	
KONVO- 5 (2002)	L	27	15	13				5		60	( 31
	P	109	32	43	22			32		238	
KONVO- 6 (2003)	L	43	17	22						82	(-)
	P	95	26	42	8					171	
KONVO - 7 (2004)	L	37	8	11	3					59	/33
	P	71	22	35	12					140	
KONVO-8 (2005)	L	50	12	31	6	10				109	),.
	P	160	40	42	10	3				255	
KONVO-9 (2006)	L	59	18	15	1	4	1			98	)) 1
	P	144	42	33	11	4	6			240	
KONVO - 10 (2007)	L	61	32	27	3	5	20			148	),.
	P	147	42	40	10	3	40			282	
KONVO - 11 (2008)	L	50	9	11	2	8	12			92	)-)
	P	135	27	34	3	8	54			261	
KONVO - 12 (2009)	L	33	12	13	14	10	19		10	111	)-)
	P	87	21	28	30	4	41		31	242	
KONVO - 13 (2010)	L	25	9	20	18	14	19		25	130	, (-
	P	73	23	33	36	7	63		60	295	

KONVOKESYEN	Jantina	IS12	IS13	IS14	IS15	IS16	IS18	PN21	BI01	JUMLAH	BRE D48 C6N6DRMR841
KONVO - 14 (2011)	L	39	7	21	13	13	21		28	142	, - ,
	P	77	17	40	10	7	52		109	312	
KONVO - 15 (2012)	L	7	1	3	1	3	6		9	30	1(
	P	9		6	1	3	3		30	52	
JUMLAH		1722	555	608	244	106	357	37	302	3931	) 3) /

NP4P9NP9C 8M46R4I CR9NE 6I 89CRPP48RI  
74CRDP95484M E J 66I 64I CJ E RI 9C4N9

KONVOKESYEN	Jantina	IS11	CS41	LS43	BC01	BC02	BC03	JUMLAH	BRE D48 CGN6DRMR84I
KONVO- 1 (1998)	L	7						7	(/
	P	14						14	
KONVO- 2 (1999)	L	3						3	)/
	P	28						28	
KONVO- 3 (2000)	L	5						5	,(
	P	37						37	
KONVO- 4 (2001)	L								//
	P	11						11	
KONVO- 5 (2002)	L	2						2	(3
	P	27						27	
KONVO- 6 (2003)	L	4	7					11	)0
	P	15	11					26	
KONVO- 7 (2004)	L	3						3	/1
	P	15						15	
KONVO-8 (2005)	L	4	11					15	.0
	P	33	19					52	
KONVO-9 (2006)	L	2	15					17	10
	P	19	51					70	
KONVO- 10 (2007)	L	8	33					41	/(1
	P	18	69					87	
KONVO- 11 (2008)	L	10	14					24	/o.1
	P	11	73					84	
KONVO- 12 (2009)	L	4	25					29	/o.,
	P	14	53		8			75	
KONVO- 13 (2010)	L	6	17		3			26	/o.1
	P	10	46		26			82	



KONVOKESYEN	Jantina	IS11	CS41	LS43	BC01	BC02	BC03	JUMLAH	BR E D48 C6N6DR MR 841
KONVO - 14 (2011)	L	3	13	6	30	3		55	()/
	P	11	48	25	88	4		176	
KONVO - 15 (2012)	L		3	1	1	1	3	9	(0
	P		4	4	2	7	1	18	
JUMLAH		324	512	36	158	15	4	1049	/o, 3

**STATISTIK GRADUAN KUIS MENGIKUT TAHUN  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

KONVOKESYEN	Jantina	MS36	MS38	MS39	BT01	BT02	JUMLAH	BERE D48 C6N6DRMR841
KONVO- 5 (2002)	L	21					21	-
	P	33					33	
KONVO- 6 (2003)	L	16					16	)0
	P	21					21	
KONVO - 7 (2004)	L	2					2	0
	P	5					5	
KONVO-8 (2005)	L	24					24	-(
	P	28					28	
KONVO-9 (2006)	L	25	8	4			37	3)
	P	30	20	6			56	
KONVO - 10 (2007)	L	12		15			27	.1
	P	23	8	10			41	
KONVO - 11 (2008)	L	23		4	2		29	.0
	P	28	3	6	1		38	
KONVO - 12 (2009)	L	26	3	8		1	38	3.
	P	33	6	5	11	3	58	
KONVO - 13 (2010)	L	37	6	17	8	2	70	/0.
	P	54	12	18	13	3	100	
KONVO - 14 (2011)	L	27	4	19	8	15	73	/)-
	P	25	3	13	12	9	62	
KONVO - 15 (2012)	L	3			4		7	(.
	P	4		1	6	2	13	
<b>JUMLAH</b>		<b>500</b>	<b>73</b>	<b>126</b>	<b>65</b>	<b>35</b>	<b>799</b>	<b>033</b>

**STATISTIK GRADUAN KUIS MENGIKUT TAHUN**  
**FAKULTI SAINS KEJURURAWATAN DAN KESIHATAN SEKUTU**

KONVOKESYEN	Jantina	DN01	JUMLAH	BER D48 C6N6DRMR841
KONVO - 10 (2007)	L	1	1	/ (
	P	11	11	
KONVO - 11 (2008)	L	9	9	/ °.
	P	97	97	
KONVO - 12 (2009)	L	5	5	/ °°
	P	95	95	
KONVO - 13 (2010)	L	13	13	3,
	P	81	81	
KONVO - 14 (2011)	L	17	17	/ .,
	P	147	147	
KONVO - 15 (2012)	L	4	4	. °
	P	56	56	
<b>JUMLAH</b>		<b>536</b>	<b>536</b>	<b>-).</b>

**STATISTIK GRADUAN KUIS MENGIKUT TAHUN  
FAKULTI PENDIDIKAN**

KONVOKESYEN	Jantina	ES51	ES52	ES53	ES51*	ES52*	ES53*	JUMLAH	BR E D48 C6N6DR MR 8 4 I
KONVO - 14 (2011)	L		6	4				10	( 1
	P		9	9				18	
KONVO - 15 (2012)	L	4	16	47	7	4	30	108	. - )
	P	9	78	128	30	10	290	545	
<b>JUMLAH</b>		<b>13</b>	<b>109</b>	<b>188</b>	<b>37</b>	<b>14</b>	<b>320</b>	<b>681</b>	<b>. 1/</b>

**STATISTIK GRADUAN MENGIKUT JANTINA**

<b>KONVOKESYEN</b>	<b>LELAKI</b>	<b>PEREMPUAN</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
KONVOKESYEN - 1 1998	25	20	45
KONVOKESYEN - 2 1999	30	64	94
KONVOKESYEN - 3 2000	59	214	273
KONVOKESYEN - 4 2001	71	220	291
KONVOKESYEN - 5 2002	103	357	460
KONVOKESYEN - 6 2003	136	310	446
KONVOKESYEN - 7 2004	91	239	330
KONVOKESYEN - 8 2005	184	427	611
KONVOKESYEN - 9 2006	205	567	772
KONVOKESYEN - 10 2007	283	610	893
KONVOKESYEN - 11 2008	226	678	904
KONVOKESYEN - 12 2009	255	660	915
KONVOKESYEN - 13 2010	323	823	1146
KONVOKESYEN - 14 2011	428	1024	1452
KONVOKESYEN - 15 2012	198	785	983
<b>JUMLAH GRADUAN</b>	<b>2617</b>	<b>6998</b>	<b>9615</b>

CJ I SJ C6NU6I	74CRDP9											BRE D48	
	74CRDP9L6I 8RMRN4I 64I E R4E 4D48			4C466E 9 9ND4E		74CRDP95484N4 E J 66I 64I CJ E RI 9C4N9		74CRDP9N49 N64I P6CI J DI 89 E 4CDRE 4P		74CRDP9N49 N C6BRMRM4T 4P4I 64I C6NB4P4I N6CRPR			74CRDP9 L6I 699C4I
	DIPLOMA	IJAZAH S/MUDA	SARJANA	DIPLOMA	IJAZAH S/MUDA	DIPLOMA	IJAZAH S/MUDA	DIPLOMA	IJAZAH S/MUDA	DIPLOMA	DIPLOMA		
													, -
													3,
													(0)
													(3/
													, .°
													, ,°
													) )°
													.//
													00(
													13)
													3°,
													3/-
													//, .
													/, -(
													31)
<b>BRE D48</b>	<b>( ) 1)</b>	<b>( /-)</b>	<b>( /)</b>	<b>) . (3)</b>	<b>) ° (</b>	<b>10 (</b>	<b>/ 00</b>	<b>. 33</b>	<b>/ ° °</b>	<b>- ) .</b>	<b>. 1 /</b>	<b>3 / -</b>	
	<b>( . / 3</b>			<b>) 3) /</b>		<b>/ ° , 3</b>		<b>033</b>		<b>- ) .</b>	<b>. 1 /</b>		

NP4P9NP9C 8M46R4I CR9NE 6I 89CRPLM 8M4E 69.DI E 4%~~84~~a48 N4MB4I 4 E R64 64I N4MB4I 4

BR E D48 C6N6DRMR84I 8M46R4I	3./-

*kemaskini : 7/2/2013*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: KES PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974**

145. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan kes-kes pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi tempoh lima tahun yang lepas terhadap kilang-kilang di Daerah Hulu Selangor. Sila berikan butir-butir.

**JAWAPAN :**

- a) Dari tahun 2008 hingga 2012, bagi Daerah Hulu Selangor sebanyak 18 kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah didakwa di mahkamah iaitu melibatkan 11 premis kilang (4 premis masing-masing didakwa 2 kali) , 1 loji pembersihan air dan 2 individu. Sebanyak 5 kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1979 pada tahun 2008 dan 11 kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 pada tahun 2009 hingga 2012 kerana melepaskan efluen perindustrian melebihi had yang dibenarkan. Manakala 2 kesalahan lagi (melibatkan individu) telah didakwa di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana melakukan pembakaran secara terbuka. Butir-butirnya adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>KESALAHAN DI BAWAH AKTA/PERATURAN</b>	<b>NAMA KILANG / INDIVIDU</b>
2008	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian)1979	L & S COSMETICS AND TOILETRIES (M) SDN BHD
		PERODUA MANUFACTURING SDN BHD
		TAN CHONG & SONS MOTORS CO. SDN BHD
		HEVEAFIL SDN BHD
		KAMI FOOD SERVICES SDN BHD
2009	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	PEPS JV (M) SDN BHD
		AUTOAIR INDUSTRIES SDN BHD
		MILLEON EXTRUDER SDN BHD
		LOJI PEMBERSIHAN AIR SUNGAI RASA
	Seksyen 29A, AKAS 1974 - Larangan Pembakaran Terbuka	SUPUMARAN A/L KANNIAH
	TAMIL SAGARA A/L THIRUMALAI	



2010	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	PRUDENTIAL AMPRI CLEANROOM SERVICES SDN BHD
2011	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	WESCHEM TECHNOLOGIES SDN BHD
		BEH THYE SDN BHD
		PRUDENTIAL AMPRI CLEANROOM SERVICES SDN BHD
		MILLEON EXTRUDER SDN BHD
2012	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	PEPS JV (M) SDN BHD
		L & S COSMETICS AND TOILETRIES (M) SDN BHD

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: TANAH RUNTUH**

146. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tanah runtuh di negeri Selangor sepanjang tahun 2009-2012.
- b) Sila nyatakan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membaikpulih dan menyelenggara jalan-jalan negeri yang rosak akibat tanah runtuh terutamanya di Dusun Tua.

**JAWAPAN :**

- a) Bagi kejadian tanah runtuh yang berlaku di jalan negeri dan persekutuan, pihak kerajaan negeri telah menjalankan kerja pembaikan dan pelaksanaan projek adalah secara sebutharga dan tender terbuka. JKR sentiasa memantau keadaan cerun-cerun jalan di bawah seliaan JKR bagi memastikan cerun-cerun tersebut berada dalam keadaan selamat.
- b)
  - i. Membaikpulih Cerun Runtuhan dan Kerja-kerja Berkaitan di Jalan-jalan dalam Daerah Hulu Langat Selangor Darul Ehsan  
Kos : RM 1,095,000.00  
Tarikh Mula : 1 Disember 2012  
Tarikh Siap : 24 Mei 2013  
Status : Siap
  - ii. Membaikpulih Cerun Runtuhan dan Kerja-Kerja Berkaitan Di KM 2.60, KM 3.60, KM 4.28 dan KM 4.30 Di Laluan Negeri B62 Jalan Ampang-Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Kos : RM 1,170,768.18  
Tarikh Mula : 18 Oktober 2011  
Traikh Siap : 10 Ogos 2012  
Status : Siap
  - iii. Membaikpulih Cerun di KM 3.7 Di Laluan Negeri B62 Jalan Ampang-Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Kos : RM 500,000.00  
Status : Dalam Pembinaan (Jangka siap Oktober 2013 )  
Sebutharga Daerah Hulu Langat

- iv. Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah Runtuh Di Jalan Sungai Tekali (Laluan B116) Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
Kos : RM1,988,928.00  
Tarikh Mula : 28 Mac 2013  
Tarikh Siap : 18 Julai 2013  
Status : Dalam Pembinaan
  
- v. Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah Runtuh Di Jalan Sungai Lalang (Laluan B19) Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
  
Kos : RM7,052,340.00  
Tarikh Mula : 10 Jun 2013  
Tarikh Siap : 6 Januari 2014  
Status : Dalam Pembinaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: KERAJAAN TEMPATAN**

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan maklumat terperinci aduan MBPJ (tahun 2012) – jenis aduan, tempoh respons dan tempoh penyelesaian.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap servis kerajaan tempatan?

**JAWAPAN :**

a) Berikut adalah maklumat berkenaan aduan MBPJ (tahun 2012) :-

<b>BIL.</b>	<b>JENIS ADUAN</b>	<b>TEMPOH MAKLUMBALAS DIBERIKAN</b>	<b>TEMPOH PENYELESAIAN</b>
1	IKLAN/LESEN/ BANTING	48 JAM	7 HARI
2	SALAHGUNA BANGUNAN/ PENEMPATAN SETINGGAN	48 JAM	14 HARI
3	KERETA BURUK	48 JAM	3 MINGGU
4	LAMPU ISYARAT	24 JAM	SEGERA
5	LAMPU JALAN	24 JAM	SEGERA
6	LAMPU TAMAN/ LAMPU LIMPAH	48 JAM	24 JAM
7	GRATING	48 JAM	2 BULAN
8	GUARDRAIL/ HALANGAN JALAN	48 JAM	3 BULAN
9	JALAN ROSAK	24 JAM	14 HARI
10	KEROSAKAN LONGKANG BESAR	48 JAM	3 BULAN
11	KEROSAKAN LONGKANG KECIL	48 JAM	3 BULAN
12	PENUTUP MANHOLE	48 JAM	3 BULAN

<b>BIL.</b>	<b>JENIS ADUAN</b>	<b>TEMPOH MAKLUMBALAS DIBERIKAN</b>	<b>TEMPOH PENYELESAIAN</b>
13	BUNYI BISING	24 JAM	3 HARI
14	PEMBAKARAN TERBUKA/ KACAU GANGGU ALAM SEKITAR	24 JAM	3 HARI
15	ANJING LIAR	24 JAM	3 HARI
16	ANJING PELIHARAAN	48 JAM	3 HARI
17	KUCING LIAR	24 JAM	3 HARI
18	NYAMUK	48 JAM	5 HARI
19	SEMAK SAMUN DALAM KAWASAN RUMAH/ TANAH LAPANG PERSEORANGAN	48 JAM	14 HARI
20	KEBERSIHAN JALAN	24 JAM	3 HARI
21	LONGKANG TERSUMBAT	48 JAM	3 HARI
22	RUMPUT PANJANG TANAH PERSENDIRIAN	48 JAM	14 HARI
23	SAMPAH KEBUN/HARAM/RUMAH	24 JAM	24 - 48 JAM
24	HALANGAN KENDERAAN, TEMPAT LETAK KERETA, SIARKAKI	24 JAM	SEGERA
25	HALANGAN KENDERAAN /SIARKAKI	24 JAM	SEGERA
26	KACAU GANGGU	24 JAM	48 JAM
27	PENJAJA TANPA LESEN	24 JAM	48 JAM
28	SAMBUNGAN HARAM/PROJEK PEMBANGUNAN/ PEMBINAAN HARAM	48 JAM	14 HARI
29	CANTAS/ TEBANG POKOK	48 JAM	1 BULAN
30	PENYELENGGARAAN TAMAN/ PADANG	48 JAM	3 BULAN

<b>BIL.</b>	<b>JENIS ADUAN</b>	<b>TEMPOH MAKLUMBALAS DIBERIKAN</b>	<b>TEMPOH PENYELESAIAN</b>
31	POKOK TUMBANG	24 JAM	SEGERA
32	SAMPAH CANTASAN POKOK	24 JAM	3 HARI

b) Langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap servis kerajaan tempatan adalah seperti berikut:-

i. Menumpukan Tugas Asas PBT.

- Menambahbaik sistem pengauditan, pemantauan kerja dan pembayaran.
- Menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (Pantas) di Majlis Bandaraya dan Perbandaran.
- Menetapkan Tatacara Operasi Piawai untuk seluruh PBT dalam proses penguatkuasaan, permohonan permit dan lesen.
- Mengurangkan kontraktor dan menambahkan pekerja PBT.
- Mengenakan hukuman berat kesalahan kebersihan.

ii. Membina Imej Positif.

- Memaparkan gambar Datuk Bandar/Yang Di Pertua dan barisan Pengarah PBT di billboard (rekabentuk adalah seragam).
- Projek Padang Ceria: membina / menaiktaraf minima 500 set kelengkapan / peralatan taman / padang seluruh Selangor oleh PBT.
- Mengadakan telematch tahunan yang melibatkan keseluruhan warga PBT bersama persatuan penduduk mengadakan telematch.
- Mengadakan Perjumpaan Perbandaran Bulanan oleh Datuk Bandar/Yang Di Pertua.
- Mengadakan Facebook PBT dan Twitter PBT .
- Menyeragamkan kempen-kempen di PBT.

iii. Mendemokrasikan PBT.

- Mengadakan Siaran Secara Langsung Mesyuarat Bulanan. Fokus pada Majlis Bandaraya dan Perbandaran.
- Memaparkan minit Mesyuarat Bulanan di laman web. Selaras dengan Sek.27 Akta 171.
- Pemilihan Ahli Majlis Bandaraya dan Perbandaran.
- Melantik wakil NGO ke Majlis Daerah.
- Menghadkan tempoh penggal lantikan Ahli Majlis.

- iv. Meningkatkan Kebajikan Warga PBT.
  - Kajian ke atas mewujudkan pegawai kontrak dengan menawarkan gaji yang lebih tinggi, bonus persembahan kerja dan peluang kenaikan pangkat yang lebih menarik.
  - Mempertingkatkan kelengkapan keselamatan untuk penguatkuasa.
  - Menaikkan elaun kerja tambahan masa yang lebih tinggi. Khusus pada penguatkuasa dan pekerja yang bertugas diluar pejabat.
  - Kajian menggunakan software penilaian prestasi kerja.
  
- v. Menyempurnakan tugas tertangguh.
  - Perlesenan 12 industri burung walit. (Bertemu dengan Persatuan Pengusaha).
  - RUU Fi Lesen. (Taklimat kepada Persatuan Perniagaan)
- vi. Projek Khas.
  - Perkhidmatan Bas Bandar Percuma.  
Fokus pada Majlis Bandaraya dan Perbandaran mengikut keupayaan dalam menyediakan bas namun dapat memberi perkhidmatan terbaik dengan warna/design yang seragam.
  - Menambahkan anggota penguatkuasa untuk kerja rondaan.  
Fokus pada Majlis Bandaraya dan Perbandaran.
  - Melibatkan swasta menyertai projek pemasangan CCTV.
  - Menaiktaraf pasar awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: TABUNG PEMBERDAYAAN WANITA**

148. Manifesto Pakatan PRU-13 menetapkan dana RM50 juta untuk Tabung Pemberdayaan Wanita.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah matlamat pelaksanaan tabung ini?
- b) Bagaimanakah mekanisme pemberiannya agar dapat dinikmati oleh semua wanita yang layak?

**JAWAPAN :**

- a) Matlamat Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor bertujuan untuk meningkatkan mutu kehidupan wanita dalam fokus kewangan, kesihatan, ekonomi, keselamatan dan taraf hidup mereka.
- b) Ada sebelas golongan wanita yang melibatkan suri rumah, wanita muda, wanita luar bandar dan ladang, wanita perindustrian, wanita warga emas, wanita miskin, remaja perempuan, wanita bekerja & sektor informal, ibu tunggal, wanita orang asli dan OKU.

Keperluan wanita dari sudut pendidikan, ekonomi, undang-undang & keselamatan, kesihatan, keagamaan, kekeluargaan dan lalin-lain lagi diambil kira dalam menentukan pengagihan yang adil dan saksama.

Manfaat yang akan ditawarkan nanti akan disalurkan terus kepada wanita yang layak menerusi program-program yang telah dan akan dirancang seperti mempergiatkan penambahan modal perniagaan kepada 20% ibu tunggal yang sedia mempunyai perniagaan sendiri.

Ibu-ibu tunggal boleh mendaftar di pusat-pusat khidmat ADUN. Mereka akan dipanggil untuk menjalani satu temuduga selepas siasatan latar belakang mereka disahkan bahawa mereka adalah ibu tunggal yang layak dan mempunyai perniagaan yang sah. Kejayaan dalam temuduga tersebut akan memberikan ibu tunggal tersebut kelayakan mendapat tambahan modal skim mikrokredit dari kerajaan negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KEMUDAHAN PUSAT ASUHAN DAN TEMPAT PENYUSUAN IBU DI  
TEMPAT KERJA DAN AWAM**

149. Kemudahan pusat asuhan dan tempat penyusuan ibu di tempat kerja dan awam dikatakan sangat penting khususnya untuk kaum wanita yang bekerja.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menetapkan ini sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi sebelum PBT meluluskan permohonan kebenaran merancang (KM) untuk mana-mana projek pembangunan kawasan komersial dan blok pejabat?
- b) Senaraikan semua tempat awam, kawasan komersial dan tempat membeli-belah yang telah menyediakan kedua-dua kemudahan ini di Selangor mengikut PBT.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri belum menetapkan kemudahan pusat asuhan dan tempat penyusuan ibu ditempat kerja sebagai salah satu syarat dalam Kebenaran Merancang (KM).
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai senarai kawasan komersial dan tempat membeli belah yang menyediakan kemudahan tersebut.

Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut disediakan di atas inisiatif dan keprihatinan pemilik kawasan komersial dan tempat membeli belah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TEMPAT KEDIAMAN UNTUK SEMUA**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ciri-ciri utama “dasar perumahan menyeluruh” yang akan dibentuk oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah program perumahan mampu sewa?
- c) Bagaimanakah Skim Perumahan Rakyat dengan cadangan peruntukan RM50 juta setahun akan dilaksanakan?

**JAWAPAN :**

- a) Ciri-ciri utama yang akan ditekankan oleh Kerajaan Negeri dalam merangka “dasar perumahan yang menyeluruh” adalah seperti berikut:
  - i) Memperbanyakkan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti, selesa, reka bentuk terkini dengan dilengkapi segala kemudahan bagi komuniti;
  - ii) Mempelbagaikan jenis rumah mampu milik dari harga RM42,000 sehingga RM250,000 seunit untuk memenuhi keperluan semua golongan dari pendapatan bawah RM2,500 sehingga RM6,000 sebulan;
  - iii) Mewujudkan lebih rumah mampu sewa untuk golongan tidak berkemampuan memiliki rumah sendiri; dan
  - iv) Membantu golongan berpendapatan rendah yang sukar mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan.
- b) Dalam usaha membantu menyediakan tempat tinggal kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu memiliki rumah, Kerajaan Negeri telah menyediakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Council Homes di Negeri Selangor untuk disewakan kepada golongan ini dengan kadar sewa yang rendah iaitu RM250.00 sebulan. Kadar sewa ini telah merangkumi bayaran sewa dan juga penyelenggaraan bangunan.

Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah projek rumah kos rendah yang dibina dan dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT) di atas tanah Kerajaan Negeri. Manakala Council Home merupakan projek rumah kos rendah yang dibeli daripada pemaju swasta oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menampung keperluan rumah sewa di kawasan yang tiada kemudahan PPR. Setakat ini terdapat 6,155 unit rumah PPR dan Council Homes di Negeri Selangor.

- c) Berdasarkan kepada kelulusan Bajet Negeri Selangor 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berformat Dato' Menteri Besar pada tahun lepas telah mengumumkan sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada LPHS untuk membangunkan Rumah Mampu Milik yang berkonsepkan Pre-Fabricated - IBS (Pasang Siap). Dana ini kemudiannya telah ditambah kepada RM100 juta berdasarkan kepada Manifesto PRU-13 Pakatan Rakyat.

Sebagai langkah permulaan untuk pelaksanaan Projek Rumah Mampu Milik, LPHS ketika ini sedang mengenalpasti beberapa lokasi tapak cadangan milik Kerajaan Negeri yang berpotensi lagi strategik untuk didirikan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan perumahan mampu milik ini yang lebih komprehensif, rekabentuk terkini, penyediaan kemudahan yang lengkap, selesa dan harga jualan yang mampu milik iaitu tidak lebih daripada RM150,000 seunit. Buat permulaan dijangkakan sebanyak tidak kurang 300 unit akan mula dibina sebaik sahaja Kajian Fisibiliti Projek siap disediakan yang dijangka kerja-kerja tanah akan bermula pada Disember 2013.

Penyediaan Rumah Mampu Milik Berkonsep Pre-Fabricated – IBS ini dijangka akan membantu Kerajaan Negeri dalam menambahkan lagi stok Rumah Mampu Milik selain daripada penyediaannya oleh PKNS, PNSB dan pemaju-pemaju swasta yang lain bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : 1/24.0)0 0**

151. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila perelaskan apakah punca sebenar yang menyebabkan musim menuai Padi setengah tahun yang pertama 2013 mengalami masalah kejatuhan harga padi yang serius khususnya di Dun sekinchan ?
- b) Sila nyatakan kenapa harga padi yang dibeli oleh syarikat Bernas jauh lebih rendah iaitu RM 1150 per tan sedangkan pengilang swasta mampu membeli dengan harga RM 1250 per tan ?
- c) Sila nyatakan kenapa hanya syarikat Bernas sahaja dibenarkan memonopoli pengimportan beras daripada luar negeri ?

**JAWAPAN:**

- a) Masalah kejatuhan harga padi di adalah disebabkan kerana, pada masa penuaian padi di kawasan Dun Sekinchan, kilang-kilang pemprosesan padi telah mempunyai kapasiti bekalan padi pada tahap yang selesa dimana 'demand' pengilang-pengilang ini tidak lagi tinggi berbanding seperti di awal musim dimana pengilang ini amat memerlukan bekalan. Oleh kerana daerah Kuala Selangor telah pun menuai terlebih dahulu, petani di daerah tersebut mendapat harga yang lebih baik kerana pengilang-pengilang terpaksa bersaing untuk mendapatkan bekalan. Manakala pada tempoh penuaian di kawasan Sekinchan, pengilang tidak lagi bersaing untuk mendapatkan bekalan padi, oleh itu harga yang ditawarkan tidak lagi seperti di awal musim.

Jawapan bagi soalan-soalan (b) dan (c) adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan wajar diajukan di Sidang Parlimen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: TANAH TAPAK PERSEKOLAHAN SRJK(C)**

152. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pelaksanaan Kerajaan Negeri dalam membekalkan tanah sebagai tapak persekolahan SRJK (C) di DUN Teratai dalam tahun 2013 – 2014?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menjadikan kawasan lapang tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju dan/atau di Jalan Saga 24, Taman Saga sebagai tapak persekolahan SRJK(C)?

**JAWAPAN :**

- a) Pada masa kini pihak Kementerian Pelajaran memfokuskan kepada pembinaan sekolah kebangsaan yang dapat diikuti oleh semua kaum sesuai dengan tujuan untuk perpaduan kaum. Walau bagaimana pun, Kerajaan Negeri tiada halangan dalam meluluskan permohonan bagi tujuan tapak sekolah SRJK(C) di DUN Teratai tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pelajaran. Di sekitar bandar Ampang tiada lagi tanah kerajaan bagi tujuan tapak sekolah. Tapak-tapak sekolah sedia ada adalah serahan tanah kepada kerajaan oleh pemaju-pemaju perumahan dan diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

- b)
  - i) Lot 44138 , Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju Ampang

Semakan ke atas pelan tataatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Selangor bertarikh 1/11/1997 tapak merupakan rizab sekolah bersepadu.

Tapak tersebut juga telah dizonkan bagi kegunaan pendidikan (sekolah menengah) di dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020 (BPK 1.6).

Walaupun bagaimanapun, merujuk surat Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bertarikh 26 April 2011 (dilampirkan) , tapak tersebut bukan merupakan rizab sekolah bersepadu sebaliknya adalah tanah hak milik syarikat PAPPOS Development Sdn. Bhd.

- ii) Jalan Saga 24 , Taman Saga

Semakan ke atas pelan tataatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Selangor bertarikh 8/10/1988, tapak merupakan rizab sekolah.

Tapak tersebut juga dizonkan bagi kegunaan pendidikan (Sekolah Menengah) di dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020 (BPK 1.5).



9315/2011  
 ثجابت دائيره/تانه اولو لاهت  
 PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT  
 KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH HULU LANGAT  
 BANGUNAN SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH  
 PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9  
 43650 BANDAR BARU BANGI

4296 4145

dati CHA 013-3357599

SELANGORSHINES

Telefon : 03 - 8925 1992


Faks : 03 - 8925 2137

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

(6)PTD.HL(T) 600-13/8/1-2010

Tarikh: 26 April 2011

Yang Dipertua  
 Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama  
 Pandan Indah, Selangor  
 55100 Kuala Lumpur  
 (u.p.: Encik Nizam bin Sahari)



Tuan,

ADUAN BERKENAAN AKTIVITI TANPA KEBENARAN DI ATAS LOT 44138,  
 TAMAN LEMBAH MAJU, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT,  
 SELANGOR DARUL EHSAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuen  
 MPAJ.PB.100-8/2/1/Jld.15(76) bertarikh 25 Februari 2011.

2. Sukacita dimaklumkan pihak kami telah melakukan siasatan dan semakan  
 berhubung perkara yang diadu di atas Lot 44138, Taman Lembah Maju, Mukim Ampang,  
 Daerah Hulu Langat. Setelah semakan hakmilik dijalankan, adalah didapati Lot 44138  
 bukan merupakan rezab sekolah bersepadu sebaliknya ia adalah tanah hakmilik  
 syarikat pemaju Pappos Development Sdn. Bhd. Bersama-sama ini dilampirkan salinan  
 Carian Rasmi Hakmilik.Batal berserta pelan yang berkaitan.

3. Sehubungan itu adalah disarankan pihak tuan untuk mengambil tindakan selaras  
 dengan bidang kuasa pihak tuan sekiranya terdapat binaan atau bangunan yang beroperasi  
 tanpa permit di kawasan terbabit.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang bertamasya perintah,

(MOHAMAD FADHLULLAH BIN OMAR)  
 Penolong Pegawai Daerah (Teknikal dan Penguatkuasaan)  
 b.p. Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat

s.k.: KPPD (Pengurusan Tanah)  
 KPPD (Khidmat Pengurusan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KES JENAYAH REMAJA**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kes jenayah melibatkan remaja di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012?
- b) Sila kategorikan mengikut DUN.

**JAWAPAN :**

a) dan b)

Jumlah kes jenayah melibatkan remaja di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012?

**PERANGKAAN PENGLIBATAN DAN TANGKAPAN REMAJA  
DALAM JENAYAH INDEKS BAGI JAN - DIS 2010  
KONTINJEN SELANGOR**

SELANGOR	JUM.KES REMAJA	UMUR		BANGSA								JUMLAH TANGKAPAN
		18-20	21-25	MELAYU		CINA		INDIA		LLB		
				L	P	L	P	L	P	L	P	
<b>JENAYAH KEKERASAN</b>												
BUNUH	26	4	11	8		2		2		3		15
ROGOL	138	53	68	77		10		24		10		121
CABUL KEHORMATAN	45	4	10	5		3		6				14
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	0	0		0								0
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	432	129	249	190	6	23		117		41	1	378
SAMUN BERSENJATAPI	0	0		0								0
SAMUN TANPA SENJATAPI	66	13	29	23		7	9	1	1	1		42
PEMERASAN	49	6	30	14	3	10		11		4		42
UGUTAN JENAYAH	197	29	72	30	1	18		30	5	16	1	101
MERUSUH	93	43	88	56		20		36		19		131
MENDATANGKAN CEDERA	229	39	91	55	2	20	1	38	2	10	2	130
<b>JUMLAH</b>	<b>1275</b>	<b>320</b>	<b>648</b>	<b>458</b>	<b>12</b>	<b>113</b>	<b>10</b>	<b>265</b>	<b>8</b>	<b>104</b>	<b>4</b>	<b>974</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>												
CURI	703	131	266	128	33	59	28	68	22	34	25	397
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	27	0	11	6		2		2		1		11
CURI MOTOKAR	99	5	35	13	1	9		11	2	2	2	40
CURI MOTOSIKAL	516	226	208	258	8	24	1	110		33		434
CURI (RAGUT)	48	15	14	18				10		1		29
PECAH RUMAH SIANG	64	6	39	13	1	12	2	9		6	2	45
PECAH RUMAH MALAM	183	42	67	50	5	21	3	17	1	10	2	109
<b>JUMLAH</b>	<b>1640</b>	<b>425</b>	<b>640</b>	<b>486</b>	<b>48</b>	<b>127</b>	<b>34</b>	<b>227</b>	<b>25</b>	<b>87</b>	<b>31</b>	<b>1065</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>2915</b>	<b>745</b>	<b>1288</b>	<b>944</b>	<b>60</b>	<b>240</b>	<b>44</b>	<b>492</b>	<b>33</b>	<b>191</b>	<b>35</b>	<b>2039</b>

**PERANGKAAAN PENGLIBATAN DAN TANGKAPAN REMAJA  
DALAM JENAYAH INDEKS BAGI JAN - DIS 2011  
KONTINJEN SELANGOR**

JENAYAH KEKERASAN	TANGKAPAN											JUMLAH TANGKAPAN
	JUMLAH KES REMAJA	UMUR		BANGSA								
		18 - 20	21 - 25	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN BANGSA		
			L	P	L	P	L	P	L	P		
BUNUH	6	6	9	6	1		1	1		6		15
ROGOL	42	29	30	40		7		3		9		59
CABUL KEHORMATAN	22	8	6	12		1		1				14
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI												
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	85	58	76	51		2		73		8		134
SAMUN BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA SENJATAPI	21	16	6	18		1		3				22
PEMERASAN	5		1			1						1
UGUTAN JENAYAH	29	8	28	10		4		18		3	1	36
MERUSUH	49	52	44	35		6		40	1	14		96
MENDATANGKAN CEDERA	83	40	38	34		10		44		8		96
<b>JUMLAH</b>	<b>342</b>	<b>217</b>	<b>238</b>	<b>206</b>	<b>1</b>	<b>32</b>	<b>1</b>	<b>183</b>	<b>1</b>	<b>48</b>	<b>1</b>	<b>473</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>												
CURI	352	82	124	81	14	12	4	62	6	23	4	206
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	7	4	5					6		3		9
CURI MOTOKAR	8	1	12	7				6				13
CURI MOTOSIKAL	52	72	22	62		4		26	2			94
CURI RAGUT	6	2	8	6				3		1		10
PECAH RUMAH	28	23	26	26		1		15	1	6		49
<b>JUMLAH</b>	<b>453</b>	<b>184</b>	<b>197</b>	<b>182</b>	<b>14</b>	<b>17</b>	<b>4</b>	<b>118</b>	<b>9</b>	<b>33</b>	<b>4</b>	<b>381</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>795</b>	<b>401</b>	<b>435</b>	<b>388</b>	<b>15</b>	<b>49</b>	<b>5</b>	<b>301</b>	<b>10</b>	<b>81</b>	<b>5</b>	<b>854</b>

**PERANGKAAAN PENGLIBATAN DAN TANGKAPAN REMAJA  
DALAM JENAYAH INDEKS BAGI JAN - DIS 2012  
KONTINJEN SELANGOR**

JENAYAH KEKERASAN	TANGKAPAN											JUMLAH TANGKAPAN
	JUMLAH KES REMAJA	UMUR		BANGSA								
		18 - 20	21 - 25	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN BANGSA		
			L	P	L	P	L	P	L	P		
BUNUH	6	6	9	6	1		1	1		6		15
ROGOL	42	29	30	40		7		3		9		59
CABUL KEHORMATAN	22	8	6	12		1		1				14
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI												
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	85	58	76	51		2		73		8		134
SAMUN BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA SENJATAPI	21	16	6	18		1		3				22
PEMERASAN	5		1			1						1
UGUTAN JENAYAH	29	8	28	10		4		18		3	1	36
MERUSUH	49	52	44	35		6		40	1	14		96
MENDATANGKAN CEDERA	83	40	38	34		10		44		8		96
<b>JUMLAH</b>	<b>342</b>	<b>217</b>	<b>238</b>	<b>206</b>	<b>1</b>	<b>32</b>	<b>1</b>	<b>183</b>	<b>1</b>	<b>48</b>	<b>1</b>	<b>473</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>												
CURI	352	82	124	81	14	12	4	62	6	23	4	206
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	7	4	5					6		3		9
CURI MOTOKAR	8	1	12	7				6				13
CURI MOTOSIKAL	52	72	22	62		4		26	2			94
CURI RAGUT	6	2	8	6				3		1		10
PECAH RUMAH	28	23	26	26		1		15	1	6		49
<b>JUMLAH</b>	<b>453</b>	<b>184</b>	<b>197</b>	<b>182</b>	<b>14</b>	<b>17</b>	<b>4</b>	<b>118</b>	<b>9</b>	<b>33</b>	<b>4</b>	<b>381</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>795</b>	<b>401</b>	<b>435</b>	<b>388</b>	<b>15</b>	<b>49</b>	<b>5</b>	<b>301</b>	<b>10</b>	<b>81</b>	<b>5</b>	<b>854</b>



Kes jenayah yang melibatkan remaja di Negeri Selangor pada tahun 2010 adalah sebanyak **2,915** kes. Bagi tahun 2011 jumlah kes remaja dalam penglibatan jenayah adalah sebanyak **1,811** kes manakala bagi tahun 2012 sebanyak **795** kes penglibatan remaja dalam kes jenayah. Kes – kes yang sering dilakukan oleh remaja ialah kes curi motosikal, curi dan mendatangkan cedera pada tahun 2010 dan 2011. Bagi tahun 2012 kes yang ketara dilakukan oleh remaja adalah kes curi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PBT SELAMAT**

154. Terdapat inisiatif untuk menambah CCTV dan pegawai penguatkuasa dalam manifesto PRU-13 Pakatan untuk keselamatan di kawasan majlis tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah kewangan diperlukan untuk melaksanakan inisiatif tersebut setiap PBT?
- b) Adakah kewangan diperlukan diambil dari cukai, bajet negeri atau bajet Persekutuan?

**JAWAPAN :**

- a) Manifesto PRU-13, Pakatan Rakyat telah mengesyorkan inisiatif untuk menambahkan CCTV dan Pegawai Penguatkuasa di kawasan Majlis. Bagaimanapun jumlah kewangan dan bilangan anggota yang diperlukan untuk melaksanakan inisiatif tersebut sedang diperincikan bersama-sama dengan pihak PBT.
- b) Kerajaan Negeri akan memutuskan sumber kewangan yang diperlukan sama ada daripada bajet negeri atau peruntukan PBT apabila tiba masanya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: PENDIDIKAN**

155. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk menampung kebanjiran pelajar anak Selangor yang mahu melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi tetapi tidak mendapat tempat, dan tidak mendapat tajaan kewangan?
- b) Apakah langkah kerajaan untuk memanggil pulang dan menyediakan peluang pekerjaan di tempat-tempat strategik kepada pakar-pakar ilmu yang sedang berkhidmat di luar negara?
- c) Mohon dibentangkan kejayaan program 'jejak ilmuan' dengan menyatakan jumlah ilmuan yang berjaya dikumpulkan, bidang keilmuan mereka dan lokasi mereka berada.

**JAWAPAN :**

- a) Di bawah Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan 2 institusi untuk menampung anak-anak Selangor yang ingin melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi, iaitu INPENS International College dan Universiti Selangor.
  1. Universiti Selangor pula adalah institusi milik penuh dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada mulanya, Unisel ditubuhkan pada 24 Ogos 1999 dan mengambil 265 pelajar berdaftar. Selepas 10 tahun, jumlah pelajar telah meningkat kepada 14,000 orang. Pelbagai bidang yang telah ditawarkan oleh Unisel seperti bidang Sains dan Bioteknologi, Pendidikan dan Sains Sosial, Kejuruteraan, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Media, Perniagaan, Biomedikal dan Sains Kesihatan serta Seni Industri dan Teknologi Rekabentuk.

Terkini, Unisel juga telah membuka ruang untuk pelajar Sijil Pelajaran Menengah (SPM), iaitu program peralihan pelajar aliran Tahfiz memasuki program professional anjuran Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) dengan kerjasama Unisel untuk menduduki kelas intensif Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
  2. INPENS International College yang ditubuhkan pada 19 September 1993 dan merupakan institusi pengajian tinggi pertama yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dengan 15 tahun pengalaman, INPENS menyediakan kursus yang pelbagai yang melibatkan kemahiran, seperti bidang Juruteknik Elektronik Industri, Mekanik Elektronik Industri, Pembantu Juruteknik Komputer, Juruteknik Sistem Komputer, Bidang

Jahitan, Juruteknik Automatif Kenderaan Motor, Pelukis Pelan Kejuruteraan Mekanikal, Juruteknik Elektrik, Penyejukbekuan dan Penghawa Dingin, Dandan Rambut dan Kecantikan serta Jurupulih Aestetik.

Kebanyakan pembelajaran di INPENS menekankan tentang kemahiran setiap bidang yang telah dinyatakan. Kursus-kursus yang diadakan juga memberi peluang kepada anak-anak Selangor yang kurang di dalam aspek pendidikan, tetapi kemahiran-kemahiran ini mampu memberikan mereka peluang pekerjaan yang luas setanding dengan graduan-graduan IPT yang lain.

Pada Mac 2006, INPENS bergerak ke hadapan dengan memberi tumpuan sepenuhnya kepada program berasaskan teknikal dan industri. Program-program ini menyediakan pelajar dengan latihan vokasional, berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia, dan kualiti yang dikawal oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Pelajar yang mendaftar diri dalam kursus-kursus ini akan mendapat pendidikan yang berkualiti kepada pengetahuan teknikal dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam industri di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelajar yang berjaya menamatkan kursus mereka akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Sijil Kemahiran Malaysia) kedua-duanya dari Kementerian Sumber Manusia dan INPENS.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dua inisiatif untuk menolong anak-anak Selangor yang tidak berkemampuan daripada segi kewangan dengan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan, iaitu Hadiah Pengajian IPT yang telah diadakan sejak 2008 sehingga kini dan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang tidak dikenakan faedah sama sekali.

- i) Tahun 2013 baru-baru ini, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan peruntukan pinjaman dari 8.1 Juta kepada 16.2 Juta.
- ii) Usaha Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi dibuktikan dengan meningkatkan perbelanjaan bagi Hadiah Pengajian IPT daripada 8 Juta ke 11 Juta yang akan diterima kira-kira 11,000 orang pelajar Selangor bagi menampung perbelanjaan dan kos ke pusat pengajian tinggi.
- iii) Bagi institusi di bawah Kerajaan Negeri Selangor iaitu, Universiti Selangor, juga berkolaborasi bersama Yayasan Selangor bagi menaja pelajar-pelajar asasi yang baru diwujudkan oleh pihak UNISEL September ini.

- iv) Kerajaan Negeri Selangor juga memperuntukkan pinjaman pelajaran di peringkat Sijil Kemahiran tanpa faedah. Kumpulan Perangsang sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan program latihan kemahiran dan kursus-kursus berkaitan bagi mereka yang ingin terus masuk ke medan pekerjaan secara percuma.
- v) Bagi kakitangan penjawat awam yang berhasrat untuk menyambung pengajian juga, Kerajaan Negeri ada menyediakan pinjaman boleh ubah, iaitu, menjadi biasiswa bagi mereka yang lulus dan menjadi pinjaman bagi mereka yang gagal. Pinjaman boleh ubah ini diadakan sehingga tamat pengajian seseorang tersebut.

b)

### **Jejak Ilmuwan**

Program 'Jejak Ilmuan' adalah usaha Kerajaan Negeri Selangor membawa ilmuan-ilmuan kepada masyarakat dan pelajar sekolah. Program ini merupakan program untuk menghimpunkan dan mengenalpasti ilmuwan, khususnya anak tempatan negeri Selangor yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing agar dapat menyumbang idea dan kepakaran mereka untuk diketengahkan kepada masyarakat di semua peringkat di negeri Selangor. Manakal Program Tunas Ilmuan merupakan salah satu aktiviti yang diletakkan di bawah Program Jejak Ilmuan yang bertujuan untuk menjadikan Selangor sebagai pusat melahirkan ilmuwan dan cendekiawan dalam pelbagai bidang. Tema untuk program ini adalah 'Merakytakan Ilmuwan'.

Objektif Jejak Ilmuan diadakan adalah:

- i. Merakytakan ilmuwan – proses merakytakan ilmu melalui ilmuwan.
- ii. Mencari bakat muda yang berpotensi untuk diketengahkan.
- iii. Membentuk dan mendidik bakal ilmuwan.
- iv. Memperkenal perkembangan bakal ilmuwan oleh ilmuwan.
- v. Memperkenal dan menyelusuri rahsia kejayaan ilmuwan.
- vi. Memperkenalkan institusi pendidikan di Negeri Selangor yang menyokong program tersebut.

Anjuran bersama "International Islamic Academy for Life Sciences and Biotechnology" (IAB) daripada Universiti Selangor, bagi menjalankan pelbagai aktiviti di dalam sains hayat bagi memupuk minat para pelajar ke arah bidang ini. 'Bengkel Tunas Ilmuan Selangor' yang diadakan di makmal-makmal IAB di UNISEL Shah Alam diimplementasi secara serius dalam memberi pengetahuan dalam bidang bioteknologi. Semasa bengkel tersebut, pelajar-pelajar dari Kolej Integrasi Tunas Ilmuan Selangor (KITIS) dan Maahad Integrasi Tahfiz Sains Istana Bandar (MITIB) di bawa ke UNISEL dan diberi pengalaman sebenar bekerja di makmal sebagai seorang saintis. Kedua-dua bengkel tersebut telah berjaya mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat

memberangsangkan bukan sahaja daripada para pelajar, malah juga daripada guru-guru pengiring di mana mereka telah memohon agar pihak IAB menganjurkan lagi bengkel seumpama itu.

Pencapaian rentetan daripada usaha ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menandatangani beberapa perjanjian bagi perkongsian kemahiran dan penyelidikan di dalam bidang bioteknologi dan teknologi hijau hasil usaha lawatan ke Imperial College di London, University of Cambridge, iaitu Institute Of Manufacturing, Cambridge, Islamic Academy Of Cambridge dan Fakulti Perubatan dan Sains Hayat, University Of Manchester.

Selain itu, hasil dari dana endowmen yang telah diberikan secara terus kepada IPT Selangor pada tahun 2009, pada tahun 2010, 2 persidangan antarabangsa telah dilaksanakan iaitu International Conference Of Muslim Education (ICIED) pada 29, 30 November dan 1 Disember 2010 dan IAB-IAS International Symposium pada 8 sehingga 9 Disember 2010.

Jumlah ilmuan yang dapat dikumpulkan adalah seramai 132 orang serta bidang keilmuan adalah seperti berikut:

- i. Bidang Matematik
- ii. Bidang Teknologi Cahaya
- iii. Bidang Teknologi Angkasa
- iv. Bidang Teknologi Bunyi
- v. Bidang Teknologi Komunikasi (Mobile)
- vi. Bidang Teknologi Kimia
- vii. Bidang Teknologi Bahan
- viii. Bidang Sains Perhutanan
- ix. Bidang Teknologi Alam Sekitar
- x. Bidang Teknologi Elektrik & Elektronik / Digital
- xi. Bidang Teknologi Multimedia
- xii. Bidang Teknologi Sekuriti Maklumat dan Forensik
- xiii. Bidang Ekonomi
- xiv. Bidang Pendidikan dan Sosial
- xv. Bidang Farmasi
- xvi. Bidang Bioteknologi
- xvii. Bidang Seni Grafik
- xviii. Bidang Kejuruteraan (Knowledge Engineering)

Buat masa ini, ilmuan-ilmuan terbabit masing-masing berkhidmat dengan universiti tempatan dan terlibat dengan aktif dengan profesional masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: LANJUTAN PAJAKAN TANAH**

156. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sejak dilancarkan, berapa permohonan untuk lanjutan pajakan diterima, bilangan yang berjaya diproses mengikut Pejabat Daerah?
- b) Berapa permohonan untuk lanjutan pajakan diterima, bilangan yang berjaya diproses untuk kawasan DUN Bukit Gasing?

**JAWAPAN :**

- a) Sejak Skim pemilikan tanah bagi tujuan kediaman dengan bayaran RM1,000 dilaksanakan, terdapat sebanyak 2,043 permohonan diterima dan sebanyak 1,505 permohonan telah diluluskan bagi tujuan lanjutan tempoh pajakan.

Melalui skim ini, Kerajaan Negeri menyasarkan semua tanah milikan individu yang telah tamat atau hampir tamat tempoh pajakan dapat diperbaharui tempoh pajakannya.

Pecahan permohonan mengikut daerah seperti dalam jadual berikut :

**Jumlah Bilangan Permohonan Lanjut Tempoh Pajakan dan Bilangan Yang Berjaya di Proses Sejak Dilancarkan Sehingga November 2012**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN LULUS</b>
1	Hulu Selangor	94	20
2	Hulu Langat	377	287
3	Kuala Selangor	123	108
4	Petaling	987	730
5	Sepang	28	10
6	Kuala Langat	76	76
7	Gombak	105	105
8	Sabak Bernam	27	8
9	Klang	226	161
<b>JUMLAH</b>		<b>2043</b>	<b>1505</b>

- b) Bagi DUN Bukit Gasing, sebanyak 895 permohonan untuk lanjutan pajakan diterima, dan sebanyak 765 permohonan telah diluluskan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: PERUNTUKAN SEKTOR PELANCONGAN**

157. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pelancongan di DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?

**JAWAPAN :**

2	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di Taman Seri Pertama, Sungai Buloh, Daerah Kuala Selangor	RM 37,000.00
3	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di Jalan Mahkota Impian, Fasa 1, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor	RM 363,900.00
4	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di Jalan Cakera Purnama Fasa 2, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor	RM 165,180.00
5	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di Jalan Naluri Sukma 8/1 dan kawasan perniagaan Fasa 2, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor	RM 165,230.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 1,129,560.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak unit rumah terbengkalai yang diwarisi dari kerajaan barisan nasional sejak 2008?
- b) Berapa unit yang telah diselesaikan dan diserahkan kepada pembelinya?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek rumah terbengkalai di Negeri Selangor yang telah diwariskan dari Kerajaan Barisan Nasional sejak Mac 2008 adalah sebanyak 136 projek yang melibatkan 37,174 unit. Senarai projek terbengkalai mengikut pecahan daerah seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	9	1	1	-	11	3,802
2	MBPJ	3	2	-	-	5	2,246
3	MPSJ	6	2	-	-	8	2,740
4	MPAJ	8	-	-	-	8	3,282
5	MPK	26	3	1	-	30	3,937
6	MPKJ	14	-	-	-	14	5,122
7	MPS	9	-	-	2	11	3,257
8	MPSp	8	1	-	-	8	3,208
9	MDKS	8	-	-	2	10	3,691
10	MDHS	9	1	-	5	15	4,855
11	MDKL	15	1	-	-	16	1,034
<b>JUMLAH</b>		<b>115</b>	<b>11</b>	<b>2</b>	<b>9</b>	<b>136</b>	<b>37,174</b>

- b) Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, dari Mac 2008 sehingga 31 Mei 2013 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 40 projek terbengkalai yang melibatkan 18,879 unit seperti berikut :

### 19 PROJEK BERLESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam (MBSA)	Pemaju : Unique Creation Diambilalih : SPNB	580 unit
2.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	1,447 unit
3.	Projek Lestari Putra (Fasa D), Lot 48729, Puchong	Lestari Puchong Sdn Bhd	244 unit
4.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer S/B Construction Sdn. Bhd	30 unit
5.	Rumah Kos Rendah Taman Ukay Indah Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tetuan Triumph City Sdn. Bhd. JV Tetuan Scenic Marina Sdn. Bhd.	660 unit
6.	Spring Ville, Taman Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Ukayland S/B	799 unit
7.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 unit
8.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Pemaju Lama : Lembah Kerjaya S/B Pelikuidasi : Rimbun Capital S/B	300 unit
9.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
10.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn.Bhd.	319 unit

11.	Taman Hijau Indah (MPS)	Lim Chin Hin & Sons Industries S/B Pemaju Penyelamat : ECO Dev. S/B	120 unit
12.	Projek Alam Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan LBCN Development Pemaju Penyelamat : MBI	3,606 unit
13	Projek Rumah Kos Rendah (RKR), Taman Berembang Indah, Bandar Hulu Klang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tuan Tanah : Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)(Projek Usahasama) Pemaju : Perspektif Masa Sdn. Bhd.	694 unit
14	Taman Setia Warisan, Seksyen U6, Shah Alam (MBSA)	Tetuan Sri Rambai Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Tetuan Harapan Konsep Sdn. Bhd.	15 unit
15	Projek Perumahan Taman Lestari Permai, Seri Kembangan Di Atas, Mukim Dengkil, Daerah Sepang (MPSp)	Tetuan Europlus Construction Sdn Bhd.	568 unit
16	Projek Perumahan Taman Khalid Al-Walid Fasa 1 dan 2, Lot 3236 & 3237, Daerah Klang (MBSA)	Kelland Development Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : SPNB	94 unit
17	Projek Perumahan Bandar Pinggiran Shah Alam Di Atas Lot 4185, Geran Mukim 5343, Klang (MBSA)	Tyss-Ain S/B (Projek telah dijual kepada pemaju baru & bayaran pembeli dipulangkan)	62 unit
18	Pangsapuri Seri Mutiara, Lot 163 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Y-Talis Housing Sdn. Bhd. / Intelbest Corporation Sdn. Bhd. Pelikuidasi : KPMG Corporate Services Sdn. Bhd.	256 unit
19	Projek Saujana Putra, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta S/B & Tetuan Sanjung Hemat S/B	278 unit
<b>JUMLAH</b>			<b>10,352 unit</b>

## 21 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn Bhd	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	LBS Bina Group Berhad	340 unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
4.	Apartment Seri Putri di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2 Di Atas Hakmilik H.S.(D) 107830, P.P. No. 509, Seksyen 20, Shah Alam (MBSA)	Majlis Bandaraya Shah Alam Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Semangat Ulung Sdn. Bhd.	312 Unit
5.	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara S/B Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel S/B	1 Blok
6.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
7.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya (MPSJ)	Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
8.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit
9.	Pangsapuri Perkhidmatan, HS(D) 50727 PT 13178, Lagoon Perdana, Bandar Sunway (MPSJ)	Tenaga Gagah S/B	1,052 Unit
10.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang (MPK)	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
11.	Rumah Berkembar, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Klang (MPK)	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>NAMA PEMAJU</b>	<b>UNIT</b>
12.	Pusat Perubatan 6 Tingkat Dan 2 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas PT 21154 Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang (MPK)	PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Blok
13.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
14.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
15.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
16.	Rumah Teres 2 Tingkat, HSD 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
17.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
18.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
19.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
20.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor (MDHS)	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
21.	Pembangunan Bercampur Belvedere Service Condominium (Lagoon Perdana), HS(D) 148053, PT 2, Pekan Penaga, Mukim Petaling (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	500 unit
<b>JUMLAH</b>			<b>8,527unit</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PENURAPAN JALAN**

168. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah spesifikasi pembaikan dan penurapan jalan oleh PBT?
- b) Jika kerja dilakukan mengikut spesifikasi, apakah tempoh hayat pembaikan dan penurapan?
- c) Apa tindakan kerajaan negeri untuk mendapat jaminan daripada kontraktor supaya kerja tahan mengikut spesifikasi?

**JAWAPAN :**

- a) Spesifikasi pembaikan dan penurapan jalan oleh PBT adalah mengikut kepada spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak JKR iaitu :
  - Kerosakan jalan berlubang perlu dibuat penampalan pada permukaan berlubang dengan membuat potongan menggunakan "*diamond cutter*" berbentuk segi empat sama mengikut kelebaran "*pathole*". Kawasan yang dipotong dibersihkan dengan lapisan "*tac coat*". Seterusnya "*concrete asphalt/premix*" diletakkan di dalam lubang dan dimampatkan.
  - Bagi jalan yang mempunyai kerosakan permukaan, perlu diturap dengan menggunakan mesin "*paver*". Suhu premix semasa penghantaran adalah 120°C. Kerja-kerja pepadatan perlu menggunakan "*steel roller*" seberat 10tan. Bagi mendapatkan permukaan yang rata, "*tyre roller*" digunakan bagi mendapatkan ketebalan 50mm bagi jalan utama dan 40mm bagi kawasan perumahan.
- b) Tempoh hayat pembaikan dan penurapan jalan adalah bergantung kepada faktor cuaca dan beban kenderaan yang menggunakan jalan berkenaan. Di samping itu juga, sistem perparitan yang tidak efisien juga merupakan antara penyebab jalan berkenaan menjadi lebih mudah rosak. Kebiasaannya, jalan yang direka bentuk mengikut spesifikasi dapat bertahan selama 5 hingga 10 tahun.

- c) Pelbagai tindakan diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan kontraktor mengikut kepada spesifikasi yang telah ditetapkan. Antara tindakan yang diambil adalah dengan melakukan beberapa ujian seperti ujian ketebalan premix (*Coring Test*), ujian kepadatan (*California Bearing Ratio*), dan ujian saiz bahan batuan (*Sieve analysis*). Selain itu pihak kontraktor juga telah diwajibkan menyediakan bon jaminan pelaksanaan atau wang tahanan mengikut harga kontrak yang diterima dan dikenakan tempoh tanggung kecacatan (*Defect Liability Period*) selama 1 tahun atau 6 bulan mengikut gred kerja yang dijalankan. Sekiranya dalam tempoh tersebut berlaku kerosakan, pihak kontraktor diarahkan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan semula atau wang tahanan tersebut tidak akan dipulangkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: PROGRAM KERAJAAN NEGERI**

169. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah program atau peruntukan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan tahap kebersihan kawasan kampung sentiasa dijaga di DUN Teluk Datuk?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan negeri melalui agensi penyelaras iaitu Pejabat Tanah telah menyalurkan peruntukan kepada JKKK di daerah Kuala Langat secara amnya dan di DUN Teluk Datuk khususnya sebanyak RM10,000.00 setahun. Antara program yang telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan tersebut ialah gotong-royong di peringkat kampung bagi memastikan keceriaan dan kebersihan sentiasa terjaga dan terpelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: ANAK KELAHIRAN SELANGOR**

170. Manifesto Pakatan sebelum ini mengemukakan tabung permulaan RM100 setiap anak kelahiran Selangor .

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah anak-anak yang telah menerimanya sehingga kini dan kosnya?
- b) Berapakah jumlah kelahiran di Selangor dari 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah anak yang telah menerima adalah sebanyak **66,169** ahli dan jumlah wang yang telah dibelanjakan adalah sebanyak **RM6,616,900.00**.
- b) Bilangan kelahiran di Selangor yang didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan diproses oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah 98.4 ribu dan 101.6 ribu pada 2008 dan 2009, masing-masing.

Kelahiran bayi seramai 32.8 ribu di laporkan di daerah Petaling pada 2009, merupakan bilangan tertinggi berbanding daerah lain di Selangor. Ulu Langat merekodkan kedua tertinggi iaitu seramai 21.1 ribu dan Klang mencatatkan hampir 16 ribu. Sementara itu, daerah Gombak pula mencatatkan 12.8 ribu kelahiran pada tahun yang sama.

Maklumat kelahiran mengikut daerah pentadbiran adalah seperti di lampiran.

## Kelahiran hidup mengikut daerah pentadbiran, Selangor, 2008-2011

Daerah pentadbiran	Kelahiran hidup			
	2008	2009	2010	2011 <sup>P</sup>
<b>Selangor</b>	<b>98,404</b>	<b>101,610</b>	<b>98,429</b>	<b>98,519</b>
Gombak	12,373	12,785		
Klang	15,810	15,987		
Kuala Langat	4,712	4,975		
Kuala Selangor	3,414	3,519		
Petaling	31,971	32,822		
Sabak Bernam	2,326	2,288		
Sepang <sup>1</sup>	3,924	4,500		
Ulu Langat	20,284	21,140		
Ulu Selangor	3,590	3,594		

Nota: <sup>1</sup> Termasuk W.P. Putrajaya  
<sup>P</sup> permulaan

### Nota Keterangan:

1. Data kelahiran bagi tahun 2008-2010 adalah angka muktamad manakala data 2011 merupakan angka permulaan.
2. Data kelahiran bagi tahun 2010-2011 di peringkat daerah pentadbiran sedang disediakan berdasarkan daerah pentadbiran baru yang diwujudkan pada banci 2010.
3. Data kelahiran bagi tahun 2012 – 2013 belum tersedia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: STATUS TANAH DI KAMPUNG KERANDANG BUKIT TAGAR**

171. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan status tanah di Kampung Kerandang Bukit Tagar yang terdapat lebih kurang 750 peneroka yang telah lama mengusahakan tanah tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) PTD Hulu Selangor melalui fail PTUS: (R) 07/13/PB01/0136/022004 bertarikh 26.6.2008 telah mengemukakan kertas ringkasan untuk pertimbangan MMKN seperti berikut:
- i) Permohonan Untuk Membatalkan Sebahagian Kawasan Hutan Simpan Bukit Tarek GN 2835 -14 Seluas 1198.50 Hektar Mukim Sungai Tinggi Daerah Hulu Selangor; dan
  - ii) Permohonan Pelupusan Secara Pemberimilikan Di Atas Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Seluas 0.6 Hektar - 1.5 Hektar/Lot Di Mukim Sungai Tinggi Daerah Hulu Selangor daripada HAIRUL AZMAN B MD NOH dan 779 Pemohon .

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 25/2009 bertarikh 12 Ogos 2009 melalui Kertas EXCO-MTES No: 2/22/2009 tidak membincangkan mengenai kertas ringkasan Pejabat Tanah tetapi membincangkan kertas ringkasan daripada Pejabat Hutan Negeri Selangor melalui fail PHN.SEL (S) 01/5/53 Klt 5 dengan menimbang dan bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut:

- i) Mengekalkan kawasan terokaan seluas lebih kurang 354 hektar berkenaan sebagai Hutan Simpan. Jabatan Perhutanan Selangor akan mengambil tindakan untuk menghutankan semula kawasan yang telah diteroka secara haram;
- ii) Jabatan Perhutanan juga akan mengambil tindakan ke atas peneroka-peneroka yang telah mencero boh Hutan Simpan tersebut secara haram;
- iii) Mengenakan caj ke atas peneroka haram dan penduduk yang telah mengusahakan tanah tersebut tanpa kebenaran Kerajaan Negeri; dan
- iv) PTD Hulu Selangor diminta menolak terus sebarang permohonan pemberimilikan ke atas hutan ini pada masa akan datang.

PTD Hulu Selangor telah mengambil maklum ke atas keputusan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: JALAN LUAR BANDAR**

172. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri mengikut pecahan setiap daerah untuk membina dan menaik taraf jalan luar bandar dalam tempoh 2009-2012?
- b) Apakah perancangan yang bakal dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi tahun 2009 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM71,414,950.98 bagi melaksanakan 2,643 projek infrastruktur kecil di luar bandar .

Daripada jumlah ini, sejumlah **1,140** buah projek telah dilaksanakan bagi tujuan membina dan menaiktaraf jalan luar bandar dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 28,808,087.93**. Perincian pelaksanaan bilangan projek membina dan menaiktaraf jalan luar bandar mengikut tahun dan daerah adalah seperti **JADUAL 1** di bawah:

**JADUAL 1:**  
**Perincian Peruntukan Membina dan Menaiktaraf Jalan Luarbandar Mengikut**  
**Tahun dan Daerah di Negeri Selangor**

Bil	Daerah	Tahun				Jumlah
		2009	2010	2011	2012	
1.	Petaling	375,000.00	408,710.00	709,000.00	2,293,550.00	3,786,260.00
2.	Klang	338,000.00	743,644.50	627,849.00	3,991,691.60	5,701,185.10
3.	Gombak	130,000.00	801,000.00	310,000.00	886,337.96	2,127,337.96
4.	Hulu Langat	230,353.50	343,056.00	288,989.27	2,256,400.00	3,118,798.77
5.	Sepang	160,000.00	411,500.00	427,300.00	1,173,200.00	2,172,000.00
6.	Kuala Langat	100,000.00	510,000.00	395,000.00	715,900.00	1,720,900.00
7.	Kuala Selangor	210,000.00	451,189.70	706,353.55	2,240,585.00	3,608,128.25
8.	Hulu Selangor	40,000.00	500,000.00	424,000.00	821,759.35	1,785,759.35
9.	Sabak Bernam	258,680.00	971,556.00	964,535.00	2,592,947.50	4,787,718.50
<b>Jumlah</b>		<b>1,842,033.50</b>	<b>5,140,656.20</b>	<b>4,853,026.82</b>	<b>16,972,371.41</b>	<b>28,808,087.93</b>

- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersedia untuk memacu pertumbuhan ekonomi ke arah tahap yang lebih tinggi setiap tahun. Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan Negeri telah pun menyusun pelbagai perancangan dan strategi dalam melestarikan aspek pembangunan yang terbaik. Pelbagai usaha pembangunan khususnya bagi pembangunan luar bandar antaranya dalam membina dan menaiktaraf kemudahan bekalan luar bandar akan terus dilaksanakan demi menjamin pembangunan yang seimbang di kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam hal ini lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi tujuan membina serta menaiktaraf kemudahan jalan luar bandar kepada setiap daerah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan secara menyeluruh kepada semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Melalui peruntukan ini, permohonan boleh dikemukakan oleh Pejabat Daerah kepada pihak Kerajaan Negeri berdasarkan keperluan dan juga tahap kritikal sesuatu kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: REZAB SIMPANAN**

173. Difahamkan rezab simpanan tunai Kerajaan Negeri meningkat kepada RM2.6 bilion.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah bentuk atau mekanisme yang diperkenalkan sehingga penambahan begitu mendadak?
- b) Ke arah manakah rancangan kerajaan dengan wang yang begitu banyak?

**JAWAPAN :**

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 adalah meningkat sebanyak 34.74% iaitu daripada RM1,944.00 juta pada tahun 2011 kepada RM2,619.44 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh lebihan terimaan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM268.10 juta dan peningkatan terimaan amanah sebanyak RM386.45 juta. Pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah disumbangkan di antaranya oleh usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri Selangor melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- i) mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum. Bagi tahun 2012, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil daripada faedah ke atas pelaburan sebanyak RM52 juta berbanding RM14 juta pada tahun 2007;



- ii) Pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
- 1) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
  - 2) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
  - 3) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
  - 4) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah dan Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- 1) mengenalpasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
  - 2) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
  - 3) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
  - 4) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah dan Tanah;

- v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di 4 Pejabat Daerah dan Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Pada tahun 2012, tunggakan hasil Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM352.12 juta berbanding RM425.27 juta pada tahun 2011 dengan pengurangan sebanyak RM73.15 juta; dan
  - vi) Perbendaharaan Negeri Selangor pada 23 Jun 2012 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah bagi memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna.
- b) Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur serta mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Ianya penting agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kerajaan Negeri Selangor pada pembentangan Bajet 2013 telah mengumumkan akan menggunakan rizab negeri, diantaranya, bagi melaksanakan pembinaan jambatan ketiga di Klang, melaksanakan penggunaan *Storm Water* di hiliran sungai sebagai sumber air terawat, membaiki dan menaik taraf sistem saliran di Negeri Selangor dan membina rumah mampu milik melalui projek "Rumah Mampu Milik Pasang Siap" (*Prefabricated Packages Home*) yang bakal dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membantu rakyat yang terbeban dengan harga rumah yang melambung di pasaran pada ketika ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM**

174. Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan dasar pemutihan kilang-kilang haram di Negeri Selangor :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan kilang-kilang haram yang telah berjaya di putihkan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan bilangan kilang-kilang yang masih belum dapat di laksanakan pemutihan kilang haram mengikut kawasan (PBT) dan daerah-daerah di Negeri Selangor ?
- c) Apakah langkah-langkah kerajaan Negeri Selangor untuk mencegah daripada wujudnya 'kilang-kilang haram' yang baru.

**JAWAPAN :**

- a) Sebanyak 1150 (51.11%) pemilik kilang tanpa kebenaran telah membuat permohonan mengubah kategori dan meminda syarat nyata tanah. Sebanyak 975 permohonan telah diluluskan, 22 ditolak dan sebanyak 7 telah ditangguh. Pecahan permohonan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil	Daerah	Jumlah lot yang terlibat	Permohonan Tukar Syarat	Permohonan lulus
1	Sabak Bernam	15	9	6
2	Kuala Selangor	34	19	12
3	Klang	434	74	56
4	Petaling	985	828	686
5	Hulu Langat	467	152	152
6	Gombak	44	-	-
7	Sepang	44	2	1
8	Hulu Selangor	18	3	2

9	Kuala Langat	209	63	60
<b>Jumlah</b>		<b>2250</b>	<b>1150</b>	<b>975</b>

- b) Bilangan kilang yang masih belum diselesaikan mengikut daerah adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah lot yang terlibat</b>	<b>Tiada permohonan</b>
1	Sabak Bernam	15	6
2	Kuala Selangor	34	15
3	Klang	434	360
4	Petaling	985	236
5	Hulu Langat	467	315
6	Gombak	44	-
7	Sepang	44	42
8	Hulu Selangor	18	15
9	Kuala Langat	209	146
<b>Jumlah</b>		<b>2250</b>	<b>1135</b>

- c) Bagi mencegah kewujudan kilang – kilang haram baru, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama Pejabat Tanah Daerah (PTD) menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan pemilik tanah dan pengusaha kilang mendapatkan kelulusan tukar syarat tanah kepada industri dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: ONE STOP CRISIS CENTER (OSCC)**

175. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila nyatakan statistik kes OSCC sejak penubuhan ke 2013.
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan OSCC di setiap hospital di Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Statistik kes OSCC dari tahun 2008 sehingga April 2013 adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KES	TAHUN					
		2008	2009	2010	2011	2012	APRIL 2013
1.	ROGOL	465	491	539	493	452	179
2.	LIWAT	20	31	25	34	30	14
3.	PENDERAAN	727	831	1001	1163	1439	387
4.	LAIN-LAIN	389	333	321	269	408	194
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,601</b>	<b>1,686</b>	<b>1,886</b>	<b>1,956</b>	<b>2,329</b>	<b>774</b>

- b) Penubuhan OSCC di hospital-hospital di negeri Selangor adalah wajar. Dari sebelas hospital, enam telah dilengkapi dengan kemudahan dan perkhidmatan OSCC. Penambahan OSCC di hospital-hospital selain yang enam itu, di negeri Selangor adalah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerajaan negeri Selangor akan menggesa perkara ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PENJAJA WARGA ASING**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Pendirian kerajaan negeri terhadap isu penjaja-penjaja warga asing yang semakin membimbangkan dan tindakan yang akan diambil.

**JAWAPAN :**

- a) Perkara ini di luar bidang kuasa pihak MPAJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: SAINS DAN TEKNOLOGI**

177. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk melahirkan 10 hasil reka cipta sains dan teknologi terbaik bertaraf dunia, dan berapakah tempoh masa yang diperlukan?

**JAWAPAN :**

- a) Buat masa ini belum ada suatu rancangan bersepadu mengenai perkara tersebut. Walau bagaimanapun melalui STANDCO STI, Kerajaan Negeri ada menganjurkan Karnival Sains Teknologi dan Inovasi di mana di antara pengisiannya adalah pertandingan reka cipta inovasi. Karnival ini biasanya diadakan 2 tahun sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : BIDANG PENYELIDIKAN**

178 Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bidang penyelidikan yang menjadi keutamaan negeri?
- b) Apakah hasil penyelidikan institusi pendidikan negeri yang dapat dimanfaatkan?
- c) Bagaimana hendak mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan?

**JAWAPAN :**

- a) Tumpuan penyelidikan adalah dalam bidang yang menjadi "niche" kepada institusi berkenaan contohnya Universiti Industri Selangor (UNISEL) yang menumpukan kepada pembangunan produk-produk bioteknologi dan produk-produk halal manakala Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pula menumpukan kepada kajian-kajian yang meliputi penambahbaikan dalam urus tadbir pendidikan dan pembangunan modal insan.

Kerajaan Negeri Selangor telah memberi geran penyelidikan sebanyak RM5.8 juta kepada UNISEL dan KUIS bermula dari tahun 2009 sehingga 2012 dalam membangunkan bidang penyelidikan yang menjadi tumpuan kepada institusi yang berkenaan.



- b) Hasil penyelidikan Institusi Pendidikan Negeri yang dapat dimanfaatkan adalah seperti berikut:-

Hasil Penyelidikan daripada UNISEL

- i. Kajian di dalam bidang Teknologi Hijau, "Green Chemistry", Industri Bioteknologi;
- ii. Aplikasi DNA dan teknologi Bio-Sensor di dalam keselamatan makanan dan pengeluaran makanan halal;
- iii. Pembangunan produk-produk asli dari tumbuhan-tumbuhan yang disebut di dalam Al-Quran;
- iv. Kajian berkenaan *Halal Quality Assurance* dan Pembangunan Produk Halal; dan
- v. Kajian rahsia tumbuhan yang disebut di dalam Al-Quran.

Hasil Penyelidikan daripada KUIS

- i. Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di Sekolah-sekolah Rendah Agama Negeri Selangor;
- ii. Profesionalisme Guru-guru di Sekolah Rendah Agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor,
- iii. Peranan KUIS dalam Pembangunan Insan di Negeri Selangor;
- iv. Peranan PIBG dan keberkesannya dalam Sistem Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Selangor;
- v. Pengurusan SAR/KAFA Persendirian di Negeri Selangor : Suatu Analisis Keperluan;
- vi. Kajian Perkembangan Sosio-Psikologi Pelajar Melayu di Felda Negeri Selangor;
- vii. Kepuasan Kerja Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- viii. Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Sijil Menengah Agama (SMA) di Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan (SBAK) di Negeri Selangor; dan
- ix. Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian di Negeri Selangor.

- c) Beberapa MOU kerjasama telah ditandatangani dan beberapa program telah dilaksanakan bertujuan untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan. Antaranya adalah seperti berikut: -
- i) MOU bersama ITB Bandung, Indonesia berkenaan tumbuhan yang disebut di dalam Al-Quran;
  - ii) Pembinaan Taman Botani Al-Quran di Sekolah Rendah Agama Kg. Delek, Klang;
  - iii) Pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa Pendidikan Islam (World Come) yang dikendalikan oleh KUIS;
  - iv) Penerbitan buku yang bertajuk "Peeling the scientific facts of banana"; dan
  - v) Penerbitan buku Perbendaharaan Al-Quran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: ADUAN TERHADAP KONTRAKTOR SAMPAH**

179. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan bilangan aduan terhadap kontraktor sampah setiap bulan mengikut PBT bermula bulan Januari tahun 2008 hingga bulan Mei 2013.
- b) Senaraikan nama syarikat dan pemilik kontraktor-kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka sejak kerja-kerja kutipan sampah domestik, pembersihan dan kutipan sampah pukal diambil alih oleh PBT.

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : ADUAN TERHADAP KONTRAKTOR SAMPAH**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan bilangan aduan terhadap kontraktor sampah setiap bulan mengikut PBT bermula bulan Januari tahun 2008 hingga bulan Mei 2013.
- b) Senaraikan nama syarikat dan pemilik kontraktor-kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka sejak kerja-kerja kutipan sampah domestik, pembersihan dan kutipan sampah pukal diambil alih oleh PBT.

**JAWAPAN :**

- a) Bilangan aduan terhadap kontraktor sampah mengikut pecahan PBT dan setiap bulan bermula bulan Januari 2008 hingga bulan Mei 2013 adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Kerja-kerja kutipan sampah domestik, pembersihan dan kutipan sampah diambil alih sepenuhnya oleh PBT ialah pada 1 Mac 2012 kecuali MPS yang mengendalikan sendiri pengurusan sampah sebelum ini. Syarikat dan pemilik kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh PBT seperti di Lampiran 2.

Lampiran 1

Jawapan a

Jumlah bilangan aduan terhadap kontraktor sampah sejak tahun 2008 hingga bulan Mei 2013 ialah :-

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Jumlah	3800	5954	5452	8305	19006	4208

\*\*\*sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

Pecahan mengikut PBT dan bulan adalah seperti di bawah:-

**Majlis Bandaraya Shah Alam**

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MBSA					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari					3796	161
Februari					558	76
Mac					731	77
April					293	137
Mei					166	78
Jun					248	84
Julai					200	99
Ogos					203	141
September					138	-
Oktober					143	-
November					138	-
Disember					140	-
Jumlah	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	6754	853

\*\*\*sumber: MBSA

### Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MBPJ					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	59	123	155	132	535	514
Februari	74	125	76	122	527	368
Mac	53	105	74	107	1046	362
April	54	134	82	131	474	465
Mei	63	165	51	137	419	419
Jun	38	141	73	226	482	
Julai	63	145	87	179	431	
Ogos	57	120	57	332	409	
September	72	111	98	509	405	
Oktober	89	204	111	455	509	
November	88	97	125	572	509	
Disember	83	127	134	652	447	
<b>Jumlah</b>	<b>793</b>	<b>1597</b>	<b>1123</b>	<b>3554</b>	<b>6193</b>	<b>2128</b>

\*\*\*sumber: MBPJ

### Majlis Perbandaran Subang Jaya

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPSJ					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari		50	58	78	281	91
Februari		70	49	60	155	63
Mac	Aduan sampah domestik terus ke Alam Flora	208	55	82	647	66
April		190	49	76	135	45
Mei		107	55	72	146	36
Jun		77	48	79	112	
Julai		104	53	82	48	
Ogos		54	74	111	57	
September		5	47	58	117	74
Oktober		27	87	80	87	82
November		18	56	49	93	53

Disember	31	81	80	151	103	
<b>Jumlah</b>	<b>81</b>	<b>1131</b>	<b>708</b>	<b>1088</b>	<b>1893</b>	<b>301</b>

\*\*\*sumber: MPSJ

### Majlis Perbandaran Kajang

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPKj					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	57	104	160	124	410	125
Februari	61	71	149	81	134	82
Mac	41	86	133	105	207	98
April	46	117	72	129	189	63
Mei	41	111	76	141	112	84
Jun	30	81	87	159	130	
Julai	32	68	93	101	185	
Ogos	62	105	106	192	122	
September	44	71	133	266	121	
Oktober	35	98	113	185	106	
November	97	77	131	215	144	
Disember	70	100	99	199	94	
<b>Jumlah</b>	<b>616</b>	<b>1089</b>	<b>1352</b>	<b>1897</b>	<b>1954</b>	<b>452</b>

\*\*\*sumber: MPKj

### Majlis Perbandaran Selayang

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPS					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	73	35	11	93	-	45
Februari	41	26	19	80	-	20
Mac	54	20	28	68	663	21
April	59	36	21	54	204	18
Mei	34	42	29	59	65	15
Jun	37	17	34	54	53	
Julai	45	20	53	50	70	

Ogos	27	14	48	52	38	
September	15	7	30	60	98	
Oktober	26	16	53	102	73	
November	31	18	53	94	46	
Disember	21	24	172	149	22	
<b>Jumlah</b>	<b>463</b>	<b>275</b>	<b>551</b>	<b>915</b>	<b>1332</b>	<b>119</b>

\*\*\*sumber: MPS

### Majlis Perbandaran Klang

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPK					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	123	102	157	10	16	41
Februari	104	99	126	15	20	21
Mac	113	122	131	21	14	16
April	126	166	135	14	21	13
Mei	109	132	124	16	17	14
Jun	115	118	109	11	23	
Julai	145	143	117	13	18	
Ogos	133	106	125	11	13	
September	120	142	112	23	20	
Oktober	144	150	128	12	23	
November	129	153	104	8	18	
Disember	140	161	98	12	31	
<b>Jumlah</b>	<b>1501</b>	<b>1594</b>	<b>1466</b>	<b>166</b>	<b>234</b>	<b>105</b>

\*\*\*sumber: MPK

### Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPAJ					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	2	0	1	1	3	3
Februari	0	0	0	1	0	1
Mac	0	0	0	2	2	1
April	0	0	1	0	1	1



Mei	1	0	0	0	1	3
Jun	0	0	3	1	2	
Julai	0	1	3	0	1	
Ogos	1	0	1	3	0	
September	2	1	2	0	2	
Oktober	0	0	0	0	2	
November	0	0	1	0	1	
Disember	0	2	1	1	2	
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>4</b>	<b>13</b>	<b>9</b>	<b>17</b>	<b>9</b>

\*\*\*sumber: MPAJ

### Majlis Perbandaran Sepang

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MPSP					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari				1	39	26
Februari				12	31	15
Mac				18	106	15
April				19	22	12
Mei				16	19	18
Jun				26	13	
Julai				39	8	
Ogos				26	13	
September				45	21	
Oktober				60	7	
November				38	12	
Disember				37	6	
<b>Jumlah</b>	<b>Tiada</b>	<b>Tiada</b>	<b>Tiada</b>	<b>337</b>	<b>297</b>	<b>86</b>

\*\*\*sumber: MPSP

### Majlis Daerah Kuala Selangor

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MDKS					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	7	6	2	7	4	20
Februari	14	9	2	2	1	11
Mac	14	4	3	1	10	11
April	14	3	1	0	4	8
Mei	7	3	0	1	11	8
Jun	5	1	0	5	8	
Julai	14	5	1	0	13	
Ogos	11	2	6	1	10	
September	11	6	0	2	19	
Oktober	15	4	0	10	13	
November	10	2	0	4	29	
Disember	12	16	3	1	6	
<b>Jumlah</b>	<b>134</b>	<b>61</b>	<b>18</b>	<b>34</b>	<b>128</b>	<b>58</b>

\*\*\*sumber: MDKS

### Majlis Daerah Sabak Bernam

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MDSB					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	2	1	3	1	5	0
Februari	1	2	2	6	3	2
Mac	1	2	3	2	5	1
April	3	2	1	0	1	1
Mei	2	1	0	0	1	0
Jun	3	2	1	0	0	
Julai	2	1	1	4	0	
Ogos	1	0	1	1	0	
September	1	1	2	7	0	
Oktober	1	1	2	40	0	
<b>November</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	

Disember	2	1	2	0	0	
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>14</b>	<b>19</b>	<b>65</b>	<b>15</b>	

\*\*\*sumber: MDSB

### Majlis Daerah Kuala Langat

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MDKL					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	7	2	10	22	9	3
Februari	15	9	12	17	14	11
Mac	11	6	7	4	31	7
April	6	7	5	14	16	11
Mei	12	6	8	13	10	8
Jun	8	3	10	9	6	
Julai	15	4	10	3	5	
Ogos	9	4	19	15	6	
September	8	3	7	20	12	
Oktober	10	8	10	25	8	
November	13	-	5	19	6	
Disember	16	9	14	12	13	
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>60</b>	<b>117</b>	<b>173</b>	<b>136</b>	

\*\*\*sumber: MDKL

### Majlis Daerah Hulu Selangor

Bulan / Tahun	Bilangan Aduan Terhadap Kontraktor Sampah di MDHS					
	2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013
Januari	9	4	6	5	9	9
Februari	8	5	4	6	4	3
Mac	1	8	9	3	2	8
April	2	10	5	5	3	9
Mei	1	12	16	7	10	24
Jun	5	5	8	4	7	
Julai	5	7	8	9	5	

Ogos	7	8	10	9	3	
September	5	17	5	2	3	
Oktober	6	14	10	7	1	
November	1	15	7	3	2	
<b>Disember</b>	<b>6</b>	<b>23</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	
<b>Jumlah</b>	<b>56</b>	<b>128</b>	<b>99</b>	<b>67</b>	<b>53</b>	<b>53</b>

\*\*\*sumber: MDKL

## Lampiran 2

### Jawapan No. 2

Jumlah kontraktor ditamatkan perkhidmatan sejak kendalian PBT sepenuhnya (data sejak 1 Mac 2012 ) ialah:-

PBT	MB SA	MB PJ	MP SJ	MP Kj	MP S	MP K	MP AJ	MP Sp	MDK S	MDS B	MD KL	MDH S
2012	2	-	14	9	11	3	-	6	1	-	-	-
2013	-	9	-	3	-	1	9	1	1	-	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>9</b>	<b>14</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

Senarai bilangan kontraktor yang ditamatkan mengikut pecahan PBT adalah seperti di bawah:-

#### Majlis Bandaraya Shah Alam

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1	KPS Energy	Mohd Zaian bin Draman	36 bulan	03hb September 2012.
2	EZ Unggul	Mohd Zamzee bin Mohd Zainuddin	36 bulan	03hb September 2012.

\*\*\*sumber: MBSA

#### Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	WENSO ENTERPRISE	MUHAMAD AZLAN BIN MALIK	2 TAHUN	1.3.2013
2.	TITIAN KOTA ENTERPRISE	HELI SAMAMY BT HUSAINI	2 TAHUN	4.3.2013
3.	AKS WIBAWA ENTERPRISE	KASWADI BIN MOHD NAZAL	2 TAHUN	4.3.2013
4.	HANI MAJU ENTERPRISE	HANI BIN MAT SOM	2 TAHUN	4.3.2013
5.	WIRA INDAH ENTERPRSE	PAUZAN BIN DELI	2 TAHUN	18.3.2013

6.	PERNIAGAAN AFIF BESTARI	ABU BAKAR DAHALAN	2 TAHUN	1.5.2013
7.	BAIDURI UNGGUL	AHMAD SALEHEN BIN MOHD ALI	2 TAHUN	20.5.2013
8.	BESNAR UTAMA	SUHAIMI BIN ABDUL SHAWI @ SAMIUN	2 TAHUN	25.7.2013
9.	MUTIARA SYANAH ENTERPRISE	NORFISAH BINTI MAWI	2 TAHUN	25.7.2013

\*\*\**sumber: MBPJ*

### Majlis Perbandaran Subang Jaya

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	Mercu Efektif Enterprise	Zawawi bin Ali	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	25.06.2012
2.	Nur Ja Enterprise	Nur hayati binti Mohd. Ladzim	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	25.06.2012
3.	Go & On Enterprise	Mohd. Azahari bin Mohd. Yussof	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	30.06.2012
4.	NAML Niaga	Nor Aisyah binti Mohd. Ladzim	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	25.06.2012
5.	Gunung Bromo Enterprise	Mohd. Sani bin Ahmad Salim	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	25.06.2012
6.	Era Vista Corporation Sdn. Bhd.	Haji Nasaruddin bin Hj Mohd Yunus	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
7.	Majunal Resources	Zainul Asri bin Che Omar	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
8.	D' Sign Niaga Enterprise	Muhamad Nor Hamdan bin Md. Said	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
9.	GH Electrical Engineering	Mohd. Nizam	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
10.	Idaman Jati Construction & Services	Abdul Rahman Mohamad	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012

11.	Maa Mai Enterprise	Amirudin bin Abu Nawi @ Ahmad	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
12.	Senja Kenangan Sdn. Bhd.	Ahmad Zawawi bin Abidin	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
13.	Pembersihan Gemilang Warisan	Nor Shidy bin Abas	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012
14.	Aura Tuah Sdn. Bhd.	Mazlinda binti Mohamed Isa	01.02.2012 sehingga 31.01.2014	31.08.2012

\*\*\**sumber: MPSJ*

### Majlis Perbandaran Kajang

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	GESA BINA RESOURCES	JOHAR BIN OSMAN	3 TAHUN	31/3/2012
2.	ZAMARA RESOURCES	RAMLI BIN AYOB	3 TAHUN	31/3/2012
3.	ONE N MAA ENTERPRISE	MASTURA BT SETAPA	3 TAHUN	26/7/2012
4.	AREKI RESOURCES	MOHD SABRI MOHD YUSUFF	3 TAHUN	15/6/2013
5.	SYARIKAT DAMI	ISMAIL BIN SAERAN	2 TAHUN	1/2/2012
6.	ACCRETE ENGINEERING SDN.BHD	AZRIN BIN ABDUL AZIZ	2 TAHUN	31/3/2012
7.	XLANDO SERVICE SDN.BHD	MOHD AMIN KHIR B TOHAR	2 TAHUN	31/5/2012
8.	KEJORA SAKTI	RAMLAH ISMAIL	2 TAHUN	31/5/2012
9.	TUNJANG UTAMA ENTERPRISE	ROHANA ISMAIL	2 TAHUN	31/5/2012
10.	PWME ENTERPRISE	ROZITA BINTI RAMLAN	2 TAHUN	31/12/2012
11.	BINA IKHTIAR	OMAR BIN MOHD NOH	2 TAHUN	6/6/2013
12.	BARIYON ENTERPRISE	MOHD IYON ABD MALIK	2 TAHUN	31/7/2013

\*\*\**sumber: MPKj*

### Majlis Perbandaran Klang

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	AG PREMIER MULTISERVICES S/B	Siti Hamidah Binti Rahim	2 TAHUN	1 Mei 2012
2.	BAKTI JAYA ENTERPRISE	Tahir @ Alias Bin Tehda	2 TAHUN	15 Mei 2012
3.	FENAS RESOURCES	Nor Khuzaimah Binti Abdul Khalil	2 TAHUN	15 Mei 2012
4.	REDUP WARNA SERVICES	Mohd Hafiz Bin Mustafa	3 TAHUN	1 Jan 2013

\*\*\*sumber: MPK

### Majlis Perbandaran Selayang

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	Pelangi Makmur Resources 3/2-4/1123SP	Norizan bt. Hussin	5 tahun	1/4/2012
2.	Sutera Nilam Enterprise 3/2-4/1120SP	Mohd. Faizul Asro b. Ismal	5 tahun	1/4/2012
3.	Istaza Teguh Enterprise 3/2-4/1114SP	Ismail bin Amir	5 tahun	1/4/2012
4.	Tunjang Bekal 3/2-4/1127SP	Rofiah Abas	5 tahun	1/4/2012
5.	My Wan Dagang 3/2-4/1117SP	Wan Mahiran bt. Megat Idris	5 tahun	1/4/2012
6.	Delima Salju Resources 3/2-4/1115SP (Tarik Diri)	Norhamimah bt. Pain @ Misron	5 tahun	1/4/2012
7.	Mutiara Pelangi Enterprise 3/2-4/1128SP (Tarik Diri)	Siti Norehan bt. Ismail	5 tahun	1/4/2012



8.	Transkripsi Enterprise 3/2-4/1124SP (Tarik Diri)	Nor Haslinda binti Hussin	5 tahun	16/4/2012
9.	Raz Era Bistari 3/2-4/1121SP (Tarik Diri)	Musfirah bt. Esa	5 tahun	1/5/2012
10.	RNK gemilang Resources 3/2-4/1144PA	Raja Kamaruzzaman b. Raja Chulan	3 tahun	30/6/2012
11.	Suria Gold Enterprise 3/2-4/1140PA	Nur Amalina bt. Yusof	3 tahun	5/8/2012

\*\*\*sumber: MPS

#### Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bil	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1	CIRI DINAMIK	AZLAN ADNAN	5 tahun	19.7.13
2	CAHAYA BINA	AZHAR BIN SAIDIN	5 tahun	18.7.13
3	R BINA ENTERPRISE	MUHAMMAD SHAHIZAM RAMLI	5 tahun	4.9.13
4	ZUMY ENGINEERING	SHOURMYLA BT SHAMSUDDIN	5 tahun	15.9.13
5	ZNS ENGINEERING	ZULKIFLI B. MUHAMMAD BASAR	5 tahun	15.9.13
6	AFTACOP SDN BHD	AILIZ ZARINNA JAINI	5 tahun	15.9.13
7	OLITECH VENTURE	MOHD FADZIL B. ADB MUARAT	5 tahun	4.9.13
8	ARMIEGO ONE RESOURCES	SUHAIMI BIN SAHAR	5 tahun	31.1.13
9	NAK ENTERPRISE	MOHD AFIZAL MOHD ANUAR	5 tahun	26.3.13

\*\*\*sumber: MPAJ

### Majlis Perbandaran Sepang

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	BINAAN USAHA MAJU		2 TAHUN	OKTOBER 2012
2.	TITIAN AZ		2 TAHUN	OKTOBER 2012
3.	MESRA SOKMO		2 TAHUN	OKTOBER 2012
4.	EL-NOUR		2 TAHUN	OKTOBER 2012
5.	N-NUR		3 TAHUN	MAC 2012
6.	D'TANDUK		2 TAHUN	OGOS 2012
7.	BARIGO		2 TAHUN	FEBRUARI 2013

\*\*\*sumber: MPSp

### Majlis Daerah Kuala Selangor

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	Sireh Sepuncak Ent	Tuginah Bt Hj Abdul Karim	24 bulan	30 Mei 2012
2.	Wira Kukuh Ent	Mohd Nizam B. Ilias	24 bulan	1 April 2013

\*\*\*sumber: MDKS

### Majlis Daerah Sabak Bernam

-Tiada-

\*\*\*sumber: MDSB

### Majlis Daerah Kuala Langat

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	Vitara Enterprise	Zulfitri Bin Zulkapli	1.3.2012- 28.2.2014	1.7.2013

\*\*\*sumber: MDKL

### Majlis Daerah Hulu Selangor

Bil.	Nama Syarikat	Pemilik Syarikat	Tempoh Kontrak	Tarikh Ditamatkan
1.	True Tech	Safnas B. Hashim	5 tahun	1.7.2013

\*\*\*sumber: MDKL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : / 030 ( ( 0 - )30 0 10 040 )**

180. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan kawasan-kawasan yang sering dilanda masalah hakisan pantai di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor.
- b) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan Negeri dan Persekutuan sejak 3 tahun yang lalu bagi menangani masalah hakisan tersebut ?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah hakisan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya kawasan yang menerima masalah hakisan pantai adalah **benteng-benteng di sepanjang pantai** yang sering terdedah dengan hakisan ombak.

		RM 20,000.00/ projek	Jenis tanaman yang dipilih ialah cili, melon, timun, tomato dan terung. insentif amalan teknologi pertanian yang merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi pengawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
	04-Pembangunan sumber bahan mentah bagi industri bioteknologi	RM 40,000.00/ projek	pengeluaran benih tisu kultur yang berkualiti.
		RM 20,000.00/ projek	usahawan pembuatan EM dan IMO dibantu dengan menaiktaraf bengkel-bengkel yang sediada perlu dengan peralatan-peralatan yang bersesuaian.
<b>Kod Projek</b>	<b>Nama Projek / Subprojek</b>	<b>Kadar Pembiayaan</b>	<b>Spesifikasi bantuan</b>
13000	Pengurusan Tanah Bermasalah		
	01-Tanah Gambut	RM 30,000.00/ha	
	02-Tanah Bekas Lombong	RM 25,000.00/ha	
	03-Tanah Berpotensi asid Sulfik	RM 30,000.00/ha	
<b>Kod Projek</b>	<b>Nama Projek / Subprojek</b>	<b>Kadar Pembiayaan</b>	<b>Spesifikasi bantuan</b>



14000	Pengurusan Tanah Terbiar	RM 20,000.00/ha	Pembangunan kawasan dan infrastruktur ladang iaitu pembersihan kawasan dan penyediaan kawasan, sistem pengairan dan saliran, jalan ladang serta insentif amalan teknologi pertanian. Meningkatkan aktiviti pasca tuai iaitu mengukuhkan rangkaian pemasaran dari segi hasil kepelbagaian produk (IAT), pusat pengumpulan, penggredan dan pemasaran hasil ladang, stor, dan bengkel pemprosesan.
-------	--------------------------	-----------------	---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: URBAN MICROCREDIT SCHEME (SKIMSEL)**

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan laporan kewangan SkimSEL termasuk: jumlah peminjam, jumlah pinjaman, jumlah pendapatan dari penerimaan faedah, jumlah hutang luput, kos pentadbiran dll.
- b) Adakah skim ini '*self-sustainable*' seperti institusi mikro Kredit antarabangsa?

**JAWAPAN :**

- a) Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2010 dan seterusnya dilancarkan pada 2 September 2010. SKIMSEL telah diamanahkan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dan di kampung-kampung tradisi sahaja.

Sehingga kini, SKIMSEL telah mempunyai sembilan (9) buah cawangan yang beroperasi di 9 daerah di negeri Selangor iaitu Cawangan Sabak Bernam, Cawangan Kuala Selangor, Cawangan Hulu Selangor, Cawangan Hulu Langat, Cawangan Kuala Langat, Cawangan Sepang, Cawangan Gombak, Cawangan Petaling dan Cawangan Klang. Semua pejabat cawangan beroperasi di Bangunan Pejabat dan Tanah Daerah masing-masing.

Jumlah dana yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada SKIMSEL adalah sejumlah RM50 juta. Sehingga 30hb April 2013, SKIMSEL telah menerima peruntukan dana sebanyak RM22.4 juta. Dengan dana yang ada SKIMSEL telah berjaya mengeluarkan pembiayaan mikro Kredit dengan bilangan akaun pembiayaan sebanyak 16,099 berjumlah RM50,582,050.00 kepada 7,610 orang peserta atau sadiq.

SKIMSEL sentiasa berusaha untuk mengekalkan kadar bayaran balik pembiayaan pada tahap 100 peratus (zero PAR) bagi operasi di semua cawangan. Sehingga kini, kadar bayaran balik SKIMSEL berada pada tahap 98.34 peratus.

Berikut adalah maklumat berkaitan sadiq dan pengeluaran pembiayaan mengikut daerah atau cawangan SKIMSEL:

<b>CAWANGAN</b>	<b>SADIQ</b>	<b>BIL PEMBIAYAAN</b>	<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>
<b>Sabak Bernam</b>	1,144	3,093	9,871,100.00
<b>Hulu Selangor</b>	1,059	2,297	7,880,800.00
<b>Kuala Selangor</b>	1,223	2,368	6,754,850.00
<b>Hulu Langat</b>	1,281	2,279	7,014,200.00
<b>Kuala Langat</b>	1,159	2,338	7,846,500.00
<b>Sepang</b>	832	1,981	6,053,500.00
<b>Gombak</b>	187	302	874,000.00
<b>Petaling</b>	357	827	2,558,500.00
<b>Klang</b>	368	614	1,728,600.00
<b>SKIMSEL</b>	<b>7,610</b>	<b>16,099</b>	<b>50,582,050.00</b>

- b) Sehingga kini, SKIMSEL baru beroperasi lebih kurang tiga tahun, maka SKIMSEL masih belum mencapai tahap self-sustainable seperti institusi mikro kredit antarabangsa.



A Member Firm of the  
Malaysian Institute of Accountants

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR  
(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)  
(Diperbadankan Di Malaysia)**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR (Yayasan), yang merangkumi Lembaran Imbangan Yayasan pada 31 Disember 2011, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan Yayasan untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 23.

*Tanggungjawab Para Pemegang Amanah Ke Atas Penyata Kewangan*

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan diluluskan MASB untuk Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, dan kawalan dalaman dimana para Pemegang Amanah menentukan diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Yayasan dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Yayasan. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pemegang Amanah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan diluluskan MASB untuk Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2011 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN DAR AL QARD  
AL HASAN SELANGOR (SAMB.)  
(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)  
(Diperbadankan di Malaysia)**


**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Badan Pengawasan Lain**

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Yayasan, yang kami bertindak sebagai juruaudit, telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Yayasan, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



ISMAIL ADAM & CO.  
AF : 1367  
AKAUNTAN BERTAULIAH



ISMAIL BIN ADAM  
2170/08/13(J)  
AKAUNTAN BERTAULIAH

Kuala Lumpur

Tarikh: 13 DEC 2012

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011**

	Nota	2011 RM	2010 RM
HARTA DAN PERALATAN	3	724,418	179,932
<b>ASET SEMASA</b>			
Pembiayaan	4	12,040,531	1,440,477
Baki di bank	5	9,227,086	1,041,787
Pelbagai penghutang dan pendahuluan	6	104,090	1,000
Baki panjar wang runcit	7	2,238	286
		21,373,945	2,483,550
<b>TOLAK:LIABILITI SEMASA</b>			
Deposit sekuriti	8	1,158,063	109,859
Simpanan wajib	9	717,717	38,975
Pelbagai pemiutang dan belanja terakru	10	61,608	33,782
		1,937,388	182,616
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		19,436,557	2,300,934
		20,160,975	2,480,866
<b>DIBIYAI OLEH:</b>			
Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor	11	24,174,468	2,964,468
Kurangan pendapatan terkumpul		(4,013,493)	(483,602)
		20,160,975	2,480,866

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
 (Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PADA 31 DISEMBER 2011**

	Nota	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
<b>Pendapatan</b>	12	1,177,958	87,438
<b>Tambah : Pendapatan lain</b>	13	10,775	351
<b>Tolak:Belanja kakitangan</b>			
Bonus dan suguhati		96,245	-
Elaun		371,923	16,611
Emolumen dan gaji		2,496,880	338,020
Insuran kakitangan		57,891	6,261
KWSP		399,420	49,211
Latihan kakitangan		142,478	13,420
Pakaian korporat		22,976	-
Perubatan		34,065	1,410
PERKESO		33,124	3,292
		3,655,002	428,225

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
 (Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PADA 31 DISEMBER 2011 (SAMB.)**

	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
<b>Belanja pentadbiran</b>		
Bahan bacaan	3,217	-
Belanja alatulis dan aksesori komputer	44,996	7,759
Belanja keraian	62,146	15,673
Belanja mesyuarat	5,346	-
Belanja penubuhan	-	1,910
Belanja penyelenggaraan/pembaikan	16,935	11,200
Belanja percetakan	116,916	7,635
Belanja perhubungan	31,579	1,985
Belanja setem	800	-
Belanja utiliti	47,226	1,631
Denda	260	-
Insuran sadiq	6,189	-
Kertas	2,200	-
Latihan sadiq	96,657	850
Pembersihan	2,467	-
Pengiklanan dan promosi	99,499	-
Perpindahan kakitangan	9,500	-
Sewa mesin fotostat	17,750	-
Sewa pejabat	107,784	-
Sumbangan/khairat	4,800	200
Tuntutan perjalanan dan penginapan	228,648	36,546
Yuran ikhtisas	150	-
Yuran pengauditan	8,000	5,000
	<b>913,065</b>	<b>90,389</b>

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
(Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)



**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
 (SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PADA 31 DISEMBER 2011 (SAMB.)**

	Nota	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
<b>Lain-lain belanja operasi:</b>			
Belanja susutnilai		139,950	50,756
		139,950	50,756
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		4,708,017	569,370
<b>Tolak:Perbelanjaan kewangan</b>			
Caj bank		10,607	2,021
<b>Jumlah perbelanjaan keseluruhan</b>		4,718,624	571,391
<b>Kurangan pendapatan daripada perbelanjaan</b>		(3,529,891)	(483,602)
Cukai	14	-	-
<b>Kurangan pendapatan bagi tahun semasa</b>	15	(3,529,891)	(483,602)
<b>Kurangan pendapatan terkumpul pada awal tahun</b>		(483,602)	-
<b>Kurangan pendapatan terkumpul pada akhir tahun</b>		(4,013,493)	(483,602)

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
 (Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN PADA 31 DISEMBER 2011**

	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
<b>Baki awal pada 1 Januari 2011</b>	1,042,073	-
<b>Campur:Penerimaan</b>		
Bayaran balik pinjaman ekonomi	6,718,885	81,523
Bayaran balik pinjaman pendidikan	355,495	-
Bayaran balik pinjaman kakitangan	117,997	-
Bayaran balik pinjaman bermusim	450	-
Caj pembiayaan ekonomi	1,008,346	63,575
Deposit sekuriti	1,069,047	109,859
Hibah tabung pembiayaan	10,765	285
Hibah tabung pengurusan	-	65
Kutipan takaful kredit	169,622	23,863
Penerimaan Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor	21,210,000	2,964,468
Simpanan wajib	700,487	38,975
<b>Jumlah Penerimaan</b>	<b>31,361,094</b>	<b>3,282,613</b>
<b>Tolak:Pembayaran</b>		
Bahan bacaan	3,217	-
Belanja alatulis dan aksesori komputer	106,452	7,759
Belanja insuran kakitangan	57,891	6,261
Belanja keraian	62,146	15,673
Belanja mesyuarat	5,348	-
Belanja penubuhan	-	1,910
Belanja penyelenggaraan	16,935	11,200
Belanja percetakan	56,010	7,135
Belanja perhubungan	31,579	1,985
Belanja setem	800	1,410
Belanja perubatan kakitangan	10,061	-
Belanja utiliti	47,226	1,631
Bonus dan saguehati	96,245	-
Baki dihantar ke hadapan	493,910	54,964

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
(Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN PADA 31 DISEMBER 2011 (SAMB.)**

	Nota	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
Baki dibawa di hadapan		493,910	54,964
Caj bank		10,607	2,021
Denda		260	-
Deposit lain-lain		54,390	-
Deposit mesin fotostat		4,500	1,000
Pendahuluan khairat		43,000	-
Elaun		372,073	16,611
Emolumen dan gaji		2,504,571	326,084
Insuran sadiq		6,189	-
Kertas		2,200	-
KWSP		399,420	34,199
Latihan sadiq		96,657	850
Latihan kakitangan		142,478	13,920
Pakaian korporat		22,976	-
Pembersihan		2,467	-
Pengeluaran sekuriti deposit		20,843	-
Pengeluaran simpanan wajib		21,745	-
Pembelian harta dan peralatan	3	684,436	230,688
Pembiayaan pinjaman perniagaan		16,772,550	1,497,000
Pembiayaan pinjaman kiosk		138,616	-
Pembiayaan pinjaman khemah		23,000	-
Pembiayaan pinjaman pendidikan		768,700	25,000
Pembiayaan pinjaman bermusim		72,000	-
Pembiayaan pinjaman kakitangan		10,000	-
Pengiklanan dan promosi		99,499	-
PERKESO		33,124	1,457
Baki dihantar ke hadapan		<b>22,800,211</b>	<b>2,203,794</b>

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
(Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
**(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)**  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN PADA 31 DISEMBER 2011 (SAMB.)**

	Nota	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
Baki dibawa di hadapan		22,800,211	2,203,794
Perpindahan kakitangan		9,500	-
Sewa mesin fotostat		17,750	-
Sewa pejabat		107,784	-
Sumbangan/khairat		4,800	200
Tuntutan perjalanan dan penginapan		228,648	36,546
Yuran audit		5,000	-
Yuran ikhtisas		150	-
<b>Jumlah Pembayaran</b>		<b>68,774,265</b>	<b>6,648,128</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember 2011</b>		<b>9,229,324</b>	<b>(3,365,515)</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:</b>			
Baki di bank	5	9,227,086	1,041,787
Baki panjar wang runcit	7	2,238	286
		<b>9,229,324</b>	<b>1,042,073</b>

(Nota-nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini)  
 (Laporan juruaudit di muka surat 9 dan 10.)

**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR  
(SEBUAH SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN)  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

**1. PENDAHULUAN**

Yayasan adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan, ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia. Pejabat berdaftar Yayasan adalah di Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40502 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Jumlah pekerja Yayasan pada 31 Disember 2011 adalah seramai 100 orang (SKIMSEL seramai 62 orang dan MIMBAR seramai 38 orang).

Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2011 menunjukkan kedudukan kewangan, manakala Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan melaporkan aktiviti-aktiviti kewangan bagi tahun kewangan berakhir hingga 31 Disember 2011.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas-asas perakaunan**

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Akaun Yayasan telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

**(b) Harta, peralatan dan susutnilai**

Harta dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira dengan menggunakan asas sama rata sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta dan peralatan tersebut. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Kerja dalam kemajuan	-
Komputer dan laman sesawang	33%
Perabot	10% - 50%
Penghawa dingin	20%
Pengubahsuaian	10%
Peralatan	10% - 50%
Kiosk prototaip	20%

**(c) Tunai dan bersamaan tunai**

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di bank dan wang runcit.

**(d) Penghutang**

Semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang mencukupi telah disediakan bagi hutang ragu.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (CONTD.)

## (e) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan pelaburan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

## (f) Perbadanan induk

Perbadanan induk adalah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

## 3. HARTA DAN PERALATAN

	Nilai buku bersih pada 1.1.2011 RM	Tambahan RM	Susutnilai dikenakan RM	Nilai buku bersih pada 31.12.2011 RM
Kerja dalam kemajuan	-	122,898	-	122,898
Komputer dan laman sesawang	74,390	145,474	(74,347)	145,517
Perabot	29,709	108,133	(20,220)	117,622
Penghawa dingin	17,200	7,300	(5,760)	41,540
Pengubahsuaian	56,023	211,603	(30,235)	214,591
Peralatan	2,610	76,528	(6,888)	72,250
Kiosk prototaip	-	12,500	(2,500)	10,000
<b>JUMLAH</b>	<b>179,932</b>	<b>684,436</b>	<b>(139,950)</b>	<b>724,418</b>

	Kos RM	Susutnilai terkumpul RM	Nilai buku bersih RM	Susutnilai dikenakan RM
<b><u>Pada 31.12.2011</u></b>				
Kerja dalam kemajuan	122,898	-	122,898	-
Komputer dan laman sesawang	256,504	(110,987)	145,517	74,347
Perabot	141,143	(23,521)	117,622	20,220
Penghawa dingin	28,800	(15,760)	41,540	5,760
Pengubahsuaian	273,851	(30,760)	214,591	30,235
Peralatan	79,428	(7,178)	72,250	6,888
Kiosk prototaip	12,500	(2,500)	10,000	2,500
<b>JUMLAH</b>	<b>915,124</b>	<b>(190,706)</b>	<b>724,418</b>	<b>139,950</b>

<b><u>Pada 31.12.2010</u></b>				
Komputer dan laman sesawang	111,030	(36,640)	74,390	36,640
Perabot	33,010	(3,301)	29,709	3,301
Penghawa dingin	21,500	(4,300)	17,200	4,300
Pengubahsuaian	62,248	(6,225)	56,023	6,225
Peralatan	2,900	(290)	2,610	290
<b>JUMLAH</b>	<b>230,688</b>	<b>(50,756)</b>	<b>179,932</b>	<b>50,756</b>

**4. PEMBIAYAAN**

Pembiayaan adalah merupakan jumlah pinjaman yang diberikan kepada peminjam (Sadiq), di bawah Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR).

**5. BAKI DI BANK**

	2011 RM	2010 RM
Baki di bank: SKIMSEL		
Tabung pembiayaan (Bank Islam Malaysia Berhad)	5,211,624	978,173
Tabung pengurusan (Bank Islam Malaysia Berhad)	43,184	63,614
Baki di bank: MIMBAR		
Akaun pembiayaan (Bank Islam Malaysia Berhad)	3,219,077	-
Akaun pembiayaan (Malayan Banking Berhad)	197,451	-
Akaun pengurusan (Bank Islam Malaysia Berhad)	255,750	-
Akaun pengurusan (Malayan Banking Berhad)	300,000	-
	<u>9,227,086</u>	<u>1,041,787</u>

**6. PELBAGAI PENGHUTANG DAN PENDAHULUAN**

Deposit mesin fotostat	5,500	1,000
Deposit utiliti	8,000	-
Deposit sewa pejabat	16,000	-
Deposit lain-lain	30,390	-
LHDN - Potongan cukai berjadual	1,200	-
Pendahuluan khairat kematian	43,000	-
	<u>104,090</u>	<u>1,000</u>

**7. BAKI PANJAR WANG RUNCIT**

Baki tunai: SKIMSEL		
Panjar wang runcit Pusat Pengurusan	954	-
Panjar wang runcit Cawangan Sabak Bernam	160	-
Panjar wang runcit Cawangan Kuala Selangor	154	46
Panjar wang runcit Cawangan Hulu Selangor	15	13
Panjar wang runcit Cawangan Hulu Langat	367	121
Panjar wang runcit Cawangan Kuala Langat	1	106
Panjar wang runcit Cawangan Sepang	14	-
Baki tunai: MIMBAR		
Baki tunai di tangan	573	-
Jumlah	<u>2,238</u>	<u>286</u>

**8. DEPOSIT SEKURITI**

Deposit sekuriti adalah potongan yang dikenakan kepada peminjam terhadap sebahagian pinjaman/pembiayaan yang diberikan. Ia berperanan untuk membantu mengurangkan jumlah tunggakan pinjaman.

**9. SIMPANAN WAJIB**

Simpanan wajib adalah kutipan simpanan wajib mingguan sebanyak RM5 oleh setiap peminjam dan boleh dikeluarkan apabila diperlukan.

**10. PELBAGAI PEMIUTANG DAN BELANJA TERAKRU**

	2011 RM	2010 RM
Akruan:		
Biro angkasa	13,641	-
Emolumen dan elaun	-	1,825
KWSP	28,831	23,021
LHDN - Potongan cukai berjadual	-	1,695
PERKESO	2,316	2,241
Sewa mesin fotostat	231	-
Utiliti	1,524	-
Yuran pengauditan	8,000	5,000
Wakaf	130	-
Wang pegangan	6,145	-
Zakat	790	-
	<u>61,608</u>	<u>33,782</u>

**11. TABUNG DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**

Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor	<u>24,174,468</u>	<u>2,964,468</u>
--------------------------------------	-------------------	------------------

Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor adalah dana yang diperolehi dari Kerajaan Negeri Selangor melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) sebagai modal untuk penubuhan, pengiklanan, pengurusan dan penyelenggaraan Yayasan serta pembiayaan pinjaman Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) yang dikelolakan oleh pihak Yayasan.



**12. PENDAPATAN**

	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
Caj pembiayaan ekonomi	907,340	63,575
Caj pembiayaan pendidikan	86,469	-
Caj pembiayaan pelbagai	1,975	-
Caj pembiayaan bermusim	12,562	-
Takaful kredit	169,612	23,863
	<u>1,177,958</u>	<u>87,438</u>

**13. PENDAPATAN LAIN**

Hibah	<u>10,775</u>	<u>351</u>
-------	---------------	------------

**14. CUKAI**

Tiada peruntukan cukai yang dikenakan pada tempoh semasa kerana Yayasan tidak mempunyai pendapatan bercukai.

**15. KURANGAN PENDAPATAN BAGI TAHUN SEMASA**

Kurangan pendapatan bagi tahun semasa telah mengambilkira senarai perbelanjaan di bawah:

	Dari 1.1.2011 hingga 31.12.2011 RM	Dari 8.7.2010 hingga 31.12.2010 RM
Yuran pengauditan	8,000	5,000
Belanja susutnilai	139,950	50,756
Belanja kakitangan	3,655,002	428,225
Sewa mesin fotostat	17,750	-
Sewa pejabat	107,784	-
	<u>3,928,486</u>	<u>484,001</u>

**16. POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN**

**(a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan**

Yayasan telah mewujudkan dasar-dasar pengurusan risiko, panduan dan prosedur kawalan bagi menangani pendedahannya terhadap risiko kewangan. Urus niaga lindung nilai ditentukan bagi komitmen komersial; instrumen derivatif kewangan hanya digunakan untuk melindungi nilai pendedahan komersial itu dan bukannya untuk dipegang atau dijual bagi tujuan spekulatif.

**(b) Risiko kecairan**

Dalam pengurusan risiko kecairan, Yayasan memantau dan mengekalkan satu tahap nilai tunai dan bersamaan tunai yang dianggap mencukupi oleh pihak pengurusan bagi membiayai operasi Yayasan dan mengelakkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

**(c) Risiko kredit**

Aset kewangan yang berpotensi mengalih tumpuan Yayasan terhadap risiko kredit yang kebanyakannya terdiri daripada penerimaan, wang tunai dan bersamaan tunai, sekuriti boleh niaga dan instrumen kewangan yang digunakan dalam aktiviti lindung nilai. Risiko kredit diurus melalui penggunaan had kredit dan prosedur pengawasan.

**17. ANGKA – ANGKA BANDINGAN**

Angka – angka bandingan yang telah dibentangkan di penyata pendapatan dan perbelanjaan dan di penyata penerimaan dan pembayaran adalah sebagai perbandingan untuk tempoh dari tarikh penubuhan pada 8.7.2010 hingga 31.12.2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PINDAAN TERHADAP UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR 1959**

203. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan menyenaraikan semua pindaan yang telah dijalankan terhadap Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 1959. Nyatakan kandungan sebelum pindaan, selepas pindaan, tarikh pindaan diluluskan di dalam Dewan Negeri Selangor serta dengan nombor warta untuk setiap pindaan.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai Pindaan Terhadap Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor :

<b>Bil.</b>	<b>No. Warta</b>	<b>Pindaan</b>	<b>Tarikh Diluluskan DUN</b>	<b>Tarikh Kuatkuasa</b>
1.	P.W.S. 281 /1960	Terdapat 3 pindaan pada fasal (4) Perkara XXIV dan Fasal (2) Perkara XXIV	-	26 Mei 1960
2.	P.U.S. 6/1962	Terdapat 3 pindaan pada fasal (1) Perkara XXIV perenggan (b),(c), (d) dan 1 pindaan pada Fasal (1) Perkara XXVI	-	1 Julai 1962
3.	ENAKMEN NO. 9/62	Terdapat 2 pindaan pada Perkara LXIV	30 Julai 1962	30 Ogos 1962
4.	ENAKMEN NO. 7/64	Terdapat beberapa pindaan pada Perkara LIV, LXVI dan LXXXVI	8 Oktober 1964	19 Nov. 1964
5.	P.W.S. 47/1966	Terdapat pindaan pada perenggan (d) Fasal (1) Perkara XXIV	-	2 Februari 1966

6.	ENAKMEN NO. 9/68	Terdapat pindaan pada Perkara XCVII	20 Disember 1968	31 Januari 1969
7.	ENAKMEN NO. 1/69	Terdapat pindaan pada Perkara LXX	12 Februari 1969	18 November 1968
8.	ENAKMEN NO. 1/73	Terdapat pindaan pada Perkara XCVIII	9 Mei 1973	9 Mei 1973
9.	P.W.S. 367/1973	Terdapat pindaan pada Perkara XXIV	-	10 Ogos 1973
10.	ENAKMEN NO. 4/73	Terdapat pindaan pada Perkara XLVI	4 Julai 1973	1 Februari 1974
11.	ENAKMEN NO. 7/74	Terdapat pindaan pada Perkara XLVIII dan Perkara XCVII	29 November 1974	29 November 1974
12.	P.W.S. 104/1975	Terdapat pindaan pada Perkara XXIV	-	1 Januari 1975
13.	P.W.S. 436/1977	Terdapat pindaan pada Fasal (3) Perkara XLI	-	25 November 1977
14.	ENAKMEN NO. 4/83	Terdapat pindaan pada Perkara LXII, Perkara LXIV, Perkara LXVII dan Perkara LXXII	26 September 1983	15 Disember 1983
15.	ENAKMEN NO. 1/84	Terdapat pindaan pada Perkara LXII	2 April 1984	16 Disember 1983
16.	SEL.PU.NO. 7/89	Terdapat pindaan pada Perkara IX, Perkara XII, Perkara XXIV dan XLI	-	1 Januari 1989
17.	SEL.PU. NO.2/90	Terdapat pindaan pada Perkara XXIV	-	1 Februari 1990
18.	ENAKMEN NO. 2/90	Terdapat pindaan pada Perkara LXIV	24 Julai 1990	31 Ogos 1990
19.	ENAKMEN NO. 7/90	Terdapat pindaan pada Perkara LXIV	5 Januari 1991	5 Januari 1991

20.	ENAKMEN NO. 4/93	Terdapat pindaan pada Perkara LII, Perkara LV dan Perkara LX Bahagian Kedua	28 Jun 1993	23 Julai 1993
21.	ENAKMEN NO. 1/94	Terdapat pindaan pada Perkara LXX Bahagian Kedua	4 April 1994	13 Mei 1994
22.	ENAKMEN NO.2/95	Terdapat beberapa pindaan	31 Julai 1995	24 November 1995
23.	SEL.PU.NO. 2/96	Terdapat pindaan pada Fasal (1) Perkara XXIV	-	1 Januari 1996
24.	SEL.PU. NO.25/97	Terdapat pindaan pada Fasal (1) Perkara XLI	-	1 Jun 1997
25.	SEL.PU. NO.7/98	Terdapat beberapa pindaan	-	15 September 1998
26.	ENAKMEN NO.2/2000	Terdapat pindaan pada Fasal (4) Perkara LXXI	7 Ogos 2000	6 Disember 1999
27.	ENAKMEN NO.9/2000	Terdapat beberapa pindaan	16 November 2000	1 Februari 2001
28.	SEL.PU. NO. 16/2002	Terdapat beberapa pindaan	-	23 Mei 2002
29.	ENAKMEN NO. 6/2003	Terdapat beberapa pindaan	28 April 2003	25 Julai 2003
30.	SEL.PU. NO. 9/2003	Terdapat beberapa pindaan	-	10 April 2003
31.	ENAKMEN NO.6/2005	Terdapat pindaan dalam Perkara C Fasal (1)	6 Disember 2005	22 Februari 2006
32.	ENAKMEN NO. 2/2007	Terdapat pindaan dalam Perenggan 11 Jadual	16 Julai 2007	13 September 2007

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PELAN PERANCANGAN DUN TERATAI**

204. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Selangor ada suatu pelan landskap DUN Teratai dan berapakah peruntukan tahun ini untuk pelan perancangan DUN Teratai supaya jadi sebuah kawasan hijau, indah dan bersih?
- b) Sila kemukakan dokumen tindakan perancangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di DUN Teratai dalam tempoh 2008 – 2013.

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Majlis tidak mempunyai Pelan Landskap khusus untuk Dun Teratai. Walaubagaimanapun pihak Majlis telah memohon peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara untuk mewujudkan Pelan Induk Lanskap seluruh kawasan MPAJ. Pihak Majlis juga memperuntukkan anggaran RM 489,210.00 untuk Dun Teratai pada tahun 2013 bagi penyelenggaraan dan pengindahan landskap. Untuk makluman, pihak Majlis melaksanakan program penanaman pokok menggunakan kakitangan sendiri dan pokok ini dari tapak semaian Majlis dan ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos bagi pengindahan landskap di kawasan Majlis.
- b) Pengindahan landskap yang telah dibelanjakan untuk Dun Teratai sepanjang 2008 sehingga 2012

<u>Tahun</u>	<u>Amaun</u>
2008	689,810.00
2009	354,190.00
2010	258,950.00
2011	699,306.00
2012	683,862.96

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: KILANG HARAM**

205. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah kilang haram yang telah dan belum diputihkan daripada tahun 2008 hingga 2013 mengikut PBT?
- b) Berapakah kilang haram baru yang dikesan daripada tahun 2008 hingga 2013 mengikut PBT?

**JAWAPAN :**

- a) Sebanyak **1,197 permohonan** untuk tukar syarat tanah dan meminda syarat nyata tanah diterima dalam proses pemutihan kilang haram di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga kini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1000 permohonan** telah diluluskan dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran A**.
- b) Setakat ini, tiada kilang haram baru yang dikesan. Namun begitu, banciaan sedang dibuat bagi mengenal pasti kilang-kilang haram yang baru.

**LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH  
PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DAN MEMINDA SYARAT NYATA TANAH**

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN		KEPUTUSAN				DALAM TINDAKAN	PERMIT KHAS SEMENTARA			PREMIUM TAMBAHAN (RM)	
		BIL.	%	LULUS	TOLAK	TANGGUH	BATAL PERMOHONAN		2009	2010	2011	TELAH BAYAR (RM)	BELUM BAYAR (RM)
PETALING	985	828	84,06%	686	5	-	9	127	-	-	-	106.292.645,96	72.979.729,50
KLANG	434	74	17,05%	55	2	2	-	9	125	-	-	10.553.407,00	
GOMBAK	44	27	61,36%	19	-	-	-	8	-	-	-	-	-
HULU LANGAT	336	160	47,62%	158	-	-	-	2	-	-	-	65.230.743,30	4.137.452,00
KUALA LANGAT	209	88	42,11%	71	15	1	-	3	-	-	-	7.045.448,50	1.495.466,00
SEPANG	44	2	4,55%	1	-	1	-	-	-	-	-	133.256,25	-
HULU SELANGOR	17	10	58,82%	5	1	-	-	4	-	-	-	432.011,10	-
KUALA SELANGOR	34	6	17,65%	5	1	-	-	-	-	-	-	592.657,70	
SABAK BERNAM	15	2	13,33%	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2.118</b>	<b>1.197</b>	<b>56,52%</b>	<b>1000</b>	<b>25</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>154</b>	<b>125</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>190.280.169,81</b>	<b>78.612.647,50</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: PERUNTUKAN PEMBERSIHAN SUNGAI LANGAT**

206. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan digunakan oleh Jabatan Pengurusan Saliran Selangor untuk membersihkan dan menyelenggara Sungai Langat sejak tahun 2008 sehingga Bulan Mei, 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Lembangan Sungai Langat adalah terletak di 3 buah daerah iaitu:

1. Kuala Langat
2. Hulu Langat
3. Sepang

Skop kerja bagi kerja-kerja penyelenggaraan adalah termasuk:

1. Pembersihan tebing sungai dan pemotongan runput di kiri dan kanan tebing sungai.
2. Pembuangan dan pembersihan sampah di perangkap sampah yang terdapat di sepanjang sungai.
3. Pembaikan tebing dan ban

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tidak menerima sebarang peruntukan khas bagi kerja-kerja penyelenggaraan Sg Langat. Walaubagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan masih juga dijalankan dengan menggunakan kedua-dua peruntukan pembangunan dan mengurus sedia ada sebanyak:

<b>Kuala Langat</b>	<b>: RM 3,450,000.00</b>
<b>Hulu Langat</b>	<b>: RM 3,000,000.00</b>
<b>Sepang</b>	<b>: RM 1,200,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: KAWASAN INDUSTRI ZURAH RASA**

207. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan kawasan industri Zurah Rasa kepada pelabur asing?

**JAWAPAN :**

- a) Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan kawasan Industri Zurah, Rasa kepada pelabur asing adalah seperti berikut;-
1. Penyertaan pelbagai program promosi dan kempen jualan hartanah PKNS yang diadakan sepanjang tahun mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan.
  2. Pengiklanan dalam laman web 'Yellow Pages', akhbar 'The Edge' dan akhbar Sin Chew Jit poh.
  3. Mengedarkan 'Flyer' kepada Malaysian Iron & Steel Industry Federation, MIDA, SSIC dan SIRIM.
  4. Bekerjasama dengan pihak SSIC bagi mempromosikan kawasan industri zurah kepada pelabur yang berminat.
  5. Kawasan ini juga turut dipromosikan sewaktu lawatan-lawatan teknikal pelaburan ke luar negara yang dianjurkan oleh MIDA dan SSIC.

Walaupun secara dasarnya masih tidak banyak pembangunan yang dilakukan di kawasan industri Zurah, namun lot-lot industri yang sedia ada telah habis dijual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PENGANGKUTAN AWAM**

208. Manifesto PRU-13 Pakatan bercadang menyediakan pengangkutan awam percuma dan mesra pengguna seperti bas di kawasan bandar seperti Shah Alam, Petaling Jaya dan Kajang

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan negeri terhadap cadangan tersebut?
- b) Bagaimanakah sumber kewangan untuk menampung kos diperlukan?

**JAWAPAN:**

- a) Perancangan Kerajaan Negeri ialah kini semua PBT telah diberi tempoh selama dua (2) bulan iaitu sehingga Ogos 2013 bagi menyediakan rangka kerja cadangan perkhidmatan pengangkutan awam percuma. Namun, sejak tahun 2008, MBPJ merupakan PBT yang pertama menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang.
- b) Kerajaan Negeri sedang mengkaji sumber kewangan bagi melaksanakan pengangkutan awam percuma kerana kos pelaksanaannya amat tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh mengemukakan cadangan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) berkaitan peruntukan operator bas iaitu ***Interim Stage Bus Support Fund*** atau ***ISBSF*** bagi menampung kos pelaksanaan bas percuma di kawasan bandar-bandar utama negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : SISTEM SALIRAN DAN MASALAH HAKISAN**

209. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan untuk kerja-kerja menyelenggara sistem saliran dan perparitan di Dun Sekinchan sejak 3 tahun yang lalu ?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah yang digunapakai oleh kerajaan dalam usaha mencegah masalah hakisan yang berlaku tebing-tebing parit dan longkang ?
- c) Sila nyatakan bilakah pihak Kerajaan akan menjalankan kerja-kerja menaiktaraf dan membina tebing konkrit longkang Parit 6 Sekinchan yang sering dilanda masalah hakisan tebing yang kritikal ?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya, pihak JPS membelanjakan lebih kurang RM500,000 hingga RM600,000 setahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan bagi kawasan Sekinchan dan Sg. Leman.
- b) Hakisan tebing parit dapat dikawal dengan mengguna pakai struktur seperti kayu bakau dan batang kelapa. Walaubagaimanapun, kaedah penggunaan struktur yang lebih kukuh seperti 'gabion' dan 'geobag' akan digunapakai mengikut kesesuaian keadaan tanah dan tempat.
- c) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor mengambil serius terhadap masalah hakisan tebing yang berlaku di Parit 6 Sekinchan. Justeru itu, memandangkan hakisan tebing tersebut semakin kritikal, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Kuala Selangor sedang mengambil langkah-langkah penyelenggaraan terhadap isu hakisan tersebut dengan mengadakan kerja-kerja penstabilan tebing parit bergantung kepada peruntukan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: RUMAH PPRT & RUMAH MAMPU MILIK**

210. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rakyat yang dikategorikan layak menerima rumah PPRT di Selangor ?
  
- B) Berapakah harga rumah mampu milik yang di uar-uarkan?

**JAWAPAN :**

- a) Dijawab oleh Sektor
  
- b) Sasaran penyediaan Rumah Mampu Milik adalah khusus untuk golongan yang berpendapatan sederhana iaitu diantara RM2,500 hingga RM8,000 sebulan. Oleh itu, harga rumah mampu milik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri adalah dalam lingkungan RM85,000.00 hingga RM250,000 seunit bergantung kepada saiz dan juga jenis kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PEKEBUN KECIL KELAPA**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan bilangan petani, pekebun kecil yang terlibat dalam aktiviti tanaman kelapa mengikut daerah di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan tersebut ?

**JAWAPAN :**

- a) Senarai petani dan pekebun kecil yang terlibat dalam aktiviti tanaman kelapa mengikut daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PESERTA</b>	<b>KELUASAN (HA)</b>
GOMBAK	2	10.0
HULU LANGAT	10	1.0
HULU SELANGOR	1	3.2
KLANG	520	504.0
KUALA LANGAT	3,865	652.0
KUALA SELANGOR	256	338.9
PETALING	0	0.0
SABAK BERNAM	3,281	7,939.3
SEPANG	57	4.0
<b>JUMLAH</b>	<b>7,992</b>	<b>9,326.98</b>

- b) Kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM300,000 pada tahun ini untuk pembangunan projek kelapa. Terdapat dua kategori tanaman yang dibantu iaitu kategori tanam semula kelapa dan juga kategori pemulihan projek kelapa sedia ada. Bantuan dan skop projek yang diberikan adalah seperti berikut:

Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
<b>(i) Penanaman Semula Kelapa</b>	
RM 12,500.00	Tahun pertama : membiayai aktiviti penebangan, pembersihan kawasan, membina sistem perparitan, menambak tanah antara 2 parit (cambering), pagar, jalan ladang, input tanaman kelapa, input tanaman integrasi serta kos tenaga.
RM 2,500.00	Tahun kedua, ketiga dan keempat : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai, input tanaman integrasi serta tenaga buruh
<b>(ii) Pemulihan Kawasan Kelapa</b>	
RM 2,500.00	Tahun pertama : benih kelapa sulaman, baja racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.
RM 1,500.00	Tahun kedua dan ketiga : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PERHUBUNGAN AWAM NEGERI SELANGOR**

212. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosi program kerajaan dan meningkatkan imej Kerajaan Negeri Selangor? Sila berikan butir-butir.
- b) Apakah jumlah bajet iklan dan promosi? Nyatakan pecahan.

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu (HBPB) dua kali setahun sebagai salah satu '*platform*' untuk mempromosikan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap jabatan atau agensi.

Kaunter Program MES juga telah dibuka di perkarangan jabatan-jabatan/ agensi di bawah Kerajaan Negeri yang terpilih di samping mengedarkan risalah-risalah berkaitan dengan Program MES.

Mempromosikan Program MES di billboard di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- b) Bajet adalah berdasarkan kelulusan peruntukan setiap tahun mengikut Jabatan masing-masing.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: LAMPU, JALAN DI JALAN HAJI ABDUL MANAN, KAPAR KLANG**

213. Jalan Haji Abdul Manan yang menghubungkan jalan utama Kapar ke Klang dan Meru ke Klang telah menjadi jalan utama yang sangat penting :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor akan menaik taraf jalan tersebut menjadi jalan utama Kerajaan Negeri ?
- b) Oleh kerana jalan tersebut telah menjadi laluan utama lalu lintas, bilakah kerajaan Negeri Selangor akan memasang lampu-lampu jalan di sepanjang laluan tersebut ?

**JAWAPAN :**

- a) Jalan Haji Abdul Manan, Kapar Klang adalah dibawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya.